



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 25

Rabu

26 Ogos 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020	(Halaman 123)
Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020	(Halaman 163)
Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020	(Halaman 172)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 26 Ogos 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:-

- (a) status yuran pengajian semester institusi pengajian tinggi (IPT) bagi penuntut IPTA dan IPTS yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai inisiatif berkaitan sistem pembelajaran *online* pelajar IPT yang tinggal di luar bandar dan memerlukan capaian Internet.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Beaufort. Yang Berhormat Beaufort bangkitkan dua perkara dalam soalan ini. Pertama, tentang kedudukan yuran IPTA dan IPTS yang terkesan dengan COVID-19. Kedua, apakah inisiatif-inisiatif Kementerian terhadap kekangan pembelajaran atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali struktur yuran pengajian di institut pengajian tinggi masih kekal sama. Ya, masih kekal sama walaupun dalam situasi pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa prihatin terhadap maklum balas daripada pelajar, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan supaya yuran-yuran di universiti awam dapat dikurangkan dalam usaha membantu meringankan beban kewangan pelajar dan ibu bapa akibat penularan wabak COVID-19.

Dalam hal ini KPT telah mengadakan rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia bagi mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung perkara ini. Hasil daripada rundingan tersebut, kerajaan bersetuju mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran perkhidmatan ataupun aktiviti universiti awam (UA) sehingga 15 peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan dan juga universiti awam. Pengurangan yuran bagi semester kedua sesi akademik 2019 dan 2020 untuk pelajar warganegara Malaysia ini melibatkan

peruntukan sebanyak RM72 juta dan seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan ini.

Pengurangan yuran ini adalah tambahan kepada bantuan-bantuan lain yang telah diberikan kepada pelajar sebelum ini seperti:-

- (i) pertama, bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 kepada setiap pelajar IPT di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) melibatkan peruntukan sebanyak RM168,292,800 atau RM168.3 juta yang memberikan manfaat kepada 841,464 pelajar;
- (ii) peruntukan sebanyak RM52.2 juta disalurkan kepada lebih 82,000 pelajar yang berada di dalam kampus masa tempoh PKP bagi penyediaan makanan mereka; dan
- (iii) penghantaran pulang seramai 57,565 pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM17.4 juta.

Seterusnya, peminjam PTPTN pula telah diberi penangguhan bayaran balik pinjaman selama enam bulan bermula pada 16 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020. Inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada 1.5 juta peminjam dengan jumlah bayaran balik yang ditangguhkan sebanyak RM750 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, IPTS turut memberi perhatian dan mempertimbangkan mengenai yuran pelajar. Walau bagaimanapun, perlu dimaklumkan juga yang IPTS diuruskan oleh syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan didaftarkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia [Akta 777]. Semasa krisis pandemik COVID-19, IPTS amat terkesan akibat penutupan dan ketiadaan pelajar terutamanya pelajar antarabangsa.

Sungguhpun pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian atau *remote learning*, IPTS masih meneruskan pengoperasian seperti biasa terutamanya dalam memastikan infrastruktur PdP atas talian ditambah baik, penyelenggaraan institusi seperti bil utiliti dibayar seperti biasa, kos penyelenggaraan asrama pelajar dan kemudahan-kemudahan PdP di selenggara seperti biasa.

Bagi IPTS yang tiada infrastruktur pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ataupun *remote learning*, IPTS perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk menyediakan infrastruktur tersebut. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian maklum bahawa faktor infrastruktur, pembangunan kandungan, kesediaan pensyarah dan pelajar adalah sangat penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran PdP dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kementerian mengambil berat dan komited dalam membantu pelajar yang menghadapi kesulitan menjalani PdP dalam talian terutama pelajar di luar bandar. Dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mengenal pasti capaian liputan Internet mengikut keberadaan pelajar untuk tujuan pemetaan liputan capaian Internet.

Selain itu, kementerian juga telah memanjangkan 871 maklumat lokasi kemudahan pusat Internet di bawah seliaan SKMM kepada UA. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kemudahan ini boleh diakses oleh semua pelajar di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak secara percuma.

■1010

Kementerian juga telah menggalakkan pelajar untuk mengakses internet melalui *Eduroam* yang sedia ada di kampus universiti awam yang berdekatan semasa berada di luar kampus. Sementara itu juga, telah dicadangkan bahawa infrastruktur dan *infrastructure* ICT di universiti awam atau institusi berdekatan boleh digunakan oleh pelajar dan pensyarah termasuk studio produksi dan penyuntingan video ataupun audio. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian dan kerajaan yang begitu prihatin menyediakan pelbagai bantuan dan usaha untuk memastikan pelajar-pelajar kita walaupun di dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, masih dapat meneruskan pembelajaran mereka dan yuran mereka juga telah diturunkan sebanyak 15 peratus. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya, tadi disebutkan tentang IPTA, adakah pengurangan juga diberikan kepada pelajar-pelajar di IPTS? Adakah sudah kerjasama diadakan dengan pihak IPTS untuk memastikan ini berlaku?

Kedua, memandangkan pelajar-pelajar akan kembali ke kampus pada bulan Oktober ini, saya ingin tahu apakah persediaan kementerian daripada segi SOP dan kaedah-kaedah yang akan diguna pakai untuk mengelakkan penularan COVID-19 di kampus seperti mana yang difahamkan sedang berlaku di kampus-kampus di universiti di US? Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Beaufort atas soalan tambahan yang dikemukakan. Ada dua juga.

Pertama tentang apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengurangkan yuran di IPTS. Seperti yang saya maklumkan tadi, yang IPTS dikelolakan oleh – adalah satu perbadanan dan dikelolakan oleh satu lembaga. Maka kenaikan yuran di IPTS, walaupun mereka boleh naikkan tetapi ada juga satu badan yang diwujudkan iaitu badan inspektorat untuk mengawal kenaikan yuran di IPTS.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: [Bangun]

Dato' Mansor bin Othman: Maknanya kerajaan, KPT prihatin tentang perkara itu, sentiasa mengambil maklum perkara itu dan sekiranya ada permohonan daripada IPTS, sentiasa dikaji tentang perkara itu.

Berkenaan yang kedua, berkenaan dengan SOP apabila pelajar pulang semula ke kampus, kita sentiasa mengikuti apa-apa jua arahan dan juga makluman yang terkini daripada pihak MKN dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan dengan itu, suka juga dimaklumkan yang SOP di pihak kementerian juga selepas ia diadakan *crisis centre* semasa krisis, banyak pengajaran dan pelajaran telah pun dipelajari melalui itu. Saya yakin dan *insya-*

Allah, SOP yang ditetapkan oleh MKN dan juga KKM itu sentiasa dipatuhi oleh pihak universiti yang telah memberikan kerjasama dengan baik tentang pematuhan SOP itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendapat aduan daripada sebuah keluarga B40 dari Pasir Gudang. Anaknyanya belajar di institut pengajian tinggi Indonesia, pulang ke Malaysia dua atau tiga hari yang lepas dan kena menjalani kuarantin wajib di Kuala Lumpur dan bayarannya lebih kurang RM2,000. Adakah peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membantu pelajar-pelajar yang sedemikian? Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang yang sentiasa prihatin berkenaan dengan suara akar umbi.

Secara khususnya, memang kita tidak ada peruntukan yang sedemikian rupa. Namun demikian, saya syorkan kepada Yang Berhormat Pasir Gudang kalau ada aduan yang begitu, boleh tulis surat sedikit kepada kita beri maklum untuk diambil perhatian. Ia tidak ada dasar yang khusus berkenaan dengan itu. Terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Soalan tambahan ringkas, satu?

2. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah persiapan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dalam mengembalikan tahap penilaian Federal Aviation Authority (FAA) Amerika Syarikat terhadap CAAM dari Kategori 2 ke Kategori 1 pada masa terdekat.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui satu pasukan kerja (*task force*) yang ditubuhkan telah meneliti kesemua 33 dapatan audit yang dibangkitkan oleh FAA dan merumuskan bahawa untuk memulihkan penarafan keselamatan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) daripada Kategori 2 kepada Kategori 1, tindakan-tindakan penambahbaikan secara proaktif perlu diambil oleh CAAM terutamanya dalam tiga *Critical Elements* (CE) yang saling berkait rapat iaitu CE4 kelayakan dan latihan *personal tactical*, CE6 tanggungjawab pelesenan, pensijilan, kebenaran dan kelulusan serta CE7 tanggungjawab pengawasan.

Selanjutnya daripada 33 dapatan audit tersebut, pasukan kerja telah merangka 28 pelan dan tindakan langkah-langkah pembetulan untuk pertimbangan dan pelaksanaan oleh CAAM. Antara langkah pembetulan serta pelan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) memuktamadkan dokumen perundangan baharu iaitu polisi penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kompaun Prosedur Penyiasatan dan Kesalahan Bagi Kesalahan-kesalahan yang Tidak Boleh Dikenakan Kompaun;

- (ii) membantu CAAM dalam proses pelaksanaan transformasi tadbir urus dan pengurusan daripada segi struktur organisasi dan sumber manusia, kewangan serta pendigitalan dan automasi;
- (iii) mengenal pasti dan merancang latihan-latihan kepakaran yang diperlukan oleh inspektor CAAM dengan organisasi atau institusi-institusi latihan antarabangsa supaya kelayakan inspektor CAAM dapat dipenuhi selari dengan keperluan audit IASA FAA; dan
- (iv) setelah inspektor CAAM memperoleh kelayakan dan kepakaran yang ditetapkan, tugas-tugas pengawasan dan pemberian kelulusan perlu dijalankan dengan teratur.

Kerajaan juga sedang dalam proses untuk mendapatkan khidmat nasihat dan sokongan teknikal serta kepakaran luar daripada FAA melalui satu memorandum perjanjian di antara CAAM dan FAA. Panduan dan sokongan teknikal FAA tersebut akan membantu CAAM melaksanakan langkah pembedahan kepada 33 dapatan audit tersebut secara bersasar dan selari dengan keperluan audit FAA.

Setelah tindakan-tindakan pembedahan dilengkapkan oleh CAAM, pasukan kerja akan mengaturkan penilaian semula oleh pihak FAA untuk menutup kesemua 33 dapatan audit. Kementerian Pengangkutan menasihatkan tindakan-tindakan pembedahan akan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun 2021 bagi membolehkan penarafan CAAM dipulihkan kepada Kategori 1. Sekian, terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak mengucapkan syabas kepada pasukan *task force* yang telah pun mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa segala kerja dan langkah yang perlu diambil itu dikenal pasti dan diambil tindakan. Saya yakin bahawa pasukan *task force* tersebut dengan pegawai-pegawai tertinggi dalam CAAM komited untuk memastikan negara kita terutamanya CAAM akan kembali kepada Kategori 1 dalam FAA.

Soalan saya ialah, kita tahu bahawa dapatan audit yang dikenal pasti oleh FAA antara puncanya ialah kelemahan daripada segi struktur kita, *structural weaknesses* iaitu antaranya ialah *financial sustainability* untuk CAAM. Kita amat tahu bahawa CAAM ini dia bukan merupakan satu badan berkanun yang diasingkan sepenuhnya sebelum ini.

Soalan saya adakah ataupun bilakah CAAM akan dijadikan sebagai sebuah badan berkanun yang diasingkan sepenuhnya supaya gaji kepada *air traffic controller* dan juga pegawai-pegawai teknikal dapat dipertingkatkan dan kita dapat menarik pegawai teknikal yang terbaik untuk pengangkutan di CAAM? Apakah langkah ataupun pendirian Kementerian Pengangkutan pada ketika ini berhubung dengan penggabungan antara CAAM dengan MAVCOM? Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Seremban atas soalan tersebut dan juga pendirian beliau untuk menyokong apa yang telah dilakukan oleh *task force*. Terima kasih.

Satu soalan di mana sama ada CAAM akan dijadikan sebagai badan berkanun yang diasingkan saraan. Jawapannya, ya. Kementerian sedang melihat – kita sedang berbincang dengan CAAM di mana kita mempunyai dua orang iaitu pengerusi CAAM yang baru dilantik pada 1 Jun, begitu juga dengan CEO. Dalam tempoh tiga bulan, mereka bertungkus lumus mengambil kira dapatan yang telah dibuat oleh *task force* dan salah satu perkara yang dimaksudkan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat ialah daripada segi struktur kita, daripada segi *financial sustainability*. Oleh sebab itulah memang susah sebelum ini kita hendak dapatkan inspektor untuk memeriksa juruterbang dan juga kapal terbang.

■1020

Oleh sebab daripada itulah kita perlu menjadikan ianya sebagai satu badan yang berdaya saing. Jadi, dalam *proposal* kita, dalam cadangan kita memang kita ke arah itu. Antara yang perlu kita lakukan adalah bagaimana menjadikan CAAM ini lebih *sustainable*? Salah satu saya rasa Yang Berhormat pun tahu bahawa kita bandingkan dari segi *Air Navigation Facility Charges* (ANFC) yang dikenakan berbanding dengan negara jiran, lima kali lebih tinggi daripada Malaysia. Jadi, dari situlah kalau – oleh sebab keadaan COVID-19 sekarang, kita mungkin tidak boleh anjak daripada sini tetapi perkara itu perlu dilihat dan bagaimana kita dapat melihat CAAM dari segi *financial sustainability* dan kita ke arah itu.

Saya rasa CAAM kalau kita dapat pulihkan status kita daripada kategori dua kepada kategori satu di bawah FAA salah satu perkara yang perlu kita lakukan adalah perubahan-perubahan dari segi struktur termasuklah apa Yang Berhormat katakan *financial sustainability*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Berkenaan dengan MAVCOM, *sorry*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tunggu sebentar.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Soalan kedua, Yang Berhormat kata tentang MAVCOM dan juga CAAM. Sebenarnya kementerian ini, apabila saya baru masuk kementerian ini saya telah dimaklumkan di mana ada satu keputusan Kabinet dahulu dan juga diumumkan di Dewan Rakyat supaya dapat kita mansuhkan dan kita kena *repeal* akta tersebut.

Jadi, perkara ini kita sekarang kita bagi prioriti kepada CAAM dan selepas itu kita akan melihat aspek ini. Oleh sebab, walaupun dalam keadaan peralihan ini pun kita terpaksa memastikan MAVCOM itu berjalan fungsinya. Jadi, dalam keadaan prosesnya perlu mengambil sedikit masa. Jikalau dahulu jangkaan Yang Berhormat pada penghujung tahun ini, tetapi oleh kerana COVID-19 dan sebagainya, perlu kita anjak sedikit tetapi proses rundingan dan perbincangan telah berlaku dan kita akan ke arah itu dan tertakluk kepada keputusan Kabinet.

Kita akan lakukan apa yang telah Yang Berhormat nyatakan tadi dan kita akan mengkaji sama ada perkara itu akhirnya akan diterima oleh Kabinet. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Baling, soalan tambahan kedua, 30 saat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Fakta yang ada pada saya, menurut kenyataan Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) industri penerbangan Malaysia berdepan risiko kerugian sebanyak RM4.4 bilion jika pihak berkuasa penerbangan sivil di berapa negara mengikut langkah pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA) menurunkan Malaysia kepada kategori dua dari aspek keselamatan.

Tindakan FAA ini turut mengakibatkan syarikat penerbangan Malaysia tidak dibenarkan mengembangkan penawaran perkhidmatan ke laluan sedia ada atau melancarkan laluan baharu ke Amerika Syarikat.

Jadi soalan saya, apakah punca serta sebab utama yang telah dikenal pasti oleh kementerian di bawah Yang Berhormat Menteri terhadap langkah pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA) yang menurunkan Malaysia kepada kategori dua dari aspek keselamatan serta adakah kementerian bersetuju penurunan taraf ini berpunca daripada kelemahan pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, penarafan itu diturunkan daripada kategori dua kepada kategori satu berlaku pada November tahun lalu. Lantaran itu, pada 18 November 2019 telah ditubuhkan satu pasukan petugas khas (*task force*). Antara perkara yang dibincangkan di mana menjadi tumpuan kita kepada tiga aspek. Pertama adalah dari segi *personnel licensing (Annex 1)*, *airworthiness (Annex 6)* dan *flight operation (Annex 8)* tiga aspek ini.

Jadi saya beri contoh, setelah kita kenal pasti kelemahan kita, antara perkara yang ingin saya maklumkan kepada Dewan ini sebenarnya FAA telah datang ke Malaysia pada 22 April hingga 26 April tahun lalu untuk audit kali pertama. Mereka datang semula pada 22 Julai 2019 hingga 25 Julai 2019 juga. Pada mulanya FAA ada 55 dapatan kelemahan kita dan setelah lawatan kedua tahun lalu, diturunkan kepada 33 dapatan audit dan akhirnya kita diturunkan taraf daripada kategori dua kepada kategori satu.

Memang kita mengakui ada kelemahan pada masa itu. Saya hendak memaklumkan...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Menteri, terbalik. Kategori *one to two, not two to one*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kategori satu diturun kepada kategori dua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Zaman Pakatan Harapanlah itu, betul.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ini kelemahan struktur berpuluh tahun. Jangan politikkan perkara macam ini Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, tidak mengapa, tidak mengapa. Tadi tersasul. Okey, penarafan telah diturunkan daripada kategori satu kepada kategori dua. Akan tetapi saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, tindakan sedang diambil walaupun kita ada pengerusi baharu, CEO baharu. Dalam tempoh tiga bulan, apa yang telah kita lakukan dari segi pemeriksaan kapal terbang daripada seramai 30 orang kita telah tambah hingga seramai 48 orang seperti mana yang kita perlukan.

Kedua, dari segi *flight operation*, daripada inspektor ataupun pemeriksa juruterbang daripada seramai sembilan orang, sekarang telah ditingkatkan seramai 21 orang. Itulah antara gambaran yang saya hendak beritahu. Di dalam keadaan sekarang, kita kena berwaspada supaya dalam tempoh terdekat kita kena pulangkan, kita akan dapat penarafan semula kepada kategori satu. Itu sangat penting seperti Yang Berhormat Baling katakan. Kesan kepada kita adalah nombor satu penerbangan Malaysia ini tidak ada *road* baharu di negara Amerika Syarikat, itu yang pertama.

Kedua, kita tidak boleh ada *code sharing* dengan *airlines* di Amerika Syarikat. Ketiga, apa yang produk yang kita hasilkan di Malaysia yang ada kaitan dengan penerbangan, kita hendak jual, kita akan disekat. Oleh sebab mereka anggap ini adalah negara di bawah kategori dua. Itulah yang menjadi kesannya dan kita kena memandang serius tentang perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, pertanyaan jawab lisan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas.

3. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Kewangan menyatakan status terkini Tabung Harapan dan ke manakah wang tersebut disalurkan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, akaun Amanah Tabung Harapan Malaysia telah ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun bagi menentukan penggunaan dana dalam akaun amanah tersebut mengikut tatacara yang termaktub di dalam arahan amanahnya iaitu akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah itu sahaja.

Tarikh akhir penerimaan sumbangan adalah pada 14 Januari 2019 di mana baki akhir yang direkodkan oleh akaun amanah Tabung Harapan Malaysia adalah sebanyak RM202,716,775.10 manakala sehingga 1 Disember 2019 dana Tabung Harapan Malaysia telah berjumlah sebanyak RM205,491,219.36 termasuk kesemua faedah yang diperolehi dan telah digunakan untuk melunaskan sebahagian daripada hutang 1MDB. *[Tepuk]*

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan nama-nama penderma di kalangan syarikat kepada tabung ini agar tiada konflik *of interest* (kepentingan) dengan 101 rundingan terus RM6.61 bilion yang didedahkan baru-baru ini. *[Dewan riuh]* Kita juga mahu tahu...

Seorang Ahli: Soalan bodohlah.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: ...Adakah syarikat ini dikecualikan dan...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Soalan bodohlah ini.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: ...Pembayaran cukainya dan bersama-sama dengan pendedahan itu, adakah kerajaan juga bersedia secepat mungkin mendedahkan syarikat yang mendapat projek rundingan terus RM6.61 bilion ini? Ini kerana kita dengar banyak *rumors* di kalangan netizen, Eric Homes, Sandakan lah macam-macam lah. Sila Yang Berhormat Menteri. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, sila satu minit.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Panas macam ulat bulu semua.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas di atas soalan tadi. Saya ingin memaklumkan di sini selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan juga *Financial Services Act 2013* yang dahulu kita namakan sebagai BAFIA. Segala maklumat dan rekod penyumbang kepada Tabung Harapan yang diterima oleh Maybank tidak dapat dihebahkan.

Berkaitan dengan cukai yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa semua penyumbang yang menyumbang kepada Tabung Harapan, mereka boleh memohon untuk pengecualian cukai dan mereka yang memohon itu adalah terpulang kepada syarikat itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Hulu Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, 30 saat.

■1030

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 30 saat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*. Terima kasih juga sahabat saya Yang Berhormat Kudat yang memberikan jawapan dengan penuh tanggungjawab yang sekali gus menjelaskan bahawa Tabung Harapan diurus dengan begitu cekap dan sangat telus. *Alhamdulillah*. Moga-moga Yang Berhormat Pasir Mas dapat tolong terang kepada orang kampung, tidak ada secebis pun penyelewengan dalam tabung ini.

Soalan tambahan saya. Ketika Tabung Harapan ada cerita tentang tanggungjawab dan ketelusan bagi menangani masalah skandal 1MDB, cerita kleptokrat, apakah kementerian bersedia juga mengamalkan prinsip tanggungjawab dan ketelusan untuk dalam masa terdekat

ini mendedahkan kesemua senarai 101 syarikat yang mendapat kontrak secara runding terus, boleh jadi dalam tempoh 24 jam? Ini kerana dengan seluruh kekuatan prasarana Menteri Kewangan dan kementerian, saya fikir itu persoalan gampang yang boleh diuruskan. Kalau benar ada prinsip tanggungjawab, ketelusan dan pertanggungjawaban. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih sahabat saya. Soalan berkaitan dengan runding terus itu tidaklah berkaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan asas.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: ...Apa yang telah dibangkitkan iaitu berkaitan dengan Tabung Harapan. Bagaimanapun, perkara itu sebenarnya pada pandangan saya ialah runding terus itu sesuatu yang memang dibenarkan dalam kaedah perolehan kita. Cumanya ialah kerana Pakatan Harapan telah memasukkan dalam manifestonya untuk memastikan bahawa tidak ada runding terus lagi dan mereka mencanangkan tentang...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janji dicapati. Manifesto janji dicapati.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Isu manifesto, isu manifesto. Manifesto Pakatan Harapan tidak ada runding terus.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Waktu lompat dahulu tidak baca kah?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Dan mereka juga kononnya mengamalkan CAT ataupun *clean accountability* dan juga *transparency* tetapi nampaknya dalam isu ini tidak ada begitu kelihatan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Soalan tambahan. Satu sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, saya tidak benarkan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Soalan tambahan mengenai *Great Eastern* boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dijemput Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Kalau jadi penembak tepat,
Jangan pula tertembak sendiri,
Soalan saya nombor empat,
Jangan pukul kemudian lari.*

4. **Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan mengenai statistik penderaan terhadap isteri dan bagaimana kementerian menanganinya sambil mencadangkan buat pihak kerajaan merujuk Pelan Tindakan Sosial Islam yang pernah dilancarkan oleh Menteri di JPM (Agama) dalam Kerajaan Pakatan Harapan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar.

Menjawab soalan Yang Berhormat Parit Buntar, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa kes keganasan rumah tangga yang melibatkan wanita mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan (orang)
2017	4,026
2018	3,947
2019	3,435
2020 (sehingga 30 April)	930

Mangsa keganasan rumah tangga yang dilindungi dari segi undang-undang dan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga [Akta 521] yang mana selain daripada wanita, ia juga turut terpakai kepada ahli keluarga yang lain di kalangan lelaki, kanak-kanak, orang kurang upaya serta warga emas. Akta ini memperuntukkan tindakan perlindungan terhadap mangsa sama ada melalui Perintah Perlindungan Kecemasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi kes yang melibatkan keganasan berbentuk fizikal. Selain itu, mangsa juga boleh mendapatkan perlindungan melalui Perintah Perlindungan Sementara dan perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah.

Bagi memastikan keselamatan mangsa, kementerian melalui JKM menyediakan tempat selamat bagi mangsa dan pada masa yang sama bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan untuk menempatkan mangsa di rumah-rumah perlindungan.

Antara perkhidmatan lain yang turut diberikan kepada mangsa ialah khidmat kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian dengan menghubungi Talian Kasih 15999. Kementerian juga menumpukan kepada tindakan berbentuk advokasi dan pesanan khidmat masyarakat bagi mencegah pelaku keganasan ini dan turut dilakukan dengan kerjasama NGO.

Komitmen dan keseriusan kerajaan dalam menangani isu ini boleh dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga dengan keanggotaannya daripada badan kerajaan dan juga badan bukan kerajaan. Mesyuarat terkini yang telah diadakan pada 4 Jun yang lalu antara lain ialah bersetuju bahawa Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga ditambah baik agar ia dimanfaatkan bukan sahaja oleh penyedia perkhidmatan tetapi juga, yang paling penting, dijadikan rujukan oleh mangsa untuk mengetahui hak-hak mereka dan memudahkan mereka untuk mendapat akses perlindungan.

Oleh itu, Pelan Tindakan Sosial Islam juga akan dijadikan rujukan dalam menambah baik garis panduan berkenaan dan juga dalam perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti yang berkaitan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Oleh sebab pertama kali soalan saya dijawab oleh Timbalan Menteri, saya pun hendak bagi pantun dekat dia sedikit sebelum saya hendak memberikan soalan tambahan.

*Wallahu'alam bissawab,
Duduk sepadan lagi serasi,
Terima kasih kerana sudi menjawab,
Sebelah sana empuk kah kerusi.*

Itu saya punya pantun untuk saya hendak tanya soalan seterusnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalannya, Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, ya, ya. Soalan saya seterusnya... [Disampuk] Yang Berhormat Baling tidak ada kena-mengena, tolong duduk diam, Yang Berhormat Baling ya.

Soalan saya seterusnya ialah kita tahu penderaan itu berlaku, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan sahaja dari sudut fizikal. Tetapi kesan daripada penderaan itu juga, adanya ibu-ibu yang ditinggalkan, bukan ibu tunggal. Maknanya dia tidak ada *proper document*. Dia dicerai, dia ditinggalkan sama ada suami tidak bertanggungjawab ataupun mungkin di balik tirai besi, contohnya.

Maka, inilah antara aduan yang kami terima, Tuan Yang di-Pertua, untuk diberi maklum kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kriteria untuk mereka mendapat salah satu daripada program PENJANA ini adalah menjadi satu masalah kerana saya difahamkan 150,000 ditetapkan untuk mereka-mereka ini dan setakat ini hanya 25,000 sahaja yang memohon.

Cuma, soalan saya, apakah kriteria yang boleh kita mudahkan urusan mereka dari ibu-ibu tinggal ini, Yang Berhormat, yang tidak ada *proper document* dan mereka menghadapi masalah sedangkan mereka juga adalah ketua rumah di dalam keluarga mereka? Saya harap Timbalan Menteri dapat menyelesaikan isu ini kerana ia melibatkan soal kita berada dalam krisis COVID-19 sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Ya, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Tidak ada kerusi empuk. Kita sama sahaja kerusinya.

Jawapan berkaitan dengan soalan Yang Berhormat. Walaupun soalan Yang Berhormat ini menyimpang daripada soalan asal yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga tetapi ia masih berkaitan dengan masalah kesannya terutama terhadap mangsa. Jadi, sebenarnya pihak kementerian sentiasa memberi kerjasama untuk memastikan kebajikan mangsa termasuk juga bantuan-bantuan yang boleh kita berikan kepada mereka.

Berkaitan dengan masalah ibu tunggal yang disebutkan tadi, kita sentiasa memudahcarakan dengan pelbagai pendekatan terutama menggunakan penghulu ataupun pemimpin tempatan untuk mengenal pasti masalah-masalah terutama mereka yang sedang berdepan dengan kesusahan ini. *Insyah-Allah*, dengan pendekatan yang begini baik. Dan saya hendak betulkan fakta sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya sasaran kita betul 150,000 tetapi yang memohon melalui *online* ialah lebih 90,000 dan yang lengkap borangnya ialah 25,000. Sebenarnya kita sedang mengemaskinikan untuk membolehkan semua mereka yang layak menerima bantuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan kedua, saya jemput di sebelah sini. Yang Berhormat Batang Lupar, sila.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih. Soalan tambahan. Ini soalan tambahan ini begitu tepat sebab kita serius hal ini. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini soalan tambahan saya.

Adakah peningkatan jumlah panggilan dan juga aduan yang diterima oleh Talian Kasih sepanjang tempoh PKP yang lalu adalah kes-kes yang biasa ataupun kes-kes yang penderaan yang serius? Apakah persediaan yang dilakukan oleh pihak kementerian jika pandemik COVID-19 ini semakin teruk dan kerajaan terpaksa melaksanakan semula PKP? Sebab ini elok untuk kita membuat persediaan. Soalan ini bukan menyimpang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1040

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, berterima kasih di atas keprihatinan semua Ahli-ahli Yang Berhormat terutama keganasan yang melibatkan wanita-wanita ataupun isteri suri rumah. Ini kerana, kita dapati kebanyakan mangsa adalah melibatkan suri rumah. Jadi, kalau kita lihat daripada kes yang berlaku yang mana kita dapati peningkatan yang tidak ketara sangat, maknanya ada sedikit peningkatan tetapi tidaklah satu kes yang besar. Kita tengok bagaimana kes yang berlaku iaitu statistik yang dikeluarkan, sejumlah 918 kes pada 1 Januari hingga 17 Mac 2020 dan— kes ini dikeluarkan oleh pihak PDRM iaitu 1,986 kes pada 18 Mac hingga 20 Ogos 2020. Ini yang dikeluarkan oleh PDRM.

Jadi, kita dapati antara punca masalah yang berlaku musim PKP ini— antara masalah besar ialah kerana masalah kewangan dan kalau tengok di antara punca keganasan yang berlaku sebelum PKP adalah perselisihan keluarga. Jadi, kita mengharapkan *insyah-Allah* masyarakat kita dapat sama-sama kita membantu supaya isu-isu keganasan ini tidak terus berlaku dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, penting ini.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Penting, penting. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya teruskan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Minta Beaufort.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik pertanyaan seterusnya.

5. **Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan status penyelidikan dan pelaksanaan penanaman padi tiga kali setahun serta kesan kepada simpanan beras negara serta keselamatan makanan (*food security*).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sik. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan untuk *variety paddy* ke arah peningkatan intensiti penanaman serta untuk menambahkan hasil memang telah sedia dijalankan oleh MAFI dan ia menjadi satu keutamaan. Antara benih-benih padi ataupun *variety paddy* yang berhasil tinggi adalah di antaranya macam MR269, MR297, MR303 dan MR307 yang boleh menghasilkan sehingga sembilan tan ke 10 tan satu hektar.

Keduanya, ketika ini penanaman padi di Malaysia adalah dua kali ataupun dua musim setahun yang dibuat di kawasan jelapang dan hanya satu musim sahaja di buat di bukan jelapang. Akan tetapi, ada yang bukan jelapang daripada sejumlah 40 peratus daripadanya menjalankan penanaman sebanyak dua musim.

Sebenarnya satu kajian telah dijalankan oleh pihak MARDI sebanyak lima kali dalam masa dua tahun yang telah dilaksanakan di IADA Barat Laut Selangor pada tahun 2015 hingga 2017. Penemuan hasil tidak membanggakan sekali. Justeru, kementerian buat masa ini tidak mengesyorkan penanaman padi tiga musim setahun ataupun lima musim dua tahun atas sebab-sebab berikut.

Pertama, tidak memberikan peningkatan hasil kepada pesawah bahkan kalau berbanding dengan kos penanaman seperti biasa iaitu empat musim dalam dua tahun, sebaliknya kos pengeluaran kita meningkat. Jadi tidak ada manfaat.

Keduanya, serangan penyakit dan perosak sukar dikawal semasa penanaman di luar musim sedia ada. Ketiga, implikasi kewangan kepada kerajaan. Pertambahan subsidi *input* dan juga *output*.

Seterusnya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak menafikan peningkatan produktiviti daripada peningkatan intensiti penanaman berupaya untuk meningkatkan kapasiti simpanan beras negara dan juga keselamatan makanan (*food security*).

Namun demikian, kesan buruk akibat daripada kekerapan penanaman juga perlu diambil kira dan diberikan perhatian bagi memastikan kemapanan dan juga kelangsungan produktiviti kawasan penanaman di negara ini dikekalkan bagi menjamin keselamatan makanan negara untuk jangka masa panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Timbalan Menteri. Soalan tambahan pertama, sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu Sik mengucapkan tahniah dan syabas kepada MAFI atas usaha yang gigih, khususnya bahagian kawal selia padi dan beras. Hari ini dibongkar dalam Harian Metro penyeludupan beras super import yang tidak sah yang sudah pasti menjejaskan pengeluaran padi kita.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak MAFI bercadang untuk mengimport benih padi dari negara-negara pengeluaran utama padi dunia contoh seperti Thailand ataupun Vietnam yang mereka dilihat lebih ke hadapan dalam pengeluaran padi mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik. Satu soalan yang saya kata yang cukup baik sekali. Bahkan pada ketika ini, pihak kementerian telah menghasilkan beberapa *variety paddy* dalam tempoh matang awal dan juga kita yakin ia boleh dituai dalam masa 110 hari seperti MR253, MR220, MR303 dan MR307. Hasil ini tidak juga kurang daripada tujuh tan sehektar dan mencecah hingga 10 tan satu hektar.

Jadi, kalau kita hendak— apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mengimport benih daripada luar, *variety* yang telah kita hasilkan sebenarnya telah menjadikan hasil kita lebih tinggi lagi daripada benih padi yang kita import kerana kita telah buat penyelidikan. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat keadaan cuaca dan keadaan tanah adalah berlainan antara negara kita dengan negara-negara luar.

Seterusnya, kita tidak bercadang untuk mengimport benih-benih padi ataupun padi hibrid daripada luar, bahkan penyelidikan dan pembangunan *variety paddy hybrid* oleh MARDI untuk menyasarkan penghasilan *variety* yang boleh memberikan peningkatan hasil 15 peratus hingga 20 peratus daripada *variety* tempatan.

Justeru, pengimport *variety hybrid* daripada luar negara adalah tidak disyorkan untuk masa sekarang disebabkan hasil padi hibrid import yang kurang berbanding *variety paddy* tempatan dan ketahanan *variety* terhadap penyakit yang rendah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua. Sila Yang Berhormat Segambut, 30 saat.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh isu keselamatan makanan, apakah rancangan Menteri untuk memaksimumkan penggunaan semua tanah terbiar ataupun tanah rentis TNB secara skala besar di seluruh Malaysia? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Segambut. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih, Yang Berhormat. Menjadi harapan kita supaya pihak swasta untuk menyertai— Pada ketika ini kita hanya berupaya untuk mengeluarkan SSL kepada 70 peratus hingga 72 peratus sahaja.

Akan tetapi, memandangkan keadaan penggunaan tanah dalam negara kita begitu terhad dan ada juga kawasan-kawasan sawah yang sedia ada telah diguna pakai untuk tujuan yang lain dan kerajaan negeri sebenarnya pada ketika ini telah menukar syarat. Jadi, itulah satu daripada sebab kita kekurangan pengeluaran daripada yang kita harapkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Untuk soalan lisan seterusnya Yang Berhormat Labuan tidak dapat hadir.

[Soalan No. 6 – Datuk Rozman bin Isli (Labuan) tidak hadir]

7. Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah langkah-langkah alternatif pasca pandemik COVID-19 yang diambil oleh kementerian dalam usaha pemulihan industri pelancongan di Sabah.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Dr. Jeffrey Kitingan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Sepertimana kita semua sedia maklum, penularan wabak COVID-19 ini telah memberi impak negatif yang sangat luar biasa bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Bagi Malaysia, berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya telah mengumumkan pembatalan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan serta-merta.

■1050

Justeru, MOTAC telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula. Kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah memberikan dan membolehkan sektor pelancongan domestik beroperasi semula bermula 10 Jun 2020 yang lalu. Perkembangan ini membolehkan penggiat industri pelancongan aktif semula dan merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terjejas ketika timbul pelaksanaan PKP dan PKPP yang lalu. Antara tindakan kerajaan ialah memberikan insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin), Prihatin PKS Tambahan dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) telah disediakan oleh kerajaan untuk membantu pemain industri pelancongan di negeri Sabah dan seluruh negara menerusi kelangsungan aktiviti sedia ada dan menambahbaikkan produk-produk industri pelancongan.

MOTAC juga telah turut melaksanakan beberapa insentif dan inisiatif khusus bagi membantu penggiat industri secara langsung. Pada masa yang sama, kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk terus merencanakan semula pelancongan domestik dengan memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk melancong semula. Selain itu, Tourism Malaysia, agensi di bawah MOTAC mengarahkan pejabat penyeliaan atau Tourist Information Centre Sabah untuk sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah, Lembaga Pelancongan Sabah serta penggiat industri pelancongan dan negeri, ini mempercepatkan lagi

pemulihan industri di Sabah. Ini termasuklah promosi menganjurkan siri-siri *webinar* dengan menjemput para penggiat industri pelancongan bagi menjadi ahli panel.

Antara contohnya ialah Program Sembang Santai bersama penggiat industri pelancongan dan rakan media berjudul 'Kota Belud Destinasi Pelancongan Millennial' yang disiarkan secara langsung pada 7 Julai 2020 pada laman Facebook rasmi Tourism Malaysia. Juga promosi-promosi produk pelancongan negeri Sabah melalui laman media sosial dan digital melalui laman web Tourism Malaysia, dari YouTube serta media seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Promosi melalui media elektronik atau alternatif media antaranya membolehkan rangkaian radio dan rancangan TV milik RTM seperti Program Selamat Pagi Malaysia dan Sabah FM. Melalui program-program ini pemilik agensi dan pengusaha produk pelancongan di negeri Sabah diberi peluang untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan mereka serta destinasi-destinasi menarik di negeri Sabah. Menyebarkan maklumat juga mengenai produk-produk pelancongan negeri Sabah, bukan sahaja melalui TIC Sabah tetapi malah turut di seluruh Malaysia yang mempunyai 19 buah TIC. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kimanis, soalan tambahan pertama, 30 saat.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang sangat komprehensif sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu sumber yang telah pun dikeluarkan oleh PERKESO Negeri Sabah setakat Jun 2020, bahawa sebanyak 58 peratus daripada individu-individu yang kehilangan pekerjaan adalah daripada sektor pelancongan. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu golongan ini yang terjejas akibat serangan COVID-19? Pertama. Keduanya, apakah langkah-langkah kerajaan, khususnya Kementerian Pelancongan untuk membangunkan *community based tourism*, dengan izin, pelancongan berasaskan komuniti di Sabah itu, khususnya di kawasan Pantai Barat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Soalan yang pertama, mengenai isu pekerja-pekerja yang terlibat dalam industri pelancongan yang kehilangan pendapatan. Kerajaan telah memberi bantuan melalui beberapa pakej. Satu daripadanya ialah memberi subsidi upah kepada penggiat industri dan juga kepada pemandu-pemandu teksi dan juga kepada malim-malim gunung, umpamanya. Di Sabah ini, banyak malim gunung, sebanyak RM300 dan sebagainya. Bantuan lain itu adalah melalui beberapa bantuan yang lain, termasuklah tabung kewangan Pakej Tourism Funds RM1 bilion.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: [Bangun]

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: [Bangun]

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Bagi soalan yang kedua, memang banyak program yang ada untuk membantu *community based tourism* tetapi ia terlalu banyak untuk saya baca di sini. Saya akan berikan secara bertulis.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Hulu Langat, Hulu Langat.
Lima kali bangun hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu, soalan tambahan, 30 saat.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan keadaan pasca COVID-19 ini, Kerajaan Negeri Sabah memerlukan wang yang banyak dan sumber yang banyak untuk mempromosikan industri pelancongan yang begitu penting di negeri ini. So, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju untuk mengembalikan kesemua cukai pelancongan kepada negeri-negeri kerana Yang Berhormat pernah mengatakan cukai pelancongan ini *unconstitutional*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu. Seperti mana yang kita faham, di dalam semasa PKP ini isu pembayaran cukai pelancongan ini tidak ada. Sebelum ini kita telah bersetuju supaya 50 peratus daripada cukai ini dibayar balik kepada negeri Sabah. Jadi, setakat ini jangan susah, tidak ada pungutan. Jadi, tiada wang dibayar. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sedikit, sedikit Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

8. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah aplikasi-aplikasi digital yang telah pun dilancarkan oleh kerajaan semasa wabak COVID-19 untuk menjejak (*track*) virus tersebut dan keberkesannya. Nyatakan sama ada aplikasi ini selaras dengan undang-undang yang menjamin perlindungan data peribadi.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:
Terima kasih Yang Berhormat Puchong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat sejahtera. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui beberapa kementerian dan agensi telah membangunkan aplikasi Gerak Malaysia, MySejahtera dan MyTrace bagi membantu pengawasan penularan COVID-19 di dalam negara. Aplikasi Gerak Malaysia dibangunkan untuk membantu Polis Diraja Malaysia dalam menguruskan pergerakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Sehingga kini, sebanyak RM2.2 juta telah dimuat turun dan jumlah kos yang terlibat adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak industri, bukan kerajaan.

Aplikasi MySejahtera dibangunkan membantu kerajaan dalam pengawasan penularan COVID-19 dan memutuskan rantai jangkitan dan seterusnya menangani wabak COVID-19 melalui penilaian kesihatan sendiri. Sehingga 15 Julai 2020, MySejahtera telah mempunyai 15 juta pengguna dan aplikasi ini mula dibangunkan secara *corporate social responsibility*, dengan izin.

■1100

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga rakyat Malaysia, kita minta janganlah ada *apps-apps* lain sebab kita lihat ada permohonan-permohonan *apps* lain daripada negeri selain daripada MySejahtera. Biarlah hanya ada satu sahaja untuk memudahkan kerajaan. Untuk pengetahuan Dewan ini juga, MySejahtera ini *admin*-nya adalah Kementerian Kesihatan dan juga MKN, bukan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Biarlah satu kementerian sahaja yang menguruskan. Jadi, kalau ada permohonan lain, saya minta kerjasama, tidak payah buat.

Berhubung dengan penggunaan aplikasi digital yang dilancarkan oleh kerajaan seperti yang dinyatakan di atas, Jabatan Perlindungan Data Peribadi pada 29 Mei 2020 telah mengeluarkan *advisory* tatacara pengendalian bagi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi oleh premis perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Tatacara ini antara lain telah menggariskan perkara seperti berikut:

- (i) bahawa premis perniagaan hanya perlu merekodkan nama, nombor telefon, tarikh dan masa kehadiran pengunjung;
- (ii) kaedah pengumpulan data peribadi adalah tertakluk kepada premis perniagaan;
- (iii) paparan notis yang jelas mengenai tujuan pengumpulan data peribadi;
- (iv) data peribadi yang dikumpul hanya digunakan untuk tujuan pengesahan kontak selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit;
- (v) tempoh masa penyimpanan data peribadi yang dikumpul adalah sehingga enam bulan Perintah Kawalan Pergerakan dan ditamatkan dan mesti dimusnahkan dan dipadam secara kekal. Selepas sembilan bulan kita padam. Ini *confirm*; dan
- (vi) premis perniagaan perlu memastikan data peribadi yang dikumpul adalah tepat dan tidak mengelirukan.

Cuma sedikit sahaja kekeliruan. Untuk pengetahuan Dewan, kalau kita pergi premis-premis perniagaan, dia menulis suhu badan. Ini tidak wajib dan kalau dari segi— maknanya kita bahawa *advisory* yang kita buat, ini adalah salah. Jadi sekarang ini, kita ada buat amalan salah di negara kita yang mana kita menulis tentang suhu badan. Akan tetapi ini tidak boleh dilakukan kalau kita mengikut *advisory*. Ini untuk pengetahuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan pertama, sila Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memang usaha untuk kita mewujudkan aplikasi untuk kita bersama-sama mencegah wabak COVID-19 ini memang dialu-alukan. Ini satu perkara yang cukup penting. Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita kena pastikan bahawa semua data yang kita kumpul melalui aplikasi-aplikasi ini terjamin dan tidak ada sebarang kemungkinan bahawa ia akan berlaku kebocoran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan tersebut saya dengar jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti mana dikatakan bahawa aplikasi ini dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan dan juga MKN. Saya ingin hulurkan dua soalan. Satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Akta Perlindungan Data Peribadi ini terpakai kepada Kerajaan Persekutuan. Sekiranya ia tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan, apakah kesan perkara ini ataupun ketinggalan ia terpakai kepada Kerajaan Persekutuan kepada semua data yang kita kumpulkan melalui aplikasi-aplikasi ini? Sekiranya berlaku suatu kebocoran, maka tidak boleh ada tindakan yang diambil.

So, saya minta satu pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan perkara itu. Dua soalan. Adakah akta ini terpakai kepada Kerajaan Persekutuan? Sekiranya tidak, apakah kesannya kepada data-data yang dikumpulkan melalui aplikasi-aplikasi ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Puchong, kita sekarang ini di peringkat konsultasi. Maksudnya kita panggil agensi-agensi kerajaan dan juga pihak-pihak yang berkaitan untuk kita draf dari segi undang-undang baharu yang kita hendak buat, dari segi perlindungan akta peribadi ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat pun bekas Menteri Komunikasi. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini kita tidak lagi bawa ke mesyuarat sebab baru dalam peringkat konsultasi untuk kita bincang bahawa akta ini perlu atau pun tidak dari segi kita aplikasi pada kerajaan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila lihat seksyen 3 akta itu. Ada jelas, sudah ada peruntukan yang mengatakan ia tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi dalam keadaan tersebut saya tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu tetapi ini satu perkara yang sangat penting. Kalau tidak terpakai, saya minta supaya itu dilihat kerana data itu cukup penting. Kita kena pastikan ia dilindungi dan juga ada peruntukan terpakai sekiranya ada berlakunya kebocoran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Baik.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itulah saya katakan tadi, sekarang kita di peringkat konsultasi untuk kita berbincang supaya kita akan adakan pindaan akta tersebut.

Jadi maksudnya untuk keputusannya, kita serah kepada Kabinet. Maksudnya adakah kita perlu buat dari segi undang-undangnya terpakai kepada kerajaan dan sebagainya. Akan tetapi untuk secara peribadinya pihak kementerian mencadangkan kita pakai juga bagi pihak kerajaan. Ini sebab kita lihat data peribadi ini bukan sahaja data peribadi tetapi data-data kerajaan juga dicuri oleh pihak tertentu di mana kita lihat baru-baru ini pun ada dua, tiga kes yang data dan sebagainya dicuri. Kita perlu sediakan langkah-langkah yang perlu kita buat supaya selain daripada data peribadi, data-data kerajaan juga perlu kita lindungi. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua, saya jemput Yang Berhormat Jempol 30 saat.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat pertengahan Jun 2020 sebanyak RM3.7 juta rakyat Malaysia telah direkodkan mendaftar menggunakan *apps* MySejahtera sedangkan penduduk Malaysia dianggarkan 32.7 juta orang. Ini bermakna sebahagian besar masih belum memuat turun pendaftaran aplikasi tersebut.

Soalan saya, sejauh manakah sambutan dan tahap penerimaan rakyat Malaysia terhadap aplikasi MySejahtera pada masa ini. Bagaimanakah dengan penduduk luar bandar khususnya pedalaman yang mempunyai kekangan dari sudut peranti elektronik dan kemudahan internet atau lebih tepat jurang digital? Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Satu soalan yang cukup baik yang perlu kita terangkan kepada rakyat. Pertama sekali, maknanya kita galakkan bahawa rakyat ini berdaftar dengan aplikasi MySejahtera ini. Akan tetapi dilihat sekarang ini bahawa ada rakyat yang tidak tahu dan tidak berminat.

Jadi, antara langkah-langkah kerajaan, kita cuba adakan sedikit syarat. Contohnya baru-baru ini kita buat syarat siapa yang hendak ambil eWallet RM50 itu, maka dia kena daftar kepada MySejahtera. Ini adalah satu langkah yang kita cuba buat tetapi bukanlah wajib ataupun langkah-langkah ini dibuat oleh Kementerian Komunikasi, tetapi dibuat oleh eWallet sendiri, Kementerian Kewangan.

Jadi untuk menggalakkan mereka berdaftar dengan MySejahtera tetapi kalau kita lihat rakyat ini banyak kompelin. Makna tidak puas hati, pasal apa kena ini, ia tidak ada kaitan dan sebagainya. Macam-macam kompelin. Akan tetapi tujuannya adalah baik untuk kita daftarkan mereka dalam MySejahtera dan kita galakkan MySejahtera ini sahaja aplikasi yang berkaitan dengan COVID-19 ini. Jadi saya ucap terima kasih kepada pihak-pihak terutama Ahli Parlimen, tolong kempen sikit kita daftar MySejahtera. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor satu. Satu lagi.

9. Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sama ada terdapat cadangan mewujudkan Lembah Organik di Sipitang khususnya di kawasan Ulu Bul dan Long Pasia memandangkan potensi kawasan tersebut begitu menyerlah dan boleh menjadi kawasan pengeluaran tanaman kekal.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui

Jabatan Pertanian Sabah telah memulakan usaha untuk mewujudkan Lembah Organik di Sipitang yang melibatkan Kampung Long Pasia dan Kampung Long Mio.

Lembah ini memfokuskan pengeluaran padi bukit tempatan semenjak tahun 2017. Kawasan yang telah dikenal pasti adalah seluas 1,419 ekar dengan melibatkan seramai 239 orang petani. Kaedah penanaman dan pengeluaran padi tempatan yang diamalkan pada masa kini adalah secara tradisi dan ditanam secara bebas kimia. Usaha Jabatan Pertanian Daerah Sipitang ini telah disokong hingga menarik minat pengusaha-pengusaha padi yang juga padi sawah dan padi huma untuk menyertai program ini.

Sementara kawasan Ulu Bul pula adalah merupakan kawasan penanaman dan pengeluaran sayur-sayuran daun dan juga buah. Majoriti petani mengamalkan penggunaan racun perosak dalam aktiviti pertanian mereka. Jabatan Pertanian memfokuskan kepada khidmat nasihat dan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan menggalakkan mereka untuk memohon pensijilan myGAP.

Tanah seluas 500 ekar telah diluluskan oleh kerajaan untuk dibangunkan sebagai kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan dan dikenali sebagai Kundasang Kedua. Sehingga kini kawasan ini masih di peringkat kerja-kerja pengukuran tanah.

■1110

Seterusnya, bagi memastikan usaha ini tercapai di kawasan yang terlibat, Pejabat Pertanian Daerah Sipitang seharusnya memainkan peranan dengan melaksanakan pendekatan pembangunan tanaman padi secara kluster dan penerapan myGAP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan penjelasan tadi. Sejak kebelakangan ini, umum mula merasa risau dengan jaminan bekalan makanan di negara kita ini. Apatah lagi ketika kita dalam keadaan krisis, *obviously*, dengan izin, seperti baru-baru ini pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Akan tetapi, kita bukan sahaja kena risau tentang sumber makanan yang mencukupi tetapi kita kena pastikan sumber makanan itu juga harus berkualiti dan organik iaitu bebas kimia, mesra alam dan mungkin yang paling penting ialah ia perlu dibuat menerusi ekosistem yang lestari.

Soalan saya pada hari ini ialah apakah inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh MAFI dalam usaha untuk memastikan golongan sasaran atau petani organik di bawah kementerian mendapat pensijilan myGAP dan myOrganic? Apakah juga perancangan MAFI untuk membantu jabatan pertanian mungkin di negeri untuk memastikan yang sistem tanaman organik ini dapat diperhebatkan lagi di antara petani-petani yang B40 ini dari segi persediaan baja organik domestik yang mencukupi? Ini kerana kita tidak mahu juga bergantung dengan baja organik yang diimport dari luar negara. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Adalah menjadi hasrat kerajaan dan juga MAFI untuk memastikan supaya kita dapat menambahkan lagi kawasan-kawasan penanaman organik yang sebenarnya mendapat permintaan yang begitu tinggi pada ketika ini. Walaupun kos pengeluarannya adalah meningkat ataupun tinggi dan

penghasilannya tidak begitu banyak berbanding dengan secara konvensional tetapi ia akan mendapatkan harga yang lebih tinggi lagi. Ini kerana apa juga produk-produk daripada bahan organik sama ada padi, buah-buahan atau sayur-sayuran adalah untuk *niche* market ataupun *export oriented*.

Keduanya, kerajaan memberikan banyak bantuan untuk mereka yang dalam kawasan organik ini, myOrganic. Selain daripada penyediaan infrastruktur asas seperti tempat baja, tempat simpan racun, kita bekalkan baja kompos, pembersihan kawasan, bahan input serta jentera yang berjumlah RM15,000 setiap hektar.

Ada juga perancangan kementerian supaya kita dapat menggunakan sistem organik dan menggunakan baja organik seperti, pertamanya, program promosi untuk meningkatkan kesedaran di kalangan petani, pengusaha dan juga pengguna tentang kebaikan hasil pertanian daripada kawasan organik ini. Jadi, kita juga mahu menarik lebih ramai lagi generasi muda untuk menceburi bidang pertanian organik melalui program pembangunan kapasiti kepada bakal petani dan juga pengeluar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua— Yang Berhormat tadi ada bertanya tentang apakah guna dan faedahnya untuk kita mendapatkan sijil myGAP. Sebenarnya myGAP adalah satu pensijilan yang dikeluarkan oleh MAFI sebagai program pensijilan mengiktiraf ladang-ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik dalam aktiviti pertanian di ladang masing-masing, penggunaan racun dan baja mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian dan seterusnya pertanian secara konvensional.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Durian Musang King yang kita eksport ke China itu sebenarnya mempunyai sijil myGAP. Ini kerana selain daripada mereka mematuhi apa juga syarat-syarat yang diperlukan oleh kementerian, daripada MAFI, ia bukan sahaja diperiksa bahkan disahkan bahawa barangan dan produk yang dieksport ini menepati myGAP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Durian Musang King merupakan salah satu produk yang mengharumkan nama negara kita. Soalan saya, apakah usaha kerajaan untuk membangunkan penanaman Durian Musang King secara organik supaya memastikan mutunya dikawal dan juga terus dikekalkan?

Pada masa yang sama, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kawasan tanaman Durian Musang King di Raub, ratusan pekebun-pekebun penanam durian telah pun menghadapi masalah pengusiran. Seheinggakan mereka meracun pokok mereka untuk menghalang syarikat konsesi Royal Pahang Durian Produce Sdn. Bhd. untuk mendapatkan hasil tanaman mereka.

Apakah pendirian kementerian untuk memastikan masalah ini selesai secara *win-win* dan untuk menjaga, membela kebajikan pekebun-pekebun yang telah pun susah payah bercucuk tanam di sana, ada yang lebih 40 tahun? Ini kerana syarikat tersebut yang diberikan konsesi— saya mengikut carian rasmi daripada SSM menunjukkan syarikat tersebut telah pun hanya mempunyai modal RM1 juta tapi rugi beribu-ribu, dekat RM2.7 juta. *Revenue*-nya RM720 sahaja.

Akan tetapi, bagaimanakah konsesi diberikan kepada sebuah syarikat yang mengalami kerugian teruk dan tanpa sebarang tender terbuka? Saya minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah menjadi hasrat kerajaan dan juga MAFI untuk menggalakkan penanaman apa jua produk, padi, buah-buahan dan sayur-sayuran daripada organik. Selain daripada kita ada pensijilan, bahkan kita pastikan supaya produk mereka mendapat pasaran yang terbaik.

Keduanya, soalan Yang Berhormat tentang masalah konsesi yang dihadapi oleh penanam-penanam Durian Musang King. Ini adalah masalah kerajaan negeri yang tidak ada hubung kait dengan MAFI. MAFI akan membantu mereka bukan sahaja daripada khidmat nasihat, bimbingan bahkan daripada segi input dan infrastruktur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang keberkesanan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA).

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk meningkatkan akses dan kesaksamaan pendidikan bagi kumpulan murid yang meminati bidang kemahiran pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) dan mereka yang tidak cenderung dalam bidang akademik. Antara program yang disediakan adalah program TVET di sekolah menengah kebangsaan iaitu Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PVMA merupakan program kemahiran yang ditawarkan kepada murid lepasan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan tempoh program adalah selama dua tahun. Sehingga kini, terdapat 309 sekolah menengah harian menawarkan program PVMA. Selepas mengikuti program ini, murid yang layak serta kompeten akan mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2.

Berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat tentang keberkesanan PVMA. Murid PVMA mempunyai laluan untuk meneruskan pendidikan dalam bidang kemahiran ke tahap yang lebih tinggi di institut latihan kemahiran awam (ILKA) ataupun institusi latihan kemahiran swasta (ILKS). Dari tahun 2016, seramai 10,713 murid yang mengikuti PVMA telah lulus dan layak mendapat SKM Tahap 2. Bagi PVMA, murid juga berpeluang untuk menyertai industri selepas tamat pensijilan SKM Tahap 2. Keberkesanan yang ketiga ialah memberi akses kepada murid yang cenderung kepada kemahiran TVET seperti masakan, jahitan, automatif, elektrik dan reka bentuk dalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) pula adalah alternatif akses murid kepada TVET.

■1120

Program ini menyediakan alternatif pembelajaran kepada murid sekolah harian yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej vokasional kerana tempat yang sangat terhad. Pelaksanaan program PIMA juga bertujuan untuk mengatasi masalah keciciran murid dari peringkat menengah atas. PIMA menggunakan mod latihan perantisan yang menetapkan 60 peratus masa pembelajaran di industri dan 40 peratus masa untuk pembelajaran akademik di sekolah. Tempoh program adalah selama dua tahun. Setelah tamat mengikuti program, murid akan memperoleh SPM dan pernyataan mata pelajaran aliran kemahiran impak iaitu sijil perakuan latihan yang dikeluarkan oleh pihak industri.

Melalui program ini, KPM akan dapat melahirkan modal insan yang berkemahiran dan bersedia menyertai pasaran kerja. Program rintis PIMA telah dilaksanakan pada tahun 2017 di SMK Bukit Rahman Putra, Selangor dan pada tahun 2018, program PIMA telah diperluas di 124 buah sekolah di seluruh negara kecuali Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Berkaitan pertanyaan Yang Berhormat tentang keberkesanan pelaksanaan PIMA adalah seperti berikut. Kita dapat mempertingkatkan lagi pendidikan vokasional bagi menjayakan transformasi TVET serta memberi semangat besar kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) enrolmen pendidikan vokasional; mengembangkan kemahiran kepada murid yang tidak cenderung kepada akademik dan berminat kepada bidang TVET seperti terapis SPA, automatif, pendingin hawa dan penyejukbekuan, bakeri dan peruncitan; memberi peluang kepada murid mengaplikasikan teori dan ilmu yang telah dipelajari di industri ke dalam dunia pekerjaan yang sebenar; murid dapat menyokong keluarga dengan kemahiran yang diperoleh untuk menyara keluarga.

Secara keseluruhannya, prestasi murid yang mengikuti program PIMA adalah sangat baik. Kohort pertama lepasan program PIMA pada tahun 2018 telah diambil bekerja di industri di tempat mereka menjalani latihan industri. Bagi kohort kedua PIMA pula, seramai 786 murid daripada 1,128 murid telah berjaya menamatkan program PIMA. Daripada jumlah tersebut, 80 peratus telah berjaya diserap bekerja di tempat mereka menjalani latihan industri dan 20 peratus lagi bekerja dengan industri yang lain.

Oleh yang demikian, pelaksanaan program PVMA dan PIMA didapati memberi peluang kepada murid yang tidak cenderung dalam bidang akademik untuk mengembangkan potensi diri dalam bidang vokasional. PVMA dan PIMA juga dapat menyediakan kemahiran vokasional...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Panjang jawabannya.

Tuan Muslimin bin Yahaya: ...Bagi murid yang tidak berpeluang memasuki kolej vokasional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jawapan bertulislah.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sungai Besar. Pertama sekali bagi Setiawangsa, program PIMA dan PVMA ini adalah satu program yang baik selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperluaskan program TVET di seluruh negara. Di kawasan Setiawangsa sendiri, misalnya di SMK Tinggi Setapak (*Setapak High School*) ada program PIMA untuk penyelenggaraan kereta dan juga pembuatan piuter di Royal Selangor Pewter dan juga di sekolah-sekolah lain juga ada program masakan dan sebagainya, juga di Parlimen Setiawangsa.

Cuma persoalannya, adakah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran di kementerian menjalani *tracer* sebagaimana yang dibuat? Saya dengar tadi beberapa statistik, tetapi kita perlu satu *tracer* yang mendalam untuk menilai keberkesanan program PIMA dan PVMA ini secara serius untuk melihat perbandingan antara mereka yang tercicir daripada program PIMA dan PVMA dan mereka yang dengan izin, *completed* ataupun dapat melengkapkan program tersebut sehingga ke hujung. Ini sebab apa yang saya terima apabila saya turun berbincang dengan guru dan pelajar-pelajar program ini, kita dapat aduan bahawa ada di kalangan pelajar-pelajar ini yang misalnya, kehadiran sama ada di peringkat akademik mahupun di peringkat kalau di PIMA itu, di peringkat perantisan industri itu sangat lemah sehingga menimbulkan aduan daripada pihak sekolah dan juga daripada pihak industri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Jadi, apakah jawapan daripada pihak kementerian?

Tuan Muslimin bin Yahaya: Terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Setiawangsa. Memang, dalam program PIMA dan PVMA yang pertama kita adalah hendak mengelakkan daripada keciciran ataupun masalah ponteng dan sebagainya. Kita tahu dalam proses ini, dalam proses pembentukan manusia itu, ada tujuh jenis manusia yang kita nak lahirkan. Satu, manusia *doer*. Manusia *doer* ialah manusia yang merintis kepada kemahiran, kemahiran tangan. Kedua, manusia *thinker* yang kita tahu memang berkeupayaan dalam bidang akademik.

Jadi untuk manusia *doer*, di peringkat Kementerian Pendidikan, ada dua program yang telah kita sediakan selain daripada program di kolej vokasional yang hanya terhad kepada 13,000 orang sahaja dan selebihnya yang kita tahu, mereka yang tidak berminat dalam bidang akademik. Kita berikan mereka peluang untuk mereka memiliki kemahiran ataupun membina bakat, membina kecenderungan dan membina minat. Kita yakin dengan apa yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan, dari soal keberkesanan kalau andai kata setiap daripada apa yang kita laksanakan ini kita memberi fokus yang terbaik, *insya-Allah* kita yakin program ini akan mencipta kejayaan yang sangat baik.

Jadi untuk yang selain daripada itu, kita tahu dalam pembentukan manusia ini, kita ada banyak bidang pekerjaan Yang Berhormat Setiawangsa. Ada bidang *investigative*, ada bidang realistik, ada bidang artistik, ada bidang sosial, ada bidang konvensional, ada bidang *enterprising* dan kita tahu – Daripada enam bidang kerja ini kita gabungkan supaya pelajar-pelajar yang kita

tahu tidak minat dalam bidang akademik, mereka memiliki kemahiran dan mereka keluar nanti, boleh memasarkan kemahiran yang mereka ada dan mereka boleh memperoleh sumber pendapatan untuk menjana ataupun menjana pendapatan untuk kehidupan mereka. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian menumpukan juga selain daripada kemahiran yang dilatih? Menumpukan kepada kursus keusahawanan, perdagangan, perniagaan dan pengurusan. Pengurusan ini ada banyak cabang. Pengurusan pemasaran, pengurusan perakaunan, pengurusan sumber manusia, pengurusan pengeluaran. Selain daripada kursus-kursus yang mereka jalani seperti automatif, elektrik, kejuruteraan landskap, komputer, jurubina, perabot, kimpalan, mekanik, hospitaliti, pakaian dan lain-lain itu, cadangannya ialah adakah kementerian menumpukan di samping memberi kemahiran supaya lepas mereka mahir, mereka boleh menjadi usahawan. Terima kasih.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Pontian. Di peringkat Kementerian Pendidikan, kita memberikan segala sumber yang ada untuk memberi mereka memiliki kemahiran. Selepas daripada itu, selepas tempoh dua tahun, mereka ada pilihan sama ada mereka masuk ke institut latihan kemahiran awam ataupun swasta dan di situ mereka membina bakat, kecenderungan dan minat mereka dalam bidang apa yang mereka suka sama ada bidang keusahawanan ataupun dalam bidang pekerjaan yang lain ataupun mungkin menawarkan kebolehan kemahiran diri sendiri dan sebagainya, itu terpulang kepada mereka.

Akan tetapi di peringkat kita, di peringkat Kementerian Pendidikan, kita memberi lorong kepada mereka. Lebih kurang dalam 60,000 pelajar SPM – Saya suka ingin berkongsilah, daripada setiap kohort, contoh dia tahun 2019, 337,773 pelajar SPM. Akan tetapi yang tidak layak mendapat SPM, maknanya tidak dapat sijil, yang tidak lulus Bahasa Melayu dan Sejarah contohnya, adalah sebanyak 51,725 pelajar. Bilangan itu cukup besar. Jadi, Kementerian Pendidikan melihat bahawa mereka perlu diberi latihan, mereka perlu diberi kemahiran dan mereka perlu diberi lorong yang lebih luas supaya mereka boleh mencari alternatif kepada bakat kecenderungan dan minat mereka dalam bidang yang mereka suka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua satu lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada satu minit lagi sebelum 11.30...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ha, satu lagi yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Soalan tambahan ketiga, satu sahaja saya jemput Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ya, Simpang Renggam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu sahaja, 30 saat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: 30 saat, okey. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah di sana usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meluaskan lagi program PVMA dan juga PIMA untuk murid-murid berkeperluan khas ataupun anak-anak OKU? Kita tahu adanya kolej vokasional untuk mereka seperti mana yang ada di Kulai dan juga beberapa program di kolej komuniti. Akan tetapi, apakah usaha selepas ini Kementerian Pendidikan Malaysia untuk murid-murid berkeperluan khas ini di dalam program PVMA dan juga PIMA ataupun ada program lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Simpang Renggam. Berkaitan dengan kemahiran-kemahiran untuk mereka yang berkeperluan khas, kita di peringkat Kementerian Pendidikan memang memandang bahawa pelajar-pelajar berkeperluan khas perlu dididik yang pertama, untuk berdikari bila mereka keluar dari institusi pendidikan. Kita di peringkat Kementerian Pendidikan, di peringkat proses pembelajaran mereka di PPKI, di pusat pendidikan khas, memang diajar tentang kemahiran-kemahiran tertentu, tetapi mungkin tidak sampai kepada industri dan sebagainya.

■1130

Walau bagaimanapun, kita *insya-Allah* akan terus memberi perhatian kepada anak-anak berkeperluan khas kerana objektif kita yang pertama adalah mendidik mereka berdikari selepas mereka keluar daripada institusi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, *standing order*, Pasir Gudang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Peraturan 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hari Isnin yang lalu, saya telah menghantar suatu notis bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) berkaitan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Yang Berhormat Kuala Nerus yang didapati melanggar perintah wajib kuarantin. Pada pagi ini saya baru sahaja menerima jawapan bertulis daripada Tuan Yang di-Pertua yang menolak usul saya itu.

Namun begitu, saya merayu dan memohon rayuan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana kes ini penting dapat apalah kiranya usul saya ini dibenarkan dibahas di Dewan yang mulia ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya juga merujuk kepada surat jawapan kepada Yang Berhormat Pasir Gudang. Keputusannya memang

ditolak tetapi jika ingin membuat rayuan saya gunakan Peraturan Mesyuarat 43 untuk membuat usul di bawah Peraturan 43. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Boleh dibacakan usul itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jawapan, bukan usul makna jawapan telah – keputusan 43 adalah muktamad dan jika sekiranya ingin maka kena gunakan Peraturan 43 untuk buat surat kepada pejabat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Usul Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan DR. 3/2020, Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 dan DR. 8/2020, Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020, DR. 9/2020, Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 dan DR. 10/2020, Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 di No. 1, 2, 3 dan 4 seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 27 Ogos 2020”.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada yang menyokong?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62**

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik DR. 42/2019 Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 dan juga DR. 25/2019 Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 seperti yang tertera di No. 6 dan No. 7 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS
TATAKELAKUKAN POLIS 2020****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis sebagai suatu badan pemantau bebas dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya, termasuklah kuasa bagi perkara yang berhubungan dengan aduan salah laku dan penyiasatannya, dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.36 pg.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau Akta 333 telah mula berkuat kuasa mulai tahun 1987. Objektif utama Akta 333 adalah bertujuan untuk menyediakan suatu persekitaran pemanduan dan pengedaran lalu lintas yang seragam, selamat dan efisien di atas jalan raya. Perkara ini dicapai menerusi aspek pengawalseliaan dan penetapan peraturan-peraturan berkaitan pembinaan dan penggunaan kenderaan, peraturan pendaftaran dan pelesenan kenderaan yang akan digunakan di atas jalan,

pengawalseliaan ke atas tahap kecekapan, *competency* dan pelesenan pemandu serta penetapan peraturan-peraturan jalan raya dan lalu lintas.

Kali terakhir Akta 333 dipinda adalah pada tahun 2018. Di dalam pindaan tersebut akta ini antara lain telah ditambah baik dengan memasukkan penjelasan mengenai kuasa warden lalu lintas kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertaraf Majlis Bandar raya. Selain itu, pindaan juga telah memperuntukkan kuasa dan memperjelaskan proses pembatalan pendaftaran kenderaan serta memperuntukkan kuasa kepada Menteri menetapkan fi berkaitan penggunaan cermin gelap di dalam kenderaan motor.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Berkaitan dengan aspek keselamatan di atas jalan raya, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan suatu perkara yang amat dipandang serius oleh kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Seperti umum mengetahuinya, kebelakangan ini kemalangan maut melibatkan pemandu mabuk semakin kerap berlaku dan dilaporkan di dalam media massa. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan serius dan secara holistik, ia akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai serta pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah.

Impak sesuatu kemalangan itu terutamanya yang menyebabkan kecederaan kekal atau kematian adalah amat buruk ke atas ahli keluarga atau waris mangsa yang terlibat. Selain itu, setiap kemalangan tidak kira sama ada melibatkan kecederaan atau kematian akan menimbulkan implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan sama ada menerusi kos pembaikan, kos kehilangan *efficiency* ekonomi dan kos rawatan kesihatan. Oleh yang demikian, sebagai salah satu langkah utama bagi meningkatkan kesedaran dan bagi menjadi satu bentuk pencegahan pengajaran *deterrence* kepada orang ramai, peruntukan-peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Akta 333 yang berkaitan dengan kesalahan memandu tidak mematuhi peraturan jalan raya sama ada menyebabkan kematian atau kecederaan akan dipinda. Antara lain, pindaan akan melibatkan peningkatan kadar hukuman atau penalti selain menjadikan hukuman penjara sebagai satu bentuk hukuman yang mandatori bagi kesalahan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara keseluruhannya pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 atau rang undang-undang ini akan mengandungi 15 fasal di dalamnya.

■1140

Fasal pindaan utama adalah seperti berikut; Pertama, fasal 2 yang bertujuan mengemaskinikan beberapa definisi di bawah seksyen 2, Akta 333 susulan pindaan berkaitan kesalahan pemandu mabuk serta mewujudkan definisi '*kenderaan mikromobiliti*' di dalam Akta 333. Definisi baharu ini bertujuan memperjelaskan kategori-kategori kenderaan di bawah Akta 333 selain daripada kenderaan yang telah jatuh di bawah definisi '*kenderaan motor*'.

Keperluan ini mengambil kira akan perkembangan teknologi terkini yang melahirkan kenderaan jenis pengangkutan mobiliti sendiri yang menyaksikan penggunaan yang semakin

meningkat di Malaysia. Definisi '*kenderaan mikromobiliti*' akan merangkumi semua jenis kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia atau gabungan ketiga-tiga punca kuasa dengan kadar kelajuan maksimum tidak melebihi 50 km/j. Antara lain, kenderaan mikromobiliti akan merangkumi basikal, beca, kerusi roda, *segway*, *moped* serta skuter elektrik. Dalam pindaan ini, penggunaan semua kenderaan terlibat akan dapat dikawal selia dan akan tertakluk kepada semua peraturan di bawah Akta 333 kelak.

Kedua, fasal 3 adalah bertujuan meminda seksyen 41 iaitu melibatkan kesalahan menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan. Hukuman sedia ada bagi kesalahan tersabit iaitu penjara selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM20,000, akan dipinda kepada hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM50,000.

Hukuman bagi sabitan kedua dan berikutnya akan ditetapkan kepada penjara selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak lebih daripada RM100,000. Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu juga dipinda dari tempoh tidak kurang daripada tiga tahun kepada tidak kurang lima tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua dan kemudian adalah kekal untuk tempoh 10 tahun daripada tarikh sabitan.

Ketiga, fasal 4 adalah bertujuan meminda seksyen 42 yang berkaitan dengan kesalahan memandu secara melulu dan membahayakan. Bagi seksyen ini, tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu akan dipinda dari tempoh tidak kurang daripada dua tahun kepada tempoh tidak kurang lima tahun. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua dan kemudian adalah kekal untuk tempoh selama 10 tahun daripada tarikh sabitan.

Keempat, fasal 5 adalah bertujuan meminda seksyen 43 iaitu berkaitan dengan kesalahan memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa. Bagi seksyen ini, kadar hukuman denda telah dipinda iaitu bagi sabitan pertama daripada tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak lebih daripada RM10,000 kepada tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM10,000. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM15,000. Hukuman penjara boleh juga dikenakan iaitu untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan dalam dua-dua keadaan.

Kelima, fasal 6 adalah bertujuan meminda seksyen 44 iaitu berkaitan kesalahan memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah. Bagi menjadi satu bentuk *deterrent statement*, dijelaskan hukuman ke atas perlakuan kesalahan yang serius ini, jenis hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 44 akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu bagi kes yang menyebabkan kecederaan dan kes yang menyebabkan kematian.

Sebelum ini, kadar hukuman yang diperuntukkan adalah sama bagi kedua-dua situasi iaitu dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM8,000 dan tidak lebih daripada RM20,000.

Bagi kes yang menyebabkan kematian, mana-mana orang yang telah disabitkan kali pertama, hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak lebih daripada RM100,000. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak lebih daripada RM150,000.

Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu juga dipinda dari tempoh tidak kurang daripada lima tahun kepada tempoh tidak kurang 10 tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian juga telah dipinda kepada tempoh 20 tahun daripada tarikh sabitan.

Bagi kes yang menyebabkan kecederaan pula, mana-mana orang apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM30,000 dan tidak lebih daripada RM50,000. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak lebih daripada RM100,000.

Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu juga dipinda dari tempoh tidak kurang daripada lima tahun kepada tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun dalam sabitan kali pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian adalah kekal untuk tempoh selama 10 tahun dari tarikh sabitan.

Keenam, fasal 7 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 45 iaitu berkaitan kesalahan dalam keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah.

Untuk seksyen ini, kadar hukuman sedia ada telah dipinda iaitu daripada denda tidak melebihi RM1,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan dan dalam hal sabitan kali kedua dan kemudian, denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM6,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan kepada dikenakan denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM5,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM10,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu juga dipinda kepada tempoh tidak kurang daripada dua tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian juga ditetapkan kepada tempoh tidak kurang daripada lima tahun daripada tarikh sabitan.

Ketujuh, fasal 8 adalah bertujuan meminda seksyen 45A iaitu berkaitan kesalahan memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan. Bagi seksyen 45A, hukuman penjara telah ditetapkan sebagai mandatori untuk menjadi satu bentuk pengajaran kepada orang ramai agar tidak memandu apabila telah mengambil minuman beralkohol. Hukuman sedia ada iaitu denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM6,000 dan boleh juga di penjara selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

■1150

Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM10,000 serta boleh juga dipenjarakan selama tempoh melebihi dua tahun telah dipinda kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM30,000; dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM50,000.

Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan satu lesen memandu selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, akan hilang kelayakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Fasal 9 dan fasal 10 adalah bertujuan meminda seksyen 45B berkaitan ujian nafas dan seksyen 45C berkaitan pengadaaan spesimen bagi analisa. Peruntukan di bawah seksyen 45B dan seksyen 45C adalah berkaitan dengan kewajipan serta kesalahan seseorang yang tidak memberi spesimen nafas, spesimen darah atau air kencing untuk analisa kadar kandungan dadah dan alkohol apabila disyaki memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah akan dipinda.

Bagi kedua-dua seksyen, hukuman penjara akan dijadikan sebagai mandatori bertujuan mendorong seseorang individu yang dalam siasatan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa dan tidak menghalang penjawat awam daripada menjalankan tugasnya dengan memberi sampel bagi tujuan analisa. Pindaan juga bertujuan mengelakkan ia menjadi satu *loophole* yang akan diambil kesempatan oleh individu yang akan enggan memberi spesimen kerana hukumannya adalah lebih rendah berbanding jika disabitkan kesalahan di bawah seksyen 44, 45 atau 45A.

Hukuman sedia ada bagi kedua-dua seksyen iaitu denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM6,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan; dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM10,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun telah dipinda kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM30,000; dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM50,000.

Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, akan hilang kelayakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 45G iaitu berkaitan tafsiran ke atas seksyen 44 dan 45B hingga 45F Akta 333 bertujuan menyeragamkan had kadaran alkohol di dalam darah (BAC) individu dengan kadar yang disyorkan oleh *World Health Organization (WHO)*. Had kandungan alkohol yang dibenarkan di dalam Akta 333 akan dipinda seperti berikut-

- (i) untuk had dalam nafas, dipinda daripada 34 mikrogram alkohol kepada 22 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas;
- (ii) untuk had dalam darah, dipinda daripada 80 miligram alkohol kepada 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah; dan
- (iii) untuk had dalam air kencing, dipinda daripada 107 miligram alkohol kepada 67 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 54 berkaitan dengan pemakaian kepada pengguna kenderaan mikromobiliti akan peruntukan berhubungan dengan kesalahan memandu yang tertentu di bawah Akta 333. Pindaan adalah ke atas hukuman sedia ada bagi kesalahan melanggar peraturan di bawah seksyen 41(1), 42(1), 43(1), 44(1), 44(1A), 45(1), 45(4), 45B(5) dan 45C(6) melibatkan penggunaan kenderaan mikromobiliti termasuk basikal, basikal lajak, basikal elektrik, *segway*, *mopad* dan skuter elektrik di atas jalan raya.

Pindaan hukuman bertujuan menjadi satu bentuk pengajaran dan *deterrence* kepada mana-mana penggunaan kenderaan mikromobiliti di atas jalan raya untuk mematuhi semua peraturan jalan raya. Ia juga menjadi satu bentuk peringatan kepada semua ibu bapa dan penjaga untuk memastikan anak-anak di bawah jagaan mereka sentiasa menjaga keselamatan apabila menggunakan basikal mereka bagi mengelakkan tragedi kemalangan basikal lajak yang telah menyebabkan lapan kematian kanak-kanak pada tahun 2017 untuk tidak berlaku lagi.

Hukuman sedia ada melibatkan sesuatu sabitan di bawah seksyen 41, 42, 44, 45A, 45B atau 45C iaitu denda sebanyak RM300 atau jika sabitan itu sabitan kali kedua atau kemudiannya, dikenakan denda sebanyak RM1,000 atau penjara bagi tempoh tiga bulan. Hukuman sedia ada akan dipinda kepada dikenakan denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM5,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Bagi kesalahan penggunaan kenderaan mikromobiliti melibatkan sabitan di bawah seksyen 43, denda telah dinaikkan daripada RM300 dan dalam sabitan kedua RM1,000 kepada sebanyak RM1,000 dalam semua keadaan.

Lain-lain pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus adalah merupakan pindaan bersifat editorial dan *consequential*, susulan kepada pindaan-pindaan utama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, selain daripada pindaan ke atas hukuman sedia ada, Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi utama di bawahnya

termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) akan menggiatkan aktiviti advokasi dan program pendidikan keselamatan jalan raya.

Dalam pelaksanaan program-program sebegini, saya menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuklah NGO, pengusaha premis makanan, premis hiburan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain untuk bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia. Saya percaya pelbagai program, kemudahan dan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya dengan sokongan dan penglibatan semua pihak berkepentingan ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah amat penting untuk menjayakan usaha-usaha kerajaan meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya dan menjamin kebajikan serta kesejahteraan semua rakyat Malaysia. Pindaan yang dicadangkan juga amat penting atas keperluan-keperluan semasa terutama dalam mendidik dan mengubah sikap semua pengguna di atas jalan raya. Ia akan menyumbang kepada melengkapkan keseluruhan strategi kementerian dalam meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya di seluruh negara.

■1200

Saya ingin buat sedikit pembedahan terhadap apa yang saya baca. Saya tadi kata 80 miligram. Dalam muka surat ini, untuk had dalam darah, dipinda daripada 80 miligram alkohol kepada 50 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah. Saya dengan rendah diri memohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini demi kesejahteraan dan kemakmuran hidup semua rakyat tanpa mengira perbezaan latar belakang atau anutan ideologi politik. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Seperti mana biasa, saya telah mendapat senarai pembahas semuanya. Kita akan mulakan di sebelah sini dan kemudian di sebelah sini. Pembahas utama di sebelah sini dan sini saya akan beri 15 minit dan pembahas-pembahas lain 10 minit. Sekiranya diikuti masa tersebut, maka *Insyaa-Allah* pada pukul 4.30 lebih kurang, Yang Berhormat Menteri dapat menggulung. Untuk sesi sehingga pukul 1 ini, pembahas-pembahas ialah Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Tanjung Karang.

Disusuli pada pukul 2.30, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang

Berhormat Arau, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya dan akhir sekali, Yang Berhormat Tebrau. So, saya mempersilakan Yang Berhormat Pasir Mas untuk memulakan perbahasan. Kalau tidak ada, Yang Berhormat Seremban. Silakan 15 minit.

12.02 tgh.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987. Saya hendak menyatakan bahawa saya menyokong semua fasal-fasal yang akan dipinda dalam rang undang-undang ini. Oleh kerana ini selari dengan semangat pindaan yang telah pun dicadangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri Pakatan Harapan pada 29 Januari 2020 secara prinsipnya. Oleh kerana pada 29 Januari yang lepas, Mesyuarat Kabinet yang ketika itu saya merupakan Menteri Kementerian Pengangkutan, telah pun mencadangkan supaya secara prinsipnya kita menambah hukuman ke atas kesalahan pemanduan ataupun pemandu-pemandu mabuk. Oleh kerana kita hendak memberikan satu mesej yang kuat kepada pemandu-pemandu supaya sentiasa memandu dengan cermat tanpa melulu dan kalau sudah mengambil minuman alkohol, jangan sesekali memandu. *We want to give a message of zero tolerance for drunk driving.* Jadi, pemandu mesti berhati-hati. Mesti mengambil kira bahawa apabila berada dalam jalan raya, mereka ada tanggungjawab. Bukan sahaja kepada diri mereka tetapi kepada orang lain.

Jadi, kepada pemandu-pemandu di luar, kita mesti sama-sama dalam Dewan Rakyat ini memberikan mesej kepada mereka. Kalau sudah minum, jangan memandu. Itu mesej yang kuat, yang perlu kita hantar. Pindaan terhadap rang undang-undang ini mengenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun. Itu pun adalah sesuatu yang telah pun kita cadangkan masa kita berada dalam kerajaan dan kita menyokong pindaan ini pada hari ini.

Begitu juga pindaan terhadap kandungan alkohol yang dibenarkan. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kandungan alkohol kita sebelum ini agak liberal. Oleh kerana kandungan yang dibenarkan itu lebih banyak ataupun lebih tinggi daripada apa yang dibenarkan ataupun dicadangkan oleh pihak *World Health Organization* (WHO). Di mana kita lihat ada negara-negara lain yang jauh lebih ketat dari segi kandungan alkohol yang dibenarkan. Ada juga negara yang langsung tidak membenarkan setitik pun kalau ada minuman alkohol dalam badan, kalau dia kena, dia dikenakan hukuman. Jadi, itu adalah sesuatu yang saya amat menyokong bahawa kandungan alkohol itu diturunkan mengikut had yang telah pun dicadangkan oleh WHO.

Namun begitu, pindaan terhadap rang undang-undang ini memberikan satu mesej kepada pemandu bahawa hukuman yang amat berat akan menunggu anda kalau memandu selepas minum. Akan tetapi yang pentingnya ialah kalau kita hendak menjayakan usaha untuk memastikan jalan raya kita selamat daripada pemandu-pemandu mabuk, isu integriti dari segi penguatkuasaan itu amat penting. Oleh kerana dengan hukuman yang begitu berat, kita bimbang ia akan mendorong kepada pemandu-pemandu yang telah mabuk untuk menyogok pegawai-pegawai penguatkuasaan supaya mereka dapat melepaskan diri kalau mereka kena tangkap. Itu

sebabnya saya dalam sesi soal jawab beberapa minggu yang lepas, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan dan juga kepada Kementerian Dalam Negeri. Oleh kerana apabila rang undang-undang ini diluluskan, ia akan dikuatkuasakan oleh pihak polis. Oleh kerana pada ketika ini JPJ tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang pemandu mabuk.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Boleh?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Cuma saya hendak pastikan bahawa JPJ juga diberikan kuasa untuk menguatkuasakan peraturan ini.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan sahaja kepada Yang Berhormat Seremban. Memang kita sokong rang undang-undang ini. Tidak ada masalah sebab rang undang-undang ini dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan disiapkan dibawa oleh kementerian sekarang. Akan tetapi saya hendak tahu juga statistik sindiket. Walaupun kita bincang tentang isu mabuk dan bawa kereta dan sebagainya. Apa statistiknya yang ada sekarang? Berapa orang telah dipenjarakan? Berapa telah dihukumkan? Berapa muatan di dalam jalan raya? *How many deaths due to drink and driving? What is the data that we have in terms of the motor vehicle accidents (MVA) yang terlibat dengan minuman dan juga yang tidak? I think it is better for Parliament to know the exact numbers yang kita ada sekarang.* Walaupun kita sokong rang undang-undang ini tetapi data ini penting untuk kita faham. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya faham. Sedikit lagi saya hendak masuk kepada topik itu. Cuma saya hendak kata tadi ialah isu integriti. Kita hendak pastikan bahawa pegawai penguat kuasa sama ada pihak polis ataupun JPJ, mesti ada integriti yang cukup tinggi dalam menguatkuasakan undang-undang ini. Itu sebabnya saya mencadangkan supaya kita melihat kepada cadangan untuk memasang *body camera* kepada pihak penguasa, kepada pihak polis ataupun anggota JPJ supaya apabila mereka menguatkuasakan undang-undang ini, tidak ada soal bahawa mereka tidak menguatkuasakan dengan ketat. Itu saya harap dapat dipertimbangkan.

Namun begitu, undang-undang mesti dipatuhi dan dikuatkuasakan dengan adil. Apabila kita meletakkan satu denda ataupun satu saman, satu hukuman kepada pemandu yang tidak bertanggungjawab atau tidak mematuhi peraturan jalan raya, kita mesti menguatkuasakannya dengan adil. Saya berasa sedikit kecewa. Baru-baru ini bahawa Kementerian Pengangkutan telah pun mengamalkan dasar diskaun kepada kompaun ataupun saman yang dikeluarkan oleh JPJ. Sehingga 70 peratus dalam bulan kemerdekaan ini. Kita menyambut bulan kemerdekaan untuk cintakan negara. Apakah mesej yang kita hendak hantar kepada orang luar, kepada pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya kalau mereka diberikan diskaun? Seolah-olah kesalahan itu boleh diskaun. Jadi, itu mesej yang salah. Saya mempertahankan bahawa dalam rekod saya sebagai Menteri Pengangkutan, saya mengamalkan dasar *no discount* kepada semua saman di bawah JPJ. Cuma, saya juga berharap bahawa bukan sahaja JPJ, pihak PDRM, polis juga mengamalkan dasar yang sama supaya ia adil kepada semua.

Oleh kerana ada orang mengadu kepada saya. Dia kata, 'Kalau saya bayar saman awal, lepas itu kerajaan bagi diskaun. Tidak adil kepada saya. Adakah kerajaan hendak bayar balik kepada saya yang telah membayar had maksimumnya?' Kalau saman RM300, bayar RM300. Sekarang ini ada diskaun 70 peratus, hanya bayar RM90. Tidak adil lah kepada pemandu yang telah bayar mengikut masa ataupun mengikut kadar saman yang telah ditetapkan.

Jadi, itu saya harap dapat dikaji balik supaya Kementerian Pengangkutan mengamalkan satu dasar bahawa tidak ada diskaun diberikan kepada saman. Salah, salah lah. Kalau mereka kena saman, kena bayar saman. Supaya pengajaran pada pemandu yang tidak mengikut peraturan jalan raya, mereka akan dapat dididik dan tidak mengulangi kesalahan mereka. Supaya mereka menjadi seorang pemandu yang berhemah, pemandu yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan orang lain.

■1210

Untuk menjawab soalan dari rakan saya, memang betul bahawa statistik kemalangan jalan raya dalam negara ini agak tinggi. Jumlah keseluruhan kemalangan maut di seluruh Malaysia bagi tahun 2015 hingga Mei 2020 adalah sebanyak 34,891 kes kemalangan maut. Purata hampir 7,000 setiap tahun dalam lima tahun kebelakangan ini. Ini jawapan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri.

Akan tetapi jumlah kemalangan maut yang tinggi ini sebenarnya bukan disebabkan oleh pemandu mabuk sahaja, pemandu mabuk mungkin hanya satu peratus yang menyebabkan jumlah kemalangan maut. Akan tetapi yang paling banyak ialah mengikut pecahan kenderaan mencatatkan bilangan kematian tertinggi adalah pengguna motosikal iaitu sebanyak 22,375 kes dalam tempoh yang sama, 64 peratus. Hampir 2/3 daripada jumlah kemalangan maut melibatkan penunggang motosikal.

Mungkin ada yang cuai, ada yang memandu dengan tidak bertanggungjawab, melulu, begitu laju, hendak jadi *Superman* atas jalan raya yang menyebabkan kemalangan maut. Jadi saya faham bahawa di Kementerian Pengangkutan, kita ada satu jabatan khas untuk *advocate* keselamatan jalan raya iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR). Kempen yang paling utama oleh JKJR ialah memastikan dan menggalakkan penunggang motosikal memakai topi keledar dan JPJ menguatkuasakan peraturan ini.

Saya merujuk kepada satu berita, [*Sambil menunjukkan keratan kertas*] yang orang kampung tidak faham. Dia ingat dekat kampung ini tidak payah pakai topi keledar. Ini berita pada 9 Mac tahun ini. JPJ mengatakan bahawa perlu pakai topi keledar walau hanya di jalan kampung dan ini di JPJ Terengganu, "*Ops Khas JPJ Terengganu, 114 saman dikeluarkan, 71 membabitkan tidak memakai topi keledar*".

Akan tetapi masalahnya ada ramai orang melihat remeh perkara ini. Tidak pakai topi keledar termasuk pemimpin-pemimpin negara, termasuk Menteri, termasuk Ahli Parlimen terutamanya dalam kempen pilihan raya kecil. Setiap kali pilihan raya kecil, ada orang politik terutamanya pemimpin negara yang hendak tunjukkan bahawa mereka dekat dengan rakyat,

ambil motosikal, ambil motosikal tidak apa, pakailah topi keledar, tidak pakai *helmet*. Tunjukkan satu contoh yang baik. *[Tepuk]*

Saya hendak tunjukkan beberapa contoh hari ini. Dalam kempen PRK Slim baru-baru ini yang masih berlaku. *[Menunjukkan keratan akhbar]* Pertamanya, Yang Berhormat Pekan, mantan Perdana Menteri pakai songkok. Malu apa Bosku. *[Tepuk]* Sebagai mantan Perdana Menteri, boleh kempen, tidak ada masalah, ambil motosikal tidak ada masalah, pakailah topi keledar. *[Tepuk]* Saya bimbang nanti Yang Berhormat Pekan jatuh nanti, kemalangan. *[Tepuk]* Saya hendak menjaga keselamatan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, dia pergi masjid dekat sahaja, Yang Berhormat. Hendak pergi masjid.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Dekat pun kena pakai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Depan masjid sahaja, Yang Berhormat. Jangan jadikan itu sebagai isu, Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Baling, jangan...

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Cuma ambil gambar sahaja, boleh. Mungkin boleh ambil gambar sahaja.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau hendak bahas, kita bahas untuk rakyat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Okey, tidak apa.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada di situ, hendak pergi sembahyang Jumaat itu. Dekat sahaja. *[Dewan riuh]*
[Pembesar suara dimatikan].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling. Sila teruskan isu yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Selain Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Bagan Datuk. *[Ketawa]* Selepas ini, Menteri Belia dan Sukan. *[Tepuk]* Ada lagi, Menteri Wilayah Persekutuan *[Tepuk]*, calon Barisan Nasional untuk PRK Slim *[Tepuk]*, rakan lama saya, mantan Menteri Besar Negeri Sembilan, Timbalan Presiden UMNO. *[Menunjukkan beberapa keratan akhbar]*

Ada ramai lagi yang saya tidak ambil gambarlah. *[Dewan riuh]* Saya hendak beritahu bahawa gambar-gambar ini saya akan hantar kepada pihak JPJ, saya sarankan penguat kuasa JPJ hantar saman kepada orang-orang ini. *[Tepuk]* Jangan bagi muka, tunjukkan bahawa kita menguatkuasakan undang-undang secara sama rata. *[Tepuk]* *[Dewan riuh]* Pihak JPJ yang duduk di belakang sana jangan bimbang, ada *back-up* daripada Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan semalam, tidak ada pilih kasih, semua sama rata. *[Tepuk]* Kalau Menteri buat salah pun Menteri kena. *[Tepuk]* Jadi tunjukkan bahawa kita mengambil tindakan supaya kita hantar satu mesej kepada orang ramai. Pakai topi keledar ini penting untuk menyelamatkan nyawa, untuk memastikan

keselamatan kita sendiri. [Tepuk] Saya harap perkara seperti ini kita tunjukkan contoh sama-sama.

Yang Berhormat-Yang Berhormat ini boleh carilah *Facebook* saya, sepanjang saya jadi Menteri kalau saya masuk kampung Orang Asli, saya pun pakai topi keledar. [Tepuk] Saya beritahu kepada pegawai-pegawai, kalau panggil saya naik atas motosikal walaupun di atas pentas kena pakai topi keledar. [Dewan ketawa] Oleh kerana itu mesej, mesej yang kuat yang kita kena hantar, contoh yang baik, teladan yang baik sebagai pemimpin negara kepada orang ramai. [Tepuk] Walaupun perkara yang dilihat remeh-temeh tetapi kalau perkara remeh-temeh pun kita tidak ikut, bagaimana kita hendak ikut peraturan.

Jadi saya harap peraturan-peraturan ini dapat dikuatkuasakan dengan adil, dengan baik dan semoga apabila kita meluluskan pindaan ini, ia memberikan mesej yang kuat kepada semua pemandu. Sama ada pemandu mabuk kah, tidak mabuk kah ataupun penunggang motosikal supaya sentiasa kita menjaga keselamatan di atas jalan raya. Saya harap ini kita jangan cari populariti, sesiapa sahaja duduk di atas kerusi Menteri Pengangkutan, saya harap menjadikan *road safety* sebagai *priority* utama dalam Kementerian Pengangkutan. Dengan itu, saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Seremban. Saya mempersilakan Yang Berhormat Baling yang kini telah menjadi pembahas utama sebelah sini, 15 minit. Yang Berhormat, silakan.

12.16 tgh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas lagi tahniah kepada Kementerian Pengangkutan di bawah Yang Berhormat Ayer Hitam. Ayer Hitam, kulit putih macam saya.

Berkaitan dengan rang undang-undang ini kerana Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini telah berkata bahawa satu pindaan berkaitan dengan hukuman ini harus diperketatkan. Syabas dan tahniah, saya harap apa yang kita bahaskan dan diluluskan, saya pohon semua penguatkuasaan agensi-agensi berkaitan dapat melaksanakannya dengan jayanya.

Alhamdulillah kalau kita tengok Rang Undang-undang Pengangkutan 1987 (Pindaan) ini adalah merupakan suatu akta yang wujud daripada tahun 1987 dan *insya-Allah* akan menerima pindaan pada tahun 2020 melalui Dewan Rakyat yang mulia ini iaitu di antara pindaan di bawah seksyen 41 hingga 45.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sekali termasuk Tuan Yang di-Pertua, kita semua adalah pengguna jalan raya. Ini melepasi sempadan politik, fahaman agama, warna kulit, latar belakang, semua sekali, sama. Dia tidak ada bila kita berada di atas jalan raya *there is no differences among us*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyebut beberapa perkara, saya tidak mahu olah sebab Yang Berhormat Menteri telah olah satu-persatu tentang pindaan akta tadi itu dengan hukuman-hukuman yang setimpal dengan apa yang bakal dilakukan. Saya sokong dan ada satu-dua perkara yang patut kita tambah lagi. Akan tetapi isunya, dalam hal ini saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Seremban, mantan Menteri. *Money is not everything*, itu bukan satu pengajaran ataupun boleh mendidik rakyat. Kita naikkan RM100,000, RM150,000 kah, berapakah, itu bukan perkara penting.

Perkara penting di sini yang harus kita fikirkan apakah *engagement*, dengan izin yang patut kita lakukan. Pendidikan dan apakah kajian-kajian yang harus diteruskan oleh kementerian Yang Berhormat dan isu bajet saya faham, kekangan kementerian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sedikit, sedikit, ini baru mukadimah. Bagi saya dua minit selepas itu saya bagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat adakah isu-isu pendidikan, kajian-kajian yang harus diteruskan. *Budget is your constrain, Sir*, dengan izin. Kementerian Kewangan saya yakin dan percaya kali ini Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan akan fikirkan, ini adalah sebab nyawa, *you cannot negotiate*.

Satu, kalau *accident* orang meninggal memang kita sedih dan sebagainya. Akan tetapi ia *one-off*, apatah lagi yang *accident* yang lumpuh, yang anaknya masih kecil dan berpuluh-puluh tahun duduk di atas *wheelchair*. Ada yang dapat bantuan SOCSO, ada yang tidak dan sebagainya. *All this you have to take into consideration*. Ini satu perkara yang amat-amat penting sekali untuk kementerian bergembleng, kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain. Silakan, Yang Berhormat Pontian.

■1220

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Baling ada menyebut tentang peruntukan. Saya kira kementerian memerlukan peruntukan khas untuk membeli peralatan tambahan. Khasnya alat-alat untuk saringan nafas ujian alkohol misalnya dan adakah kementerian diberikan peruntukan itu? Adakah ia akan dibuat secara tender terbuka atau runding terus?

Kemudian hukuman yang meningkat ini jika kita bandingkan dengan kaedah-kaedah yang dibuat di luar negara jika ada contoh-contoh negara-negara yang apabila hukuman meningkat maka pemandu yang mabuk itu berkurangan. Ini kita hendak tahu contoh-contoh daripada luar negara. Ketiga, mengenai pendidikan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya ini berhubung dengan pemandu mabuk, antara pendidikan dan hukuman. Apa pandangan Yang Berhormat Baling, mana lebih penting, pendidikan dan hukuman?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, terima kasih. Masukkan ucapan ini untuk Yang Berhormat Menteri jawab. Saya boleh jawab sedikit, yang mana

saya boleh. Berkaitan dengan hukuman dan pendidikan. Sememangnya saya fikir pendidikan amat penting. Pendidikan adalah harus kita lakukan. Kalau kita tengok daripada negara-negara lain, Amerika Syarikat, New Zealand, Belanda, di antara negara-negara yang mengamalkan...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Peruntukan peraturan yang ketat bagi penyalahgunaan alkohol.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Minta laluan, Jerai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap-sekejap saya hendak habiskan. Saya tidak ada masa, nanti Tuan Yang di-Pertua takkan bagi saya *extra*. *Sorry*, sekejap, saya ada banyak benda dan isu hendak sebut. Ini sebab saya Tuan Yang di-Pertua, masa waktu atau ketika masa zaman saya pemuda, saya pernah membuat satu pendekatan dengan anak-anak muda yang dipanggil mat rempit lah dan sebagainya.

Saya hendak kongsi sedikit pengalaman saya dengan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007 saya buat pendekatan dengan hampir 30,000 yang dipanggil, digelar mat-mat rempit ini. Saya panggil mereka, saya duduk, bincang, tanya berkali-kali. Isu mereka ialah isu sosial yang ada dan tidak diberikan ruang atau peluang kepada mereka. Jadi untuk membuktikan ini adalah anak-anak muda yang boleh dibawa ke tengah ke peringkat antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, saya bawa mereka dan saya kata kita bagi peluang.

Saya bekerjasama waktu itu dengan Kementerian Sumber Manusia di bawah *Human Resources Development Fund* (HRDF) yang telah mengeluarkan dana untuk memberikan peluang kepada mereka. Peluang kedua pergi jadi apa? Masuk kelas tuisyen iaitu masuk buat diploma dalam vokasional untuk buat automatif ataupun menyertai bidang tukang masak ataupun bidang untuk menjadi paramedik, yang mana boleh bekerja di hospital. Untuk mengangkat orang-orang yang badan besar, lelaki-lelaki dan sebagainya. Ini semua dapat kita beri peluang.

Selanjutnya, saya telah membawa mereka untuk membuktikan mereka ini anak muda yang berani dan bertanggungjawab yang mempunyai disiplin yang tinggi kalau diberi peluang kedua. Saya bawa mereka ke Kutub Utara, terjun sempena 50 tahun kemerdekaan negara ini pada tahun 2007. Saya bawa mereka, 50 orang pergi ke Kutub Utara dan terjun dalam keadaan -70 di atas Kutub Utara itu. Ini terbukti kalau diberikan peluang dan ruang kepada anak-anak muda ini mereka boleh menjadi insan yang berguna. Insan yang terbilang dalam negara kita ini.

Jadi saya ingin mengesyorkan kepada kementerian, ada beberapa perkara yang saya hendak syorkan, antaranya saya minta buat satu kajian, wujudkan satu jawatankuasa iaitu adakan jawatankuasa statistik dan makmal untuk kita kaji. Umur-umur berapakah yang patut kita buat mereka kajian saringan kesihatan? Contoh, mungkin 55 tahun ke atas atau 60 tahun. Buat saringan kepada mereka.

Bukan isu kemalangan ini hanya berlandaskan alkohol. Tidak benar dan tepat. Dia ada salah macam-macam, salah guna dadah, dia ada pengaruh dadah, dia ada pengaruh air ketum, dia ada pengaruh alkohol. Memang mereka ini memang cuai, mereka mengantuk dan pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, *every week* saya balik ke kawasan Baling, saya naik kereta. Saya hendak beritahu saya – *more than ten times Sir* dengan izin, bila saya tengah *drive* tiba-tiba lori akan keluar ke kanan, lori yang bawa sayur, lori yang bawa ayam, bawa itik. Ini pukul satu, dua pagi. Pernah satu ketika, rakan kita mendiang dalam Parlimen ini pun sudah meninggal dunia, *accident* bertembung dengan lori dan sebagainya.

Saya ingin syorkan Yang Berhormat Menteri, *I know you can do it Sir*, pastikan kalau polis ada *Police Volunteer Reserve* (PVR). Ambil penguatkuasaan kepada mereka anak muda yang tidak ada kerja sekarang ini, ramai orang tidak ada kerja. Dalam penguatkuasaan JPJ, pastikan mereka ini boleh bawa lori, boleh bawa bas, *especially* pengangkutan awam ini.

Bila mana berlaku begini, dalam *jeep enforcement* tu ada satu, dua, tiga orang yang pakar membawa kenderaan. Berhenti, tahan lori *driver* tersebut, tahan *driver* bas, *only the driver*. Bas tu, penguat kuasa yang PVR tadi ini bawa ke destinasi bas itu hendak ke mana sebab kita tidak hendak penumpang jadi masalah. Hantar mereka balik dan bawa balik bas atau lori itu ke JPJ dan caj syarikat tersebut untuk segala kos, bayaran gaji PVR dan apa yang dilakukan, *charges them* sebab mereka ini membahayakan. Bukan semua alkohol kat *highway* tu, mereka letih dengan *reckless drivers* dengan izin dan sebagainya. Ini di antara cadangan pertama, mesti ada *lab*, *after all* kita ada Kementerian Kesihatan, kita ada klinik kesihatan di seluruh Malaysia.

Dulu ada Klinik 1Malaysia, boleh pakai tempat tu untuk buat saringan dan *two in one*, kita membantu rakyat kita untuk mereka tahu apa penyakit yang ada. Ramai di antara rakyat kita di kawasan luar bandar tidak pernah buat *medical check-up* pun. Tahu-tahu kena kanser *stage four*, tahu-tahu kalau dia pergi *check* gula dia, "*Tidak tahu, saya balik-balik doktor kata high.*" *High* itu apa? Paling tinggi bacaan kencing manisnya. Jadi ini di antara *two in one*, yang tersurat dan tersirat.

Tersirat, kalaulah dia ini ada pengaruh dadah dalam masa tiga bulan, enam bulan ataupun pengaruh-pengaruh lain, kita boleh baca daripada kesihatan tersebut, laporan klinik kesihatan, *then we can determined and decided* dengan izin. Adakah kita hendak *continue license* dia dan sebagainya, inilah di antaranya. Pendidikan saya sebutkan tadi, yang ketiga tadi pendidikan harus. Kementerian Sumber Manusia ada bilion-bilion ringgit dalam HRDF, Yang Berhormat Menteri boleh bincang. *This is not all about money*, ada yang kita boleh pakai kalau kita tahu caranya.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kementerian Yang Berhormat Menteri pun kalau berbincang dengan Kementerian Kewangan yang mana duit saman-saman yang di saman keluar JPJ tu get 30 persen, 40 persen balik untuk diguna pakai untuk kementerian Yang Berhormat, *especially* untuk *the enforcement team*. Saya kesian kepada *enforcement team*, penguatkuasaan polis dan JPJ ini buat *roadblock* 24 jam, tengah malam, tidak kira hujan atau petir, mereka buat. Akan tetapi tidak ada insentif selain daripada gaji.

I think we should consider this, boleh bincang dengan kementerian, Menteri-menteri bawa dalam Kabinet untuk pastikan ada satu *allocation* khas selain daripada Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di antara perkara yang harus kita lakukan dalam

konteks pendidikan. Bukan *one way ticket*, bukan secara kita hendak ambil kita terus denda, masuk penjara. *Doesn't solved the problem* dengan izin, tidak akan selesaikan masalah ini. Ini adalah satu fenomena yang sudah begitu lama.

Saya di kawasan Baling, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya jemputlah Tuan Yang di-Pertua pergi jalan Yang Berhormat Baling satu hari. *Highway* BKE itu, daripada situ daripada Baling, boleh pergi ke tempat Tok Pa atau Yang Berhormat Jeli. Boleh pergi sampai ke Kota Bharu, boleh pergi ke semua negeri yang berkaitan dengan negeri-negeri belah Terengganu, Kelantan dan sebagainya. Itulah jalan pergi ke Perak. Tiap-tiap minggu apatah lagi musim-musim hari raya, musim-musim cuti panjang, mesti ada orang meninggal *accident*. Lazimnya orang-orang Baling jadi mangsa. Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua sebab dia orang tidak tahu apa, dia orang keluar dari rumah dia orang tiba-tiba kena langgar. Orang Kelantan langgar, orang Terengganu langgar, orang Perak langgar. Bukanlah saya hendak mengata, ini yang berlaku.

Jadi kalaulah kita ada pendidikan berkaitan dengan bukan sekadar undang-undang ini diperketatkan malah kita mesti ada isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan, peluang kedua, *enforcement* tadi ini. Kalaulah ada penguat kuasa tadi, boleh lantik anak-anak muda ataupun mereka-mereka yang tidak bekerja sekarang tetapi pakar boleh bawa lori, boleh bawa bas. Ambil dia macam polis *voluntary*, panggil lah JPJ *voluntary* ke apa ke.

Mereka ini selamatkan keadaan bila di atas *highway* tu nampak lori dan bas tu melelong dah bawa, apa dia buat? Dia tahan, dia saman, dia akan teruskan perjalanan. Ini kita buat satu pemikiran yang di luar kotak di bawah Yang Berhormat Menteri Ayer Hitam yang hebat ini, pandai cakap, pandai buat kerja, kita minta Yang Berhormat Menteri fikirkan adakan *think tank*, pastikan orang ini bawa. Jadi tadi ini, walaupun di saman, bas tu di saman, contoh di Rawang, di saman dah kerana membawa dalam keadaan yang *reckless*. Akan tetapi, *nauzubillah* sampai Tapah *accident* dan mati empat orang, tak kesal ke pegawai yang saman tadi? Dia kata tadi baru saman, tiga jam bas yang sama *accident*, mati pula dua, tiga orang.

Jadi dia akan rasa bersalah. Jadi inilah, saya rasa kita patut lakukan, perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan dan *enforcement* dan juga peluang kedua. Saya percaya yang ketiga, keempat kita buat saringan kesihatan. Saringan kesihatan kepada mereka yang umurnya berpatutan.

■1230

Lagi satu, kita juga boleh buat *random*. Pegawai-pegawai JPJ yang *renew* lesen ini, saya pohon mereka diberikan kursus. Jangan dengan izin, *rubber stamp*, datang cop, bagi. Tengok kalau orang itu datang muka dia merah satu macam saja, ambil, suruh dia duduk sekejap, pergi jumpa pegawai dia. Buat saringan kesihatan, bagi satu surat, JPJ minta. Jadi kita dah ada dah *engagement* dengan klinik-klinik kesihatan. Dia pergi klinik kesihatan itu, dia buat saringan, bawa balik, macam kencing manis dia akan beritahu enam bulan dulu apa *reading you*. Ini berkaitan dengan pengaruh dadah, alkohol dan sebagainya.

This is another way that untuk kita nak jadi *stringent*. Kalau kita hendak buat *stringent protocol* dalam saringan berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan khususnya kepada pengguna-pengguna jalan raya. Kita hendak selamatkan semua orang di sini, tidak ada bezanya Tuan Yang di-Pertua dan saya dan Menteri. Kalau bawa kereta sendiri, kita semua akan terjebak dengan bahaya ini. *Anybody, anything can happen* atas jalan raya ini. Jadi saya harap, saya sokong, saya sokong.

Kalau kita tengok menurut anggaran yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menyatakan bahawa Malaysia mencatatkan 23.6 peratus daripada setiap 100,000 orang warganegara. *Can you imagine? 23,600 of us* yang begitu bahayanya dalam keadaan kalau kita membawa kereta. Sebaliknya Malaysia mempunyai kemungkinan kematian maut berkaitan mabuk yang lebih rendah berbanding dengan tiga lokasi yang berkaitan tadi ini yang saya sebut iaitu mereka bukan pengaruh dadah dan *reckless driving*. *Reckless*, mengantuk, dadah, alkohol dan itulah pemandu-pemandu lazimnya yang tidak bertanggungjawab.

Jadi sekali lagi saya tidak mahu ambil masa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada banyak lagi *point* tetapi saya akan tulis kepada Yang Berhormat Menteri apakah hasrat dan niat Baling untuk Yang Berhormat Menteri bawa ke mesyuarat jawatankuasa kecil. Saya juga masa isi borang sebagai Ahli Parlimen minat hendak pergi bantu kementerian mana, saya telah tulis di antaranya Kementerian Pengangkutan. Jadi Yang Berhormat Menteri boleh jemput saya hadir dan beri.

Saya ada banyak pandangan kerana saya pernah mendekati mat-mat rempit ini zaman saya Putera UMNO Malaysia dulu. Saya ada pengalaman untuk mendekati dan ubah masa depan lebih 30,000 mereka ini seluruh negara. Waktu itu polis, IGP waktu itu memuji apa yang kami buat untuk membantu, *even JPJ* memuji kami dulu. Akan tetapi bila dah tidak ada kesinambungan, tidak ada sambung, apatah Pakatan Harapan ambil, harapan palsu saja semua tidak ada apa. Jadi saya harap di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional ini, di bawah Yang Amat Berhormat Pagoh, kita dapat lakukan sesuatu yang lebih bernas, lebih bertanggungjawab demi agama, bangsa dan tanah air. Baling menyokong usul rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Thank you Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Sepang, 10 minit.

12.33 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seperti mana Yang Berhormat dari Seremban menyokong pindaan ke atas rang undang-undang ini. Saya ingin menegaskan bahawa seperti mana kata Yang Berhormat Seremban, memang sebenarnya Kerajaan Pakatan Harapan yang memulakan inisiatif ini.

Untuk makluman— ini rekod ya, saya cakap ini berdasarkan rekod boleh baca dalam *Hansard*. Semasa PH memerintah juga, kita juga telah meminda Akta Undang-undang Sivill yang

berkaitan dengan kemalangan juga di mana kita telah menaikkan sebagai contoh ganti rugi yang disebut dalam bahasa Inggeris *bereavement* atau wang kesedihan. Dahulu sebelum pindaan, hanya seseorang yang bila dia berlakunya *accident* melibatkan kemalangan, dia hanya boleh menuntut sebanyak RM10,000 sahaja. Akan tetapi pada zaman PH memerintah, kita naikkan kepada RM30,000. Kategori mereka yang boleh menuntut itu juga kita lanjutkan. Dulu contohnya, yang boleh *husband and wife* tetapi kita lanjutkan termasuk yang melibatkan anak dan juga ibu bapa. Jadi ini contoh yang kita buat dan saya tahu sangat sebab saya yang bentang rang undang-undang itu.

Saya juga ingin mengatakan di sini, semasa kita bentangkan itu, semua Ahli Parlimen yang sebelah sana itu, khususnya dari Barisan Nasional dan juga PAS, semua keluar Dewan, tidak ada seorang pun yang berbahas. Maknanya tidak bertanggungjawab. Ini rekod, *come on*-lah, baca dalam *Hansard*-lah. Mungkin masa itu Yang Berhormat Baling di Kutub Utara, saya tidak tahulah tetapi memang yang lain tidak ada, memang tidak bahas.

Jadi saya hendak mengatakan kepada Yang Berhormat bahawa memang undang-undang berkaitan dengan pindaan kita hendak kenakan hukuman ke atas pemabuk ini memang saya amat setuju. Saya merasa kesallah kerana Yang Berhormat Pasir Mas yang memperjuangkan hudud, yang ada dalam kesalahan hudud itulah minum arak, tiba-tiba tidak hadir di dalam Dewan ini untuk berbahas. Di mana tanggungjawab orang PAS ini?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tidak. Saya ada Yang Berhormat, ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa tidak bahas lagi?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Saya bahas lepas ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa tidak bahas lagi?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Saya bahas lepas ini. Jangan bimbang, bagi saya bahas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudahlah, tidak apalah. Maknanya...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat bahas sajalah, tidak payah *blame* orang lain, bahas saja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, hendak katakan inilah PAS, pas pus pus.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bahas saja, bahas saja. *[Disampuk]* Lompat-lompat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan beginilah, arak ini memang sebenarnya satu kesalahan yang mana-mana negara mengalami masalah yang sama. Dari segi ajaran Islam pun kalau kita lihat memang arak ini, Nabi Muhammad SAW pun menghadapi masalah yang sama sebab orang Arab ini lagi teruk daripada orang-orang Melayu dari segi— maksudnya orang bukan Islam dari segi ketagih kepada arak.

Oleh sebab itu kalau kita lihat dalam Al-Quran, pengharaman arak ini terpaksa diharamkan secara berperingkat. Dalam bahasa Arab dikata secara *tadarush*, secara *gradual*.

Mula-mula dikatakan arak ada kebaikan dan keburukannya, lepas itu tidak boleh sembahyang ketika mabuk. Selepas itu yang akhir pun, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Okey, ayat itu...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tidak betul itu, ayat tidak betul itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa, kalau salah kita betulkan. Jangan macam PAS, salah pun tetap tak nak mengaku. Dah salah— Yang Berhormat Menteri dah salah RM1,000 itu pun nak bela juga. Kata ini kluster, ha nasib yang penting tidak ada...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sepang jangan *dok* mengarutlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Kluster Khairuddin.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Jangan *dok* mengarutlah Yang Berhormat Sepang. Cakap betul-betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, ini saya dah betullah. Orang PAS ini tidak mahu mengaku. Sebenarnya bila Menteri dah salah, janganlah bela. *Harakah Daily* yang dikatakan '*Harakah Delete*' itu pun bela juga. Jadi sebab itulah saya kasihan kepada Barisan Nasional yang berkawan dengan PAS. Kami dah lama tinggalkan PAS, kami tahu tentang PAS ini. Kamulah jadi mangsalah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Low class* punya MP Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Anyway, congratulation* kepada Perikatan Nasional kerana bersama dengan PAS. *So* selamatlah...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terlalu sakit hati dengan PAS.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Melayan, melayan...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terlalu sakit hati dengan PAS. Lima tahun makan gaji atas tiket PAS.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei masa itu kita menang Pakatan Rakyatlah, kenapalah bangga sangat itu?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Siapa yang bangga Yang Berhormat? Siapa yang bangga?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You*-lah.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Siapa yang bangga? Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You*.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Tarik balik, tarik balik bangga!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tarik balik kalau tidak bangga.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bukan Pakatan Rakyat.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Sepang sila teruskan mengenai isu yang berkenaan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Sepang bertanding atas tiket PAS, kena ingat itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bertanding atas tiket PAS tetapi saya menang atas Pakatan Rakyat.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Oh teruk ini. *Low class!*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apalah kalau saya *low class, you no class.* [Ketawa] Jangan lawan dengan sayalah, *please*-lah, *you* tidak ada standard nak lawan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Apalah dah masuk air.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, isu yang berkenaan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ini kalau mengaku Tuhan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa arak ini memang fasal— Hatta Amerika sebuah negara yang hebat, mereka juga mengalami masalah yang sama. Semasa mereka hendak mengharamkan arak, mereka menggubal satu akta yang dipanggil *Volstead Act* daripada seorang yang bernama Volstead. Kita boleh tengok dalam filem *The Untouchables*. Mereka berhadapan dengan satu masalah walaupun mereka buat undang-undang yang baik tetapi bila tiba hendak melaksanakan, mereka ada masalah rasuah. Sebagai contoh Al Capone menguasai pasaran arak secara gelap. Ini sejarah.

Jadi oleh sebab itu saya faham macam mana arak ini memang masalah kepada banyak negara. Jadi sebab itulah apabila negara yang besar seperti Amerika pun menghadapi masalah untuk memerangi masalah dadah ini. Oleh sebab itu baru-baru ini apabila ada di sana mereka cuba hendak mengharamkan rokok, rakyat sana pun berkata tidak ingatkah macam mana kita dulu ada masalah dengan arak. Jadi saya hendak mengatakan bahawa saya memang menyokong sebarang undang-undang untuk memastikan pemandu yang mabuk ini dikenakan hukuman yang berat. Jadi saya rasa kali ini lebih baiklah sebab Menteri paling kurang sebelum ini berkata kalau mabuk naik *Grab*. Akan tetapi, sekarang nampaknya Yang Berhormat Menteri sudah berubah, sanggup buat undang-undang ini. Saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri.

■1240

Saya ingin mengatakan juga Yang Berhormat bahawa walaupun kita ada undang-undang yang hebat, kita ada undang-undang yang mungkin mengenakan hukuman yang keras tetapi saya hendak katakan bahawa undang-undang sahaja tidak mencukupi kalau sekiranya dari segi pelaksanaan ada dua darjat. *We can have a good law* tetapi kalau pelaksanaannya dicemari oleh diskriminasi, dicemari oleh berat sebelah, kita akan menyaksikan bagaimana rakyat tidak akan menghormati undang-undang yang kita buat itu. Sebab itulah saya hendak mengatakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Walaupun kita ada undang-undang...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya satu soalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan perkhidmatan polis eskot yang diberikan kepada orang-orang dan individu tertentu yang merupakan bekas ahli kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seperti Yang Berhormat Pekan, ketika beliau pergi berkempen walaupun beliau telah disabitkan dengan kesalahan didapati bersalah? Bukankah ini adalah sesuatu yang menimbulkan tanda tanya? Kenapa beliau diberi polis eskot, dengan izin? Boleh Yang Berhormat ulas tentang perkara ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih kepada sahabat saya daripada Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, walaupun saya boleh merasakan betapa marahnya Yang Berhormat Jelutong tetapi, Yang Berhormat Jelutong, saya terpaksa berbeza pendapat di sini. Saya rasa dari segi hak itu, kita tidak boleh pertikai ya. Mereka ada hak, dia ada hak. Saya kalau benda yang betul, saya cakap yang betul ya.

Memang dia ada hak. Cumanya, sama ada hak itu kita boleh terima atau tidak terima, itu satu hal lain. Akan tetapi, dia ada hak ya. Itu memang dibenarkan oleh undang-undang. Jadi, saya merasakan bahawa apa yang dilakukan itu walaupun mungkin kita tidak setuju tetapi kita tidak boleh mengatakan dia tidak berhak. Jadi saya dari segi itu, saya mengatakan bahawa tentang dia hendak gunakan itu kita tidak boleh pertikai.

Akan tetapi, saya hendak mengatakan bahawa yang kita marah bukan berkaitan dengan dia guna eskot itu. Apa yang kita agak marah kerana rakyat boleh terima dan panggil dia *bosku* sedangkan, seperti yang mana dikatakan oleh Yang Berhormat Langkawi, dia ini telah disabitkan bersalah. Jadi, kita pun hairan bagaimana rakyat tidak rasa— dan dia sendiri pula tidak ada rasa malu. Itu yang saya rasa hairan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, Yang Berhormat. Saya tinggal 40 saat. Jadi, saya hendak mengatakan bahawa segala undang-undang yang kita hendak buat ini kita pastikan kalau kita hendak jadi undang-undang ini efektif, kita mesti memastikan pelaksanaan ini tidak lagi ada unsur dua darjat.

Kalau Yang Berhormat Menteri bersalah, jangan kita bela. Kita jangan mengatakan bahawa dia Menteri daripada pihak kita, kita kena bela. Kita kena masukkan, kalau boleh masuk dalam penjara. Biar dia rasa sedikit. Walaupun kita tahu kalau kena denda, contohnya macam rakyat biasa kena RM8,000, kalau dia kena RM8,000, dia mungkin hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen dan mungkin mengurangkan undi. Akan tetapi, demi untuk kita menegakkan *rule of law*, kita mesti berani mengatakan bahawa kita bersama, baik kerajaan ataupun pembangkang, kita bersama mesti tidak bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kuala Nerus dan kita mesti memastikan dia dikenakan hukuman yang berat setimpal. Ini kerana dia sebagai Menteri gagal menunjukkan contoh yang baik untuk menegakkan undang-undang.

Oleh sebab itu saya kata kalau— kita berterima kasih kepada Yang Berhormat daripada Seputeh. Kalau dia tidak dedahkan perkara ini, rakyat tidak tahu. Oleh sebab itu, saya mintalah kepada semua pihak sana khususnya kepada kawan-kawan daripada pihak PAS, janganlah bela sangat. Ini Menteri daripada MEWA, Menteri daripada— apa? Saya panggil MEWA lah ya. Yang Berhormat Menteri boleh kata orang pergi Singapura lori bawa sayur pun boleh...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Dia sudah melalut. Sudah lari daripada tajuk sudah. Yang Berhormat Sepang berhentilah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Lori bawa sayur pun boleh tidak kena kuarantin, kenapa Menteri kena kuarantin? Seolah-olahnya begitulah. Jadi saya merasakan bahawa ini satu *statements* yang tidak sepatutnya diberikan.

Jadi, saya hendak sekali lagi mengatakan bahawa rang undang-undang ini undang-undang yang baik tetapi saya meragui pelaksanaannya nanti adakah akan dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi, saya menyokong tetapi saya mengharapkan kita semua mesti memastikan tidak ada dua darjat dari segi pelaksanaan undang-undang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pasir Mas.

12.44 tgh.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] berkaitan dengan kesalahan pemanduan di atas jalan raya termasuklah pemanduan di bawah kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, kita jarang mendengar kempen *don't drink and drive*, jangan minum dan memandu. Ini kerana di Malaysia masih dianggap tidak salah untuk memandu kecuali ketika anda benar-benar mabuk. Definisi mabuk ini dalam perundangan Malaysia pula berasaskan nilai *blood alcohol concentration* (BAC) yang diukur dengan tiga cara iaitu melalui ujian pernafasan, ujian kandungan alkohol dan juga air kencing.

Di Eropah, kempen jangan minum dan memandu ini bermakna jika seseorang itu minum minuman keras, mereka sudah tidak dibenarkan langsung untuk memandu kenderaan. Akan tetapi, di Malaysia masih boleh minum dan mereka boleh menunggu sehingga nilai BAC mereka turun ke paras yang dibenarkan untuk mereka memandu kenderaan.

Sebenarnya banyak negara yang mengamalkan *zero tolerance* iaitu langsung tidak bertolak ansur yang langsung tidak membenarkan rakyatnya meminum minuman keras sebelum memandu kenderaan. Antara negara yang mengamalkan amalan ini adalah seperti Vietnam, Brazil, Republik Czech, Paraguay dan juga UAE. Yang biasa minum dari kalangan yang mahir dengan undang-undang, mereka sudah tahu berapa limit mereka boleh minum sebelum memandu. Sering kali anggota polis di negara ini bertengkar dengan pemandu mabuk yang

menganggap mereka belum lagi mabuk kerana mereka masih dalam tahap yang dibenarkan untuk memandu.

Kalau kita tanya kepada rakyat bagaimana cara terbaik untuk mengelakkan kemalangan disebabkan memandu mabuk, jawapan mereka mestilah jangan bagi orang yang minum minuman keras itu memandu kenderaan.

Akan tetapi, undang-undang negara hari ini seolah-olah mereka masih boleh minum arak sebelum memandu asalkan jangan sampai mabuk. Jadi, inilah persoalan yang sedang timbul dalam masyarakat kita pada hari ini.

Oleh sebab itu, saya secara peribadi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang dalam masa beberapa bulan sahaja telah pun berjaya untuk merealisasikan cita-cita kita ini. Walaupun Pakatan Harapan boleh sahaja mendakwa bahawa langkah ini dimulakan oleh mereka tetapi sampai ke akhir mereka tidak sempat untuk melaksanakan. Sayang sekali mereka juga merancang untuk hendak masukkan dan berbuat pelbagai kebaikan tetapi semuanya tidak dapat mereka laksanakan dalam pentadbiran mereka. Mungkin mereka juga merancang itu ini dan sebagainya tetapi sebenarnya dan pada hakikatnya mereka hanyalah bercakap kosong semata-mata tetapi ia berjaya dilaksanakan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Tahniah Yang Berhormat Menteri dari Ayer Hitam. Dalam masa yang beberapa bulan sahaja telah mengadakan libat urus dengan pelbagai pihak. Kami di pihak agensi Pemuda, organ-organ Pemuda di parti-parti yang berada di dalam Perikatan Nasional juga dibenarkan untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, bawa kertas kerja, bawa cadangan dan sebagainya, disambut baik oleh Yang Berhormat Menteri dan hari ini ia menjadi kenyataan. Jadi, inilah kejayaan yang telah pun dicatat oleh Perikatan Nasional yang jauh lebih hebat berbanding dengan Pakatan Harapan.

Cuma, beberapa cadangan penyelesaian yang saya boleh lontarkan pada hari ini. Antaranya adalah pindaan terhadap seksyen 41 iaitu yang memperkenalkan peningkatan hukuman terhadap mereka yang memandu secara melulu dan merbahaya. Begitu juga seksyen 42 berkaitan pemanduan secara melulu dan merbahaya tetapi tidak menyebabkan kematian. Seksyen 44 ia berkait dengan memandu secara mabuk.

Ketiga-tiga seksyen ini bila pemandu didapati bersalah pada sabitan pertama sahaja, lesennya boleh terus digantung. Satu persoalan yang agak menarik sebenarnya adakah pindaan terhadap seksyen 41 ini hanyalah merupakan suatu *escapism* sahaja apabila pemandu itu tidak boleh dibuktikan sebagai mabuk, maka di caj di atas seksyen 41 yang boleh menyebabkan hukuman yang terlampau tinggi kalau dia tidak memandu dalam keadaan yang mabuk.

Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan supaya seksyen 41 ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu memandu secara merbahaya bukan untuk mereka yang mabuk dan ada juga bahagian (b) untuk khusus kepada mereka yang memandu secara mabuk. Ini kerana bayangkan kalau memandu secara merbahaya yang mungkin tidak melibatkan mabuk, kecuai dan sebagainya tetapi hakim sudah tidak ada pilihan kecuali

mengenakan hukuman minimum lima tahun penjara dan ini saya kira agak berat bagi mereka yang melakukan kesalahan untuk kali yang pertama.

Jadi, ini perkara-perkara yang perlu untuk kita fikirkan supaya ia tidaklah memberikan satu tekanan yang berat kepada rakyat kita yang mungkin berlaku di sana sedikit kecuaiian, kealpaan dan sebagainya tetapi tidak berpunca daripada amalan memandu secara mabuk seperti ini. Jadi, mohon supaya pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil ini sebagai suatu cadangan yang boleh dipertimbangkan.

Begitu juga saya berpandangan bahawa pihak PBT, contohnya, boleh bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan. Sebagai contoh, hari ini *parking*, ruang-ruang *lot parking* disediakan kepada premis-premis yang menjual minuman keras dan sebagainya ini dan ini boleh menjadi suatu pilihan kepada pemandu untuk memandu sendiri kenderaannya pergi dan balik daripada lokasi tempat mereka minum secara mabuk itu.

■1250

Jadi cadangan saya supaya mana-mana premis yang menjual minuman arak ini tidak dibenarkan untuk diwujudkan *lot parking* atau diwujudkan dengan secara minimum supaya pemandu-pemandu ataupun mereka yang pergi untuk mendapatkan perkhidmatan ini menggunakan kenderaan awam atau *e-hailing* kerana itu akan menghalang mereka untuk memandu kenderaan mereka apabila pulang daripada premis berkenaan.

Ini sebagai suatu langkah sementara yang lebih jauh lagi sebenarnya ialah kita mengharap supaya industri arak ini sendiri pada akhirnya sudah tidak ada dalam negara kita ini tetapi ia mungkin perlu melalui proses pendidikan. Melalui proses pendidikan, melalui suatu proses pendidikan yang secara beransur-ansur supaya rakyat pada akhirnya melihat arak bukan lagi keperluan dalam kehidupan mereka.

Ya, kita sedar bahawa bagi Muslim, *of course* ia merupakan satu perkara yang haram. Yang Berhormat Sepang tadi sebut bahawa arak itu satu perkara yang haram walaupun saya tahu Yang Berhormat Sepang mungkin berdiam diri dalam Pakatan Harapan semasa kerajaan yang lalu. Akan tetapi pada hari ini mula bertanya kepada PAS, apa yang PAS buat? Jadi adakah semua tanggungjawab sebagai seorang Muslim ini, PAS sahaja yang kena buat? Yang Berhormat daripada parti Yang Berhormat, tidak perlu buat apa-apa? Saya tidak nampak Yang Berhormat Sepang.

Beberapa Ahli: Sudah lari.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tidak apa.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sudah lari keluar sudah.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Cuma hendak membalas gurauan sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bukan gurauan, ini serius Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ini perlu Tuan Yang di-Pertua. Kita kena ingat bahawa pada akhirnya rakyat perlu diberikan kefahaman bahawa minuman keras ini bukan

sebahagian daripada norma kehidupan kita dan ia sekali gus akan menyelesaikan isu pemanduan mabuk tanpa perlu memperkenalkan undang-undang yang keras seperti ini.

Sekali lagi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di atas sepak mula yang dilakukan pada hari ini dan ini adalah merupakan satu langkah yang cukup baik dalam mengajak rakyat dan mendidik rakyat supaya tidak memandu sambil mabuk. Pada akhirnya akan mengetepikan terus amalan minum minuman keras yang ada pada hari ini.

Saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Seremban yang memperkenalkan isu kena patuh bila berada di atas jalan raya, patuh peraturan dan sebagainya. Cuma dalam pada Yang Berhormat Seremban memperkenalkan ingin menghantar gambar-gambar daripada pemimpin Perikatan Nasional, saya juga ingin memberikan gambar Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga naik motosikal tanpa pakai helmet, [*Sambil menunjukkan gambar*] dan juga gambar Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah yang juga naik motosikal tanpa pakai topi keledar.

Jadi, kalau Yang Berhormat daripada Seremban hendak bawa aduan itu tolong ajak saya sama supaya saya dapat memberikan gambar-gambar seperti ini. [*Tepuk*] Saya tidak ada masalah kerana saya setuju, saya setuju bukan tidak setuju. Saya setuju tetapi haruslah undang-undang itu dilaksanakan dan dilihat dilaksanakan. Saya tahu bahawa sudah tentu banyak lagi kalau kita hendak *Google*, ini pun saya *Google* dalam masa dua minit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Jadi, saya sudah jumpa gambar-gambar seperti ini.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pasir Mas, boleh minta laluan?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Sila Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pasir Mas mengatakan bahawa sesiapa pun pemimpin yang tidak memakai topi keledar harus dikenakan hukuman, itu merupakan pendirian Yang Berhormat Pasir Mas.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Pasir Mas, bagaimana dengan Menteri daripada PAS yang tidak mengikut SOP MCO. Dia sudah keluar ke Turki, balik ke Malaysia, datang ke Parlimen. Adakah anda juga setuju sepatutnya dia diambil tindakan yang tegas. Bukannya hanya bayar saman RM1,000 sahaja. Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ini isu topi keledarlah, isu topi keledar.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya Yang Berhormat Pasir Mas, saya terkejut dengan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Saya memang mengharapkan soalan itu daripada Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Dulu kita hormat PAS tetapi adakah hari ini PAS ikut undang-undang? Sepatutnya dia letak jawatan, letak jawatan, Yang Berhormat Pasir Mas lah jadi Menteri.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Cukup, cukup. Yang Berhormat Kota Melaka, *your message was understood.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat Pasir Mas mahu teruskan hujah beliau.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Saya hendak minta Yang Berhormat Pasir Mas, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Cukup.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Bukankah Yang Berhormat Pasir Mas sudah sesuai menjadi Menteri berbanding...

[Pembesar suara dimatikan].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka tolonglah. Kita sudah tidak ada masa, hendak 10 minit, 15 minit, setengah jam cakap tetapi cakap tidak ikut isu. Kamu boleh duduk tidak? Tolong duduk. Saya rasa Yang Berhormat Pasir Mas sudah hendak habiskan dia punya ucapan itu. Dia tidak bagi laluan lagi. Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Ya, saya sebagai mana kenyataan Yang Berhormat Perdana Menteri, menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk hendak menyiasat dan kita tidak mengambil pendirian menggugurkan dakwaan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Pendirian PAS, apa yang saya tanya pendirian PAS.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas. Saya sudah usir seorang itu hari. Kemudian saya sudah kena kutuk dekat luar. Jangan bagi saya usir lagi. Silakan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Ya, kita berpendirian bahawa apa jua isu melibatkan undang-undang perlu siasat, serahkan kepada pihak berkuasa dan kita tidak mengambil pendirian, bila sudah dibicarakan di mahkamah, digugurkan bahkan dilantik pula sebagai Menteri yang memegang jawatan yang paling penting dalam kerajaan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Jadi, itu tidak ada apa-apa masalah bagi pihak Pasir Mas.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Pasir Mas, boleh bagi 30 saat.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Saya kalau ada masa saya akan bagi kepada Yang Berhormat Kuala Selangor.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Cuma 30 saat sahaja kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sebentar tadi saya mendengar Yang Berhormat Pasir Mas memuji Yang Berhormat Ayer Hitam seolah-olah Menteri yang lalu tidak ada apa yang dilakukan.

Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Pasir Mas dalam Dewan dalam 22 bulan ini, kerana belasan inisiatif yang dilaksanakan oleh Menteri Pengangkutan dalam PH yang lalu. Antara lainnya *regulated e-hailing, introduce monthly pass*, menyelesaikan masalah monorel *issue* dan pelbagai lagi. Ramai Menteri PH yang telah melaksanakan beberapa insentif dan *reform*.

Saya sendiri dalam MOH, 18 inisiatif saya buat dalam 22 bulan. Hampir satu setiap bulan.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ya terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi, jangan membuat telahan yang melampau seperti itu. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor tahu saya berdiri di sini sentiasa memberikan kredit kepada apa-apa kebaikan dibuat oleh kerajaan yang lalu termasuk Yang Berhormat Kuala Selangor memperkenalkan larangan merokok di premis restoran dan sebagainya.

Cuma yang kita bincang pada hari ini ialah berkenaan dengan undang-undang pemanduan mabuk yang gagal dilaksanakan oleh Pakatan Harapan. Soal tajuk lain, kita bincang pada kesempatan yang lain.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Sebentar tadi Yang Berhormat Pasir Mas kata tidak ada langsung PH memberikan apa-apa usaha.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Saya bukan tidak memberikan apa-apa kredit kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Bahkan banyak di sana yang kita boleh senaraikan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Berpada-pada Yang Berhormat Pasir Mas ya.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor yang saya hormati. Jadi, itulah yang merupakan perkara-perkara yang perlu kita faham. Kalau kita hendak laksanakan undang-undang, hendak buat aduan tentang kesalahan

memandu, naik motosikal tanpa pakai topi keledar tadi, maka saya hendak ulangi ada banyak lagi gambar-gambar dengan saya.

Jangan lupa untuk kepilkan gambar-gambar yang ada bersama saya ini di dalam aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat Seremban selepas daripada ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Pasir Mas mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Seterusnya Yang Berhormat Tanjong Karang. Sebenarnya masa tinggal tiga minit, apakah Yang Berhormat Tanjong Karang hendak teruskan sehingga habis 10 minit atau hendak *stop* pada pukul 1?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh? Saya boleh habis 10 minit. Kalau tidak ada gangguanlah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya kirakan sehingga habislah, sehingga habis. Silakan.

12.57 tgh.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan ini membuktikan bahawa kerajaan kita tegas untuk menangani masalah pemandu mabuk terutama yang menyebabkan kematian serta kita perlu memastikan pemantauan dan juga penguatkuasaan undang-undang baharu itu perlu dilakukan berterusan tapi bukannya bermusim.

Kita kena ketepikan perbezaan politik kerana ia berkaitan nyawa manusia dan akhirnya perlu ditanggung oleh waris yang terlibat yang kita tidak tahu, yang mabuk daripada parti mana, yang kena langgar daripada parti mana pun kita tidak tahu. Jadi ketepikan fahaman perbezaan politik ini. Soal memandu di bawah pengaruh alkohol ataupun pemandu mabuk, ini adalah melibatkan tentang kepentingan rakyat keseluruhan tanpa kita mengira isu kaum, agama dan sebagainya.

Dulu pernah juga menjadi isu bila kita sentuh fasal arak di negeri Selangor. Ada puak-puak tertentu kata ini hendak menyentuh hak-hak agama lain pula. Jadi hendak beritahu ini soal memandu mabuk ia tidak kira kaum dan sebagainya, bukannya isu perkauman. Khususnya saya daripada Selangor Tuan Yang di-Pertua. Di Selangor ini saya lihat daripada bulan Januari sehingga Mei pada tahun ini sahaja, isu kemalangan telah berlaku sebanyak 67 kes kemalangan dengan tiga kematian dicatatkan.

Kalau hendak dibandingkan angka 67 ini dengan apa yang berlaku pada tahun *accident* tahun 2018, hanya sebanyak 60 kemalangan dan tiga kematian. Manakala pada tahun 2019 pula, telah merekodkan 56 kemalangan dan empat kematian. Lebih menyedihkan lagi berlaku juga di negeri Selangor, di mana kejadian yang menimpa kepada Allahyarham Koperal Safwan Muhammad Ismail yang telah pun terkorban ketika bertugas, selepas sebuah pacuan empat roda merempuh sekatan jalan raya berhampiran Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya Kajang-Seremban pada jam 2.11 pagi, 3 Mei yang lepas.

Oleh kerana itulah, kami di Selangor di atas nama Muafakat Nasional bersama dengan pimpinan PAS Selangor, kami telah pun membuat satu *press conference* pada 9 Mei yang lepas.

Kita hendak mendesak kerajaan supaya menguatkuasakan undang-undang yang melibatkan arak dan juga pemandu mabuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat undang-undang yang dibuat ini amat baik sekali tetapi kalau kita lihat dalam undang-undang ini, semuanya mengenai menghukum. Hukum kita sokong, hukuman yang berat ini mesti kita kuatkuasakan. Akan tetapi kita juga kena mesti mencari juga sebab-sebab berlakunya pemandu mabuk ini. Oleh sebab itu kita kena lihat, bagi saya, kita kena tengok tiga peringkat yang kita perlu kenal pasti.

Pertama ialah pencegahan. Kalau pencegahan kita tidak ambil berat, sudah tentu akan berlaku perkara pemandu mabuk. Selepas pencegahan, yang kedua hukuman. Ini betul hukuman. Ini bagi ini fasa yang kedua dan juga fasa yang ketiga, kita juga harus memberikan pembelaan terhadap keluarga mangsa yang terlibat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri lah, ini saya tengok hukuman dinaikkan. Hukuman sampai RM100,000. Jadi, boleh tidak yang duit RM100,000 ini diberikan kepada keluarga mangsa, bukannya kerajaan yang ambil duit tersebut.

Hal ini sebab kita harus memberikan pembelaan kepada mangsa ini. Jadi, kalau boleh difikirkan hukuman yang denda RM100,000 ini sebagai contoh, bolehlah kita cadangkan, berikan kepada keluarga mangsa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya bangun untuk menyokong.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apakah pandangan Yang Berhormat, kalau kita boleh juga menggunakan sabitan tersebut. Sabitan dalam suatu kemalangan sebagai dengan izin bukti liabiliti. Tanpa keperluan untuk keluarga si mati memfailkan tuntutan sivil di mahkamah lain untuk meminta pampasan.

Liabiliti dalam kes-kes melibatkan pemandu mabuk yang menyebabkan kematian itu diambil sebagai satu liabiliti yang boleh membenarkan keluarga mangsa menuntut pampasan begitu sahaja tanpa membuktikan tuntutan di Mahkamah Sivil. Pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kali ini saya setuju dengan Yang Berhormat Jelutong lah. *[Ketawa]* Masukkan ucapan Yang Berhormat Jelutong *[Tepuk]* sebagai ucapan saya. Jadi satu cadangan yang baik. *[Ketawa]* Saya kalau baik Yang Berhormat Jelutong, kita akan bersama-sama Yang Berhormat Jelutong. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pandangan. Ini pandangan saya sepatutnya sebelum undang-undang ini dibuat ia mesti ada satu *Blue Ocean Strategy*. ia bukan sahaja melibatkan Kementerian Pengangkutan, ia patut melibatkan kementerian-kementerian yang lain khususnya PBT dan juga KPKT. Hal ini kerana kita lihat, kerana daripada maklumat yang ada pada saya ini kalau mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ia telah meletakkan Malaysia di tempat ke-10 di dalam Senarai Pengambilan Alkohol Terbanyak Dunia. Perangkaan yang dikeluarkan pertubuhan tersebut menunjukkan rakyat Malaysia membelanjakan lebih

daripada RM2 bilion untuk minuman beralkohol dengan purata 15 liter per kapita pada tahun 2016.

Jadi, menunjukkan negara kita ini kerana apa? Hal ini kerana di Malaysia ini minum arak 24 jam. Di mana sahaja boleh, yang peliknya menghisap rokok tidak boleh di tempat *public* tapi minum arak boleh. Saya hendak bagi beberapa contoh, bagaimana negara-negara lain mengawal walaupun mereka bukannya negara Islam, dia mengawal. Saya bagi contoh, kita lihat di beberapa buah negeri, saya ambil beberapa contoh sahaja.

Di New Zealand, mengehadkan jumlah alkohol yang boleh dijual di kelab malam dan juga restoran dibenarkan untuk menjual alkohol antara jam 8 pagi hingga 4 pagi pada hari berikutnya. Manakala di kedai biasa ia hanya boleh dijual antara jam tujuh pagi dan 11 malam. Di Selangor dulu, bila bekas Exco Negeri Selangor, Dato' Hasan Mohamed Ali menyentuh perkara itu, tidak benarkan menjual minuman keras di 7 *Eleven* kalau tidak silap saya. DAP pada masa itu bangkit isu ini sampai Dato' Hasan Ali letak jawatanlah. Ini sebagai contoh.

Jadi bila kita sentuh macam itu tidak ada kena mengena.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dulu di Selangor, saya ingat lagi bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Khir Toyo pun...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Cerita fasal *sign* arak itu pun menjadi isu politik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hal ini sebab sebut DAP tadi.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi, tolong jangan jadikan isu politik dan juga isu perkauman.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: PAS pecat Dato' Hasan Mohamed Ali masa itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: DAP tidak pernah membantah penjualan tersebut. Jangan gunakan, Yang Berhormat.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Faham, saya ambil contoh di Selangor bukan di *Penang*. *Penang*, Jelutong okey, dia pun tidak minum. Yang Berhormat Jelutong pun bagus dia mana minum? *[Ketawa]* Dia tidak minum. Jadi saya ambil contoh apa yang pernah berlaku. *[Ketawa]*

Di California hanya membenarkan alkohol dijual antara pukul 6 pagi dan 2 pagi sahaja. Di Singapura, melarang meminum minuman beralkohol di tempat awam dari jam 10.30 malam sehingga 7 pagi. Di Thailand, melarang penjualan minuman beralkohol pada hari-hari perayaan agama tertentu. Tengok di negara-negara lain yang bukan negara Islam pun ada masa-masanya. Akan tetapi mengapa di Malaysia boleh jual 24 jam. Pergi kedai-kedai tidak silap saya 7 *Eleven* pun ada, kalau saya tidak tahulah. Mana-mana kedai pun ada.

Ini sebab saya kata tadi mesti kerjasama dengan PBT. Jadi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan saya sokong, tapi lain kali buat betul-betullah. Jangan *ad hoc*, jangan hendak

menghukum, pencegahan mesti juga dibuat. Saya sokong tadi ada buat satu pindaan di sini kerana pindaan ini dibuat bahawa untuk menurunkan had seseorang untuk diperiksa. Kalau dia minum minuman keras, memang kena ikut arahan polis.

Akan tetapi soalnya hari ini saya hendak cadang sepatutnya hendak periksa orang mabuk ini bukannya di tepi jalan. Ini sudah bawa, *roadblock* tahan baru kita hendak periksa kandungan alkohol yang dibenarkan dalam badan. Sudah terlambat sepatutnya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sekejap sikit lagi. Sepatutnya di mana patut dibuat pemeriksaan? Di kedai yang dia minum, di restoran, di bar atau di kelab malam. Dia keluar sahaja daripada kelab malam macam kita sekaranglah COVID-19 hendak masuk, hendak keluar kena *check*. *Check* suhu tengok boleh atau tidak boleh. Sepatutnya *time* itu *dicheck* masa itu.

Jadi, kalau sudah tengok kandungan itu lebih tidak boleh memandu, balik naik *Grab* ataupun sebagainya. Barulah kita boleh menghalang. Bukannya dia tengah bawa baru hendak tahan, tengok kandungan tinggi kita denda dia. Apa berlaku kalau sebelum sampai ke *roadblock* itu, sudah dia langgar orang. Tidak ada gunanya. Jadi- Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya amat setuju bahawa di Australia, di UK di mana di kedai di tempat premis dia minum itu apabila dia melebihi limit dia, maka *owner* kedai itu tanya peminum itu bawa kereta atau tidak. Bawa kereta dia minta kunci dan dia balik dia akan panggil teksi atau *Grab*. Tidak perlu di jalan raya sebab itu sudah terlambat. Apabila di jalan raya saya setuju, ramai sudah orang mati baru kita perasan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itulah maksud saya ialah mengapa negara lain boleh buat, mengapa Malaysia tidak buat 24 jam. Jadi, itu saya kata mesti dibuat dengan *Blue Ocean Strategy* tetapi kita tidak adalah sampai Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam tidak ada pula. Tidak adalah sampai hendak tutup Kilang Carlsberg pula. *[Ketawa]*

Dulu kalau Yang Berhormat Shah Alam kempen tutup Kilang Carlsberg, kita tidak ada sampai ke tahap itu, itu hak kepada orang yang boleh minum sahaja tetapi mesti ada *limit* nya. Jadi saya menyokong tapi saya harap kalau satu undang-undang yang melibatkan keseluruhan rakyat bukan sahaja hendak menghukum tetapi mencegah lebih baik dari kita mengubatnya. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hentikan persidangan pada sesi ini sehingga pukul 2.30 petang nanti. *Assalamualaikum*.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.09 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak cukup kuorum kah? Sila. Cukup. SUDR cukup? Cukup. Terima kasih. Silakan.

2.32 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih atas peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 peringkat dasar. Saya percaya tiada sesiapa pun yang akan menentang pindaan ini yang dahulunya dimulakan ketika Kerajaan Pakatan Harapan kerana ia melibatkan keselamatan nyawa, lalu lintas dan harta benda. Justeru, bagi saya ini merupakan salah satu daripada kaedah untuk kita menjaga atau untuk kita menegakkan *maqasid syariah*. Pelbagai bicara masyarakat sejak setahun dua ini, pelbagai isu timbul, pelbagai tuntutan dibuat termasuk hukuman keras mengharamkan penjualan arak, pampasan buat mangsa dan lain-lain lagi.

Cuma, persoalannya ialah apakah pindaan ini bersifat adil, terangkum, menyeluruh, memandang jauh dan menjamin pencapaian objektifnya. Inilah tujuan kita sebagai wakil rakyat, berbahas dan menggubal undang-undang. Kita tolak politik sebelah tetapi kita melihat dan rakyat juga ingin melihat sejauh mana kita ikhlas mencari jalan penyelesaian. Salah satu daripada kaedahnya, pendekatannya ialah dengan penggubalan undang-undang. Kalau kita lihat kepada kes kemalangan yang melibatkan pemanduan di bawah pengaruh alkohol ataupun dadah. Ini bukan perkara baharu tetapi satu demi satu kes yang dilaporkan di dada akhbar, akhirnya mencetuskan satu gelombang sentimen kebimbangan kepada rakyat.

Kalau lihat daripada segi statistik sejak daripada 2015 hingga 2020— sehingga Jun 2020 ada sebanyak 927 kes yang melibatkan pemanduan di bawah pengaruh alkohol. Daripada 927 kes ini, sebanyak 47 kes melibatkan kemalangan maut dan kalau kita lihat, cerakinkan lebih lagi kepada antara Januari hingga Jun tahun ini, maka kes maut berjumlah sebanyak 12 orang. Itu sudah merupakan jumlah tertinggi jika dibandingkan dengan tahun-tahun 2015 hingga 2019. Berdasarkan data umum yang diakui bahawa kemalangan melibatkan pemanduan bawah pengaruh alkohol bukanlah punca utama kemalangan jalan raya. Namun, kritikalnya pindaan ini ialah atas faktor kemalangan yang berlaku akibat daripada itu telah banyak meragut nyawa insan yang tidak bersalah atas sebab kecuai dan sikap tidak bertanggungjawab orang yang lain.

Saya melihat bahawa prinsip asas yang harus kita garap ini ialah undang-undang yang dirangka ini atau dalam situasi kita sekarang, undang-undang yang dipinda ini perlu mengangkat premis keadilan tidak berkecuali, menyeluruh, menyentuh pelbagai aspek dan bersifat memandang ke hadapan termasuk untuk mengelakkan daripada berlakunya kemungkinan-kemungkinan salah guna seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban soal integriti dan soal *check and balance* juga penting. Golongan sasaran yang akan termaktub dan terpelihara di bawah undang-undang ini juga perlu, mesti diutamakan iaitu rakyat kebanyakan.

Tuan Yang di-Pertua, peringatan berkenaan dengan pengambilan alkohol yang boleh membawa bahaya ini merentas budaya dan agama. Dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 219, Allah berfirman bahawa walaupun pada keduanya iaitu arak ataupun khamar dan berjudi dan judi itu terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia. Akan tetapi, dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya. Dalam agama Hindu disebut dalam kitab *Atharvaveda* bahawa minda seseorang menjadi lemah apabila dia mengambil minuman keras. Dalam agama Buddha, penganut agama Buddha diterapkan dengan *five precepts of Buddhism* dengan izin yang turut menyebut peringatan tentang alkohol mengusutkan pemikiran.

Namun, umum mengetahui bahawa cadangan untuk mengharamkan terus pengeluaran dan penjualan alkohol tidak dikuatkuasakan. Ini kerana, latar belakang Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakat yang berbilang kaum dan agama dan tidak ada kaitan langsung antara orang Islam dengan yang bukan Islam. Selain itu, dikhuatiri sekiranya penjualan dan pengeluaran arak diharamkan, aktiviti penjualan secara haram dan penyeludupan arak pula yang menjadi berleluasa. Makanya, saya berpendapat bahawa pindaan akta ini tepat pada masanya dan wajib berjalan seiring dengan inisiatif Kementerian Pengangkutan berkenaan dengan keselamatan jalan raya yang diperkasakan.

Yang Berhormat Menteri ada sebut berkenaan dengan pendidikan, berkenaan dengan penguatkuasaan dan juga persekitaran. Saya rasa semuanya penting untuk dikemaskan supaya matlamat meminda ini tercapai. Saya ingin membangkitkan persoalan berkenaan aktiviti advokasi dan program pendidikan yang diusahakan oleh Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensinya. Jika kita lihat amalan negara-negara lain dalam menguruskan isu ini, mereka buka saja meminda undang-undang, tetapi juga ada program pendidikan yang berjalan seiring. Seperti di Vietnam, negara dengan kadar pengambilan alkohol yang tertinggi di Asia Tenggara. Undang-undang menghendaki semua iklan alkohol untuk memasukkan peringatan kesihatan dan kedai mesti meletakkan notis minuman alkohol tidak dibenarkan dijual untuk golongan bawah umur. Di Amerika Syarikat seperti *Centers for Disease Control and Prevention (CDC)* turut terlibat memainkan peranan dalam mendidik dan membantu masyarakat untuk krisis ini. Mereka—statistik menunjukkan bahawa program itu berjaya.

Tambahan lagi, sepertimana yang pernah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebelum ini, peranan pihak lain yang berkaitan dengan isu ini juga penting. Pengusaha premis yang menjual atau menawarkan pengambilan alkohol harus mengambil sikap bertanggungjawab. Dalam hal ini, sebagai tambahan usaha *deterrence* ataupun pencegahan

ataupun pengajaran, apakah kerajaan telah menimbangkan untuk menguatkuasakan peraturan agar premis penjual, pengusaha menggunakan alat *breathalyzer* ataupun alat ujian pernafasan bagi menguji kandungan alkohol dalam darah para pengunjung. Mungkin ia terkait dengan kementerian yang lain dan mungkin rundingan perlu dilakukan dengan peniaga alkohol kerana melibatkan kos.

Akan tetapi, saya fikir pertimbangan serius wajar diambil jika kita serius ingin menangani isu ini. Juga, adakah kerajaan menimbangkan untuk pendekatan penawaran khidmat pemandu ganti (*designated driver*) oleh, mungkin NGO, sukarelawan bagi mereka yang tidak boleh memandu selepas mengambil alkohol sepertimana ada juga dilakukan di negara lain.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan juga berkaitan isu *accessibility* pencapaian ataupun *accessibility* penjualan arak. Statistik bagi jumlah keseluruhan pelesenan penjualan arak di Kuala Lumpur sahaja adalah sebanyak 2,096 dari tahun 2018 hingga 2020. Cuma, pada masa yang sama saya juga sedar kerajaan mengutip sebanyak RM2.3 bilion dan RM1.99 bilion. Masing-masing kutipan duti dan cukai yang dikenakan ke atas penjualan minuman keras. Pada 2018 dan 2019 September. Itu nilai. Akan tetapi nilai nyawa itu sebenarnya jauh melebihi daripada nilai-nilai cukai dan duti yang kita sebutkan ini. Saya ingin menegaskan bahawa mencegah itu lebih baik daripada merawat dan ia perlu dilaksanakan dengan mengetatkan pelesenan juga. Penjualan arak di kedai-kedai serbaneka, kedai-kedai runcit dan pusat-pusat hiburan.

Justeru, apakah langkah kerajaan dalam mengetatkan pelesenan penjualan arak dan penguatkuasaannya? Apakah ini dibincangkan dengan kementerian lain sambil meneliti pindaan perlu kepada akta lain? Kadar penjualan arak terbukti mempunyai kaitan dengan kes kemalangan yang meningkat bagi sesuatu kawasan. Antara langkah-langkah lain yang juga boleh digunakan untuk mengurangkan pembelian arak adalah dengan menaikkan harga penjualan arak. Namun begitu, kerajaan juga seharusnya mengharamkan penjualan arak murah ataupun arak tiruan yang saya difahamkan boleh didapati dengan harga serendah RM5.00 sahaja. Kajian mendapati bahawa menaikkan harga penjualan arak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, satu minit untuk gulung ya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Baik. Menyebabkan orang awam memilih untuk membeli arak murah. Jadi, bagi saya ini adalah sangat penting juga untuk dilihat. Berbicara mengenai semangat dan roh pindaan undang-undang ini, saya menuntut agar kementerian juga mempertimbangkan rencana mengambil kira hak dan pembelaan bagi mangsa yang terkesan akibat kemalangan yang melibatkan pemanduan dalam keadaan mabuk. Baru-baru ini, saya menziarahi Puan Salmi. Beliau kehilangan anaknya dan anak saudaranya berumur 19 tahun dan 21 tahun akibat daripada motosikal mereka dirempuh oleh kereta yang dipandu oleh seorang lelaki yang disyaki mabuk. Kemalangan ini memberi impak yang besar kepada Puan Salmi sebab dia seorang ibu tunggal, suami meninggal. Kemudian, anak sulungnya pula meninggal. Begitu

juga, dengan kes-kes yang lain yang kita tahu penyara utama keluarga sama ada suami ataupun isteri meninggal akibat daripada ini.

Saya difahamkan memang ada kes-kes yang telah pun didakwa dan didenda dan dihukum seperti di Tawau yang menyebabkan empat kematian dan satu kemalangan. Di situ pihak yang tertuduh telah didakwa, penjara dan juga denda sebanyak RM39,000. Jadi, dalam keadaan COVID-19, dalam keadaan ekonomi sekarang ini, apakah boleh pihak kerajaan mempertimbangkan supaya, ada juga disebut oleh rakan-rakan saya tadi, supaya wang denda yang dibayar kepada kerajaan itu. *The state got the money*. Adakah itu boleh digunakan sebagai pampasan kepada mangsa?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memastikan supaya kita juga mengambil pandangan ataupun perbandingan dengan negara-negara lain yang berkaitan dengan pampasan kepada keluarga ini. Di negara Thailand terutamanya. Pemandu mabuk harus membayar ganti rugi tunai kepada keluarga mangsa. Malah, Thailand dan beberapa negara lain menetapkan pemandu mabuk ini harus menjalani program khidmat masyarakat sebagai bentuk rehabilitasi dan tanggungjawab kepada masyarakat. Justeru, soalan saya apakah langkah kerajaan dalam isu pampasan ini? Bolehkah kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain? Supaya kita lihat pindaan undang-undang ini ada keterangkuman, ada keadilan, ada sifat yang menyeluruh. Saya harapkan bahawa dengan adanya pindaan yang menyeluruh yang mengambil kira semua, maka ia boleh memastikan supaya pihak mangsa juga mendapat keadilan.

Akhir sekali, menggulung perbahasan saya pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Peribahasa Melayu ada menyebutkan '*getu sementara, lagi bintik*' yang membawa makna, sesuatu bahaya hendaklah dihindarkan selagi kecil agar jangan sampai menimbulkan malapetaka. Walaupun pindaan ini menetapkan hukuman kepada kesalahan yang telah dilakukan, saya menyeru agar usaha-usaha daripada pihak kerajaan dan pihak-pihak lain lebih tertumpu untuk mengelakkan kemalangan akibat pemandu mabuk yang meragut nyawa berlaku. Ini kerana nilai nyawa itu sangat berharga, bahkan tiada galang gantinya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya minta maafah tetapi saya hendak tegur. Kita ada lagi 14 orang pembahas. Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang. Kalau seorang selama 10 minit, bersamaan 140 minit. Rang undang-undang ini penting bagi semua wakil rakyat. Ini kerana rakyat menunggu pindaan kepada akta ibu ini. Itu sebabnya, saya berharap semua Yang Berhormat memberi sedikit, dengan izin, *consideration* kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dan habiskan dalam masa yang paling mampu iaitu dalam masa yang diberikan. Oleh sebab saya tidak tahu sama ada mungkin Tuan Yang di-Pertua mungkin akan memendekkan pada lima minit. Setakat ini, hanya seorang selama 10 minit. Jadi, saya memohon sangat. Kalau tidak, sahabat-sahabat Yang Berhormat yang lain, yang tinggal seramai 14 orang

ini akan terlepas. Jadi, kalau terlepas, adalah tidak adil bagi rakyat yang menghantar Yang Berhormat dalam Dewan untuk berbahas isu yang begitu penting bagi pihak mereka.

Jadi, saya harap semua Yang Berhormat memberikan kehormatan yang sama kepada masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh. 10 minit. Tiada? Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

2.46 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya turut ingin menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 ini. Sekiranya kita lihat kembali kepada sejarah pelaksanaan langkah-langkah keselamatan jalan raya, banyak langkah telah dijalankan sebelum ini. Antara lainnya, dengan izin, *Safety Helmet Rules 1973*, *Seat Belt Rules 1978*, *Speed Limit Rules 1989*, *Motorcycle Daytime Running Headlights Regulation 1992*, *implementation of specification of protective helmets*, semakan piawaian helmet. Antara usaha langkah keselamatan jalan raya, antara lainnya peraturan tali pinggang kereta telah berjaya mengurangkan kematian pemandu dengan jumlah 58 peratus.

Walau bagaimanapun, *motorcycle day time running headlights regulation* tidak begitu efektif. Cadangan pindaan undang-undang ini merupakan langkah tambahan kepada usaha di atas. Akan tetapi saya perlu mengingatkan kementerian bahawa penurunan kepekatan alkohol ataupun *blood alcohol contents* (BAC) yang di *introduce* melalui pindaan ini bukanlah *silver bullet* yang bakal menyelesaikan segala-gala masalah. Inti pati klausa 11, had *blood alcohol contents* (BAC) yang ditetapkan untuk nafas, darah, air kencing, sejajar dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 0.05 peratus alkohol dalam darah, 0.022 peratus untuk nafas dan 0.067 peratus untuk air kencing.

Menurut kajian oleh Yusria Darma, calon PhD Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya dengan tajuk, "*A Time Series Analysis of Road Traffic Fatalities in Malaysia 2017*", hanya 1.3 peratus pemandu kenderaan yang mati dalam kemalangan jalan raya diuji secara positif terpengaruh dengan alkohol. 1.3 peratus sahaja. Dengan itu, *blood alcohol contents* (BAC) bukanlah sebab utama berlaku kematian jalan raya yang melibatkan maut. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya, sama ada sebelum ini ada *Road Safety Plan 2014* sampai 2020 yang mempunyai sasaran mengurangkan kematian jalan raya telah mencapai objektifnya? Terdapat banyak sektor yang menyebabkan kemalangan jalan raya dan kebanyakan mangsa jalan raya adalah penunggang motosikal. Menurut kajian, julat umur yang mengalami kematian jalan raya yang tinggi ialah golongan remaja. Antara umur 16 tahun sampai 25 tahun. Lokasi yang merekodkan kematian jalan raya tertinggi adalah di lebuh raya atau *highway*.

Kalau kita lihat *highways* di negara kita sama ada lebuh raya seperti *Federal Highway*, Butterworth – Kulim, KESAS *Highway*, Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Pulau Pinang dan beberapa lagi.

■1450

Saya rasa reka bentuk jalan raya dengan *motorcycle lane* spesifik boleh mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Ini kerana satu punca kemalangan ialah konflik antara kenderaan besar sama ada lori besar, kenderaan yang— kereta bertembung dengan motosikal yang berkongsi laluan yang sama. Mengikut kajian oleh *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS) bahawa kalau kita melabur ataupun kita membuat usaha menambahkan *motorcycle lanes, dedicated motorcycle lanes* yang boleh mengurangkan kematian kemalangan jalan raya yang melibatkan khasnya penunggang motosikal dan juga penumpangnya.

Saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian bahawa 1.3 peratus sahaja pengaruh alkohol, yang lain-lain. Kalau kita ingat bahawa dengan *introduce bill* ini ia hanya boleh menambahkan kebaikan, penyelesaian sedikit sahaja dan bukan boleh menyelesaikan segala masalah kemalangan maut yang pada hari ini. Begitu juga saya ingin menimbulkan konsep kenderaan *micromobility* yang diperkenalkan dalam klausa 2B rang undang-undang pindaan ini yang merujuk kepada kenderaan yang berkelajuan maksimum 50 kilometer sejam. Antara senarai kenderaan *micromobility* yang wujud buat masa ini termasuk *bicycle*, beca, *tricycle* berkayuh, basikal elektrik, *e-scooter segway*, basikal lajak. Saya berpandangan bahawa untuk kategori *micromobility* itu, kalau sebaiknya boleh digalakkan kawasan khas untuk melindungi penunggang, pengguna tersebut daripada berkonflik dengan kenderaan besar seperti lori besar dan kereta.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Kita perlu melindungi khasnya golongan muda daripada potensi kemalangan yang tentu akan berlaku sekiranya tiada kawalan daripada pihak berkuasa.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon mencelah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Gopeng, silakan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Berkenaan dengan kenderaan *micromobility* ini, ini pertama kali tafsiran telah diberikan untuk kenderaan *micromobility* yang merangkumi basikal-basikal elektrik dan sebagainya. Jadi dalam hal ini, adakah Kementerian Pengangkutan akan melakukan pengawalan daripada segi pelesenan untuk pemandu ataupun pelesenan untuk kenderaan tersebut? Mohon pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekian.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih kepada kawan saya. Saya apabila melihat akta ini, rang undang-undang ini tidak disebutkan dengan jelas. Akan tetapi kalau saya boleh merujuk kepada akta, satu undang-undang di Singapura, *Active Mobility Bill* yang *regulate personal mobility devices*. Saya rasa kita mungkin tidak menjurus ke arah itu dengan satu undang-undang yang begitu komprehensif di Singapura tentang *personal mobility devices*. Akan tetapi saya rasa, kita perlu ada kawasan khas, digalakkan kawasan khas kerana memang kalau hari ini kita lihat banyak *e-scooter* di kawasan Georgetown *in the city*, jalan yang sempit, *e-scooter*

atas jalan raya. So, bagaimana kita boleh *regulate* perkara ini? Oleh kerana kita bukan hendak menghalang *e-scooter* ini tetapi kita tidak mahu pengguna *e-scooter* ini bertembung dengan kenderaan kerana berkongsi atas jalan yang sama.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat, sedikit.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Saya kekurangan masa. Boleh di tempoh yang lain. Seperti saya katakan tadi, saya rasa bukan sahaja MOT perlu melihat kepada usaha penambahbaikan terhadap pengangkutan awam seperti bas, LRT dan sebagainya. Ini kerana apabila pengangkutan awam yang bagus, akan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Isu-isu *drink driving* ini akan dapat dikurangkan secara berkesan. Pihak kerajaan juga saya rasa harus memberikan perhatian kepada pelbagai aspek dan bukan sahaja meningkatkan hukuman ataupun banyak lagi dasar dan kerangka perlulah diteliti. Jangan gunakan alasan *blood alcohol content* (BAC) ini untuk bekukan lesen arak yang baru-baru ini telah dilakukan di Wilayah Persekutuan, telah dibekukan pengeluaran lesen baharu. Saya rasa ini bukan alasannya kerana rekod data yang menunjukkan 1.3 peratus, yang menyebabkan kematian, ada beberapa sebab, ada banyak sebab. Saya rasa satu kajian ataupun satu usaha yang lebih gigih boleh dilakukan.

Itulah ucapan saya dan...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat Bukit Bendera, sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Silakan, silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri kira-kira sebulan yang lalu ada menyebut tentang kanak-kanak yang berbasikal lajak ini, kalau berlaku apa-apa ini, ibu bapa yang akan bertanggungjawab. Menteri ada menyebut, ibu bapa boleh dipenjarakan, bukan sekadar denda tetapi dipenjarakan. Jadi, mohon Yang Berhormat Bukit Bendera tanyakan kepada Menteri sama ada beliau masih berpegang kepada pandangan beliau yang lama? Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Terima kasih sahabat saya. Saya rasa autoriti perlu menyediakan tempat rekreasi untuk anak-anak muda. Tempat-tempat yang selamat untuk penggunaan basikal, tempat-tempat yang selamat untuk penggunaan *e-scooter* dan bukan untuk meletakkan beban yang begitu berat ke atas ibu bapa. Itu sahaja ucapan saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sik.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Oh, ganti dengan Yang Berhormat Sik?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, tidak ada dalam senarai ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tengok, saya ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Mana? Yang Berhormat Sik tidak ada?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, saya ada, berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Mana Yang Berhormat Sik?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *[Mengangkat tangan]*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya rasa sebelum ini Pasir Puteh sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik ada. Okey, boleh Yang Berhormat Pasir Puteh dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Akan tetapi dalam senarai adalah Yang Berhormat Sik.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tidak, tidak, tidak di...
[Sambil membuat isyarat tangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Adakah Yang Berhormat Sik hendak beri kepada Yang Berhormat Pasir Puteh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Sik beri laluan kepada Pasir Puteh.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, tukar sama tukar ini kena maklumkan kepada *Speaker* ya. Tidak boleh macam ini.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Sorry, sorry.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau kita hendak akad nikah pun kena tahu siapa yang kita nikah. Betul atau tidak Yang Berhormat?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Insya-Allah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Insya-Allah.* Jadi Yang Berhormat Sik, saya beri kepada Yang Berhormat Pasir Puteh ya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Okey, boleh. Selepas ini saya ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Maknanya, Yang Berhormat Sik akan turun ke bawah Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Oh, okey. Tidak apalah, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak ada selepas ini ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Minta maaf. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

2.57 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan beberapa pindaan seksyen di dalam rang undang-undang yang membabitkan isu keselamatan nyawa manusia waktu berada di jalan raya. Ini adalah satu sikap yang sangat baik. Syabas saya ucapkan kerana dalam tempoh yang singkat, Kerajaan Perikatan Nasional berjaya membawa suatu perundangan yang tegas, yang membuktikan komitmen yang tinggi, yang dapat kita beri jaminan kepada rakyat di dalam negara kita. Dalam isu ini, suka saya sebut, kita berkisar kepada tiga aspek yang utama. Pertama ialah sebelum daripada berlakunya kes pemandu mabuk. Keduanya, hukuman kepada pemandu mabuk. Ketiga iaitu beberapa jalan penyelesaian yang perlu ada untuk kita menangani isu besar ini.

Isu yang pertama iaitu sebelum daripada berlakunya kes kemalangan. Suka saya cadangkan supaya faktor pemandu yang mabuk ini, adanya kerjasama yang baik di antara Kementerian Pengangkutan dengan kementerian-kementerian yang lain, termasuk KPKT. Di mana isu penjualan arak ini, adalah isu yang kalau kita hendak sebut ini adalah kebebasan manusia. Hatta di dalam Islam pun, Islam tidak pernah menghalang mana-mana agama yang lain untuk mereka minum arak. Islam tidak pernah menghalang. Cuma Islam menghalang penganut-penganut yang beragama Islam sahaja. Namun, kaum yang lain ataupun agama yang lain ini, kalau dibenarkan dalam agama mereka. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bidang pengajian saya, hatta dalam pengajian di peringkat PhD pun saya belajar dalam perbandingan agama.

■1500

Saya kira tidak ada agama sebenarnya yang membenarkan penganutnya untuk minum arak. Tidak ada. Agama Buddha, agama Hindu, agama-agama ini tidak membenarkan. Jadi, saya rasa isu ini ia tidak jadi satu isu yang sensitif bagi agama lain- daripada agama Islam...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mohon pencilahan, pencilahan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Sebab yang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu satu kenyataan tidak tepat. Agama lain membenarkan minum arak tetapi tidak memabukkan. Standard dia ialah jangan mabuk, bukan tidak boleh *to taste*. Jadi, harap diperbetulkan kenyataan. Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat maksudkan itu agama mana?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita pun...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Agama Buddha?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Orang-orang Kristian semasa *the Lord's Supper* menggunakan *the red wine*. Semasa Nabi Isa pun, Jesus semasa mengamalkan *the last Lord's Supper*, mereka menggunakan *red wine*. Saya dari Gereja Methodist, kita guna *Ribena juice*.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya faham.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Akan tetapi hendak memperbetulkan kenyataan. *Thank you.*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Okey, okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas. Saya minta Yang Berhormat Beruas supaya dia mengkaji betul-betul fakta-fakta agama yang ada termasuk kalau dalam agama Kristian yakni fakta sebelum daripada Kitab Injil ini dipesongkan ataupun diubah.

Sebenarnya, asal agama yang diturunkan termasuk agama Masihi yang dibawa oleh Nabi Allah, Isa a.s. mengharamkan apa jua bentuk arak termasuk minum yang sedikit. Yang disebut dalam kitab ini- ini bidang saya. Saya sebut ini bidang saya. Yang disebut... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Kaedah iaitulah setiap benda yang kalau kita minum banyak ia memabukkan, maka sedikit pun hukumnya haram. Itu tidak boleh. Termasuk di dalam agama Kristian. Begitu juga agama lain.

Ini adalah suatu benda yang sangat baik dalam kehidupan manusia. Ia adalah satu perkara yang baik. Barangkali kalau Yang Berhormat berpegang dengan kitab yang telah dipesongkan itu, barangkali ada kebenaran. Asal kitab itu, tidak boleh.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu saya harap perkataan seperti "pesong" ini jangan digunakan. Marilah kita kalau kita hendak tahu tentang agama Kristian dan agama Buddha, tanyalah mereka yang beragama Kristian, beragama Buddha, janganlah tanya orang Islam. Kalau hendak belajar dengan orang Islam...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Tentang Islam, belajarlah dengan orang Islam, bukan dari Kristian atau Buddha. Ini kerana dalam masyarakat majmuk ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Beruas, Peraturan Mesyuarat 37.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya harap...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya berharap jangan perkara-perkara mengelirukan dinyatakan dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itulah saya hendak buat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Pasir Puteh sudah jelaskan, itu jawapan dia.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya bagi. Nanti *floor* Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bercakap.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan Yang Berhormat Pasir Puteh mengelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Nanti Yang Berhormat hendak bahas, Yang Berhormat boleh betulkan, tetapi ini lantai dia Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Betul. Di bawah Perintah Tetap, tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang mengelirukan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tidak boleh, saya tidak benarkan. Sila duduk, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak benarkan, Yang Berhormat. Silakan, empat minit lagi.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Untuk makluman Yang Berhormat, saya baca buku-buku yang dikarang oleh para Pendeta Kristian. Bukan saya baca daripada buku-buku yang dikarang oleh orang Islam. Saya baca sumber yang asal... [*Tepuk*] Ini adalah bidang pengajian saya, dan saya sama sekali tidak berhasrat untuk memburukkan mana-mana agama. Ini kerana kalau ada agama yang membenarkan benda ini, bermakna mereka sendiri memburukkan agama mereka. Sebab, arak ini adalah benda yang sangat tidak baik dalam kehidupan manusia. Ia boleh memabukkan. Macam-macam perkara boleh berlaku apabila berlakunya mabuk.

Oleh sebab itu saya minta pihak Yang Berhormat Menteri supaya buat kerjasama dengan menteri-menteri yang lain supaya penjualan arak biar betul-betul dikawal.

Begitu juga dengan pusat-pusat hiburan yang liar. Sebab hiburan ini naluri manusia. Di dalam Islam pun, Allah tidak menghalang seseorang itu untuk berhibur tetapi ia ada batas sempadan dia. Kalaulah hiburan ini lebih daripada batas sempadan yang ada, maka akhirnya dia tidak jadi hiburan tetapi dia jadi malapetaka. Pusat-pusat hiburan yang liar, yang dihidangkan dengan arak berlebihan yang diminum, akhir sekali berlaku macam-macam perkara termasuk apabila mereka memandu, mereka pandu dalam keadaan yang memabukkan.

Jadi, saya sangat bersetuju sebagaimana yang disebut oleh rakan saya daripada Tanjong Karang. Pusat-pusat hiburan yang liar ini kita *test* dia punya kandungan alkohol di dalam tubuh manusia waktu keluar daripada pusat hiburan yang liar ini. Kalau kita hendak *test* waktu *accident* ataupun selepas daripada *accident*, pergi hospital apa semua sekali, kemudian baru hendak *test*, saya rasa ini tidak menyelesaikan masalah. Kalau COVID-19 kita boleh *test* di setiap kedai dan seumpamanya kita boleh *test*, maka mengapa kandungan arak ataupun alkohol ini kita tidak boleh *test*?

Kedua, iaitulah yang menyentuh masalah hukuman. Hukuman yang membabitkan pemandu yang mabuk ini saya tidak hendak komen apabila disebut berapa tahun penjara, berapa puluh ribu yang didenda, apa semua sekali. Kerana pemandu mabuk ini jangan sekali-kali kita hendak bela dia tetapi kita bela orang yang dizalimi iaitu mangsa-mangsa yang dilanggar. Kenderaan-kenderaan yang dilanggar, sepatutnya kita fokus begitu. Jadi sebab itu, kita jangan bela orang yang mabuk. Orang yang mabuk ini biar dia mabuk dan macam mana hukuman sekali pun, *insya-Allah*, saya kira Ahli-ahli Parlimen ini boleh bersetuju apa jua hukuman yang dijatuhkan.

Terakhir yang saya hendak sebut iaitu yang ketiga berkenaan dengan program-program susulan untuk kita mengelak daripada berlakunya orang yang minum lebih daripada kadar. Dan orang Islam ini, dia tidak dibenarkan walaupun sedikit. Tidak dibenarkan. Bukan Islam ataupun ada juga kadang-kadang yang beragama Islam tetapi mereka tidak pegang dengan agama mereka, mereka masih mabuk, mereka- ada, saya tidak nafikan tetapi jumlah mereka sangat sedikit.

Jadi, orang yang seumpama ini, saya hendak sarankan supaya adanya subjek di dalam sistem pendidikan negara kita ini yang menceritakan masalah keburukan alkohol ataupun arak dalam kalangan pelajar-pelajar itu lagi. Kita bentangkan kepada mereka. Begitu juga dengan kursus-kursus seperti waktu kita hendak ambil lesen kenderaan. Biarlah disebut hendak lesen, mesti jangan minum arak dan waktu memandu jangan ada yang dipengaruhi oleh alkohol.

Jadi, isu-isu yang seumpama ini saya kira sangat mustahak untuk kita selaraskan dalam negara dan saya ucap syabas kepada Menteri yang bersungguh-sungguh untuk melihat jalan raya kita ini berada dalam keadaan yang baik.

Masa tidak mengizinkan. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan Yang Berhormat.

3.08 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan saya mengenai rang undang-undang meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987, saya menyentuh satu aspek sahaja iaitu berkenaan pindaan seksyen 41 di mana hukuman yang lebih berat dikenakan.

Pada pandangan saya, memang saya menyokong hukuman yang lebih berat sebab seksyen 41 ini melibatkan kemalangan, pelanggaran yang akibatnya kematian. Akan tetapi, hukuman yang berat sahaja belum dapat menjamin apa yang dihajatkan oleh Parlimen ini. Mereka yang mabuk yang tidak bertanggungjawab memandu dengan melulu itu patut dihukum, kadang-kadang terlepas.

Mereka yang menjadi orang-orang yang tertuduh ini yang melakukan kesalahan mabuk ini, menyebabkan kematian, terlepas. Ini kerana di dalam- saya membawa hal ini berkenaan dengan apa yang berlaku di dalam perbicaraan di mahkamah. Adalah tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan melepasi keraguan yang munasabah tertuduh telah memandu dengan bahaya dengan melulu. Bukannya yang tertuduh untuk membuktikan dia tidak bersalah tetapi pihak pendakwaan.

■1510

Jadi daripada hemat saya, daripada pandangan saya, kadang-kadang berlaku dalam perbicaraan di mahkamah, pegawai-pegawai penyiasat kadang-kadang mungkin terlalu banyak beban kerja dia, siasatannya tidak lengkap, tidak sempurna akibatnya bukti tidak teguh. Jadi

harapan masyarakat, orang yang bersalah ini patut dihukum tetapi akhirnya lepas atas kelemahan di pihak pendakwa.

Saya tidak menuduh cara mendakwa ini keseluruhannya, ada kes-kes yang kita lihat kes-kes yang berprofil tinggi tentang kemalangan maut ini tetapi yang didakwa terlepas. Ertinya, mesti seimbang apa *intention*, hajat Parlimen ini dengan apa yang berlaku di peringkat bawah nanti, pelaksanaannya. Dengan ringkasnya, saya mohon supaya pegawai-pegawai penyiasat jabatan trafik ini mesti dilatih secukupnya, mesti melakukan penyiasatan sebaik-baiknya, selengkapnya, bersedia dengan perbicaraan. Jadi ertinya *human factor*, sumber manusia di Jabatan Trafik ini mesti dibantu supaya hajat kita agar yang bersalah ini dihukum dengan seadilnya dapat dilihat, benar-benar akan berlaku di peringkat perbicaraan.

Sebabnya, apabila di bawah kes 41 ini iaitu hukuman penjara mandatori ini, mereka yang dituduh akan mendapat khidmat daripada para peguam. Para peguam yang terlatih dalam bidang ini, ertinya akan dapat mencari kelemahan-kelemahan di pihak pendakwa sekiranya kes-kes pihak pendakwa itu lemah sebab beban pembuktian adalah terletak kepada pihak pendakwa.

Jadi, itu sahaja yang saya hendak sebutkan. Saya rumuskan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu kita kena membantu jabatan penguatkuasaan. Oleh sebab itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Gudang...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya seorang peguam, saya ingin tanya sedikit ulasan. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pemandu-pemandu yang dituduh untuk kesalahan memandu apabila mabuk dan mereka merupakan warganegara asing. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa kita juga melihat kepada kes-kes yang melibatkan warganegara asing ini?

Negara kita terdapat banyak orang yang datang ke sini dan bekerja, *expatriates* yang juga kadangkala ditangkap, dituduh untuk kesalahan memandu dalam keadaan mabuk. Kita lihat selepas seketika, mereka akan meninggalkan negara dan balik ke negara mereka. Bagaimana pula dengan keluarga-keluarga yang ingin menuntut pampasan daripada mereka selepas mereka didapati bersalah untuk kesalahan memandu ketika mereka mabuk.

Apakah cadangan Yang Berhormat untuk kita mengatasi masalah yang melibatkan pemandu-pemandu mabuk yang dituduh khususnya yang datang daripada luar negara, orang asing, *expatriates*, dengan izin.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Jelutong. Saya ingin menjawab soalan itu iaitu apabila seseorang yang dituduh di bawah kesalahan seksyen 41 akta ini.

Pertama, lesen dia akan dipegang oleh mahkamah, dirampas. Kedua, saya rasa kalau ini melibatkan warganegara luar, kita takut ada *flight risk*, dia lari maknanya pasport dia mesti diserahkan kepada pihak mahkamah. Ketiga, boleh dipertimbangkan patut atau tidak iaitu apabila

kesalahan yang menyebabkan maut ini kalau melibatkan warga luar negara sama ada mahkamah ada budi bicara dan kuasa supaya tidak membenarkan dia dijamin.

Jadi, itulah cadangan saya bagi jawapan. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pasir Gudang, boleh?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, sila-sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pasir Gudang saya hendak bertanya sedikit. Tadi Yang Berhormat Pasir Gudang bercakap fasal hukuman mandatori. Saya secara umumnya memang hukuman mandatori kita tahu hukumannya agak keras sebab bila hukuman mandatori ini kita seolah-olah mengikat tangan hakim lah.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Pasir Gudang sebagai pengamal undang-undang, kita tahu beberapa tahun yang lepas kerajaan telah- kerajaan sebelum ini telah memasukkan satu peruntukan dalam CPC berkaitan dengan *plea bargaining*.

Soalan saya, dengan wujudnya hukuman mandatori ini bersetuju dengan saya bahawa *plea bargaining* ini seolah-olah tidak ada lagi satu manfaatnya sebab apa, apabila orang kena hukuman mandatori ini, macam mana pun mereka akan *claim trial* sebab mereka akan *ambitake the risk* daripada mereka mengaku bersalah, kena hukum mandatori. Apakah pandangan Yang Berhormat Pasir Gudang?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang atas pertanyaan itu. Iaitu apabila kes yang menyebabkan umpamanya di bawah seksyen 41 ini langgar maut ini, memang ada risikonya apabila yang tertuduh itu mengaku bersalah, tiada jalan lain bagi pihak hakim perlu menjatuhkan seperti yang terdapat dalam undang-undang ini.

Akan tetapi kalau kita lihat hukumannya paling- telah ditingkatkan selama tempoh tidak lebih kurang dari lima tahun. Maknanya paling ringan pun lima tahun kan. Jadi, saya rasa tidak sesuai untuk pihak yang tertuduh itu kecuali dia mendapat nasihat yang lengkap daripada peguam dan dia betul-betul bersedia untuk menerima hukuman yang paling rendah itu iaitu lima tahun kecuali dia mendapat nasihat dan dia faham betul-betul kesan dan akibatnya terserahlah kepada yang tertuduh itu. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu poin sahaja. Saya minta iaitu di pihak pelaksanaan, di peringkat mahkamah saya mohon supaya pegawai-pegawai polis Jabatan Trafik ini mesti ada integriti, mesti mengelakkan sebarang bentuk korupsi dan rasuah. Ini bukan tuduhan yang melulu tetapi kalau untuk memastikan niat mahkamah ini terlaksana, maka jabatan polis mesti melaksanakan tugasnya untuk menyokong undang-undang ini dilaksanakan dengan seadilnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Setiu.

3.18 ptg.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah kerajaan dalam meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] sebagai satu bentuk *deterrent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan pengajaran agar semua masyarakat mematuhi segala peraturan jalan raya sekali gus meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

Pindaan ke atas hukuman sedia ada dengan meningkatkan kadar denda, tempoh penjara dan tempoh penggantungan lesen memandu wajar diberikan pujian. Namun saya berpandangan agar pendekatannya lebih holistik dengan memasukkan perspektif pandangan Islam wajar diperhalusi.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan untuk mengkaji setiap kesalahan yang mengakibatkan kematian sama ada dengan niat ataupun tanpa niat seperti yang digariskan dalam Islam yang disebutkan sebagai *al Qatlu Amd* ataupun *al Qatlu Khatna*. *Amd* bermaksud sengaja, *khatna* bermaksud tersalah.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin ketengahkan berkenaan penggunaan definisi arak yang sewajarnya diselaraskan. Saya menyokong penuh langkah kerajaan dalam menaikkan had kandungan alkohol di dalam darah, nafas dan air kencing. Hal ini bagi memastikan definisi mabuk terus diperincikan dengan lebih detil.

Namun begitu, definisi arak juga wajar dipinda. Dengan menyelaraskan definisi arak, *liquor*, dan *beer* kepada satu maksud sahaja. Membezakan istilah-istilah tersebut menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan kesalahan penjualan arak di mana sesetengah kedai dibenarkan menjual bir dan tidak dibenarkan menjual *liquor* dan alkohol sedangkan ketiga-tiga jenis minuman tersebut adalah memabukkan. Oleh itu, sewajarnya ketiga-tiga jenis minuman tersebut tidak dibezakan dan segala undang-undang berkaitan arak diaplikasikan ke atas ketiga-tiga jenis minuman tersebut tanpa dibeza-bezakan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan penguasaan yang serius tidak dapat dipisahkan. Saya kira aspek penguatkuasaan wajar diberi perhatian serius. Saya lihat hari ini penguatkuasaan hanyalah dikawal di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan (PBT). Sebarang pelesenan juga diberikan melalui PBT. Namun begitu, setiap PBT mempunyai undang-undang yang berbeza yang amat menyukarkan.

Hal ini kerana sebagai contoh sesetengah PBT membenarkan penjualan arak secara terbuka, manakala sesetengah PBT melarang penjualan secara terbuka. Saya berpendapat agar sebarang syarat diselaraskan di bawah Kerajaan Persekutuan. Manakala pihak PBT di setiap negeri boleh mengamalkannya mengikut apa yang telah digariskan.

Sebagai contoh apa yang sedang dijalankan adalah kerajaan sedang mengkaji semula penjualan minuman keras secara runcit di Kuala Lumpur bermula dari jam 10.30 malam sehingga 7 pagi. Langkah tersebut wajar dijalankan juga ke atas negeri-negeri lain. Oleh itu, penyelarasan dasar dan peraturan wajar dilaksanakan.

Selain itu, berkenaan dengan pusat hiburan, peraturan eksais penjualan *liquor* memabukkan dihadkan masa penjualan sama ada secara runcit mahupun borong pada jam 9 malam sehingga 7 pagi, dilarang untuk melakukan sebarang penjualan alkohol. Namun begitu, persoalan yang timbul sejauh manakah pusat-pusat hiburan mematuhi peraturan tersebut. Oleh itu, apakah hukuman yang telah ditetapkan bagi mana-mana pihak yang melanggar syarat ini. Saya juga mencadangkan aspek koordinasi syarat untuk pusat hiburan wajar diberi perhatian. Saya minta agar penguatkuasaan berkala sehingga isu ini dapat diselesaikan sehingga akar umbi sepatutnya dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya adalah berkenaan polisi kerajaan. Saya mencadangkan agar satu *special enforcement team* ditubuhkan dalam menangani isu ini seperti mana yang wujud dalam kes menangani dadah, ditubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan. Saya kira bahayanya arak setanding dengan bahayanya dadah. *Team* tersebut ditubuhkan bagi memastikan dasar dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dilaksanakan bagi memastikan isu ini benar-benar ditangani. Saya yakin isu korupsi yang sering berlaku turut dapat ditangani dengan serius.

Selain itu juga, saya mencadangkan agar diwujudkan satu servis penghantaran pemandu mabuk seperti mana yang dijalankan di Singapura, *drive home valet services*. Ia adalah perkhidmatan yang disediakan bagi membawa pulang pemabuk ke rumah sama ada menggunakan kereta individu terbabit ataupun kereta yang disediakan oleh perkhidmatan tersebut. Dengan cara ini, pemabuk tidak memandu dalam keadaan mabuk sekali gus kemalangan maut dapat di cegah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya kira wajar diberi perhatian yang serius adalah berkait pampasan bagi mangsa dan keluarga mangsa. Saya meneliti perkara yang ingin dipinda, namun isu pampasan kepada mangsa mahupun keluarga mangsa tidak disentuh sama sekali. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar diwujudkan satu undang-undang berkenaan *diyat* kepada mangsa dan keluarga mangsa. Pelaksanaan *diyat* atau pampasan kepada mangsa atau keluarga mangsa wajar diperkenalkan dan diketengahkan dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia demi meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga mangsa. Keadilan mesti ditegakkan.

Sekali gus saya ucapkan tahniah kepada kerajaan hari ini yang benar-benar serius dalam menyelesaikan isu pemandu mabuk. Dalam masa yang sama juga saya berharap agar segala cadangan yang dibahaskan hari ini diangkat dan diberi perhatian sebaik mungkin. Dengan itu saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua... [*Membaca sepotong doa*] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Walaikumsalam* Yang Berhormat. Yang Berhormat Beruas. Silakan.

3.25 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan *bill*, akta meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ingin saya sebelum menyatakan pendirian saya hendak bezakan antara kesalahan ini dan hukumannya.

Memang kita semua setuju mereka yang membawa kenderaan secara melulu, secara merbahaya atau dalam keadaan mabuk mesti dihukum. Akan tetapi pindaan yang hendak dicadangkan ini memang melanggar konsep yang telah turun temurun diberikan kepada nenek moyang kita yang begitu pintar sekali iaitu konsep setimpal, konsep memadai ataupun dalam masyarakat Cina *the middle path, the yin and yang*. Saya ingin menyatakan bahawa saya tidak setuju dengan pindaan yang dicadangkan kerana ia lebih banyak membawa mudarat daripada kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengatakan bahawa hanya dengan menaikkan hukumannya ia tidak akan menyelesaikan segala masalah yang sekarang kita hadapi. Ingin saya nyatakan bahawa undang-undang yang sedia ada sudah memadai untuk masyarakat kita dan lebih penting ialah kita bagaimana mengajar masyarakat kita supaya memandu dengan cermat dan jangan dalam keadaan memabukkan pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya nyatakan di sini bahawa pindaan yang hendak dibuat ini adalah kepada seksyen 41, seksyen 42 dan seksyen 44. Hanya seksyen 44 yang berkenaan dengan keadaan memabukkan. Manakala yang lain-lainnya berkenaan dengan membawa kenderaan dengan melulu ataupun membahayakan. Di bawah seksyen 41(1) sekarang ini, dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris, '*causing death by reckless or dangerous driving*', secara melulu atau membahayakan. Sekarang hukumannya tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun atau didenda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM20 ribu, dan dicadangkan dipinda hukuman penjara tidak kurang lima tahun hingga 10 tahun dan denda RM20 ribu, dan tidak melebihi RM50 ribu.

Bagi saya undang-undang sedemikian biasanya mangsanya adalah mereka yang miskin. Kalau pergi mahkamah tidak dapat bayar denda yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Beruas, sekejap Yang Berhormat Beruas. Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Beruas tadi saya dengar Yang Berhormat daripada Setiu mencadangkan supaya ada hukuman dipanggil dari segi Islam hukuman *diyāt* ataupun *blood money*.

Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa semasa kita memerintah dulu kita telah pinda undang-undang sivil di mana dalam kes *accident* ini sebagai contoh ini, *bereavement* tambah RM30 ribu, daripada RM10 ribu. Jadi, ini semua sebenarnya walaupun tidak merupakan *diyāt* tetapi kalau kita faham ia memenuhi sebenar hasrat itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1530

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, memang betul. Memang kita tidak bawa tentang pampasan kerana itu merupakan undang-undang di bawah tindakan sivil, ya memang sudah ada. Memang pampasan mesti diberikan kalau mana-mana orang memandu secara melulu atau membahayakan menyebabkan kerosakan kepada mana-mana mangsa.

Jadi kita hari ini bincang tentang dari segi undang-undang jenayah. Di bawah Seksyen 41(3), undang-undang sekarang ini kalau melakukan kesalahan ini lesennya akan digantung tidak kurang tiga tahun dan kalau kali kedua sampai tidak kurang 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan seksyen 42 di mana dicadangkan undang-undang sekarang *reckless and dangerous driving* ini tidak pun kalau melibatkan alkohol. Penaltinya *not more than five years and a fine not less than RM5,000 and not more than RM15 thousand*. Begitu juga bahawa undang-undang sekarang seksyen 42(3) *disqualification not more than two years and in case of second offender disqualification for a period ten years*. Dicadangkan *disqualification* minimum lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang muda melakukan satu kesalahan membawa kenderaan dengan melulu. Kita hukum dia tidak boleh ada lesen untuk memandu. Orang muda ini mesti cari makan. Dia mesti pergi kerja. Ini tidak menyelesaikan masalah. Ramai yang akan memandu tanpa lesen. Apa akan berlaku kalau ada kemalangan? Orang yang dilanggar itu tidak akan dapat pampasan kerana pihak insurans kenderaan ini tidak ada insurans. Insurans tidak akan bayar.

Jadi, menaikkan hukuman tidak akan menyelesaikan masalah. Juga, kerana tidak cukup masa ingin saya nyatakan cadangan ini melanggar prinsip undang-undang jenayah dalam negara kita. Kita tahu undang-undang utama jenayah negara kita adalah kanun keseksaan kita dan undang-undang *Road Traffic Act* ini hanya berkenaan dengan *road traffic* sahaja.

Undang-undang yang dicadangkan sekarang ini hukumannya lebih berat daripada membunuh tanpa niat ataupun secara melulu di bawah kanun keseksaan. Saya akhiri dengan bacaan dua seksyen ini agar kita pertimbangkan. Jangan luluskan pindaan ini. *Section 304 Penal Code, "Culpable homicide not amounting to murder..."* dengan izin.

Saya baca dalam bahasa Inggeris. "... shall be punished with imprisonment which may extend to ten years or with fine or with both, If the act is done with the knowledge that it is likely to cause death, but without any intention to cause death, or to cause such bodily injury as is likely to cause death."

Hukumannya ialah tadi saya kata tidak sampai 10 tahun, dan seksyen 304(A) *Penal Code, "Whoever causes the death of any person, by doing a rash and negligence act not amounting to culpable homicide, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both."* Jadi maksud saya ini ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Nanti. Saya siapkan ini. Maksud saya ini kita tidak ada niat dalam satu *accident*. Sungguhpun kita membawa kereta terlalu cepat tetapi yang bunuh orang

di bawah *Penal Code* ini sungguhpun *not under murder*, hukumannya jauh lebih rendah. Jadi, tidak konsistenlah dalam undang-undang kita. Saya berharap kerajaan mempertimbangkan semula pindaan yang dicadangkan supaya ia memang selesai masalah kita. Jangan timbul banyak lagi masalah lain yang saya tidak sempat kerana masa untuk kita bincang. Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Beruas. Maksudnya Yang Berhormat Beruas mencadangkan bahawa ketika seseorang itu memohon untuk mendapatkan lesen dan beliau menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun agensi-agensi yang diberi kebenaran atau tauliah, kita perlu mempertingkatkan lagi kesedaran untuk tidak mengambil alkohol dan memandu kenderaan. *In other words*, dengan izin, *educating is better than punishing them*. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya saya setuju 100 peratus. Penting dan akhirnya biarlah kita berikan budi bicara kepada mahkamah untuk menetapkan hukuman yang setimpal yang memadai dalam keadaan fakta yang tertentu. Kalau orang miskin kita denda dia RM2000 pun jumlah itu besar. Bagaimana hendak dapat RM20 ribu. Kita hanya hantar orang miskin masuk penjara lagi dan dalam penjara kerajaan pula menyara hidup mereka ini.

Akibatnya keluarga mereka tidak ada orang yang boleh bekerja untuk menyara dan menjaga keluarga mereka. Siapakah akan jaga mereka? Ini akan timbulkan pelbagai isu sosial lagi. Jadi harapan saya sungguhpun ramai yang menyokong, saya harap kerajaan pertimbangkan semua ini dan mempertimbangkan semula pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Rompin. Tidak ada. Yang Berhormat Arau.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Arau!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau.

3.36 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kacau puak-puak ini. Tuan Yang di-Pertua, fasal 3, seksyen 41 yang telah dicadangkan iaitu dengan menaikkan hukuman penjara sehingga ke 10 tahun dan juga denda RM20 ribu sehingga ke RM50 ribu. Ini termasuk juga kesalahan kedua yang telah dicadangkan. Kita telah membuat perbandingan dengan beberapa negara seperti Poland, Costa Rica, El Salvador, Perancis dan Rusia.

Rusia ini pemandu mabuk akan digantung seumur hidup. Manakala di Taiwan sudah meluluskan draf pindaan untuk hukuman mati kepada pemandu mabuk yang menyebabkan kematian. Undang-undang juga sering dibandingkan dengan Singapura, Finland dan Sweden.

Jadi, apabila kawan-kawan saya ini membuat perbandingan kehebatan yang telah berlaku di beberapa buah negara luar, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang ada kepakaran untuk menghafal benda-benda ini. Apakah kesan atau impak daripada yang telah dilaksanakan di negara-negara yang berkenaan. Kita hendak tengok

kesannya supaya apabila kita membuat perbandingan adalah baik kita hendak lihat dan tengok kesannya.

Jangan kita melihat negara itu memperkenalkan satu rang undang-undang berhubung dengan perkara ini selepas itu kita membuat perbandingan. Jadi kita nampak hebatlah. Tidak hebat pun. Kita kena bagi impak daripada undang-undang yang telah diperkenalkan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi di Malaysia ini saya hendak beritahu, kita bersyukur sebab ini adalah satu kerajaan yang cukup prihatin kepada rakyat. Kerajaan yang memahami *rasanubari asmahramah* rakyat, nadi rakyat...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Arau, boleh *share floor* Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Sehingga beberapa rang undang-undang telah diperkenalkan dengan hebatnya dalam masa tiga bulan ini. Kalau dibandingkan 22 bulan yang lepas, hari ini cakap macam-macam buat cadangan tetapi 22 bulan tidak buat apa. Hari ini cakap untuk menolong orang miskin bagaimana kita hendak tolong orang miskin tetapi 22 bulan yang lepas hanya bagi RM30...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau, boleh kasi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak beri lagi satu contoh Perdana Menteri baru-baru ini telah melawat rumah PPR dan dia berjumpa dengan tiga kumpulan orang yang tidak dirancang. Seorang Melayu, seorang Cina dan juga seorang India. Dia beritahu semua mereka ini berada dalam keadaan yang cukup daif. Lebih daif daripada PPRT. Mereka mendapat bantuan RM250 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak mungkin mereka ini boleh *survive* di dalam kawasan Kuala Lumpur ini. Jadi Perdana Menteri cukup prihatin dan sebak hatinya untuk melihat bagaimana bantuan untuk mereka yang mendapat RM250 daripada Jabatan Kebajikan ini dinaikkan. Kemudian dia pergi berjumpa dengan peniaga kecil.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya hendak tunjukkan bahawa betapa prihatinnya seorang Perdana Menteri, dan sebuah kerajaan yang prihatin kepada rakyat.

■1540

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, boleh kasi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi peluang sama saya untuk mencelah. Yang Berhormat Arau setuju atau tak, negara kita- walaupun kita ada cadang macam-macam undang-undang yang ada di negara kita tetapi, kita ada- sedar atau tidak negara kita, undang-undang dibuat

berlebih-lebihan, tetapi kita tidak mahu melabur, tidak mahu *invest*, dengan izin, dalam peralatan. Negara lain, dia orang ada melabur macam itu penguat kuasa punya kereta sama ada polis kah, JPJ kah apa, semua ada pasang CCTV.

Inilah satu peralatan- *example*, kalau kita ada CCTV, *you* kata dia orang rasuah susah. Kalau kita undang-undang sahaja yang ada, denda macam-macam. Kalau denda lagi berat, dia lagi senang. Nanti dia pergi *blow* satu kali, dia kata, "*Eh saudara you mahu selesai kah, you mahu masuk kah, you mahu apa?*".

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Bintulu, boleh?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: So, kalau kita ada ini peralatan bersedia- saya bagi contoh, macam China sekarang, ada helmet dia pun boleh macam-macam dia orang boleh nampak, CCTV semua ada. Kenapa kita tidak mahu melabur? Saya harap Yang Berhormat Menteri ambil perkara ini serius kerana kadangkala kita tengok undang-undang sahaja. Kata ini undang-undang, bukan semua rakyat begitu jahat, ada rakyat baik.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kasi sedikitlah Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Cuma ada sedikit nakal punya tetapi *we must have a proper implementation*. Setuju atau tidak?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Arau, boleh bagi Jelebu sikit Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih. Masukkan cadangan-cadangan Yang Berhormat Bintulu itu sebahagian daripada ucapan saya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Arau tak dengarlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekejap lagi Yang Berhormat Jelebu akan berucap, saya ingat Yang Berhormat Jelebu boleh berucap sekejap lagi menggantikan...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Arau, sebelum pergi masuk topik lain. Sedikit sahaja. Boleh Yang Berhormat Arau? Fasal saman tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Silakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Arau, tadi Yang Berhormat Arau kata tambahan saman daripada sejumlah RM10 ribu, ke RM50 ribu tadi, itu adalah penalti hukuman yang dikenakan kepada pemandu mabuk. Denda itu akan pergi kepada dana kerajaan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Arau setuju atau tidak, apakah pembelaan kita kepada mangsa. Mangsa yang kena, mangsa yang meninggal, yang cacat seumur hidup dan sebagainya.

Ada tidak tindakan pihak kerajaan untuk mengambil kira kebajikan mangsa ini sama ada kita kenakan hukuman sejumlah kewangan daripada pemandu mabuk kepada mangsa yang terlibat ataupun kita ada satu rang undang-undang khusus untuk gunakan insurans pelaku ini, pesalah ini, pemandu mabuk ini untuk diberikan keseluruhannya kepada keluarga mangsa. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey cukuplah. Terima kasih *nah*. Jadi, ini masuk sebahagian daripada ucapan saya. Sekarang ini beri peluang tiga minit dengar ini sebab ini cadangan yang hebat yang akan saya perkenalkan.

Pertama, seperti yang kawan-kawan telah cadangkan, saya mencadangkan supaya tempoh masa penjualan alkohol itu dikenakan. Sekarang ini 24 jam. Kalau kita buat syarat macam itu, jadi sekurang-kurangnya kita boleh jangkakan sudah apa yang akan berlaku pada tempoh-tempoh tersebut.

Di negara-negara maju, kita lihat mereka bagi syarat itu, ada tempoh masa penjualan alkohol dan tempoh masa untuk mereka berada di tempat-tempat minum arak. Dia ada tempoh masa dan dia beri syarat pula iaitu had umur. Umur 18 tahun ke bawah tidak boleh dan 18 tahun ke 21 tahun mesti ada seorang yang mengiringi. Ini di negara maju. Malah, kalau tak silap saya di England dan negara-negara lain dia bagi syarat. Di Thailand dan di Indonesia tak boleh budak-budak bawah umur tak boleh pergi ke sana. Jadi, kita kena beri syarat yang pertamanya tempoh masa penjualan dan yang keduanya had umur.

Keduanya, saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan peruntukan undang-undang seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Bintulu tadi yang mana mereka yang menyebabkan kecederaan dan juga kecacatan diwajibkan membayar pampasan kepada mangsa dan juga keluarga yang telah meninggal dunia. Ini telah dilaksanakan di Thailand. Jadi, kalau tidak pun insurans yang berkenaan akan dilibatkan. Ini cadangan.

Ketiganya mewajibkan premis hiburan, pub, kelab-kelab malam dan sebagainya untuk ada pemeriksaan kadar alkohol. Sekarang ini kita hendak masuk ke semua tempat premis-premis makan dan sebagainya, suhu kita di-*check* sama ada kita demam atau tidak. Akan tetapi di kelab malam, dia mesti ada alat pengukur tersebut. Sekurang-kurangnya bila orang itu hendak balik, dia kata kamu jangan balik lagi dan sebagainya. Ini cadangan yang cukup hebat yang kerajaan boleh pertimbangkan. Jadi, cadangan ini- sebab saya tak pernah minum jadi Yang Berhormat Bintulu mungkin tidak berapa setuju tetapi ini ialah cara yang terbaik. Sekurang-kurangnya semua orang prihatin. Prihatin kepada siapa yang minum, dia kena jaga diri.

Jadi, saya hendak ucapkan terima kasih sekali lagi kepada kerajaan yang prihatin kepada rakyat dan saya juga meminta supaya pihak kerajaan serta juga semua rakyat Malaysia yang menonton sekarang, apa yang telah kami sebutkan dua, tiga hari yang lepas berlaku cabar-mencabar. Kami hendak sebut di sini bahawa rundingan terus...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau sedikit lagi, boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti kejap, nanti kejap. Rundingan terus yang telah dicadangkan itu kita- tiap-tiap kerajaan terpaksa buat untuk rundingan terus dan juga tender terhad. Akan tetapi, ini bagi kes-kes tertentu. Akan tetapi jangan pergi bohong kepada rakyat, kami tidak akan buat. Itu yang kami pertikaikan. Kenapa bohong kepada rakyat. Sila Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, anda setuju atau tidak tadi *you* kata setuju. Kita paling mustahak bila jalankan penguatkuasaan kalau bila dia orang jalankan-penguat kuasa jalankan tugas, kalau tidak boleh *kawtim* punya, memang kita punya ini kejadian akan dihapuskan. Kita tengok negara- Yang Berhormat Arau, kita tengok negara China sahaja cukup. Satu bilion lebih. Kenapa rakyat semua takut bila dia minum, tak berani? Fasal mereka tidak boleh *kawtim* sama polis. Tak boleh *kawtim* sama penguat kuasa. Tidak kena mengena orang jual arak kah, apakah- kita cakap nanti jadi satu *political issue* lagi. Setuju atau tidak Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong jawab nanti dengan hebatnya. Saya tak berapa pandai bahagian itu.

Akan tetapi, sekali lagi saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri kena ingat kerajaan kita ini bila kita cakap, kita buat. Kita jangan bohong sama rakyat. Kita tidak mahu apa yang berlaku pada masa lepas, manifesto pun bohong, kemudian cerita kata tidak ada runding terus pun bohong. Kita tidak mahu yang itu. Kita hendak kerajaan yang betul-betul ikhlas seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang turun ke padang melihat sendiri rakyat...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. Sedikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak beritahu bahawa akhir sekali-saya hendak beritahu bahawa apa yang akan berlaku di Sabah ini, kenapa Sabah tercorot daripada segi pembangunan? Ini kerana, kerajaan negeri tak bersama dengan Kerajaan Pusat...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Arau, minta laluan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau bersama, selari dengan pemerintahan Pusat...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: BN yang kasi miskin orang Sabah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Sudah pasti Sabah akan dapat dibangunkan dengan lebih hebat dan gagah perkasa.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Arau, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sudah cukup masa. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sudah habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sudah habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasihlah Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah.

5.48 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira dapat turut sama berbahas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020, dan saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong penuh pindaan ini serta merasakan bahawa sepatutnya pindaan ini dilakukan jauh lebih awal. Ini kerana, kita tahu baru-baru ini banyak kes-kes- ada beberapa kes yang keluar dan jadi kes besar. Orang dilanggar oleh orang mabuk misalannya, oleh pemandu mabuk dan berlaku kematian, berlaku kecederaan yang membawa kepada *disability*, lumpuh dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sekarang Yang Berhormat Ayer Hitam dan juga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di Kabinet PH yang lepas, Yang Berhormat Seremban. Ini adalah usaha yang baik. Kita boleh berbicara dan membahaskan dengan *detail* tentang hukuman dan lain-lain lagi.

Akan tetapi membentangkan pindaan yang telah lama ditunggu-tunggu ini adalah satu langkah yang tepat. Pindaan ini meningkatkan lagi hukuman kepada pemandu mabuk sama ada alkohol atau bahan-bahan lain seperti bahan *psychotropic* misalannya dan juga menurunkan kadar alkohol dalam darah, air kencing atau nafas selaras dengan apa yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) itu adalah langkah yang lebih tepat yang patutnya telah lama dilakukan.

■1550

Misalannya, had kandungan ditetapkan bagi alkohol dalam darah daripada 80 miligram per desiliter ataupun dalam setiap 100 milimeter itu kepada 50 miligram alkohol dalam setiap 100 milimeter adalah satu perkembangan yang baik. Ini kerana daripada pengalaman bekerja di hospital misalannya, saya pernah melihat seseorang dibawa oleh polis trafik disyaki pemandu mabuk dan memang nampak mabuk, tetapi bila kita buat ujian, ia di bawah daripada paras yang boleh dibawa ke mahkamah, di buang kes. Itu perkembangan yang baik.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang perlunya dibuat *education* atau pendidikan kepada masyarakat supaya kita dapat mencegah daripada berlaku keadaan pemandu mabuk memandu dan langgar orang. Saya bersetuju kerana saya merasakan bahawa matlamat undang-undang bukanlah kita nak saman, kita nak tangkap, kita nak hukum, nak dera, nak penjara atau nak ambil wang orang yang terlibat, tetapi matlamatnya adalah untuk sebagai *deterrent*, dengan izin, sebagai pencegah supaya orang tidak melakukan kesalahan, supaya tidak berlaku kemalangan. Apa yang paling penting adalah kita mengelakkan kemalangan yang membawa kepada kecederaan dan juga kematian. Itu paling penting kita elakkan. Untuk itu, undang-undang bagaimanapun tidak akan dapat mencegah benda itu berlaku kalau tidak ada kesedaran yang meluas di kalangan anggota masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang dia minum, kemudian dia *Google* apa hukuman dalam Kanun Tatacara Jenayah, kemudian dia minum sampai mabuk, tidak. Ia berlaku sebagai satu proses di mana orang minum, dia dalam keadaan suka, gembira ataupun dalam keadaan

berduka cita yang amat sangat, tidak sedar apa yang berlaku, terus minum sampai berlaku keadaan *one drink too many*, dengan izin, teguk yang terlalu banyak. Satu teguk yang terlalu banyak, maka dia mabuk. Bila dia mabuk, dia takkan tahu lagi, tidak akan ingat lagi. Dia tak akan ingat bahawa dia mabuk, dia tak sepatutnya memandu. Dia tak akan ingat. Maka, yang penting ialah orang di sekitarnya, di sekelilingnya hendaklah sedar bahawa dia ini telah minum dan keadaan dia sekarang mabuk dan dia boleh membahayakan orang ramai kalau dia keluar memandu.

Maka dengan itu, saya rasa pendekatan yang lebih tepat ialah pendidikan ini dibuat dengan menyeluruh melibatkan semua badan, semua anggota masyarakat dan semua agensi dan badan kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai alkohol.

Saya teringat juga masa 30 tahun yang lalu, saya pernah berada di satu kawasan di negeri Kedah, ramai orang pergi mandi di satu kawasan lipur air terjun dan orang cedera kerana terpijak atau terkena kaca daripada botol-botol yang pecah. Botol yang dipecahkan oleh orang-orang yang mabuk. PBT tahu tetapi PBT tak mahu mengambil langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Sekali-sekala orang mandi, turun dan kaki luka dengan kaca daripada botol arak.

Bila saya ke Hawaii, mengikut rombongan Ahli Parlimen pada tahun 2014, saya melihat satu langkah pencegahan yang lebih nampaknya sangat ketara dan orang sedar. Di setiap pantai ada ditulis, "*No more alcohol*", "*No alcohol beyond this limit*". Setiap pantai, setiap tempat riadah tidak dibenarkan alkohol dibawa melebihi limit sekian-sekian. Dihadkan penjualan dan pembelian alkohol, masanya, dan juga orang yang boleh membeli. Itu juga berlaku di negara-negara sekular seperti India. Saya lihat di India. Waktu orang boleh beli, orang beratur.

Maka, saya tidak faham sampai sekarang, mengapakah kita tidak boleh mengehadkan waktu pembelian, misalannya, dan supaya orang minum *with responsibility*, dengan izin? Orang minum, dia tahu dia minum, dia memegang- bila dia pegang botol itu, dia tahu yang dia pegang itu ialah sesuatu yang boleh memabukkan, boleh dia hilang ingatan dan boleh membawa masalah, kemalangan dan maut. Bukan sahaja alkohollah, psikotropik dan lain-lain lagi. Begitu pun, alkohollah yang paling banyak dipergunakan, yang memabukkan, bahan memabukkan yang digunakan begitu. Kalau orang pegang begitu dan orang yang menjual tadi dia tahu dia telah menjual satu benda yang boleh mengakibatkan kemalangan serius misalannya, kalau itu berlaku, maka kita boleh hadkan masa. Kedai *7Eleven*, dia ada *store* alkohol, tetapi boleh hadkan masanya. Boleh diperiksa waktu dijual misalannya. Dengan itu, boleh mengurangkan sedikit.

Kalau ikut di Amerika, kita tanyakan kepada mereka, walaupun tiada statistik, ia mengurangkan orang minum alkohol dan memandu dengan cara yang berbahaya. Orang di sekeliling hendaklah ditingkatkan pemahaman mereka tentang tindak tanduk dan perangai orang yang telah minum dan mabuk supaya mereka faham dan mereka dapat menyekat dia daripada memandu dan mengusahakan cara lain untuk beliau pulang.

Sekarang kita ada *Grab*, misalannya. Itu saya setuju. Itu saya rasa sangat penting kerana apabila dia mabuk, dia hilang itu dan dia tidak dapat ditolong lagi. Sebelum dia mabuk betul-betul, dia diperingatkan akan peraturan oleh orang-orang yang telah menjual tadi. Kalau di kelab

malam misalnya, *bouncer* di kelab malam dan petugas di kelab malam dan tuan punya kelab malam ada tanggungjawab untuk itu. Kalau itu berlaku, maka saya rasa kita akan dapat mengurangkan, *insya-Allah*, kemalangan maut dan kemalangan serius disebabkan oleh pemandu mabuk.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingat, 30 tahun dulu, kita ada iklan dalam TV tentang bahaya pemandu yang mabuk. Akan tetapi, saya tak melihat lagi sekarang di sini. Saya pernah lihat di Singapura dan saya pernah melihat di negara lain tetapi tidak di negara Malaysia sedangkan kita hendak mengenakan hukuman yang berat. Kalau kita kenakan hukuman mati pun, benda akan berlaku kerana bila orang mabuk, dia hilang kawalan. Jadi, kita kena bagi pendidikan, penerangan, penjelasan yang cukup jelas melibatkan semua peringkat masyarakat, kena ubah undang-undang di peringkat PBT dan lain-lain lagi dan pastikan bahawa benda ini dapat dicegah. Pencegahan itu lebih baik daripada berlaku kemalangan. Hendak hukum berat macam mana pun, benda telah berlaku. Orang yang telah cedera, telah cedera dan yang meninggal, telah meninggal.

Jadi kerana itu, saya rasa segala langkah yang kita sebut hari ini kenalah dilakukan, tetapi pendidikan itu *is of utmost important*, Tuan Yang di-Pertua. Maka kerana itulah, ia hendaklah ditingkatkan di semua peringkat. Di sekolah juga hendaklah ditanam awal-awal lagi akan bahaya memandu dalam keadaan mabuk, sama ada alkohol atau benda-benda lain supaya setiap pemandu tahu bahawa dia memegang stereng kereta itu dengan penuh tanggungjawab. Tidak memandu melulu dan kalau dia tidak boleh memandu, dia hendaklah berhenti memandu dan mencari pertolongan.

Semua anggota masyarakat hendaklah faham bahawa bila seseorang itu tidak dapat memandu, kita kena bantu dia, kita tolong dapatkan kenderaan lain, misalnya, supaya itu menjadi sebahagian daripada budaya kita. Jadi, tidak luar biasa seseorang pemandu dia pergi ke satu tempat, dia minum misalnya, lepas itu dia balik dengan kenderaan lain. Itu tak luar biasa sebab beberapa kes yang saya jumpa sebagai seorang doktor, mereka rasa tak dapat elak. Hendak tinggalkan kereta macam mana? Cuba memandu balik dan dalam perjalanan balik dia pening, berlaku kemalangan.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pindaan yang kita lakukan ini akan memperkasakan rang undang-undang ini dan akhirnya ia akan mengatasi masalah pemandu mabuk atas apa-apa punlah, alkohol atau bahan-bahan mabuk lain, dan supaya kebbaikannya dapat pada masyarakat kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, kita ada lagi tujuh orang sebelum pukul 4.30 petang. Jadi, kalau semua nak bahas iaitu Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Hulu Rajang, jadi saya boleh- kalau nak semua sempat, kalau setiap setuju lima minit? Lima minit, boleh ya, Yang Berhormat? Yang Berhormat Menteri ada untuk jawab pukul 4.30 petang.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Tidak ada? Yang Berhormat Tebrau. Lima minit. Terima kasih.

3.59 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya, saya menyokong rang undang-undang ini. Namun, perbahasan saya hari ini adalah hanya dari segi pelaksanaan hukuman yang lebih berat tidak semestinya memberikan impak yang positif untuk mengurangkan kemalangan yang berlaku di bawah pengaruh alkohol ataupun dadah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini, kes kemalangan melibatkan pemandu mabuk sehingga ada yang mengakibatkan kematian mencetuskan pelbagai reaksi serta pandangan dan rakyat telah mendesak kerajaan mengetatkan undang-undang berkaitan bagi menanganinya.

■1600

Bagaikan insiden bermusim, satu demi satu kes nahas sedemikian dilaporkan baru-baru ini mencetuskan sentimen dalam kalangan rakyat yang mahukan kerajaan mengambil tindakan tuntas terhadap individu yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

Pada tahun 2018 mengikut statistik kemalangan jalan raya oleh Polis Diraja Malaysia, pemandu kereta menduduki tangga teratas untuk kemalangan berkaitan memandu di bawah pengaruh alkohol sebanyak 74 kes. Namun statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan 21 kes memandu di dalam keadaan mabuk dicatatkan hanya dalam lima bulan pertama tahun ini yang melibatkan lapan kematian.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Peningkatan yang ketara berbanding dengan 23 kes kemalangan memandu dalam keadaan mabuk yang dicatatkan sepanjang tahun 2019. Keputusan statistik ini amat membimbangkan. Saya faham akan keresahan rakyat terhadap kes kemalangan jalan raya yang kerap berlaku di bawah pengaruh alkohol meningkat secara mendadak dalam lima bulan pertama untuk tahun 2020. Undang-undang yang sedia ada di lihat lemah seakan tidak setimpal dengan kesalahan yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kesengsaraan kepada mangsa dan waris.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Kamus Dewan- Edisi Keempat, perkataan "hukuman" membawa maksud iaitu "penderitaan yang dikenakan kepada orang yang melakukan kesalahan." Dalam konteks isu pemandu mabuk, keputusan kerajaan untuk meningkatkan kadar hukuman penjara dan denda tidak akan memberikan satu solusi yang berkesan bagi membendung isu ini berlaku lagi. Hukuman ini akan dilaksanakan hanya selepas pemandu tersebut disabitkan kesalahan. Maka di sini kita boleh melihat, peningkatan hukuman penjara dan denda bukanlah satu kaedah pencegahan.

Oleh itu, di sini saya ingin menekankan kerajaan perlu mengambil kira beberapa faktor yang lain untuk mengurangkan ataupun menghapuskan kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu mabuk. Pertamanya, penguatkuasaan pihak berkuasa seperti JPJ dan PDRM perlu ditingkatkan lagi dan buka hanya diadakan pada musim perayaan. Pemeriksaan pihak polis dan JPJ perlu diadakan secara kerap terutamanya pada waktu malam. Ini kerana statistik menunjukkan kemalangan melibatkan pemandu mabuk lebih banyak berlaku pada waktu malam berbanding pada waktu siang.

Mengikut laporan baru daripada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), dengan izin, mengenai keselamatan jalan raya 2018 bagi negara Malaysia, tahap penguatkuasaan bagi undang-undang memandu dalam keadaan mabuk masih lemah dan tidak memberangsangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa 20 saat lagi Yang Berhormat.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Malaysia telah mencatatkan hanya empat markah daripada markah keseluruhan sebanyak 10 dalam kategori penguatkuasaan memandu di bawah pengaruh alkohol. Ini yang saya ingin membawa kepada kementerian. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan dan memperketat tahap penguatkuasaan dalam mengendali isu pemandu mabuk selain meminda akta ini dari segi meningkatkan kadar hukuman?

Oleh itu, kerajaan perlu secara holistik untuk menangani isu ini dengan memastikan pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab mereka secara jujur. Amalan rasuah dalam kalangan pihak berkuasa juga harus dihapuskan bagi memastikan penguatkuasaan berlaku secara telus. Bagi saya 30 saat lagi untuk satu isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, 30 saat sahaja.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk lari dari tajuk sedikit tetapi isu ini bagi saya sangat penting. Saya ingin bangkitkan berkaitan dengan sikap pemandu lori dan bas ekspres di lebuh raya. Keselamatan pemandu kereta terancam oleh sebab ramai pemandu lori dan bas ekspres memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan juga mengguna lorong kanan. Sepatutnya mereka tidak harus menggunakan lorong kanan.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan ambil berat dalam perkara ini supaya lebuh raya kita adalah selamat untuk semua. Itu sahaja daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya Yang Berhormat Sibuti, lima minit.

4.05 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sibuti ingin mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Telah ramai rakan-rakan di dalam Dewan ini telah menyatakan pandangan masing-masing berkenaan tentang pindaan akta ini. Saya terlebih dahulu ingin memuji dan mengucapkan syabas

dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berani mengemukakan rang undang-undang ini di dalam Dewan.

Pada pandangan saya, setelah rang undang-undang ini diluluskan, tidak semestinya masalah ataupun kelemahan disebabkan pemandu mabuk akan selesai dan juga ini adalah merupakan satu masalah yang telah berpanjangan dan juga kita tidak dapat menyalahkan sepenuhnya kepada individu yang mabuk. Akan tetapi kita haruslah perlu pergi kepada mendidik supaya agar pemabuk atau peminum ini bertanggungjawab apabila mereka mengambil alkohol.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga pihak kementerian di atas pindaan seksyen 2 apabila meminda dan juga memotong takrif basikal elektrik dan juga ditukar kepada takrifan kenderaan barangan ataupun kenderaan mikro mobiliti. Ini adalah merupakan satu langkah yang ke hadapan memandangkan ini adalah satu usaha untuk mengiktiraf *sustainable living* di Malaysia.

Juga penggunaan kenderaan mikro mobiliti ini juga akan dapat mengurangkan kadar karbon di dalam negara kita. Walaupun demikian, sudah pasti akan wujud pelbagai pandangan dan juga perundangan yang perlu diperjelaskan kepada masyarakat terutamanya golongan muda yang mula melabur wang-wang mereka untuk perniagaan atau *startup* berkaitan dengan kenderaan mikro mobiliti ini.

Juga saya terus pergi kepada masalah pemandu mabuk ini. Kita sudah mendengar rakan-rakan di dalam Dewan telah membincangkan dan juga menyatakan pandangan dan juga tidak semestinya rang undang-undang ini dikuatkuasakan dan juga hukuman yang akan dijatuhkan kepada pesalah hanya tertumpu pada pemandu mabuk yang miskin sahaja. Ini merentas status individu tersebut.

Ada pemabuk yang kaya, ada pemabuk daripada golongan B40 dan ada daripada kalangan M40. Ini adalah satu perkara yang harus diselesaikan. Dengan wujudnya rang undang-undang ini, maka kita mempunyai satu panduan ataupun rang undang-undang bagaimana untuk kita menghukum pemandu yang telah mengakibatkan kemalangan jiwa.

Bagi yang terlibat di dalam kemalangan ini dan juga keluarga yang kehilangan anak, ayah, ibu akibat pemandu mabuk ini, haruslah wajar diwujudkan satu bentuk skim pampasan kepada mereka. Dan juga selain daripada itu, pendidikan ataupun tanggungjawab masyarakat dan saya setuju kepada hujah yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi berkenaan tentang tanggungjawab masyarakat sekitar dan rakan-rakan sekitar. Apabila kita melihat rakan-rakan kita yang telah mabuk adalah menjadi satu tanggungjawab untuk kita memastikan keselamatan masing-masing. Kita jaga kita.

Kalau kata lihat di dalam konteks negeri Sarawak, di negeri Sarawak di dalam kebudayaan, perayaan masyarakat negeri Sarawak sudah pasti ada aktiviti untuk mengambil alkohol. Sebagai contoh, semasa musim Gawai. Walaupun demikian, saya membesar di dalam kehidupan pelbagai budaya. Apabila kita pergi ke rumah panjang ketika Gawai, walaupun saya sebagai seorang Muslim, tidak mengambil alkohol tetapi kita sentiasa beringat, sentiasa terbuka.

■1610

Sebagai pemimpin, apabila kita memulakan majlis, kita katakan sekiranya, “*Udah mabok, tindok.*” Maksudnya, dengan izin, kalau sudah mabuk itu tidur saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Tidur.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Jangan pergi ke mana-mana. Inilah satu prinsip yang diguna pakai daripada golongan muda sehingga tua. Itulah nasihat yang kami gunakan ketika mengambil alkohol dan juga tidak semestinya undang-undang ini diwujudkan menyekat penjualan alkohol.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kuala Kedah dan rakan-rakan yang lain serta daripada Yang Berhormat Ledang supaya penjualan alkohol ini haruslah diletakkan satu *limitation* masa penjualan alkohol ini. Penguatkuasaan juga sangat penting di mana pengaliran masuk alkohol-alkohol ataupun penjualan arak haram ini haruslah dikawal. Maka, untuk membanteras ataupun menyelesaikan masalah pemanduan mabuk ini haruslah merentas kementerian.

Saya rasa itu saja pandangan saya dan juga saya menyokong rang undang-undang yang akan dibacakan selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kemaman dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai. Kemudian, Yang Berhormat Sik dan terakhir Yang Berhormat Hulu Rajang. Silakan Yang Berhormat Kemaman selama lima minit.

4.11 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang yang saya anggap satu rang undang-undang yang penting iaitu berkenaan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pindaan ini berkait dengan isu pemandu mabuk yang berlaku hampir di seluruh negara mutakhir ini khususnya sehingga mengorbankan nyawa dan telah menjadikan *push factor* utama kepada pindaan yang dibentangkan pada hari ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin memuji langkah yang diambil oleh pihak kementerian yang turut melakukan pindaan pada beberapa seksyen lain seperti seksyen 41 mengenai memandu melulu dan membahayakan sehingga menyebabkan kematian serta seksyen 43 iaitu memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa. Namun, saya akan fokuskan perbahasan saya kepada seksyen yang lain yang berkaitan dengan isu pemandu mabuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam pindaan ini, Pertama, saya menyokong tindakan pihak kementerian yang tidak hanya melihat kepada peruntukan seksyen 44 iaitu memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah yang menjadi tumpuan sejak kes kemalangan yang melibatkan

pemandu mabuk dibahaskan. Bahkan juga memberi perhatian kepada pindaan seksyen 45A iaitu memandu dengan kepekatan alkohol yang melebihi had yang ditetapkan.

Perkara ini penting disebabkan peningkatan hukuman yang terkandung dalam seksyen 45A adalah langkah pencegahan bagi memastikan para pemandu mabuk ini tidak sekali-kali memandu dalam keadaan mabuk sama ada menyebabkan kecederaan, kematian bahkan tidak – bukan isunya tetapi memandu dalam keadaan mabuk itu sendiri adalah dikira sebagai sesuatu kesalahan yang besar.

Walau bagaimanapun, saya berpandangan pindaan yang dinyatakan dalam seksyen 45A(a) ini masih rendah dan perlu dipertingkatkan. Berdasarkan pindaan yang dinyatakan di sini, mereka yang bersalah di dalam seksyen ini akan dikenakan penjara maksimum selama dua tahun, denda RM10 ribu hingga RM30 ribu manakala kesalahan kali kedua akan dikenakan penjara maksimum selama lima tahun, dan denda sebanyak RM20 ribu sehingga RM50 ribu. Begitu juga hilang kelayakan pegangan lesen minimum selama dua tahun dan kesalahan kali kedua minimumnya selama lima tahun. Oleh itu, saya mengharapkan perhatian daripada pihak kerajaan dalam hal ini dan tidak sekali-kali berkompromi dalam soal yang melibatkan keselamatan para pengguna jalan raya.

Seterusnya, saya suka menyebutkan bahawa saya ingin menyentuh mengenai pelaksanaan zon kawalan arak seperti mana yang telah dilakukan di Singapura. Di Singapura, dua wilayah yang dikategorikan sebagai zon kawalan arak seperti Geylang dan juga Little India. Penguatkuasaan zon menyaksikan ada beberapa peraturan yang boleh dikuatkuasakan secara berasingan dan ini akan menjadikan penguatkuasaan kerajaan lebih berfokus.

Dalam zon kawalan arak yang dilaksanakan di Singapura, pembelian arak adalah dilarang dalam tempoh pukul 10.30 malam sehingga 7 pagi dan akan dikenakan denda yang tinggi jika mana-mana peruncit atau kedai yang menjual arak bukan pada waktu yang dibenarkan. Maksudnya, penguatkuasaan zon tersebut memberi peluang kepada kerajaan melaksanakan penguatkuasaan yang secara bersasar terhadap pelesenan, waktu pembelian, penjualan minuman beralkohol dan sebagainya.

Oleh itu, saya mengharapkan, yang akhir saya minta Tuan Yang di-Pertua, kecenderungan kerajaan mengambil suatu pendekatan yang lebih komprehensif dalam menangani isu pemandu mabuk ini tidak hanya menumpukan kepada aspek punitif semata-mata, kita perlu cermati aspek pelesenan, penjualan minuman beralkohol di negara ini.

Hampir kebanyakan kedai-kedai serbaneka yang ada di negara kita, banyak menjual minuman beralkohol dalam tin dan ia tetap arak walaupun mungkin kandungannya berbeza. Justeru itu, saya mengharapkan berkaitan dengan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, iaitulah seksyen 2 yang berkenaan dengan tafsiran kepada bir, alkohol dan *liquor*, perbezaan tafsiran arak membawa kepada perbezaan kaedah dan pendekatan. Ini merupakan satu perkara dan sebab itu kita perlukan satu pandangan sisi yang lebih meluas dan menyeluruh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menggubal satu dasar toleransi sifar bagi menangani isu minuman beralkohol dan pemandu mabuk di negara kita. Dasar

ini bukan saja menumpu kepada langkah punitif bahkan juga meneliti aspek pencegahan yang merangkumi bahagian pelesenan, menetapkan waktu penjualan dan sebagainya.

Tambahan pula, dasar ini tidak hanya melibatkan bidang kuat kuasa Kementerian Pengangkutan semata-mata tetapi melibatkan juga Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab terhadap Akta Kastam dan juga Akta Eksais iaitu berkenaan dengan pelesenan dan penjualan arak. Kemudian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan dengan kuasa pihak PBT. Kementerian Kesihatan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai kempen-kempen kesedaran bahayanya arak di negara kita.

Kementerian Dalam Negeri yang melibatkan koordinasi penguatkuasaan segala bentuk perundangan yang berkaitan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang menjaga soal perniagaan peruncitan dalam negara kita dan label arak di tempat-tempat jualan.

Akhirnya, apa yang saya ingin tekankan adalah kita perlukan pada satu dasar toleransi sifar yang menyeluruh dan komprehensif serta pendekatan yang bertahap dan tidak hanya bergantung kepada tindakan yang dikemukakan pada hari ini semata-mata demi kebaikan untuk rakyat kita semua. Yang Berhormat Kemaman menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya Yang Berhormat Padang Serai.

4.17 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Padang Serai dengan rendah hatinya ingin membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020.

Kita sedia maklum bahawa kemarahan jelas terlihat apabila ada sesetengah mula memainkan isu ini demi kepentingan politik. Jika diteliti statistik daripada MOT *online*, kematian disebabkan oleh pemandu mabuk mencatatkan jumlah yang paling tinggi antara tahun 2013 hingga tahun 2016.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebelum ini yang mengambil maklum dengan kerisauan rakyat, yang dengan jelas menyatakan bahawa pindaan seksyen akan dibuat untuk hukuman yang lebih berat kepada pesalah terutama yang memandu secara mabuk. Akhirnya pindaan ini diikuti oleh kerajaan baharu ini. Dengan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan baru yang terus membawa idea ini ke dalam kerajaan baharu dan juga saya ucapkan terima kasih daripada awal sampai-tunggu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, contoh.

Berdasarkan pindaan ini, jika seorang pemandu dalam keadaan mabuk dan menyebabkan kematian, individu tersebut akan dikenakan hukuman tidak kurang 10 tahun hingga 15 tahun penjara dan denda antara RM15 ribu hingga RM100 ribu. Jika dikenakan dan disabitkan seterusnya, penjara selama 15 tahun hingga 20 tahun, dan denda di antara RM100 ribu hingga RM150 ribu.

Saya telah bincangkan pindaan ini dengan rakyat terutama yang berada di kawasan Parlimen Padang Serai. Adakah hukuman ini memadai bagi mereka? Persoalan utama yang mereka bawa adalah apakah bantuan yang akan diperoleh oleh keluarga yang terlibat jika kematian itu berlaku kepada ketua keluarga yang menjadi sumber pendapatan kepada mereka?

Ini merupakan satu persoalan yang perlu diberi perhatian oleh Dewan kerana ini menjadi kemarahan rakyat tentang keadilan yang akan diperoleh oleh keluarga yang terlibat melalui pindaan ini. Kita mestilah jelas bahawa pindaan ini tidak hanya perlu fokus kepada hukuman dan denda semata-mata tetapi mesti juga memberi satu nilai tambahan kepada keluarga yang terlibat terutama dari sudut bantuan.

■1620

Saya juga ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan? Adakah undang-undang ini tertakluk kepada jalan-jalan persendirian, terutama sekali di ladang dan sebagainya berlaku sesuatu kemalangan kematian. Seterusnya saya juga ingin mengingatkan mabuk ini adalah bermula punca daripada orang-orang yang mula sedikit dan juga akhirnya mabuk mengakibatkan ramai yang terlibat dengan kemalangan.

Saya minta kerajaan juga ambil perhatian dan berhentikan orang-orang yang sentiasa mabuk di kawasan-kawasan seperti di taman dan sebagainya. Itu adalah permulaan. Kalau boleh, kerajaan seperti negeri Selangor mereka perlu juga diketatkan, tidak benarkan sesiapa minum di merata-rata tempat.

Di samping itu juga, kita perlu ambil tindakan tegas kepada orang-orang yang terlibat dalam minuman-minuman merata-rata tempat. Akhirnya, saya juga ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang ambil satu undang-undang yang ketat membela semua rakyat dalam negara ini. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Berjalan di Sungai Raya,
Bersama rakan memukat ceria,
Memandu secara mabuk sangat berbahaya,
Mari kita banteras secara bersama-sama.*

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik.

4.21 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Laporan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) meramalkan bahawa bilangan kematian di jalan raya tahun 2020 akan meningkat sehingga 10,716 orang, seolah-olah kita melihat seperti satu zon perang, kalau dilihat mayat-mayat 10,000 orang itu di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan dalam RUU yang akan dipinda ini dalam seksyen 41 fasal 3 iaitu yang menyebabkan kematian kerana memandu melulu dan berbahaya. Persoalan saya, apakah maksud melulu dan berbahaya itu dalam maksud yang lebih objektif dan definisi yang lebih terperinci? Ia sebagai satu pengukuran kepada beban bukti yang akan dibawa ke mahkamah apabila berlaku kes yang melibatkan seksyen ini.

Kedua, saya ingin memohon statistik pihak kementerian, kes yang telah didakwa melibatkan seksyen 41 ini. Ini penting dilihat bagaimana jika ada kes kemalangan yang betul-betul tidak ada niat untuk membunuh tetapi ketika itu juga tidak ada saksi yang dilihat, maka definisi memandu melulu dan berbahaya ini penting untuk diletakkan di dalam seksyen ini.

Seterusnya begitu juga dalam seksyen 44 dalam maksud menyebabkan kecederaan memandu semasa dalam pengaruh minuman alkohol yang menyebabkan kecederaan. Adakah kecederaan itu juga bermaksud kecederaan yang menyebabkan kecederaan kekal yang hilang upaya?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sik, boleh minta penjelasan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Masa tidak ada.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja. [Ketawa] Boleh?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia bagi, 10 saat ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat, kita mahu bincang soal pemandu mabuk. Bagaimana pula pemandu cuai? Dia tidak mabuk, tetapi dia cuai iaitu membawa lori. Sebab lori ini besar, dia langgar sahaja siapa dia suka, akhirnya kematian empat lima orang. Ini Menteri pun saya berharap Yang Berhormat sampaikan kepada kementerian, kepada Menteri. Cuba fikir bagaimana pula, apa hukuman kepada pemandu yang cuai? Dia tidak minum, tetapi dia cuai. Jadi, apa yang akan dibuat oleh kementerian kepada pemandu yang cuai ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ya, *insya-Allah* Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pernah membentangkan Pelan Tindakan Alkohol 2013-2020 yang menggariskan strategi dan aktiviti yang bersepadu di peringkat kebangsaan bagi menghasilkan kesan sinergetik untuk mencegah dan mengurangkan kemudaratan alkohol. Saya meneliti pelan tindakan ini lebih menyeluruh melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat dalam isu ini.

Oleh itu, saya berpandangan kerajaan sewajarnya mengeluarkan satu pelan tindakan baharu dalam mengatasi isu arak ini, kesinambungan kepada pelan tindakan yang akan berakhir pada tahun ini. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada satu langkah penyelesaian seperti dalam pindaan yang kita buat pada hari ini. Saya memahami perkara ini bukanlah di bawah

Kementerian Pengangkutan tetapi ingin dijelaskan di Dewan Rakyat ini bahawa kerajaan perlu suatu langkah yang komprehensif dalam menangani isu arak ini.

Tuan Yang di-Pertua, MIROS pernah menerbitkan satu kajian bertajuk, "*Alcohol and Drug Use Among Fatally Injured Drivers in Urban Area of Kuala Lumpur*" 2012. Data kajian tersebut menjelaskan bahawa tempoh masa berlakunya kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk iaitu pada waktu malam dan memuncak pada waktu pukul 4 hingga 6 pagi. Waktu ini hanya orang ataupun hantu sahaja yang keluar di jalan-jalan raya. Tidak mungkin orang yang keluar daripada masjid pada waktu ini.

Persoalannya, apakah punca berlakunya kemalangan pemandu mabuk dalam tempoh tersebut? Adakah si pemangsa keluar daripada pusat hiburan, pub dan kelab malam, keluar dalam keadaan mabuk dan memandu? Jika tidak, dari mana mereka memperoleh minuman berkenaan sedangkan tempoh tersebut tidak dibenarkan penjualan arak. Jika seorang pemabuk yang keluar daripada satu-satu pub memandu sehingga menyebabkan kemalangan, adakah pub atau pusat hiburan tadi akan turut dikenakan liabiliti, tetapi liabiliti ini tidak ada. Ini kelompangannya yang perlu kita isi.

Begitu juga aspek pemberian lesen kepada premis yang melalui syarat yang ketat. Saya lontarkan perkara ini kerana kita perlukan langkah yang lebih komprehensif dalam isu ini. Kita perlu letak syarat yang ketat kepada pengusaha pusat hiburan yang menjual minuman beralkohol supaya tidak membenarkan pengunjung keluar dalam keadaan mabuk. Maknanya kita perlukan langkah yang strategik untuk mencegah sejak dari awal...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Sik, minta laluan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: ...Tidak berhenti kepada langkah peningkatan hukuman ini.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Sik, Setiu minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Masa sudah tamat, Yang Berhormat Setiu, minta maaf. Saya hendak akhiri, saya hendak rumuskan Tuan Yang di-Pertua. Kita perlukan kempen yang berterusan dalam isu arak ini. Arak jelas membawa ketidakharmonian dalam masyarakat. Kita semua jelas perkara ini tidak mengira bangsa, agama, warna kulit dan sebagainya. Jika seorang pemabuk walaupun tidak memandu, mereka akan tetap mendorong kepada keganasan dan ketidakharmonian dalam masyarakat dan keluarga. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Seterusnya yang terakhir Yang Berhormat Hulu Rajang.

4.27 ptg.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian ke

atas pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) berkaitan dengan kesalahan pemanduan di atas jalan raya termasuk kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan Raya (Pindaan) 2020.

Selalu kita dengar dengan slogan, *Pandu Cermat Jiwa Selamat, Ingatlah Orang yang Tersayang*. Sudah cukup untuk kita gambarkan betapa pentingnya untuk memandu secara berhemah demi orang yang tersayang, Tuan Yang di-Pertua. Jika Kementerian Kesihatan sudah berjaya dengan kempen tidak boleh merokok di tempat awam, saya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan mengadakan satu kempen tentang bahayanya memandu ketika mabuk dan akibat kepada kesihatan. Mungkin boleh dicadangkan "Hari Tanpa Alkohol" Tuan Yang di-Pertua dan mengenakan kompaun kepada pesalah yang melanggar kempen itu.

Kita di Malaysia kaya dengan kepelbagaian kaum dan etnik. Lebih-lebih lagi di negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu kita perlu juga mengambil kira aspek kepercayaan agama dan kaum masing-masing. Seperti saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Hulu Rajang suku kaum Iban sentiasa memberikan kesedaran agar mengawal pengambilan alkohol ketika perayaan Hari Gawai kita, Tuan Yang di-Pertua.

Keraian di rumah-rumah panjang. Mesej larangan ini adalah melalui JKK rumah panjang masing-masing Tuan Yang di-Pertua. Bertitik tolak daripada itu, kementerian perlu meningkatkan kesedaran kepada masyarakat umum. Kempen kesedaran ini hendaklah dibuat secara menyeluruh dan mudah sampai ke kawasan pedalaman seperti Ahli-ahli Parlimen dari negeri Sarawak.

Medium publisiti yang digunakan hendaklah merangkumi media elektronik serta media cetak Tuan Yang di-Pertua. Uar-uarkan kempen berkaitan bahayanya memandu dalam keadaan mabuk di stesen-stesen radio tempatan berikutan di kawasan Parlimen saya Hulu Rajang, Parlimen Baram, Parlimen Kapit, Parlimen Kanowit, Parlimen Lubok Antu, Seratok, Mukah, Sibuti, Igan, Tanjong Manis, Batang Lupar.

■1630

Radio merupakan medium komunikasi yang amat efektif di kawasan pedalaman negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mencadangkan agar masukkan kempen kesedaran ini melalui *table test* bagi individu yang ingin mengambil lesen memandu di pusat memandu, Tuan Yang di-Pertua. Kita jadikan sebagai suatu kepastian untuk lulus mendapat lesen L, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab masa tidak menentu, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa keperluan rang undang-undang ini disegerakan bagi memastikan pemandu mabuk di luar sana faham akan ketegasan kerajaan dalam menangani isu ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *don't just talk but act accordingly*. Dengan itu, sekian terima kasih. Yang Berhormat Hulu Rajang menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Sekarang saya memohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 45 minit.

4.31 ptg.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada 19 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang kita bantangkan pada hari ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, tidak kira dari pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Nampaknya, kebanyakan kecuali satu suara yang mungkin berlainan sedikit telah memberi sokongan padu kepada pindaan rang undang-undang ini. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua.

Saya mencatat setiap satu komen daripada Ahli Yang Berhormat. Begitu tebal sekali saya akan cuba menghuraikan setiap satu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya akan mulakan dengan mukadimah. Pertama, kenapa rang undang-undang ini dikemukakan. Saya ucapkan terima kasih atas sokongan mantan Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Seremban yang telah bermula dengan perbahasannya memberi sokongan penuh kepada apa yang telah beliau nyatakan tadi. Terima kasih.

Bagi kita, kita adalah kerajaan yang responsif dan pragmatik. Saya tidak ada masalah. Kita meneruskan apa juga perkara yang baik. Yang Berhormat Seremban tadi kata perkara ini telah dibincangkan dalam Kabinet pada 29 Januari 2020. Sepanjang masa Yang Berhormat Seremban menjadi Menteri, beliau juga ingin membawa perkara ini. Akan tetapi tidak sempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi saya hari ini adalah lima bulan 16 hari saya berada di Kementerian Pengangkutan. Saya berdiri megah di sini kerana saya dapat membawa satu usul dan membawa rang undang-undang ke dalam Dewan ini. *[Tepuk]* Kenapa? Saya pada 4 Mei ketika melawat stesen MRT, saya terkejut ataupun mendapat berita sedih apabila seorang polis telah dilanggar mati oleh pemandu mabuk. Saya memberitahu diri saya, beri saya masa satu bulan. Saya akan pastikan apa yang telah dibincangkan, apa yang belum lagi diputuskan akan saya putuskan dalam kementerian.

Saya telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan menjalankan satu kaji soal selidik. Dalam masa tiga minggu kita telah mendapat responden seramai 345,000 orang. Dari kajian tersebut, seramai ataupun 94 peratus adalah mereka yang menyokong agar pindaan dapat dibuat untuk kita meningkatkan hukuman. *[Tepuk]*

Dari sinilah kita telah menerima satu motivasi. Sudah sampai masanya kita tidak boleh menunggu. Mungkin kalau kita hendak pinda keseluruhan Akta Pengangkutan Jalan 1987, mungkin tidak sempat. Akan tetapi kita memberi keutamaan kepada secara khusus iaitu memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah dan juga memandu secara melulu dan membahayakan.

Saya rasa tiga aspek ini dijadikan tumpuan kita. Sejak hari itulah kita telah berbincang dengan pihak KDN, PDRM, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...Saya sendiri telah mengadakan beberapa kali sesi libat urus bersama dengan pucuk pimpinan. Ada dari pemimpin politik, ada yang datang dari

pemimpin agama termasuk juga Majlis Perundingan Agama Kristian, Hindu, *Sikhism*, Buddha dan lain-lain. Jadi saya telah bertanya macam mana kita hendak mengambil kira pandangan semua pihak ini. Saya tahu bahawa perkara ini dalam keadaan masyarakat majmuk Malaysia kita melakukan sesuatu yang tepat dan ia pastilah mengambil kira sensitiviti dalam sebuah masyarakat majmuk. Saya ingin mulakan dengan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Belum lagi. Ini baru mukadimah untuk terangkan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Berkaitan *survey*, *survey* yang dibuat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Boleh, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat penjelasan daripada Menteri. Dalam *survey* yang telah dilakukan, adakah mereka diberitahu tentang undang-undang yang sedia ada dan hukuman yang sedia ada. Begitu juga dengan perbincangan dengan semua pihak yang telah Menteri nyatakan tadi.

Ini kerana saya takut ini satu reaksi kepada *news reporting* yang memang menggambarkan begitu bencana apabila berlakunya satu kemalangan yang meragut nyawa. Kalau kita hari-hari memberikan berita tentang pembunuhan memang berlaku, undang-undang Kanun Keseksaan mungkin akan dipinda menjadi lebih berat lagi. Tadi saya sudah nyatakan di bawah undang-undang Kanun Keseksaan 304 dan 304 ini...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, saya akan jawab Yang Berhormat. Jangan bimbang. Saya tidak lari. Saya di sini saya jawab setiap satu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Harap boleh dapat, kemudian mereka diberitahu undang-undang hukuman yang sedia ada. Adakah mereka diberitahu?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh 30 saat? Yang Berhormat Menteri, harus dilihat sebab di negara kita ini ramai yang mati akibat pemandu cuai. Mati di jalan raya. Serangan COVID-19 belum serius. Apa yang serius kemalangan di jalan raya. Hari-hari banyak mati. Tambahan lagi ditambah dengan kecuai pemandu mabuk. Akan tetapi ada juga pemandu yang tidak mabuk tetapi pemandu cuai. Ini pun penting. Kementerian Yang Berhormat harus pertimbangkan macam mana cara.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Kinabatangan, sebab itulah saya kata pindaan kali ini tertumpu pada tiga perkara. Pertama, pemanduan di bawah pengaruh alkohol. Kedua, dadah. Ketiga, memandu secara melulu dan membahayakan. [*Tepuk*] Oleh sebab itu tiga aspek itu kita masukkan. Tidak ada yang terkecuali sebab hasrat kita untuk kita menurunkan kadar kematian. Itu adalah hasrat murni kita.

Jadi, berbalik kepada soalan Yang Berhormat Beruas tadi. Ya, betul daripada 345,000 responden, dia datang daripada pelbagai. Ada golongan profesional, ada daripada penjaja, ada daripada badan agama, ada juga daripada pemuda ataupun remaja sampailah orang tua. Masing-masing bagi pandangan kerana kita tidak boleh sekat. Semasa PKP ini kita adakan soal selidik ini, biar orang bagi respons secara *online*. Jadi, kita dengar.

Pada waktu yang sama, saya bagi contoh Majlis Perundingan Agama Kristian, *Buddhist* dan sebagainya, mereka juga hantar pakar-pakar iaitu peguam mereka berbincang dengan saya. Jadi, bukan sekadar mereka tidak diberitahu, mereka memang tahu apa yang kita hendak pinda dan secara khususnya kita beritahu apa yang kita hendak pinda. Jadi, saya rasa soal ini tidak wujud. Kita tidaklah membuat satu *discussion*...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini tidak menjawab. Maksudnya 345,000 itu semasa *survey* diberikan, adakah mereka diberi taklimat bahawa undang-undang yang sedia ada memang sudah hukumannya berat. Kalau tidak, mereka mungkin hanya memberi pandangan mereka yang memandu dengan melulu dan membahayakan atau di bawah *influence* alkohol *and drug* memang mesti dihukum. Saya pun setuju. Isunya sekarang bukan mestikan mereka dihukum. Isunya, hukuman mesti ditambah lagi. Oleh sebab itu, *survey* itu untuk jadi satu *survey* yang tepat dan Menteri menggunakan alasan itu. Soalan saya, adakah mereka diberitahu. Kalau tidak, beritahu tidaklah supaya kita tahu *survey* itu tidak tepat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak menjurus kepada satu rumusan kononnya kita tidak melakukan secara profesional. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat pergi tengok *backside* kita, JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan, semua maklumat itu ada kecuali Yang Berhormat tidak baca dan tidak merujuk kepada apa yang undang-undang sedia ada.

■1640

Jadi, saya tidak boleh kata orang ini tidak pandai, dia masuk ini dia bagi pandangan secara melulu sahaja, tidak. Saya rasa kita telah terangkan apa yang kita hendak buat dan mereka telah memberi komen. Ada yang kata, "*Yang Berhormat Menteri, sila gantung sampai mati mereka yang melanggar seseorang*". Ada sebegitu. Tetapi kita kena terangkan kenapa kita tidak boleh guna Kanun Keseksaan seksyen 302. Oleh kerana kita perlukan bukti *beyond reasonable doubt*. Macam-macam kita kena terangkan kepada rakyat.

Jadi, saya rasa saya tak nak pergi kepada itu, saya tumpu kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban. Okey, Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasihlah dari segi had alkohol WHO. Ya, apabila saya ditanya oleh pegawai sama ada *zero tolerance* ataupun WHO. Saya mengambil pandangan Yang Berhormat daripada Sarawak tadi yang kata Gawai. Saya tahu. Saya setakat hari ini saya tidak pernah minum setitik alkohol pun. [Tepuk]

Akan tetapi apabila saya membuat BAC kalau saya tengok *content*, saya tidak boleh kata kalau saya masih dalam keadaan saya makan ubat ataupun termakan tapai ataupun dalam keadaan kalau kita tengok kalau *second course* orang Cina kahwin, *sharks fins* dia akan letak sedikit *liquor*, dia masuk dekat situ. Kalau *zero tolerance*, bermaksud kita tidak dapat bacaan kosong. Jadi kita mengambil kira semua pandangan ini.

Dan saya sendiri bercakap dengan mereka yang beragama Islam, kenapa dalam Malaysia ini kita kena terangkan begitu. Sedangkan had lama yang kita gunakan agak tinggi. Kalau ini yang diguna pakai oleh dunia, WHO, lebih daripada 75 peratus negara telah

menggunakan, mesti ada kajian saintifik yang membuktikan bahawa penggunaan 0.05 peratus BAC ini adalah sesuatu yang tepat. Jadi, sebab itulah kita telah membuat satu keputusan pada Jun berpandukan kepada piawaian WHO. Sebab itu saya hendakkan beri sedikit latar belakang.

Yang Berhormat Seremban juga tanya, adakah pegawai penguat kuasa JPJ— saya tahu masa Yang Berhormat jadi Menteri, kita ada hasrat yang sama. Kalau boleh kita hendak letakkan pegawai penguat kuasa JPJ juga turut diberi kuasa untuk menjalankan kerja penguatkuasaan. Perkara ini telah dirundingkan di dalam Kabinet sebanyak tiga kali.

Oleh sebab itu masa saya menjawab Yang Berhormat kali pertama, saya kata cadangan ini akan diangkat kepada Kabinet. Setelah diperbincangkan dengan beberapa kementerian termasuk KDN dan PDRM, ada perkara yang perlu kita lihat. Iaitu apabila kita menjalankan kerja-kerja *roadblock*, sekatan jalan, kadangkala ia tidak menjurus kepada satu kesalahan iaitu memandu dalam keadaan mabuk. Ia mungkin membawa dadah juga dan ada elemen jenayah di mana bahan-bahan bukti tidak patut diusik.

Jadi dalam keadaan ini, kita telah mencari satu kaedah iaitu JPJ walaupun secara *explicit* tidak diletakkan sebagai badan yang diberi kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan tetapi boleh dibuat secara bersepadu dengan pihak polis. Itulah langkah tengah ataupun jalan tengah yang telah kita putuskan.

Berbalik kepada dasar diskaun kompaun. Yang Berhormat, saya menyanjung tinggi apa yang telah Yang Berhormat pertahankan iaitu tidak pernah bagi diskaun. Apabila saya masuk kementerian ini juga, saya melihat kenapa mantan Menteri mempertahankan keputusan ini. Tetapi pada waktu yang sama, saya juga melihat pihak polis atau pihak berkuasa tempatan sampai dia bagi kompaun cuma bayar RM15, ada polis juga bagi 50 peratus diskaun dan mereka ini menggunakan Akta Pengangkutan Jalan juga.

Jadi, apabila masa itu saya tidak buat keputusan dan selepas berlakunya pandemik ataupun penularan wabak COVID-19, saya terkilan juga apabila terdapat satu data di mana hampir 300,000 pemandu ataupun lesen memandu disenarai hitam tidak boleh membuat pembaharuan disebabkan mereka tidak bayar saman dan saya dapati ramai juga antaranya adalah orang-orang muda dalam belasan tahun, ada yang atas 20 tahun.

Dalam keadaan di mana berdepan dengan wabak COVID-19, ada banyak rayuan yang kata mereka memohon menjadi *delivery boy* di *Foodpanda*, mereka tidak boleh kerana tidak memperoleh lesen. Jadi dalam keadaan yang terdesak ini, kita memikirkan kalau agensi lain sudah memberikan diskaun dan dalam keadaan sebegini, kita berikanlah kelonggaran untuk sebulan ini. Biarlah mereka yang hendak cari kerja sebagai *p-hailing* atau menghantar barangan ini, mereka dapat satu punca pencarian rezeki. Oleh sebab itulah kita buka untuk bulan ini supaya mereka tidaklah perlu mengeluarkan lebih banyak wang untuk membantu golongan ini. [*Tepuk*] Ini membantu mereka yang muda ini, Yang Berhormat.

Satu perkara lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat membangkitkan satu isu yang hangat iaitu memakai topi keledar dan telah memaklumkan kepada Dewan dalam beberapa insiden pilihan raya kecil ada pemimpin-pemimpin yang tidak pakai topi keledar. Pada waktu

yang sama, Yang Berhormat Pasir Mas juga bangkitkan bukan sahaja di peringkat kerajaan, di peringkat sana pun ada.

Selaku Menteri Pengangkutan, saya tahu di bawah Akta Pengangkutan Jalan, kita boleh— tetapi buktinya. Nombor satu, kalau saya mengambil gambar di atas motosikal, berdasarkan kepada gambar, belum tentu saya boleh disabitkan menggunakan motor ataupun kenderaan itu di atas jalan. Itu pertama.

Kedua, walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat hendak kemukakan bukti yang ada, saya akan minta JPJ menjalankan siasatan mengikut prosedur. Ini boleh tetapi Notis 114 dikeluarkan dan bergantung kepada bukti yang kukuh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya akan serahkan kepada pihak berkuasa ataupun penguat kuasa untuk menjalankan. Ini bagi kedua-dua belah pihak, tidak kira pembangkang ataupun kerajaan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Nasihat daripada Menteri Pengangkutan ialah Menteri Pengangkutan minta supaya kita memakai topi keledar supaya orang kampung pun tahu. Ini kerana pindaan telah dibuat terhadap Akta Pengangkutan Jalan pada tahun 2011. Sebelum itu, jalan perlu diwartakan. Selepas tahun 2011, semua jalan yang boleh diakses oleh awam itu dianggap sebagai jalan. Definisi sudah tukar. Barangkali sebelum itu mungkin tidak sedar tetapi sekarang sudah sampai masanya untuk apa jua jenis jalan, kita kena memakai topi keledar.

Ya, Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Seremban.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya bagi mantan Menteri dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya bersetuju bahawa isu *apply to all*. Tidak kiralah sebelah sana, sebelah sini, kalau mana-mana Ahli Parlimen, tidak kiralah kerajaan kah, pembangkang termasuk parti saya sendiri, kalau ada bukti, saman mereka. Tidak ada masalah. *It should be applied to all* sebab bagi saya ini adalah satu mesej— termasuk Yang Berhormat Rembau. Saya nampak ada juga gambar Yang Berhormat Rembau juga tidak pakai topi keledar dekat Rembau itu. Akan tetapi, saya hendak katakan ialah *it should be applied to all*.

Cuma, sebab mengapa saya bangkitkan persoalan isu ini ialah sebab isu soal dua darjat. Ada penduduk kampung yang pernah disaman oleh JPJ sebab ditangkap gambar selepas itu dihantar notis untuk mereka perlu jawab kepada JPJ. Sebagai pemimpin, saya harap kita memberikan contoh yang baik sebab topi keledar ini ramai orang melihat sebagai perkara yang remeh-temeh tetapi kalau ikut MIROS, ikut JPJ, inilah antara kempen yang paling utama untuk

pakai topi keledar. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat pertahankan kempen sebegini. Saya galakkan semua orang untuk memakai topi keledar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, perkara yang sama.

Setelah Yang Berhormat Seremban membangkitkan tadi, saya dapat *more than 10* gambar-gambar pemimpin-pemimpin daripada pembangkang termasuk Ketua Pembangkang dan sebagainya, *I will send it to you*, Yang Berhormat Menteri, untuk diambil tindakan semua.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *Yes, please* saman semua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita tidak minta ini. Ini rakyat yang hantar kepada kita mengatakan kita jangan tuduh orang lain. Kalau perkara ini dikorek, sampai bila pun tidak akan selesai. Tetapi apa pun, saya akan bagi kepada Yang Berhormat Menteri nanti.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Baling, tolong hantar semua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Baling.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Termasuk Ketua Pembangkang saman juga, tidak apa.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, saya sudah kata kalau Yang Berhormat hantar, tidak ada masalah hantar kepada JPJ, kita akan mengikut prosedur SOP yang ada dan jika ada bukti yang kukuh, tindakan susulan akan diambil oleh JPJ. Tetapi selaku Menteri Pengangkutan, saya sudah kata, ini proses advokasi juga. Mulai saat ini, mintalah siapa-siapa yang berkempen di PRU, PRN dan juga...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pendidikan paling *important*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...Pilihan raya kecil semua menunjukkan teladan yang baik memakai topi keledar. Itu mesej daripada Menteri Pengangkutan dan minta jasa baik kedua-dua pihak supaya kita dapat mematuhi undang-undang ini.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh? Isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya setuju dengan apa Yang Berhormat cakap. Tetapi tadi mantan Menteri kata ini fasal *double standard*. Kita faham, undang-undang ini memang dikuatkuasakan tetapi dalam masa yang sama, kadang-kadang ada juga budi bicara.

■1650

Saya bagi contoh, kita tahu pakai topi keledar. Ada kaum-kaum tertentu dia dikecualikan pakai topi keledar. Begitu juga kadang-kadang orang Islam yang mana pak haji-pak haji yang pakai serban ini. Kadang-kadang dia hendak pergi masjid dan sebagainya, dia mungkin tidak pakai topi keledar. Akan tetapi, kalau ikut undang-undang, kalau tidak pakai topi keledar dan kalau orang Islam kalau saya tidak silap, salah. Kecuali kaum yang tertentu, saya difahamkan dikecualikan. Jadi, dalam melaksanakan perkara ini, saya ingat budi bicara pun hendak kena ada.

Macam kata dibangkitkan tadi. Dia bangkitkan tadi kalau katalah— saya pun sama. Betul Yang Berhormat kata baru diwartakan. Sebelum itu jalan ini belum diwartakan. Tidak semua boleh diambil tindakan, tetapi kadang-kadang bila kita di kampunglah— Saya kalau kita kampung, kita tahu kalau kita kampung. Mungkin boleh tidak kita tengok budi bicara kita hendak pergi masjid, pergi surau, mungkin kita kena pakai songkok sahaja, tidak perlu pakai topi keledar. Jadi, ini budi bicaranya. Macam mana Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya rasa yang pertama, pindaan telah dibuat pada tahun 2011. Semua jalan, tidak kira siapa kena memakai topi keledar. Mesej yang kita terima hari ini, minta supaya dihayati oleh kedua-dua pihak. Itu yang saya rasa saya hendak katakan.

Saya alih kepada isu yang kedua, Yang Berhormat Baling telah sebutkan beberapa perkara, antaranya peruntukan untuk menambah alat saringan atau membeli *breathalyzer* dan juga peralatan untuk kita buat saringan tentang berapa had alkoholnya. Saya setuju. Ini perlukan peruntukan yang besar.

Saya bagi contoh untuk Polis Diraja Malaysia. Mereka perlukan peralatan. Sebelum mereka keluar untuk menjalankan pemeriksaan. Ini sangat-sangat diperlukan. Saya berharap kementerian yang berkenaan termasuk Kementerian Kewangan dapat memberi sokongan supaya peralatan ini ada dan kita dapat menjalankan pemeriksaan secara lebih kerap lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam. Berkenaan dengan peralatan ini, boleh kah kita juga minta supaya penggunaan video...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya akan sampai kepada itu, tidak apa Yang Berhormat, terima kasih. Ini kalau Yang Berhormat sudah bangkitkan, Yang Berhormat Bintulu tadi telah pun telah sebut, Yang Berhormat Seremban tadi sebut, *body cam*.

Sebenarnya untuk melihat *efficiency* penguatkuasaan ini, salah satunya ialah penggunaan teknologi. Saya mengambil contoh kalau di China. Kenapa dulu orang China dia minum dia tidak tahu bila dia sudah mabuk dan kali ini kita pergi China, *you* paksa dia minum dia tidak akan minum kerana dia akan bawa kereta. Kenapa? Di China kita lihat keberkesanannya menjalankan penguatkuasaan bila mereka menggunakan peralatan ini. Termasuk mereka letak CCTV dalam kereta.

Jadi tidak kira kalau *body cam* ada pegawai penguat kuasa, dia ada kamera lagi dalam kereta dia. Dia boleh tahu kalau ada unsur-unsur penyelewengan, ia akan dirakam. Jadi, dalam keadaan ini sememangnya tidak ada jalan lain dan mereka kena diambil tindakan. Di China sekarang, kalau seseorang itu minum dia akan terus ditahan selama 15 hari. Inilah ketegasan mereka menjalankan penguatkuasaan. Saya kata tidak boleh lari kerana sudah ada penggunaan alat ICT. Yang Berhormat Jelutong ada lagi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya berterima kasih di atas penjelasan yang diberikan. Akan tetapi, saya ingat kesimpulan yang digunakan menumpu perhatian kepada China sahaja tidak betul. Minum ini di merata dunialah. So, jangan guna kesimpulan hanya di China sahaja. Kita mahu masalah ini diselesaikan di merata dunia khususnya di Malaysia. Jadi, permintaan saya jangan gunakan kesimpulan China.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Jelutong, saya tidak tahu kenapa—saya kata mengambil contoh. Saya boleh ceritakan contoh di Jepun, saya boleh gunakan contoh di Singapura.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No.* Dari tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan China, China. So, jangan gunakan China sebagai kesimpulan sahaja isu meminum ini. So, saya minta...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kamu apa masalah dia?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *So, secara am lah. Kalau boleh gunakan secara amnyalah. General, general. Don't refer to China only. Thank you.*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Jelutong, ramai *cybertrooper*...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Menyampuk]* India, India, India.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap. Ramai...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No.* Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik kenyataan India. Adakah dia mencadangkan orang India mabuk?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia kata... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah, sudah. Saya minta dihentikan dan saya minta...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Oh! Baru orang tahu Yang Berhormat Baling pencuri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Baling pencuri, Yang Berhormat Baling pencuri. Orang tahu itu. Saya minta ditarik balik.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tarik balik Yang Berhormat Baling, tarik balik Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik Yang Berhormat. Kenapa kena tarik balik?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik kenyataan India mabuk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak, dia kata negara China...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, you said* India, *why* kesimpulan India?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *You said* negara India, negara China...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik kenyataan itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Negara India tidak...
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya berhentikan perdebatan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya terus...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik kesimpulan India itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya kata negara India, mana ada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik. *Why did he use example?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling. Baik— China India, *they are all countries*. Saya minta kedua-dua minta duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh benarkan ini Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin... [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, tidak. Saya tidak benarkan mana-mana. Saya minta supaya tidak buang masa. Sila Yang Berhormat Menteri. Tidak, tidak, saya tidak benarkan. Sudah cukup. *I've done my ruling*, dengan izin. Minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, silakan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey. Cadangan-cadangan lain termasuklah melibatkan Yang Berhormat Baling dalam untuk menumpukan cadangan kepada MOT, tentang bagaimana kita hendak memberi pendidikan kepada mat rempit semua disambut baiklah. Akan

tetapi, yang penting kita akan teruskan pendidikan supaya ada kesedaran daripada segi pemanduan mabuk. Ia perlulah kita cegah melalui pendidikan dan juga kesedaran.

Yang Berhormat Sepang tadi sebut, satu perkara yang baik iaitu beliau telah membuat pindaan dalam tuntutan sivil daripada RM10,000 kepada RM30,000. Jadi, ramai Yang Berhormat yang bertanya tentang pampasan kepada mangsa. Ingin saya nyatakan di sini. Sebenarnya, di bawah seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah telah memperuntukkan dengan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, mahkamah boleh membuat satu perintah terhadap OKT untuk membayar pampasan terhadap mangsa atau waris mangsa sekiranya mangsa mati.

Jadi, perintah ini pernah dibuat oleh Mahkamah Majistret Tawau terhadap OKT yang disabitkan di bawah seksyen 41 [Akta 333] yang mana mahkamah telah memerintahkan OKT membayar pampasan kepada dua orang waris mangsa sebanyak RM4,000 setiap orang. Selain daripada itu, mangsa atau waris mangsa juga boleh menuntut pampasan daripada OKT melalui tuntutan sivil di Mahkamah Sivil. Dalam hal ini, perundangan sedia ada telah mencukupi bagi memberi satu ruang bagi bayaran pampasan dibuat. Jadi, saya rasa ini sekali gus menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]* Yang Berhormat Ayer Hitam, boleh Ayer Hitam? Hendak tambah sedikit.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ayer Hitam tadi, memang dalam CPC memang ada peruntukkan sebenarnya. Untuk Yang Berhormat Ayer Hitam, adakah Yang Berhormat Ayer Hitam sedar sebenarnya bukan hanya di Tawau, pernah juga berlaku di Muar, *Muar High Court, High Court* tu. Ketika itu mendiang...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Akan tetapi, Yang Berhormat Sepang, saya ambil contoh sahaja...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, saya hendak bagi contohlah. Saya saja tambahlah. Mendiang Richard Tallala, Hakim Richard Tallala. Yang Berhormat Ayer Hitam, lihat dalam— boleh minta pegawai-pegawai sana cek satu artikel dalam CLG atau MLD yang ditulis oleh seorang peguam senior GF Nelson. Boleh baca ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sila.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Sepang, kita boleh bincang di luar. Apa Yang Berhormat Sepang tadi, kononnya saya pernah sebut "*kalau mabuk naik Grab*". Yang Berhormat Sepang, saya hendak beri sedikit penerangan, apa yang saya jawab semasa itu ialah, tidak ada sebab seseorang yang telah minum perlu memandu. Saya kata sudah ada perkhidmatan *e-hailing*. Bolehlah gunakan perkhidmatan *e-hailing*. Itu yang saya maksudkan.

Saya pun kata dalam keadaan sekarang, sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, bermaksud kita boleh lagi menghidupkan semula dan merencanakan ekonomi. Saya telah dapat persetujuan daripada syarikat pemandu *e-hailing*, mereka dalam tempoh terdekat akan membuat

satu kempen untuk meletak stiker siapa yang sudah minum alkohol, sila panggil syarikat-syarikat *e-hailing*, mereka sedia bawa mereka.

Sebelum itu ada masalah kerana mereka muntah dalam kereta. Oleh sebab itulah kita buat satu peraturan kaedah semua kos pembersihan ditanggung oleh orang yang mabuk ini. Jadi, saya rasa kita membantu bukan sahaja sekadar kita buat undang-undang berdasarkan kepada kita tingkatkan hukuman, itu tidak jadi. Dalam konsep ataupun teori kejuruteraan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri *e-hailing*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kejuruteraan trafik, ada beberapa elemen. Tiga elemen. Pertama, 'E' iaitu *education*; pendidikan sangat penting. Kedua, *engineering*; daripada segi kejuruteraan. Tadi betul kata hendak selesaikan masalah kemalangan ini, reka bentuk geometri dan juga keselamatan— ciri-ciri keselamatan jalan perlu kita jaga. Ketiga, satu lagi *enforcement*. *Enforcement* dia berdasarkan kepada undang-undang yang ada.

■1700

Jadi, tiga aspek ini kena sekali harung. Kita tidak boleh mengabaikan atau menitikberatkan satu 'E' sahaja, kena gunakan tiga 'E'. Oleh sebab itu saya kata kesedaran bila sudah ada, *enforcement* kita buat dan apabila mereka rasa takut dan mereka tahu mesejnya, setelah minum jangan bawa kereta, jangan memandu kereta. Maka akan wujudnya satu kesedaran seperti beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi kata kena minta supaya pengusaha premis hiburan mereka juga menyediakan *breathalyzer*. Bagi saya, saya tidak menghalang sekiranya mereka hendak sediakan. Di Australia...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...*Blow before you go*. Sekejap ya. *Blow before you go*, itu adalah amalan mereka. Bagi kita, kalau sesiapa, kalau syarikat yang menjual arak nak bagi ke pusat hiburan dan pastikan pelanggannya tidak dijatuhkan hukum, inilah yang patut dilakukan. Saya tidak ada masalah. Pada waktu yang sama juga banyak NGO yang akan bekerjasama dengan kita untuk menyebarkan semua maklumat.

Saya akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya kita dapat gunakan saluran seperti radio, TV dan juga semua papan iklan yang boleh kita gunakan supaya kita menghantar mesej yang jelas, '*jangan memandu selepas mengambil alkohol*'. Itu yang kita hendak sampaikan kepada rakyat. Jadi saya rasa kita melihat kepada tiga elemen ini sangat penting.

Yang Berhormat Pasir Mas tadi telah membangkitkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, *e-hailing*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, banyak lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *E-hailing*, sekejap saja *e-hailing*. Okey, Yang Berhormat, saya rasa dalam cadangan Yang Berhormat hendak berunding dengan *e-*

hailing itu, saya rasalah dengan penuh hormat, saya rasa Yang Berhormat apabila seseorang itu mabuk, tidak kiralah sama ada dia memandu atau menumpang kereta *e-hailing* ini tidak patut dibenarkan sebab bila orang mabuk ini Yang Berhormat, kita pun tahu risikonya ialah terlalu besar. Kalau sekiranya apa berlaku dalam kereta yang ditumpang, bahaya kepada pemandu *e-hailing* pula. Jadi Yang Berhormat, mintalah kalau boleh dari segi pemandu mabuk ini tidak kira, tidak boleh bawa kereta dan tidak boleh juga naik *e-hailing*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, ini bukan satu perkara baru. Di negara-negara maju sudah ada *designated driver*. Di Malaysia pun ada dua syarikat, pertama aplikasi yang digunakan ialah MyDriver dan LAiLAH, dua ini sudah ada. Kita tidak boleh sekat kerana ini adalah satu perkhidmatan yang diberikan kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan ini. Jadi saya rasa terpujang kepada syarikat siapa yang hendak buat ya.

Jadi Yang Berhormat Pasir Mas tadi ada sebut beberapa perkara iaitu tentang hadnya, betul. Dia kata seksyen 41. Tadi Yang Berhormat ada sebut ada keperluan untuk kita pecah kepada dua. Ada yang memandu secara berbahaya di bawah keadaan mabuk dan juga dalam keadaan tidak mabuk. Saya hendak beritahu sebenarnya kalau pindaan atau akta yang ada sekarang, kalau seorang itu minum melebihi had, sudah ada seksyen yang khusus untuk kita ambil tindakan. Untuk membawa kereta secara melulu atau membahayakan memang ada satu seksyen yang khusus. Jadi saya rasa soal ini tidak timbul, *escapism* tidak timbul kerana ia bukanlah untuk mengelak daripada dikenakan hukuman yang lebih berat. Itu tidak jadi isu kepada kita.

Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang tadi membawa beberapa isu bersama dengan rakan-rakan yang lain di mana aspek pencegahan lebih penting. Betul, Yang Berhormat tadi ada sebut tentang KPKT berperanan, saya setuju. Nampak kedua-dua pihak, kita sedar bahawa ada keperluan untuk kita melihat bagaimana kita hendak menghadkan umur mereka yang membeli arak secara runcit. Itu telah dilakukan oleh negara Singapura dan negara-negara maju sudah ada. Jadi, supaya tidaklah berleluasa, supaya tidak disalahgunakan. Saya rasa itu boleh, bukan satu perkara baru, ini merentasi agama, tidak ada. Ini untuk kepentingan kita.

Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, pemandu mabuk ini dia tidak semestinya pergi ke *7-Eleven* beli dan mabuk terus. Mungkin dia sudah beli lama, dia simpan dalam rumah, dia minum bergaduh dengan isteri. Selepas itu dia keluar memandu, itu pun tidak boleh. Bukan soal mana dia beli ataupun mereka minum di mana. Saya dah kata kita tidak mencabuli hak orang lain untuk minum. Masing-masing kalau dia rasa dia boleh dia buat tetapi bagi kita kalau seseorang sudah minum, kita tidak benarkan dia bawa. Inilah mesej kita kepada rakyat.

Jadi saya rasa, saya harap Yang Berhormat kita sama-sama menghantar mesej kepada rakyat supaya sampai kepada semua pelosok termasuklah ke Sabah dan Sarawak. Saya tahu kawasan pedalaman kita perlu mengadakan pendidikan. Jadi sebab itu saya kata dalam silibus kita, bukan sahaja dalam institut memandu, kita kena mengingatkan supaya jangan minum arak, jangan memandu selepas minum arak dan begitu juga silibus di sekolah. Kita tahu, '*don't drink*

and drive', ini satu kempen yang sudah lama tapi kita kena hidupkan, mesej itu kena sampai dan supaya mereka rasa mereka tidak berani nak buat. Saya rasa inilah yang menjadi objektif utama kita dalam pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cadangan saya tadi berkaitan dengan wujudkan JPJ *voluntary reserve* supaya anak-anak muda yang tidak bekerja, yang ada kemahiran memandu bas, lori dan sebagainya untuk membantu *enforcement*, macam polis ada PVR.

Keduanya, adakah saringan yang diberikan kepada mereka yang dah berumur agar serampang dua mata Yang Berhormat. Satu, untuk hidupkan lesen balik dan keduanya mereka juga diberi peluang untuk buat saringan kesihatan mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey Yang Berhormat, cadangan telah saya kata diterima baik. Saya mengalu-alukan Yang Berhormat Baling memberikan cadangan itu, tidak ada masalah. Kita akan fikirkan kesesuaiannya ya.

Yang Berhormat Tanjong Karang tadi sebut fasal tuntutan sivil tadi. Okey, ini adalah bagaimana kita membantu keluarga mangsa. Saya dah jawab tadi di bawah seksyen 426 Tatacara Jenayah, memang kita benarkan. Mesti mendapat kelulusan daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Yang Berhormat Ledang tadi ada sebut sebanyak 47 kes kematian dari tahun 2015 sehingga 2020. Saya rasa Yang Berhormat telah memberi satu mesej yang jelas. Kebanyakan agama tidak galak ataupun ada dalam Islam ini, ia haram tetapi untuk agama lain ia tidak atau jangan, gunakan perkataan. Jadi konsepnya bukan berlainan tetapi menjurus kepada berbaik. Kalau kita sedar bahawa padahnya kalau kita memandu sebab minum. Jadi saya rasa kita mempunyai mesej yang sama tetapi tidak kira agama apa, dalam kempen ini kita sama-sama merentasi agama, merentasi wilayah, kita kena melakukan sesuatu yang betul untuk rakyat.

Soal memperketat lesen jualan arak dan juga arak murah, yang ini saya akan kemukakan kepada KPKT, di luar bidang kuasa kementerian ya.

Yang Berhormat Bukit Bendera tadi ada sebut kematian 1.3 peratus. Kalau dibandingkan tidak banyak, betul. Seperti mana yang MIROS pernah buat satu kajian dalam tempoh 10 tahun, 40 lebih kes tetapi Yang Berhormat kena sedar bahawa kita tahu satu kajian dibuat oleh MIROS di Hospital Kuala Lumpur sahaja, di Jabatan Kecemasan (A&E), 23 kes kemalangan dalam satu ketika itu adalah berkaitan dengan pemanduan mabuk. Ia bermaksud apa yang kita cerapkan data sekarang adalah kematian dan kecederaan. Ada yang dia mabuk dia langgar sendiri, terjun dalam sungai, macam-macam.

Jadi saya rasa dalam soal ini kita kena lihat bukan sahaja jumlah kematian itu tetapi impaknya kepada masyarakat. Oleh sebab itulah baru-baru ini berlakunya begitu banyak kes yang berlaku semasa PKP(MCO). Jadi saya rasa sudah sampai masanya kita tak nak menganiaya orang lain, sepatutnya kita melindungi keselamatan orang lain. Jadi saya rasa tidak salah walaupun peratusannya 1.3 peratus sahaja.

Jadi dari segi reka bentuk, Yang Berhormat kemukakan *motorcycle lane*, memang saya sokong. Kita sedang dalam peringkat berbincang dengan Kementerian Kerja Raya. Kalau RMKe-12 kita doakan boleh dapat peruntukan, saya akan setuju kerana kita dapat asingkan, kita dapat melindungi pengguna atau penunggang motosikal ini, tidak ada masalah.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan kematian, betul Yang Berhormat. Saya sedar bahawa kalau Yang Berhormat cadangkan e-skuter, mikromobiliti— kenapa kita kena buat satu takrifan di Dewan ini? Sebab utamanya ialah ramai yang gunakan kesempatan ini, dia masukkan *e-bike* tetapi ada pedal. Kita boleh pijak pedal tetapi ia secara *motorized*, bermaksud tidak gunakan pedal, dia boleh terus gunakan *motorized* itu bawa dan inilah *loophole* yang ada sekarang. Jadi sekarang kita telah buat takrifan, mana-mana kenderaan yang bawa di bawah 50 kilometer *per hour*, maka ditakrifkan sebagai mikromobiliti.

■1710

Jadi saya rasa sebelum itu kita tidak ada definisi ini. Hari ini kita telah memperjelaskan bahawa mereka juga tertakluk kepada undang-undang ini. Pada waktu yang sama, mana-mana *vehicle* kalau lebih daripada 50 kilometer sejam walaupun namanya e-bike, boleh sampai kelajuan sebanyak 60 atau 70 kilometer sejam, ia sudah boleh dianggap sebagai motosikal ataupun sebanyak 250 cc di mana berkehendakkan pengendali ataupun mereka yang menunggang motosikal kena pakai lesen memandu B2. Jadi, itu perlu kita lakukan.

Akan tetapi untuk mikromobiliti, kita berbincang dengan AGC, berbincang dengan PDRM cara-cara untuk kita hendak *regulate* dan buat satu ketetapan. Satu hari nanti seperti Yang Berhormat Gopeng kata, kita kena buat satu peraturan dan termasuk juga kita kena mengawal dari segi penggunaan kenderaan dan juga mereka yang membawa.

Itu perlu satu *competency*. Kalau tidak, kita biarkan mereka buat begitu menggunakan basikal elektrik namanya sahaja tetapi ia nya bukan lagi elektrik. Ia bukan sahaja basikal, ia adalah sebenarnya tidak ada lain, tidak banyak beza dengan pasolar yang kita gunakan sebelum itu. Jadi saya rasa kita kena terangkan dengan jelas.

Basikal lajak. Tadi Yang Berhormat ada bertanya tentang basikal lajak. Saya ada jawapannya. Sebenarnya punca kuasa, dia kata kenapa tindakan diambil terhadap ibu bapa? Punca kuasa untuk mengenakan hukuman terhadap ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang terlibat dalam kesalahan berkaitan basikal lajak bukanlah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebaliknya di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001.

Seksyen 31(1) akta tersebut memperuntukkan bahawa mana-mana ibu bapa yang mendedahkan kanak-kanak itu yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan adalah melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi selama 20 tahun atau kedua-duanya.

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang ibu bapa yang membiarkan anaknya menggunakan basikal lajak dalam keadaan yang mendedahkan anak itu kepada kemungkinan kecederaan fizikal, maka dia boleh dituduh di bawah akta ini. Jadi akta dengan syarat ia

memenuhi kriteria pembuktian di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001. Jadi saya rasa saya sudah perelaskan tentang perkara ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyentuh tentang hukuman, cuma seorang Yang Berhormat Beruas yang mengatakan dia ini tidak... [*Tidak jelas*] Saya juga perhatikan apa yang Yang Berhormat kemukakan hujah-hujahnya termasuk menggunakan seksyen 304 yang mana ia adalah satu seksyen di bawah Kanun Keseksaan. Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, apabila kita merangka hukuman ini, ia bukanlah satu proses yang datangnya secara tiba-tiba ataupun sesiapa yang melontarkan sesuatu idea.

Ia melalui satu proses yang mana kita bincang dengan semua agensi, terutamanya Jabatan Peguam Negara dan Pendaftar Mahkamah juga. Jadi, konsep hukuman setimpal memang kita terapkan kerana kita sedar bahawa apabila kita hendak mengenakan sesuatu hukuman, ia kena berdasarkan kepada konsep dan prinsip-prinsip yang ada. Oleh sebab itu di bawah saya, selama tiga kali saya bawa dalam Kabinet dan hanya selepas itu baharulah diluluskan untuk dibentangkan di Dewan Rakyat.

Saya rasa bukan satu proses kita boleh buat sewenang-wenangnya. Ia mesti melalui satu proses di mana Jabatan Peguam Negara, mereka juga terlibat dan mereka telah memberi komen dan ia telah disahkan oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Jadi saya rasa bukan kita buat sewenang-wenangnya untuk menyusahkan rakyat. Yang Berhormat kata...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat kata menyusahkan orang miskin.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat boleh dapat...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, kalau orang yang miskin.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Tidak jelas*]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap belum habis.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tentang 304.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tidak apa, saya habiskan dahulu, sekejap saya bagi Yang Berhormat. Ini bukan soal miskin minum arak. Minum arak ini tidak kira miskin, tak miskin. Kalau VSOP mungkin murah tapi XO itu mahal. Tidak kira orang ini dia miskin ataupun kaya, kalau sudah minum, jangan bawa kereta. Itu sahaja. Bukan kita hendak buat sesuatu yang tidak munasabah. Kita bukan hendak menghukum orang miskin. Tidak, langsung tidak.

Itu bukan hasrat kita. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita kenakan hukuman yang berat ini supaya orang dianggap dia sebagai satu *deterrence* bukan semata-mata kita hendak menambah hasil pendapatan negara, tidak. Yang Berhormat, sebab itu saya memohon Yang Berhormat supaya tidak menganggap kita ini hendak menganiayai orang miskin. Saya silakan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu bagaimana kerajaan dengan izin *reconcile* tindakan menyebabkan kematian tindakan melulu di bawah 304B Kanun Keseksaan dan juga *sorry*, mohon maaf. Tindakan melulu yang menyebabkan kematian di bawah seksyen 304A yang maksimumnya ialah hukuman penjara dua

tahun dan juga di bawah *Road Traffic Act* ini, tindakan melulu dan menyebabkan kematian, hukumannya begitu berkali ganda beratnya.

Jadi tadi isu tentang orang miskin, bukan kata orang miskin kaya minum. Isunya kalau kita memestikan mahkamah menghukum sesiapa yang melakukan kesalahan tadi dinyatakan bukan tentang yang menggunakan alkohol. Apa-apa tindakan yang melulu *rash and dangerous driving*, jadi ini termasuk orang-orang miskin dan kaya. Isunya kalau minimum ditetapkan sebanyak RM20,000 kah, sebanyak RM10,000 kah, ini membebankan rakyat yang miskin.

Maksudnya mereka akan ditambahkan penjara kerana tak dapat bayar. Jadi hukuman tentang jumlah denda dari segi kewangan ini mestilah diberikan kepada mahkamah yang mengenal keluarga miskin di kampung, orang-orang yang papa, yang dikata tiada duit, itu mesti diberikan budi bicara. Itu maksud saya. Jangan kita tetapkan, memastikan atau...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memerlukan hakim ini mendenda mereka dengan begitu berat sekali.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya berharap agar Yang Berhormat dapat meneliti hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Seremban tadi cukup bernas yang mana beliau sokong. Kalau Yang Berhormat bolehlah minta pandangan beliau. Kita memang sehaluan dalam keadaan ini. Oleh sebab kita kenakan satu julat hukuman denda yang sama, jadi, tidak ada bezanya.

Sekarang mungkin pandangan Yang Berhormat berlainan tetapi bagi kita, kita tingkatkan hukuman dan menunjukkan kesungguhan kita untuk membanteras gejala ini. Pandangan lain-lain ya. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, masa sudah tamat cuma hendak beberapa.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sedikit sahaja. Saya sudah- berapa sahaja, sudah hampir sudah. Kebanyakan saya sudah kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, silakan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tadi Yang Berhormat Pasir Gudang kata seksyen 41, kenapa PP kena buktikan? Pendakwa raya kena buktikan? Ini saya rasa *rule of law*. Kita tidak boleh buat *presumption*. Dia mestilah buktikan oleh bahawa mereka yang mendakwa seseorang itu dalam mahkamah, jadi bukan merupakan satu kelainan.

Banyak Yang Berhormat berikutnya menyentuh tentang peranan pihak berkuasa tempatan (PBT). Seperti mana yang saya katakan, kementerian ini akan bekerjasama dengan KPKT. Kita melihat keperluan bagaimana kita dapat mengawal penjualan arak seperti yang saya katakan kepada had umur apa? Di mana? Dan bagaimana ia dapat kita membuat satu regulasi

dan kita sentiasa akur dengan keputusan setiap PBT termasuk juga waktu perniagaan bagi pusat hiburan.

Jadi, Yang Berhormat Arau tadi ada bangkitkan satu isu di mana untuk negara lain, ada yang lebih teruk daripada kita. Jadi bagi kita, apa yang kita buat ini memang *justifiable* kata orang. Jadi saya rasa tidaklah kita terlalu teruk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Akan tetapi sekurang-kurangnya menunjukkan kesungguhan kita .

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri bagaimana dengan cadangan yang telah saya utarakan ketika perbahasan Tanjung Karang berkenaan dengan liabiliti dalam kes-kes melibatkan pemandu mabuk. Sekiranya mereka didapati bersalah dan dihukum, bolehkah itu diambil sebagai bukti...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Untuk mengenakan bukti untuk keluarga si mangsa membuat tuntutan, sekali gus tanpa keperluan untuk mereka memulakan tindakan sivil yang lain. Kalau umpamanya beliau merupakan seorang anggota polis yang meninggal dunia ketika melaksanakan tugas

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Faham,faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagaimana dengan keluarga beliau? Ini kerana sekiranya pemandu mabuk itu didapati bersalah, keluarga mangsa terpaksa memulakan tindakan lain di Mahkamah Sivil untuk menuntut pampasan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Faham,faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, bolehkah pemindaan itu dibuat atau perkara ini diperhalusi kemudian?

■1720

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya ada jawapannya, saya sudah bincang dengan pegawai saya. Satu cadangan yang luar biasa sedikit, saya anggap bernaslah. Boleh saya angkat berbincang dengan Jabatan Peguam Negara kerana ini bukan sahaja kita sebab tuntutan sivil ini kalau bersandarkan pada seseorang yang disabitkan kesalahan ia memerlukan bukan sahaja Akta Pengangkutan Jalan tetapi perlu dilihat secara holistik.

Maka saya rasa cadangan bernas ini akan saya bawa kepada Jabatan Peguam Negara tetapi berdasarkan pada seksyen 42(6) yang ada sekarang di bawah Akta Tatacara Jenayah ia memang boleh menuntut, ada *precedent*nya tetapi mesti dapat kelulusan daripada timbalan pendakwa raya. Itu yang diadakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Untuk menambah juga, penambahbaikan sebabnya saya membuat cadangan itu adalah kerana dalam kes-kes kemalangan, kalau orang itu terlantar menjadi *permanent disability* dengan izin, beliau boleh membuat tuntutan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi sekiranya mangsa itu meninggal dunia, pampasan yang boleh dituntut itu adalah dihadkan kepada umpamanya paling tinggi pun RM50,000. So, sebab itu saya mencadangkan kalau beliau merupakan seorang jurutera, seorang anggota polis kanan umpamanya yang bertugas ketika *roadblock* dan telah pun meninggal dunia akibat kemalangan melibatkan pemandu mabuk, mungkin undang-undang itu boleh digubal untuk memastikan keluarga mangsa itu dapat membuat tuntutan ataupun sabitan ke atas pemandu mabuk itu boleh dianggap sebagai satu liabiliti yang membenarkan keluarga mangsa untuk membuat tuntutan. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih di atas hujah yang telah dikemukakan. Saya sudah kata saya rasa terbuka kerana kalau ini demi kebaikan rakyat kita sedar bahawa apabila kita tingkatkan denda itu sampai RM100,000, orang nampak ini satu jumlah yang besar. Apakah itu boleh digunakan, dibayar kepada mereka yang menjadi mangsa? Jadi perkara ini sedia kita angkat kepada Jabatan Peguam Negara. Terima kasih atas cadangan bernas ini, Yang Berhormat.

Secara kesimpulan Yang Berhormat, saya melihat pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu pindaan yang dibuat pada hari ini memang adalah secara komprehensif untuk menyelesaikan masalah pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah dan juga memandu secara melulu. Maka saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak sana dan sini, kita bersama-sama memberikan sokongan.

Inilah satu perkara yang perlu kita lakukan bersama dan kita perlu kerjasama daripada semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan perkara ini perlu kita terapkan dan kita kena sampaikan mesej ini kepada semua pelosok Malaysia supaya mereka faham. Ini bukan satu perkara untuk kita hendak menyekat budaya mana-mana kaum.

Saya telah didakwa ataupun saya dikatakan orang yang tidak memberikan kebebasan kepada orang Cina untuk minum. Jauh dan lain sekali, ini tidak. Hajat saya, saya sudah kata kalau kamu hendak minum, ditenggelami dengan kolam renang dengan semua arak, itu bukan masalah saya. Akan tetapi seseorang itu kalau memandu selepas dia minum, itu akan saya pasti ambil tindakan tegas. Jadi mesej kita kena jelas, *don't drink and drive*. Jangan memandu selepas mengambil alkohol.

Jadi, dengan kata-kata ini sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang saya tidak sempat jawab, pandangan-pandangan yang bernas itu akan saya sampaikan kepada Kementerian Pengangkutan dan kepada agensi-agensinya yang berkenaan supaya perkara ini dapat kita tambah baik. Apa yang penting ialah pada hari ini kita melakar sejarah untuk meluluskan satu undang-undang yang dinanti-nantikan oleh rakyat. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal 1 hingga 15 –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada yang hendak berbahas? Sekiranya tidak ada...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beruas, ada. Beruas ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Sebutkan fasal mana, ringkaskan.

5.26 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya merujuk kepada seksyen 3, 4, 5 dan 6. Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan di sini bahawa di bawah pindaan kepada seksyen 41(1) menyebabkan kematian melulu atau membahayakan. Ini tidak melibatkan unsur alkohol tetapi apa-apa tindakan kalau anak muda, mat rempit dan sesiapa pun kalau dianggap telah membawa kereta secara melulu atau membahayakan hukumannya sekarang ialah sekurang-kurang lima tahun penjara hingga 10 tahun penjara. Hukumannya denda tidak kurang RM20,000 hingga RM50,000 dan tidak boleh membawa kenderaan atau lesennya akan ditarik balik sekurang-kurangnya lima tahun.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kita mesti faham akibat ini sebagai seorang peguam yang sudah lama di mahkamah. Kita mesti tahu rakyat jelata, apabila berlakunya kesalahan kita tidak mahu akibatnya lebih teruk daripada hukuman yang kita lakukan. Hal ini kerana kalau lima tahun di penjara hingga 10 tahun ini, tadi pertama saya kata ini tidak selaras dengan seksyen 304A yang menyebabkan kematian juga tetapi hukumannya maksimum hanya dua tahun.

Di sini kerana dia membawa kereta hukumannya sekurang-kurangnya lima tahun dan lesennya digantung lima tahun. Apa akan jadi kalau anak muda tersilap membawa kereta? Apa akan jadi kepada keluarga muda mereka? Siapa yang hendak menyara hidup isteri dan anak-anak? Apakah kerajaan dapat daripada hukuman yang begitu berat ini ke atas anak muda ini dipenjarakan lima hingga 10 tahun? Kita hendak menyara hidup dia, hancurlah keluarga dia.

Oleh sebab itu saya kata hukuman ini tidak setimpal, tidak memadai dan kita tahu ini juga akan menyebabkan setiap orang yang didakwa di mahkamah tidak akan mengaku salah. Sebagai seorang peguam saya tahu kalau hukuman terlalu berat mereka akan lawan bermati-matian daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Jadi ini akan

menyebabkan pembaziran *resources* seperti pegawai-pegawai JPJ, polis mesti datang mahkamah, mahkamah membuang banyak masa dan juga kita tahu ini merupakan satu hukuman yang tidak adil.

Saya kata tidak adil dan juga tadi saya katakan hukuman RM20,000 ini, sekurang-kurangnya RM20,000 hingga RM50,000 ini wang yang banyak untuk seorang anak muda baru keluar lepas *Form 5* kerana memakai kereta ataupun motornya secara melulu. Kesilapan yang sedikit ini kita hukumkan seluruh hidupnya tanpa memberi peluang kepada anak muda yang melakukan satu kesalahan yang tidak disengajakan. Hanya satu *reckless driving*. Adakah ini masyarakat yang kita hendak?

Jadi begitu juga dengan hujah-hujah seksyen-seksyen yang lain, hinggakan 10 tahun penjara hingga 15 tahun, sehinggakan lesen digantung. Dari pengalaman saya sekarang ini, tanpa undang-undang ini juga kerana rakyat yang miskin perlu hidup. Mereka akan langgar undang-undang untuk membawa motosikal, membawa kereta untuk pergi bekerja kerana hendak mendapat satu pendapatan untuk menyara hidup beliau sendiri dan juga keluarga.

Dalam keadaan sedemikian tanpa lesen, beliau tidak akan dapat insurans. Kalau berlaku *accident*, mangsa yang dilanggar itu tidak akan dapat pampasan kerana anak muda ini dia tidak ada harta sendiri, insurans tidak ada. Jadi keburukan yang akan melanda masyarakat ini lebih besar dari yang hendak kita hindarkan.

■1730

Saya hendak menekankan isu ini dengan pendirian yang begitu tegas kerana dari pandangan saya, sungguhpun majoriti tidak bersetuju dengan saya, dari pengalaman, saya ingin mengatakan ini satu undang-undang yang akan memudaratkan kita lebih daripada mencegah apa yang kita hendak capai.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya bagi rakyat biasa, rakyat jelata di bawah yang dari pengalaman juga, kalau undang-undang terlalu berat dihukum dia, berlakulah rasuah yang lebih meluas. Orang yang akan didakwa dengan satu hukuman begitu berat akan cuba, selain daripada lawan di mahkamah, mereka akan cuba bagi rasuah untuk melepaskan diri kerana hukumannya terlalu teruk dan tidak adil kepada mereka semata-mata kerana kemalangan itu berlaku kerana memandu dan bukan kerana menggunakan pisau yang menyebabkan kematian.

Jadi, bagi saya, ini bukan satu pindaan yang baik dan harapan saya pihak kerajaan mesti mempertimbangkan semula. Memang niat kita baik. Macam semalam *Insolvency Act*, niat kita baik, kita tidak mahu satu peratus rakyat Malaysia yang mungkin akan jadi bankrap kalau hutangnya tidak sampai RM100,000.

Saya sudah dapat daripada respons di luar, bank-bank tidak akan memberikan pinjaman kecil sampai RM100,000 kepada rakyat biasa. Kita hendak tolong satu peratus orang tapi akhirnya 99 peratus menjadi mangsa. Begitulah juga di sini. Kita hendak hukum satu orang, akhirnya, akibatnya, mudaratnya lebih besar daripada yang kita cuba hindar.

Saya hendak menekankan memang saya hendak mereka dihukum tetapi bukan seberat yang dicadangkan. Undang-undang sekarang memang sudah berat dan memadai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pasir Puteh.

5.32 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya juga hendak merujuk kepada seksyen 41 sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Beruas dan saya hendak menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Beruas. Perundangan yang sedia ada di dalam negara kita yang meletakkan pesalah-pesalah jalan raya, hukuman dia yang sedia ada ialah dua tahun dan tidak melebihi sepuluh tahun, saya rasa sudah mencukupi. Isu yang berlaku di sini iaitulah bukan pemandu yang mabuk. Adapun pemandu yang mabuk, kita sudah bincang panjang lebar dan saya kira hukuman yang dijatuhkan kepada pemandu yang mabuk ini adalah munasabah.

Namun, di sini ia berlaku kepada pemandu-pemandu yang kadangkala *accident* ataupun kemalangan di jalan raya *waima* membabitkan kematian ataupun cedera yang parah, dia tidak melibatkan kecuai dan tidak membabitkan mabuk. Umpamanya jalan yang licin sebagai contoh. Tetapi mahkamah dia tidak pergi kepada situ. Dia akan merujuk kepada seksyen ini sehingga pesalah ini dijatuhkan hukuman yang begitu berat. Sebagaimana yang disebut, apabila hukuman ini terlalu berat, dia membuka ruang untuk rasuah, dia membuka ruang kepada seseorang itu buat satu tindakan yang akan menyalahi undang-undang yang lain.

Jadi, saya kira kalau di dalam seksyen 41 ini, perlu kalau kita buat dua perkara yang berbeza. Pertama iaitulah kemalangan yang membabitkan mabuk ataupun membabitkan kecuai. Adapun kemalangan yang membabitkan jalan raya, membabitkan kadang-kadang kalau kita lihat sistem jalan raya di negara kita, tempat membengkok, kadang-kadang *line* dia putus— kalau jalan daripada Jeli ke Gerik, kita tengok *divider* di tengah jalan itu tidak ada sebarang tanda dan kita tengok dilanggar oleh kereta begitu rupa dan banyak kes-kes membabitkan kematian. *Divider* di tengah-tengah jalan, pembahagi jalan yang tinggi. Ia boleh berlaku menyebabkan ada kematian dan seumpamanya.

Apabila wujudnya seksyen yang seumpama ini, maka hakim terpaksa merujuk perkara ini dan dijatuhkan hukuman yang berat. Jadi, hukuman ini saya kira sangat tidak munasabah dan apa yang telah ada di dalam negara kita ini telah mencukupi. Cuma, kalau dibahagikan dengan jelas, pemandu-pemandu yang cuai macam mat rempit, ada pemandu tidak bertanggungjawab, dia berlumba di atas jalan raya menyebabkan kematian, ini saya sokong. Saya sokong.

Jadi, biarlah *clause* ini diasingkan di antara pemandu yang cuai dengan *accident* di jalan raya tanpa sebarang niat tetapi kerana faktor jalan raya, kerana faktor papan tanda, kerana faktor dia mengelak daripada babi yang lintas dan seumpamanya. Jadi, biar perkara ini dijelaskan dengan baik supaya nanti perbicaraan di mahkamah ini tidak dijatuhkan hukuman yang begitu berat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Ada sesiapa lagi? Kalau tidak ada, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

5.36 ptg.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas dan juga Yang Berhormat Pasir Puteh. Kedua-dua mempunyai pandangan yang agak sama tapi biarlah saya memberi sedikit huraian.

Kalau mengikut seksyen 41(1), "*Mana-mana orang yang memandu sesuatu kenderaan motor di jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang, setelah mengambil perhatian tentang segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan saiz jalan dan kesesakan lalu lintas yang dijangkakan yang ada atau mungkin ada di jalan itu) merbahaya kepada orang awam, menyebabkan kematian mana-mana orang, melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan hendak dihukum penjara*".

Jadi secara pendeknya, ada beberapa perkara yang penting. Iaitu kelajuan. Bermaksud, dia memandu kalau kita kata dia melanggar orang, itu tidak anggap melulu. Itu yang pertama.

Kedua, pihak polis yang menyiasat. Kalau pihak polis sudah menyiasat, memandangkan seksyen 41 yang ada sekarang, penjaranya ialah dua hingga sepuluh tahun. Cuma perbezaannya, 10 tahun itu maksimum masih lagi dikekalkan. Jadi, kita naikkan setakat daripada minimum dua tahun, kita naik kepada lima tahun. Itu yang kita lakukan. Betul, denda itu daripada RM5,000 kepada RM20,000, kita naikkan kepada RM20,000 hingga RM50,000. Saya sudah jelaskan tadi. Ini bukan soal hendak menindas orang miskin.

Tetapi kita perhatikan akta yang ada sekarang, orang yang telah melakukan kesalahan memandu dengan laju, melulu, dia kena kesalahan pertama dihukum dua hingga 10 tahun atau denda RM5,000 hingga RM20,000. Ini, kalau dilakukan kesalahan kedua, tetap lagi dia diberi hukuman sama. Sebab itu ada kewajaran untuk kita tingkatkan kepada 10 hingga 15 tahun ikut pindaan ini dan kita naikkan denda daripada RM5,000 hingga RM20,000 kepada RM50,000 hingga RM100,000. Ada perbezaannya. Kalau seseorang itu memandu dengan melulu—Dan saya rasa yang penting ialah pegawai penyiasat. Itu pertama. Kedua, semua fail ini akan dihantar pada Timbalan Pendakwa Raya. Dia kena memenuhi prasyarat apa yang dinyatakan dalam undang-undang ini.

Jadi, saya rasa oleh kerana sekarang sudah ada hukuman penjara, denda dan hilang kelayakan lesen ini, kalau kita lihat kesan yang pertama sekarang ialah lebih daripada tiga tahun, kita cuma anjakkan kepada lima tahun kerana saya rasa ini memadai kerana dua tahun mungkin singkat sangat.

Jadi, ini bukan bertujuan untuk menghukum mereka yang mencari rezeki, tiba-tiba tidak dapat mengawal lalu lintas kerana jalan licin. Saya sudah kata, *condition* itu sudah ditulis dengan begitu jelas sekali. Jadi, saya yakin Jabatan Peguam Negara mempunyai pakar-pakar menilai setiap keadaan. Sekiranya ada justifikasi, barulah seseorang itu akan dituduh di mahkamah.

■1740

Jadi, ia tidak bertujuan untuk menyusahkan mana-mana pihak. Jadi, saya rasa Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa dalam keadaan biasa di kampung-kampung tempat pedalaman, biasanya orang ini miskin dan susah untuk mereka menggaji seorang peguam yang baik. Jadi, hanya pergi ke mahkamah, mereka pun sudah takut. Sekurang-kurangnya lima tahun penjara. Gantung lima tahun lesen. Saya sudah sebagai peguam yang lama, saya dapati memang secara amnya orang pergi mahkamah tidak ada bagi kes-kes yang pengalaman orang miskin ini, mereka tidak ada peguam.

Begitu juga, bagilah penjelasan di Dewan Rakyat ini kenapa kalau menyebabkan kematian atas tindakan melulu. Kenapa hanya sampai dua tahun penjara di bawah 304A. Mestilah selaraskan. Tidak boleh digunakan budi bicara. Kita hendak kedaulatan undang-undang. Tidak payah ada orang dihukum kerana tindakan membawa melulu motosikalnya menyebabkan kematian, dia masuk tujuh tahun penjara.

Seorang lagi guna barang kerana marah dalam pergaduhan membunuh orang. Dia tidak sampai dua tahun penjara. Masyarakat kita mesti tahu nampak undang-undang itu adil. Oleh sebab itu, *I'm very passionate* kata ini bukan ada niat dalam kemalangan yang tidak ada niat menyebabkan kematian.

Oleh sebab itu, saya haraplah pihak kerajaan dapat ambil kira dua tahun penjara sudah memang teruk sekali. Kalau kes-kes jenayah kita kata komersial. Berjuta-juta ringgit hilang, lesap, orang curi tetapi satu bulan atau 12 bulan penjara. Dua tahun penjara. Apakah tindakan ini yang dikatakan tidak disengajakan, begitu berat sekali mesti dihukum. Apakah rasionalnya?

Apakah mesej kita kepada rakyat? Apakah jenis negara kita ini? Dari ini asas undang-undang jenayah. Kalau sesuatu itu dilakukan tanpa niat, biasanya kita *we called we are softer*. Kita memaafkan ataupun masih hukum. Akan tetapi, janganlah tanpa niat jenayah ini kita hukum begitu berat dan yang ada niat jenayah kita ringankan. Mana boleh? Ini tidak setimpal.

Jadi, haraplah pihak kerajaan dapat mempertimbangkan semula rayuan saya demi rakyat jelata terutamanya yang miskin, yang tidak ada peguam baik, yang menjadi dengan izin *at the mercy of those who has the right to decide on their feet*, dengan izin.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bahas tadi. Yang Berhormat Menteri boleh saya sambung sedikit isu yang sama iaitu hukuman sebelum ini di bawah seksyen 41, mandatori. Pertama, hukuman mandatori. Dua tahun hingga 10 tahun. Ertinya, kita tidak bagi hendak ditambah pada lima tahun, naik juga kepada 10 tahun. Jadi, kita tidak bagi budi bicara *discretion* kepada hakim dan pada mahkamah.

Jadi, saya nampak hujahan daripada Yang Berhormat Beruas itu ada munasabahnya. Oleh sebab kalau minimum itu sudah *start* dengan lima tahun, tinggi sangat. Maknanya, hakim tidak dapat hendak— hakim terikat tangan dia. Mesti lima tahun. Akan tetapi, kalau kekalkan dua tahun sampai 10 tahun, hakim boleh bagi lima tahun, enam tahun pun boleh kalau keadaan itu memerlukan.

Jadi, saya nampak hujah daripada Yang Berhormat Beruas itu mohonlah Yang Berhormat Menteri peruntukan yang lama itu kekalkan. Oleh sebab, kita dah beri syarat iaitu paras alkohol itu kita perketatkan lagi. Saya rasa— tetapi tentang mandatori ini, saya rasa elok kekalkan. Saya nampak munasabahnya hujahan daripada Yang Berhormat Beruas tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang Berhormat Menteri, poin yang sama, dua minit sahaja. Saya *just* buat poin itu dan kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih. *I think* saya rasa poin ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas memang penting. Mungkin telah terlepas pandang. Saya Yang Berhormat Menteri, elok saya baca peruntukan yang 304A daripada Kanun Keseksaan supaya kita faham apa maksud dia. *Can I read it?* Dengan izin.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: 304A. "*Whoever causes the death of any person by doing any rash or negligent act not amounting to culpable homicide, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years, or with fine,*"— bukan '*and*' ya. "*Or with fine, or both*". So, maksimumnya adalah dua tahun. Apakah kesalahan inti pati atau unsur-unsur kesalahan ialah "*doing a rash or negligent act not amounting to culpable homicide*".

Jadi, bila kita lihat itu elemen-elemen kesalahan ini adalah lebih kurang sama dengan 41(1). So, inilah yang percanggahan yang dirujuk oleh Yang Berhormat Beruas dan ini memang serius. So, jadi dalam usaha kita untuk menaikkan penalti ataupun hukuman di bawah akta *Road Transport Act*, kita patut memastikan kesalahan yang sama di undang-undang lain adalah lebih kurang setimpal.

So, this is something which we may have overlooked. I'm not— So, this a real point. It's a real argument, why? Kenapa dengan kesalahan yang lebih kurang sama, *you're doing a negligence driving, rash and negligent driving and you cause death. Why the Penal Code says maximum two years?* Selaras dengan yang lama iaitu RTA yang lama. Akan tetapi, sekarang kita hendak tambah sampai lima tahun dan juga *fine is mandatory*. Oleh sebab ada perkataan "*and*". *Fine* ini pun— denda ini pun sudah ditambah sebagai sehingga RM20,000 *as minimum*. Padahal, Kanun Keseksaan *is open*. Terpulang pada hakim *is 'or'*. *They can jail or fine or only fine. This is ada perbezaan yang ketara di antara dua-dua kesalahan.*

So, I think saya mintalah Yang Berhormat Menteri ambil perkara ini *seriously*. Jangan kita tergesa-gesa buat pindaan sebab memang kita faham kita hendak pentingkan hukuman. *But we have to do it*, dengan izin *rationaly and reasonably*. *So that the public* macam Yang Berhormat

Beruas sudah hujah, *the law must have some respect*. Kalau kita buat macam ini, rakyat pun bukan akan hilang kepercayaan dalam kedaulatan undang-undang dari segi itu.

Jadi, kita ada langkah. *I mean* kita ada jawatankuasa, kita ada *Senate*, ada *prolong* lagi. *So, I hope* ini boleh dipertimbangkan. *It is the same offence in term of, when you cause death—it is a quite serious. You're causing death through rash or negligent act. It is not intentional. That is the—* inilah persamaan dengan apa yang kita bincang di sini. Jadi, saya minta pertimbangan itu. Sekian.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Sungai Buloh dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya hendak beri sedikit penerangan dekat sini. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Berdasarkan pada seksyen 41, kalau Yang Berhormat gunakan seksyen 304 Kanun Keseksaan Yang Berhormat mengatakan tempoh maksimum penjara adalah dua tahun.

Akan tetapi, Yang Berhormat yang sedia ada pun dua tahun hingga 10 tahun. Bermaksud kalaulah pindaan sebelum ini mungkin pihak sana pun *overlooked* bermaksud Yang Berhormat Seremban tadi kata beliau sebagai Menteri Pengangkutan masa itu pun hendak bawa dan sekarang kita yang bawa.

Jadi, bermaksud kita mempunyai satu hasrat, cuma dari segi tempoh minimum hendak tingkatkan daripada dua tahun kepada lima tahun.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Manakala yang lain kita kekalkan. Denda juga dari segi amaunnya kita naikkan. Jadi, julat itu masih ada untuk hukuman penjara itu. Bukan kata dua tahun sekarang, dua tahun hingga 10 tahun adalah julat yang kita benarkan. Biar mahkamah yang tentukan. Ini bukan satu perkara yang biasa atau perkara luar biasa. Perkara ini sudah ada dalam perundangan yang sedia ada.

Apa yang saya hendak terangkan di sini adalah betul saya mengambil maklum Yang Berhormat punya pandangan tetapi Yang Berhormat kata macam kita tergesa-gesa, tidak. Memang dalam undang sejak dipinda sebelum ini pun sudah merangkumi penjara dua tahun hingga 10 tahun. Perubahannya ialah daripada dua tahun hingga 10 tahun ditingkatkan kepada lima tahun hingga 10 tahun. Terserah kepada mahkamah untuk tentukan. Cuma, kadar minimum hukuman penjara itu kita naikkan. Itu sahaja.

Jadi, saya rasa dalam soal ini saya menerima baik pandangan-pandangan itu dan saya rasa kita ini memerlukan satu undang-undang dan berpandukan pada undangan yang sedia ada. Sekiranya, selepas ini kita berasakan ada keperluan dan kita sentiasa meminda Akta Pengangkutan Jalan sekiranya ada keperluan. Akan tetapi, dalam kes ini oleh sebab perkara ini *precedent* sudah ada, yang mana melebihi dua tahun.

■1750

Saya tahu bahawa *concern* Yang Berhormat tadi ialah dia tidak selari dengan seksyen 304. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita telah membawa *bill* ini kepada

Jabatan Peguam Negara, kepada Pendaftar Mahkamah. Kita minta pandangan dari segi hukuman setimpal dan itu telah direstui dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Maka dalam konteks ini, kementerian telah melakukan yang terbaik untuk kita mendapat pandangan dan input daripada mereka. Okey, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya menambah sedikit.

Tuan Pengerusi: Akhir ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memang apabila pada permulaannya akta *Road Transport Act* ini, dia bagi budi bicara kepada hakim. Selepas dipinda kerana dikatakan sangat serius, jadi undang-undang dipinda memastikan sekurang-kurangnya dua tahun hingga 10 tahun. Ini sudah pun mencerminkan betapa seriusnya Dewan Rakyat ini tentang gejala membawa kenderaan dengan melulu atau merbahaya.

Jadi, jangan kita— Tadi dikatakan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan pun ada cadangan. Memang dalam isu ini kita tidak politikkan. Semasa ia dibawa dan dicadangkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan saya pun sudah— *I have registered my strongest protest* sungguh pun tidak dalam media, dalaman kita sudah memberi pandangan.

Jadi, maksud saya ini kita penggubal undang-undang, kita mesti faham jangan reaksi kepada secara beremosi daripada sosial media tadi dikatakan 345,000 itu, bagi saya *they are only reacting* kerana faktanya tidak dibentangkan secara menyeluruh. Jadi, kerana dari segi politik kita mungkin hendak mengaut sokongan, kita kata kita hendak tambah denda dan juga hukuman.

Akan tetapi kita sebagai penggubal undang-undang, *the law applies to all, irrespective*. Kita mesti ikut prinsip hukuman undang-undang di bawah undang-undang jenayah. *All the principle, deterrent, even talk about rehabilitation etc. What we are going to kill whoever commit an offense along other the consequences*.

Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri faham naik minimum *two years to five years is a very we call severe increase in penalty. Two years are already very serious. To me, discretion should be even for the two years should been given to the judges*. Ini kerana isu tidak ada niat bunuh orang ini penting dalam konsep jenayah ini.

Jadi, harap *even the two years*— Pandangan saya mestilah bagi budi bicara kepada hakim kerana hakim tahu setiap orang keadaannya tidak sama. Biasanya, katakanlah seorang umur 18 tahun baru belajar naik motosikal, takkanlah kita bunuh masa depannya kerana kesilapan semasa membawa motosikal. Jadi, *situation is different*. Bagilah hakim untuk membuat keputusan muktamad. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya hendak beritahu, kesalahan di bawah seksyen 304A Kanun Keseksaan adalah sesuatu kesalahan yang umum. Sedangkan, seksyen 41 Akta 333 adalah khusus untuk kesalahan memandu yang menyebabkan kematian.

Dengan peningkatan kemalangan maut sejak kebelakangan ini, maka kadar hukuman ini ditetapkan sebagai langkah *deterrent*. Oleh sebab itu Yang Berhormat sendiri dapat mengesahkan. Di dalam Pakatan Harapan dahulu, Yang Berhormat sendiri pernah secara dalaman kata tidak setuju tetapi perkara itu telah dibincangkan pada 29 Januari ketika Pakatan Harapan yang dikatakan diluluskan.

Jadi, bermaksud kita ada pandangan yang berlainan kerana Yang Berhormat kata serah kepada mahkamah, betul. Julat itu tetap dua tahun hingga 10 tahun yang sedia ada. Kita tingkatkan lima tahun hingga 10 tahun bergantung kepada mahkamah hendak kenakan lima tahun, enam tahun, tujuh tahun, lapan dan sembilan tahun, bergantung. Akan tetapi hasrat kita, melihat kadar kemalangan maut disebabkan memandu melulu makin serius.

Maka sebab itulah, berdasarkan kepada hujah ini kita masih lagi beranggapan bahawa cadangan ini adalah memadai dan untuk kita melindungi pengguna jalan yang lain. Yang Berhormat masih boleh gunakan untuk seseorang yang dituduh di mahkamah, Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang buang masa kalau dirayu kepada mahkamah ataupun daripada Mahkamah Majistret kepada Mahkamah Sesyen, Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi dan seterusnya.

Ini sebenarnya ada proses undang-undang, kita tidak boleh sekat. Sesiapa sahaja mahu mendapat pembelaan, orang itu boleh. Jadi, saya rasa dalam konteks ini dan perspektif MOT ialah kita hendak mencegah dan mengurangkan kemalangan maut. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Maaf Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Tuan Haji Awang bin Hashim) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak kepada cara pengendalian sesuatu tugas atau rutin seharian. Hal ini tidak terkecuali bagi mahkamah, meskipun mahkamah bukanlah sebahagian daripada perkhidmatan perlu ataupun *essential services* semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun bagi memastikan akses kepada keadilan (*access to justice*) yang optimum dan berterusan kepada rakyat dapat dilaksanakan semasa PKP, badan kehakiman Malaysia telah memaksimumkan keupayaan teknologi sedia ada antaranya dengan mengadakan pendengaran kes melalui video ataupun *video conferencing* dan pengurusan kes melalui *e-Review* dan e-mel bagi kes-kes sivil.

Ini terbukti apabila Badan Kehakiman Malaysia telah menempa sejarah pada 23 April 2020 apabila buat pertama kali pendengaran kes iaitu kes di Mahkamah Rayuan telah dijalankan melalui *video conferencing* dan dibuat *live streaming*. Walau bagaimanapun, prosiding dalam talian ini merupakan satu alternatif kepada kaedah pelaksanaan perbicaraan dan tidak menghalang pihak-pihak untuk meneruskan perbicaraan mahkamah secara konvensional.

Di dalam hal ini, selari dengan situasi yang berlaku dalam negara dan sebagai langkah jangka panjang bagi pengendalian prosiding secara dalam talian, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] perlu dipinda supaya apa-apa prosiding atau proses mahkamah yang dijalankan secara dalam talian adalah berasaskan peruntukan undang-undang yang jelas dan mengelakkan daripada kesahannya dicabar pada masa akan datang.

■1800

Langkah untuk meminda undang-undang juga adalah seiring dengan langkah yang diambil oleh beberapa negara luar dalam mengendalikan prosiding mahkamah secara dalam talian. Antaranya di United Kingdom, Singapura, Australia dan juga New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 91 adalah suatu akta yang berhubungan dengan Mahkamah Kehakiman Atasan dan mula berkuat kuasa di seluruh Malaysia pada 16 Mac tahun 1964 lagi. Antara perkara yang diperuntukkan dalam Akta 91 ini adalah berkenaan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi iaitu bidang kuasa asal rayuan dan penyemakan.

Selain itu, Akta 91 juga memperuntukkan perkara am antaranya seperti meterai mahkamah, proses mahkamah, mahkamah hendaklah terbuka dan awam dan juga berkenaan kaedah-kaedah mahkamah. Bagi mengadakan rejim perundangan yang lebih kemas serta berstruktur, maka pindaan dicadangkan untuk dibuat kepada beberapa peruntukan Akta 91. Cadangan ini melibatkan pindaan kepada empat peruntukan sedia ada dan pengenalan dua peruntukan baharu.

Seterusnya, saya akan menjelaskan cadangan pindaan tersebut yang dimasukkan dalam fasal-fasal RUU.

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Fasal 2 rang undang-undang meminda seksyen 3 Akta 91 dengan memasukkan takrif baharu "*remote communication technology*", dengan izin untuk memberi kuasa kepada mahkamah menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh. "*Remote communication technology*" ditakrifkan sebagai rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa komunikasi elektronik lain. Takrif ini adalah membantu mengenal pasti penggunaan, jenis platform atau medium dalam teknologi komunikasi jarak jauh yang akan digunakan dalam prosiding mahkamah kelak.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 15A ke dalam Akta 91 untuk membolehkan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi menjalankan prosiding melalui rangkaian video atau televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

Dalam hal ini, bagi maksud "*clarity*", maka pindaan ini wajar dibuat. Ini kerana, pada masa ini tiada peruntukan undang-undang khusus berhubung prosiding mahkamah yang boleh dijalankan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh.

Saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan konsep *open justice* di bawah seksyen 15 Akta 91. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa "*Tempat yang di dalamnya mana-mana mahkamah diadakan bagi maksud membicarakan apa-apa klausa atau perkara, sivil atau jenayah hendaklah disifatkan sebagai suatu mahkamah terbuka (open court) dan awam yang kepadanya orang ramai pada amnya mempunyai akses*".

Beberapa kes mahkamah antaranya Dato' Seri Mohd. Najib bin Abdul Razak *versus Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 Mahkamah Persekutuan, PP *versus* Shaharil Said [2007] 4 CLJ Mahkamah Tinggi dan Kanopy Investment Private Limited *versus* Landmark Holdings Berhad [1989] 2 MLJ 469 Mahkamah Tinggi telah memutuskan berkenaan subseksyen 15(1) Akta 91 yang memfokuskan kepada sifat awam ataupun *public nature* sesuatu prosiding mahkamah iaitu mahkamah hendaklah terbuka kepadanya orang ramai pada amnya mempunyai akses dan perbicaraan dikehendaki diadakan secara terbuka serta telus supaya keadilan bukan sahaja dilaksanakan tetapi nampak dilaksanakan.

Kes-kes yang diputuskan jelas memfokuskan kepada sifat awam atau *public nature* sesuatu prosiding mahkamah berbanding tempat dan tidaklah menghadkan tempat tersebut hanya kepada bangunan fizikal mahkamah sahaja. Dalam keadaan sesuatu prosiding mahkamah dijalankan secara dalam talian.

Sebagai contoh melalui sidang video dengan kehadiran pihak-pihak yang berkenaan sahaja, dalam sidang video tersebut tidaklah menjadikan kes tersebut dihalang daripada akses orang awam. Ini kerana, orang awam masih boleh mengakses kepada sidang video tersebut melalui *live streaming* atau apa-apa kaedah yang akan ditentukan kelak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam sesuatu prosiding yang dijalankan dengan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, semua hak dan obligasi pihak-pihak adalah tidak berubah. Hal-hal yang berkaitan dengan pemakaian peruntukan undang-undang substantif, beban pembuktian, hak pihak-pihak untuk didengar dan memberikan respons kepada

sesuatu kes terhadap mereka masih kekal serta tidak berubah sebagaimana pendengaran prosiding yang dijalankan di bilik perbicaraan.

Konsep *open justice* juga masih dikekalkan melalui pendengaran dalam talian yang dibuat melalui *live streaming* atau disiarkan atau *broadcasted*, pihak-pihak adalah tidak dihalang daripada menghujahkan kes mereka atau memberikan respons kepada hujahan pihak lawan. Prosiding yang dijalankan dalam talian hanyalah melibatkan pertukaran *venue* atau tempat iaitu daripada mahkamah fizikal kepada maya atau *virtual*. Melainkan jika pihak-pihak menunjukkan bahawa akan berlaku prejudis terhadap kes mereka, tiada bantahan wajar dibuat atas sebab teknikal atau prosedur semata-mata disebabkan pendengaran kes tersebut dijalankan secara dalam talian.

Fasal 4 RUU bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 91 bagi memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kaedah-kaedah untuk mengawal selia dan menetapkan tatacara dan amalan yang harus diikuti berkenaan dengan prosiding mahkamah yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 17(2) Akta 91 berhubung dengan keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-kaedah. Di bawah pindaan yang dicadangkan, keanggotaan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur digantikan dengan keanggotaan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Penggantian ini adalah wajar dan sesuai manfaat kerana Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan adalah Ketua Jabatan di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) dan merupakan jawatan pegawai undang-undang tertinggi di PKPMP. Sebagai Ketua Jabatan, beliau bertanggungjawab memastikan proses kerja dan tatacara di mahkamah yang terpakai bagi pegawai-pegawai kehakiman, pengamal undang-undang dan orang awam adalah teratur. Maka, adalah wajar Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dimasukkan dalam Jawatankuasa Kaedah-kaedah dan berperanan dalam menentukan apa-apa perundangan yang melibatkan tatacara mahkamah yang diputuskan melalui Kaedah-kaedah Mahkamah.

Fasal 6 RUU bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Hakim Negara untuk mengeluarkan arahan amalan. Arahan amalan adalah suatu arahan berkenaan dengan suatu tatacara atau amalan secara pentadbiran yang perlu diikuti di mahkamah. Pada masa ini, kuasa untuk mengeluarkan arahan amalan hanya diperuntukkan dalam perundangan subsidiari iaitu Aturan 92 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan kuasa mengeluarkan arahan amalan diberikan kepada Hakim-hakim Besar.

Oleh yang demikian, adalah wajar selaras dengan perkembangan sistem kehakiman semasa, kuasa mengeluarkan amalan ini diberikan kepada Ketua Hakim Negara dan diperuntukkan dalam Akta ibu supaya impaknya lebih berkesan daripada segi undang-undang.

Fasal 7 RUU bertujuan untuk meminda subseksyen 69(1) Akta 91 bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk memberikan apa-apa keterangan lanjut yang diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Perkara ini selaras dengan kuasa mahkamah yang boleh menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan pindaan kepada Akta 91 berkenaan dengan prosiding mahkamah melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan perkara lain yang berkaitannya adalah selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan undang-undang semasa.

Adalah diharapkan agar dengan pindaan ini prosiding di mahkamah dapat dijalankan dengan lebih teratur, efisien dan berlandaskan peruntukan undang-undang. Badan Kehakiman Malaysia juga merupakan antara negara yang terkedepan (*ahead off*) dan antara yang mendahului (*leading*) di antara negara-negara ASEAN yang terdiri daripada 10 buah negara dari segi pelaksanaan *e-court*. Perbandingan adalah dibuat berasaskan perkara-perkara yang berikut:

- (i) *e-filing and case management;*
- (ii) *online hearing, video conference and live streaming;*
- (iii) *court technology;*
- (iv) *other initiative and future initiative.*

Badan kehakiman juga telah menyatakan perbincangan dan sesi libat urus dengan pihak-pihak kepentingan seperti Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam mengenai cadangan pindaan kepada Akta 91 ini.

Semua pihak berkepentingan tersebut tiada halangan dan bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan.

Akhirnya kerajaan berharap cadangan pindaan ini dapat memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan badan kehakiman negara secara amnya, demi memastikan akses kepada keadilan atau *access to justice* yang optimum kepada rakyat dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak ikut senarai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya telah minta supaya diberi peluang supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Selalunya saya mulakan dengan sebelah sini dulu, baru di sebelah sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik, terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua, Sungai Buloh sini. Saya tidak sempat masuk nama dulu. Boleh saya pohon nama saya dimasukkan sekali?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Tanjong Karang dan akan disusuli oleh Yang Berhormat Batu Sapi. Silakan. Tidak ada? Tidak ada, maka...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa? Tanjong Karang?

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang.

6.13 ptg.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak pernah disebut, saya cakap. Saya tak pernah disebut, saya cakap sahaja. Terima kasih, saya hendak sentuh beberapa perkara mengenai akta ini iaitu daripada sudut bidang kehakiman...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Berapa minit ini Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Masa 10 minit untuk pembahas utama.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini bidang kehakiman amat penting dalam negara kita. Dalam ini terdapat dua aspek yang saya hendak tekankan, yang pertama adalah bidang kuasa kehakiman. Kita harap betul-betul mahkamah kita menjalankan tanggungjawab ini dengan adil supaya tidak dilihat sebagai sesuatu mahkamah yang ada tangan-tangan di belakangnya.

Seperti yang kita tahu baru-baru ini bila kes Yang Berhormat Pekan timbul, tiba-tiba tukar hakim— menimbulkan isu-isu kontroversi seperti ini. Kita juga harap bahawa negara kita ini janganlah dilihat pula sebagai satu negara yang mengamalkan *political prosecution*. Kita tidak mahu berlaku macam ada beberapa buah negara. Bila tukar sahaja pemimpin, maka pemimpin itu akan didakwa. Banyak negara yang melakukan sedemikian.

Akan tetapi negara kita, tidak halang. Akan tetapi mestilah dilihat tindakan ini secara adil bukannya diberikan tafsiran oleh rakyat ataupun oleh pihak negara luar sebagai *political prosecution*. Ini yang amat penting. Juga kita harap apabila perkara ini boleh — sesuatu perbicaraan ini boleh dilihat secara umumnya oleh rakyat juga kenalah dilaksanakan dengan adil. Ini kerana kita tidak mahu sesuatu kes nanti bila berlaku, hakim belum keputusan, rakyat sudah buat keputusan lebih awal. Jadi hari ini pun ramai walaupun rakyat bukan kelulusan undang-undang tetapi daripada segi kuasa-kuasa tertentu, ia boleh membuat keputusan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin mencelah.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, boleh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada 36 (8) iaitu bila persidangan, perbincangan di dalam Parlimen, kita tidak boleh sentuh sesuatu hakim

dan Yang Berhormat Tanjong Karang pun seorang peguam. *They cannot be any connection whatsoever makes reference to judges. Can you withdraw that portion of it?*

Tuan Yang di-Pertua: 36, berapa itu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: 36(8).

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak boleh menyentuh mana-mana hakim, saya tahu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya baca, *the conduct or character of the Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, of any of the Rulers or Their Excellencies of the Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, of Judges or other persons engaged in the administration of justice, it goes on – the character whatsoever.*

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, kalau saya rasa, seingat saya kalau kita ikut Perlembagaan Persekutuan, *conduct* seseorang hakim itu tidak boleh dibincangkan, seseorang hakim, *a particular judge*. Akan tetapi kalau secara amnya, saya rasa boleh dibincangkan dalam Dewan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *When we refer Yang Berhormat with respect, we refer to a particular judge they cannot be any exception rather this particular judge presided over Yang Berhormat Pekan's Case. He was referring to Yang Berhormat Pekan's Case.*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak merujuk kepada...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, if a general I don't mind. I mean, he said judges but he referred Yang Berhormat Pekan's – he mentioned.*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak ada sebut nama hakim.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang saya dengar tadi hakim secara am, bukan nama seseorang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya tidak ada sebut nama hakim.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Akan tetapi kes spesifik.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin, boleh saya. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi adalah bahawa bukannya, *it does matters not whether* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *whether he refers to a particular judges name but it is implied from his speech. When he refers to a case. There can only be one judge.* Jadi itu tidak dapat dinafikan bahawa siapa yang dirujuk oleh Yang Berhormat Tanjong Karang adalah hakim yang *precide* dalam kes Yang Berhormat Pekan.

So, that is prohibited atau dilarang oleh peraturan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, yang saya dengar tadi dari Yang Berhormat Tanjong Karang, beliau tidak merujuk kepada mana-mana kes khas dan oleh itu tidak merujuk mana-mana hakim yang khas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua:...saya hanya dengar Yang Berhormat Tanjong Karang menyebut apa-apa kes yang rakyat semua sudah buat keputusan dahulu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, dia refer...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, dia ada sebut fasal kes Yang Berhormat Pekan itu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Pekan, *he specifically mentioned.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *He mentioned.*

Tuan Yang di-Pertua: *Is it?*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kami semua dengar. Fasal Tuan Yang di-Pertua tidak dengar?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, betul. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu, saya tidak menyentuh mana-mana hakim dan juga karakter hakim. Betul, saya ada sebut hanya contoh pertukaran hakim sahaja. Saya tidak sebut mana-mana nama hakim. Oleh sebab yang saya kata tukar hakim itu saya pun ada bukti. Ini apabila perkara itu berlaku, dipertikaikan juga oleh *public*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, begini.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak kata sebut nama ketua hakim kah, hakim . Tidak ada. Saya hanya bagi sistem pertukaran sahaja. Itu sahaja saya sebut. Saya tidak ada niat hendak tujukan kepada hakim, sebab ini saya kata supaya dilihat adil.

Tuan Yang di-Pertua: Begini, Yang Berhormat Tanjong Karang. Sebenarnya sefaham saya, di bawah undang-undang, *conduct* seseorang hakim yang *particular* itu di dalam sesebuah kes yang khas itu, tidak boleh dibincangkan. Tetapi kalau secara amnya, boleh.

Jadi, setakat yang saya dengar tadi, tidak ada dirujuk kepada mana-mana kes yang khas. Boleh jadi saya silap, tapi ingin saya nasihatkan supaya apa-apa *reference* itu, apa-apa rujukan dibuat secara am dan bukan kepada mana-mana kes yang tertentu atau mana-mana hakim yang tertentu.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Sungai Buloh. Seminit sahaja.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, lantai percakapan adalah dipunyai oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Jadi Yang Berhormat Tanjong perlu memberi laluan.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Ada bagi?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat? Isu apa?

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Poin yang sama sebab saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah buat *ruling*. Saya sudah buat *ruling*.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan di-*discuss*-kan, jangan dibincangkan kes-kes yang tertentu atau hakim-hakim yang tertentu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin sikit boleh?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin sikit, Yang Berhormat Tanjong Karang sikit?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sila.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bolehkah hakim menjatuhkan sesuatu hukum di luar enakmen. Umpamanya katalah dalam satu kes tidak boleh jamin, akan tetapi hakim membenarkan dijamin dalam kes-kes tertentu.

■1820

Apa dia punya kesan dari segi kedudukan, status mahkamah jika dia menghukum di luar enakmen yang diluluskan oleh Parlimen? Apakah tindakan yang boleh dibuat kepada hakim-hakim berkenaan jika ia berlaku?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Setahu saya, apabila sesuatu keputusan itu dibuat, sepatutnya hakim mengikut lunas undang-undang yang telah pun ada. Akan tetapi, sekiranya keputusan itu dibuat di luar undang-undang, maka sudah tentulah pihak pendakwa atau pihak peguam bela, dia boleh membantah dan membuat rayuan. Itu yang saya faham.

Jadi, saya hanya hendak menekankan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita ini jangan dilihat sebagai sebuah negara seolah-olah orang kata membalas dendam. Ini kita tidak mahu. Saya tidak halang. Dakwalah sesiapa pun. Saya hendak beritahu— Yang Berhormat Baling kata kes-kes tertentu. Ini misal katalah. Kalau kita hendak sentuh kes— kata tidak mahu sentuh keslah. Kita tidak mahu sebagai satu contoh. Jangan berlaku *political prosecution*. Ada kes yang sedang berjalan, apabila sedang berjalan, dia panggil saksi, tiba-tiba kes itu— ya lah, di atas permohonan pendakwa raya selepas itu, akhirnya kes itu dibebaskan yang melibatkan orang-orang politik. Jadi, kita kena dilihat sebagai sebuah mahkamah yang adil. *Nobody above the law*. Ini yang kita minta supaya mahkamah kita, hakim-hakim kita akan dihormati. Kita juga tidak hendak nanti ada orang tuduh, oh, sebab setengah-setengah hakim ini dalam kes-kes tertentu ini kerana dia dipilih oleh orang tertentu. Maka, siapa yang akan merosakkan nama kita?

Macam contoh Peguam Negara. Tengok dahulu apabila tukar— naik PH, dia melantik Peguam Negara, selepas itu tukar lagi Peguam Negara. Ketua Pengarah SPRM begitu juga. Jadi, ini yang saya maksudkan. Saya harap di masa akan datang, siapa juga yang memerintah, tolong jangan campur tangan dalam urusan mahkamah. Marilah kita mengamalkan konsep *separation of power*. Biarlah *judiciary*, bagi dia kebebasan yang ada dengan dia. Kalau bolehlah,

saya tidak tahulah, kalau boleh pelantikan-pelantikan hakim ini, janganlah ada campur tangan daripada orang-orang politik. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Batu Sapi. Masa 10 minit.

6.23 ptg.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada Batu Sapi untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang pengamal undang-undang, kita sentiasa menyokong segala bentuk pemudah cara dalam urusan-urusan pengendalian kehakiman di mahkamah, lebih-lebih lagi melibatkan *advance technology*. Penggunaan teknologi dalam bidang kehakiman bukanlah perkara yang baharu di negara kita ini. Ketika saya memegang portfolio Menteri Undang-undang, saya diberikan *exclusivity* untuk melihat sendiri *artificial intelligence* (AI) yang diadaptasi buat julung-julung kalinya di mahkamah di Kota Kinabalu.

Mahkamah Kota Kinabalu, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, merupakan mahkamah pertama di negara ini yang telah menggunakan AI dalam urusan kehakiman. Teknologi *artificial intelligence* ini dimanfaatkan bagi tujuan menganalisis kewajaran hukuman atau *rational of conviction* kepada pesalah di mana ia diberi percubaan untuk kes-kes yang dituduh di bawah hanya dua seksyen sahaja iaitu seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi kesalahan memiliki dadah dan juga seksyen 376 Kanun Keseksaan bagi kesalahan rogol.

Teknologi sebegini bukan sahaja membantu para hakim dalam merumuskan sesuatu pendakwaan dan juga pembelaan, bahkan ia juga menjadi pemangkin kepada penggunaan teknologi-teknologi yang lain yang boleh diaplikasikan di mahkamah-mahkamah kehakiman di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, April lalu, sebuah Mahkamah Rayuan telah mencipta sejarah apabila menjadi mahkamah pertama di negara ini yang menjalankan proses rayuan secara atas talian melalui *video conferencing* untuk tiga kes tuntutan mahkamah. Prosiding rayuan ini telah pun melibatkan tiga orang individu dan sebuah syarikat pengangkutan tersebut dan telah pun disiarkan secara *live streaming* di laman portal rasmi Kehakiman Negara. Saya mengambil maklum proses rayuan ini dan saya teruja apabila dimaklumkan bahawa tiga orang hakim, beberapa orang peguam dan seorang Timbalan Pendaftar Mahkamah telah menjalankan proses rayuan menerusi *Skype* daripada rumah dan juga pejabat mereka masing-masing.

Saya dimaklumkan bahawa sebelum prosiding tersebut dilakukan, pihak Mahkamah Rayuan telah mendapatkan persetujuan bersama antara pihak yang terlibat untuk mengadakan proses pendengaran rayuan menerusi *video conferencing* ini. Jadi, berdasarkan *online proceeding* yang bersejarah itu, saya fikir tidak ada masalah untuk kita Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong pindaan rang undang-undang ini, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik COVID-19

seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang bijaksana sekarang ini yang duduk di sebelah sana yang mewajibkan kita untuk mengamalkan penjarakan fizikal tidak kira di mana sahaja kita berada.

Tuan Yang di-Pertua, awal Jun lalu juga, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dalam kenyataan menyatakan perkhidmatan mediasi di mahkamah boleh dilakukan secara atas talian sebagai alternatif kepada pelaksanaan mediasi yang dijalankan oleh Pusat Mediasi Mahkamah. Saya menyambut baik pelaksanaan *online mediation* tersebut yang bagi saya merupakan satu alternatif yang wajar dilaksanakan dalam bidang perundangan pada hari ini.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima beberapa cadangan daripada badan-badan guaman profesional ketika saya menjadi Menteri supaya kerajaan dapat melaksanakan pelaksanaan mediasi jarak jauh dengan menggunakan aplikasi pintar seperti *Skype* dan juga *Google Meet* untuk memudahkan individu yang tinggal berjauhan, lebih-lebih lagi yang bekerja di luar negara. Saya berharap dengan lulusnya rang undang-undang ini, pihak kerajaan akan dapat menaikkan bajet khusus bagi tahun 2021 untuk tujuan menaiktarafkan alat komunikasi di mahkamah-mahkamah sivil dan syariah.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu juga saya telah pun mencadangkan untuk sebuah mahkamah *with the state of the art technology* dibina di negara ini. Saya ingin tahu sama ada kerajaan sekarang ini akan mengambil inisiatif untuk meneruskan pembinaan sebuah mahkamah dengan *state of the art technology* dan mengambil kira dengan pindaan *advance technology* dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai *Common Bar Course*. Seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, turut penting bagi saya membangkitkan isu ini kerana isu ini telah pun berlangsung sekian lama dan telah memberi kesan negatif kepada banyak individu yang berkebolehan yang mempunyai impian menjadi seorang peguam di negara ini iaitu kesesuaian Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ataupun dikenali sebagai *Certificate in Legal Practice* (CLP). Kesesuaian CLP dalam memenuhi kehendak dan juga keperluan profesion perundangan di negara ini pada zaman dan juga hari ini telah sering kali diungkit dan dijadikan satu isu yang hangat terutamanya di kalangan golongan muda dan juga *within the legal fraternity*, dengan izin.

Malah terdapat suara-suara peguam veteran yang berpengaruh daripada ketiga-tiga badan iaitu Majlis Peguam, *Sabah Law Society* dan *Sarawak Advocates Association* yang mengkritik ujian CLP ini kerana mempunyai syarat kelayakan menduduki peperiksaan tersebut yang agak tidak munasabah dan formatnya adalah terlalu akademik, *rigid* dan berat, dan seterusnya menyebabkan gagal memenuhi keperluan profesion guaman hari ini.

■1830

Saya turut bersetuju dengan pandangan-pandangan seperti ini. Oleh itu di bawah pemerintahan Pakatan Harapan pada masa itu semasa mengalas amanah Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya telah mengambil tindakan proaktif bersama dengan Peguam Negara pada

masa itu badan kehakiman dan juga ketiga-tiga majlis Badan Peguam untuk segera melihatkan kepada memperkenalkan satu *Common Bar Exam*. Di mana ia merupakan satu ujian yang perlu diduduki oleh semua graduan undang-undang mahupun tempatan atau luar negara untuk menjadi seorang peguam.

Jadi perbezaan seperti ini adalah lebih banyak fokus diberi kepada perkara khusus lain yang penting seperti latihan *advocacy*, skil penulisan, perundangan efektif, *research skill* dan banyak lagi yang tidak diberi perhatian oleh ujian CLP sedia ada sekarang. Malah formatnya juga lebih praktikal dan tidak begitu menekankan seperti CLP sedia ada yang tidak efektif dalam melatih seseorang graduan menjadi seorang peguam yang bijaksana. Pendekatan memperkenalkan CBE atau *Common Bar Exam* ini turut holistik di mana ia merupakan sebahagian daripada satu pelan yang lebih besar untuk merevolusikan sektor perundangan negara selaras dengan kehendak dunia global digital *advance* teknologi seperti yang telah pun dibentangkan dalam rang undang-undang ini.

Jadi dalam *Malaysian National Legal Blueprint 2020* yang saya rasa di ketahui oleh Yang Berhormat Menteri ini melibatkan semua sektor perundangan, daripada pihak universiti sehingga badan kehakiman. Kertas Kabinet bagi pembangunan *blueprint* ini telah turut disiapkan dan dijangka dibentangkan pada tahun ini. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat melihat dan juga meneliti *blueprint* ini.

Sehubungan itu, saya juga minta kerjasama dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah kerajaan bercadang meneruskan usaha dalam memperkenalkan *Common Bar Exam* ini serta *Malaysian National Legal Blueprint* dalam membawa sektor perundangan negara ke sebuah persada baru terutamanya ketika dilanda pandemik COVID-19 ini.

Turut saya ungkitkan di sini ialah status terkini ujian CLP bagi tahun 2020 ini. Saya difahamkan bahawa ujian tersebut telah dijangka diadakan pada bulan Julai tahun ini. Akan tetapi ditangguhkan disebabkan pelaksanaan PKP dan juga sejak itu pelajar-pelajar CLP tidak diberi sebarang maklumat terkini berkenaan bila ujian tersebut akan diadakan pada tahun ini. Memandangkan rang undang-undang ini adalah berkenaan video *conferencing* adakah kerajaan sedia mempertimbangkan aplikasikan sistem baru ini kepada pelaksanaan ujian CLP dan juga pengajaran silibus CLP juga agar pelajar-pelajar CLP tahun ini tidak ketinggalan di dalam pelajaran mereka dan juga merugikan satu tahun karier mereka sebagai peguam. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya untuk Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Sapi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dungun, lima minit.

6.33 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. [Berucap dalam bahasa Arab] Dalam salah satu doa... [Membaca sepotong doa] Yang bermaksud, “Sesungguhnya engkau Ya Allah memberi hukuman dan tidak dihukum ke atas engkau.”*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020. Secara dasarnya saya ingin untuk membahaskan perkara yang melibatkan pemberian kuasa kepada mahkamah untuk menjalankan perbicaraan dalam talian. Mahkamah sebolehnya akan mengendalikan kes secara dalam talian melalui medium komunikasi elektronik bagi mengelakkan keperluan pergerakan dan kehadiran secara fizikal di mahkamah.

Saya kira perbicaraan dalam talian adalah norma baru di dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. Saya juga berpandangan perbicaraan dalam talian akan terus diamalkan walaupun selepas pandemik COVID-19 ini berakhir. Oleh sebab itu, pada pendapat saya ruang dan kuasa sahaja kepada mahkamah tidak cukup. Kerajaan juga perlu melakukan persiapan mulai sekarang terutamanya dari sudut fasiliti, infrastruktur, kerangka dan sistem yang lebih menyeluruh ke arah mahkamah dalam talian.

Urusan mahkamah akan *digitalize*. Aplikasi-aplikasi sistematik seperti *e-Review* mesti digunakan sepenuhnya dan persidangan perbicaraan, pemeriksaan dan menandatangani dokumen akan dibuat secara elektronik. Oleh itu, untuk jangka masa panjang satu sistem khusus perlu dibina bagi tujuan perbicaraan dalam talian agar ia dapat memenuhi semua keperluan bagi perbicaraan yang lancar, efisien dan tidak menjejaskan keadilan. Sebagaimana sistem *e-Filing* yang diguna pakai sekarang. Mahkamah tidak boleh mengharapkan kepada aplikasi sedia ada sahaja seperti *Google Meet*, *Zoom*, *FB Live*, *Skype* dan sebagainya kerana mungkin ada isu-isu lain yang akan timbul seperti sekuriti dan masalah pelancaran.

Pohon penjelasan Menteri, adakah satu hari nanti mahkamah dalam talian akan dikira sebagai sebahagian sistem mahkamah konvensional sama seperti Mahkamah Majistret, Mahkamah Sivil dan Mahkamah Adat. Dengan makna bahawa pihak-pihak adalah digalakkan untuk memohon kepada mahkamah bagi pendengaran secara di dalam talian bagi kes-kes yang bersesuaian walaupun hakim atau pendaftar mempunyai budi bicara untuk menentukan keputusan.

Persoalan-persoalan seperti adakah mahkamah dalam talian memerlukan kepada kerangka undang-undang yang khusus atau adakah perbicaraan dalam talian menjadi mandatori atau pilihan kepada pihak-pihak dalam perbicaraan dalam masa akan datang yang termasuk dalam perkara-perkara yang perlu diberi penelitian khusus mulai dari sekarang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)] **mempengerusikan Mesyuarat***

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi cadangan agar pindaan yang dilakukan tidak terhenti kepada perbicaraan dalam talian sahaja. Akta-akta yang melibatkan proses-proses lain yang membantu kepada pentadbiran keadilan seperti Akta Mediasi dan Akta Bantuan Guaman juga perlu dilihat dan jika perlu dipinda. Apabila kita melihat kepada akta yang dicadangkan ini ia memberi kemudahan kepada mahkamah ataupun hakim tetapi mesti juga dilihat kepada kemudahan rakyat.

Oleh itu mestilah ditentukan bahawa proses-proses memberikan kemudahan kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengguna pakai akta yang dicadangkan, dipinda ini untuk kepentingan mereka dalam urusan dengan mahkamah dan juga hakim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Jelutong.

6.39 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu yang telah membentangkan undang-undang ini tetapi saya ingin merakamkan bantahan saya kepada undang-undang ini sebagai seorang pengamal undang-undang. Ini adalah sebabnya. Saya lihat undang-undang ini berbunyi seperti berikut iaitu mengawal selia menetapkan tatacara dalam amalan yang hendaklah diikuti di mahkamah dalam segala kuasa, perkara apa jua pun atau berkenaan dengan pendengaran apa-apa perkara atau prosiding.

■1840

Maksudnya, ia juga melibatkan ataupun merangkumi perbicaraan penuh. Mungkin Tuan Yang di-Pertua dapat menghayati ucapan saya. Ini kerana kalau ia dihadkan hanya kepada pengurusan kes umpamanya, atau sebutan umpamanya, disebabkan oleh wabak COVID-19 bagi melancarkan prosiding supaya tidak dilewatkan, saya setuju. Akan tetapi kalau ia juga melibatkan perbicaraan dan definisi yang diberikan di sini adalah teknologi komunikasi jarak jauh. Ertinya, satu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

Di sini kalau proses ini digunakan hanya untuk menjalankan umpamanya, mediasi dalam kes-kes melibatkan masalah rumah tangga di antara suami dan isteri ataupun kes-kes melibatkan sivil sahaja, saya rasa tidak ada bantahan. Akan tetapi, saya lihat bahawa pindaan-pindaan ini melibatkan kes-kes sivil dan juga kes-kes jenayah (*civil and criminal proceeding*), dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh merujuk kepada rang undang-undang ini di peruntukan yang dicadangkan, “101B – (1) Without limiting section 101, the court may, in the interest of justice, conduct the proceedings of any cause or matter, civil or criminal,...”

Now, ini adalah bahayanya. Kalaulah mana-mana seorang di sini dituduh untuk kesalahan jenayah dan kalau katakan saksi utama itu tak dapat hadir secara fizikal di mahkamah, dia diletakkan di mana-mana di luar negara ataupun mana-mana tempat yang lain, maka

mahkamah boleh menjalankan prosiding dengan tidak perlunya saksi itu hadir di mahkamah secara fizikal. Peguam bela yang mengendalikan perbicaraan terutamanya kes-kes jenayah, akan dinafikan untuk hak untuk menyoal balas saksi itu. Hakim juga akan dinafikan dengan hak untuk melihat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan bahasa Inggeris, istilah Inggeris sebagai seorang pengamal undang-undang, *the demeanor of the witness*. Tolonglah, saya di sini memohon supaya pindaan-pindaan ini hanya dihadkan kepada kes-kes sivil sahaja. Saya merakamkan bantahan.

Walaupun Yang Berhormat Kota Bharu telah menyatakan telah berbincang dengan Majlis Peguam Negara, saya kurang pasti sama ada pendapat dengan izin, *the Criminal Bar* ataupun peguam-peguam yang beramal undang-undang jenayah diperoleh. Ini adalah satu perkara yang begitu serius kerana kalau kita meluluskan undang-undang ini, ia akan membawa dengan izin, *far reaching consequences*. So, saya menyeru semua Yang Berhormat di sebelah sana supaya melihat dengan serius undang-undang ini. Kesimpulannya adalah seseorang saksi tidak perlu hadir secara fizikal di mahkamah. Umpamanya kalau orang menuduh saya mencuri, pengadu yang membuat laporan polis itu tidak perlu hadir di mahkamah. Pengadu itu boleh berada di mana-mana bilik bersendirian ataupun di luar negara. Beliau tak perlu hadir. *Video conferencing* boleh dibuat. Mungkin pendakwa raya akan mengatakan, "*Oh, disebabkan oleh wabak COVID-19 ini, saksi ini tidak boleh hadir dan disebabkan beliau tak boleh hadir, kita teruskan dengan prosiding mahkamah*".

So, ini adalah perkara yang serius dan saya merayu kepada Yang Berhormat Kota Bharu sebagai seorang pengamal undang-undang untuk lihat peruntukan ini dan hanya mengehadkannya kepada kes-kes sivil sahaja. Itu pun hanya kepada proses mediasi kes-kes sivil. Itu pun hanya kepada umpamanya, masalah perbalahan rumah tangga di antara suami dan isteri ataupun kes-kes melibatkan kes-kes kontrak berjuta-juta ringgit di mana pihak-pihak boleh berdamai. So, saya di sini ingin merayu kepada Yang Berhormat Kota Bharu supaya memperhalusi undang-undang ini dan memperhalusi pindaan-pindaan yang ingin dibuat.

Saya beri satu kesimpulan yang terakhir, kalaulah undang-undang ini diluluskan dengan izin, pihak pendakwa raya boleh menyediakan seorang saksi yang rupa-rupanya seperti Jho Low yang ada di luar negara di China. Meminta beliau memberi keterangan melalui *video conferencing* dan berdasarkan kepada keterangan beliau sahaja, mungkin Yang Berhormat Pekan boleh didapati bersalah. *This are the serious consequences of this law which we are now discussing*. Saya mohon supaya Yang Berhormat supaya menarik balik undang-undang ini dan supaya ia walaupun perlu diamalkan, perlu diluluskan, hanya dihadkan kepada kes-kes sivil sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Baling.

6.45 ptg.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Baling berdiri untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah 1948, pindaan 2020 adalah bertujuan untuk melaksanakan sebuah sistem teknologi rakaman digital atau dikenali sebagai *remote communication technology* semasa pembicaraan ataupun sidang video, pendengaran kes-kes melalui sidang video.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga seorang yang sentiasa turun naik dari mahkamah. Jadi, pengalaman saya banyak. Saya bukanlah macam Yang Berhormat Jelutong, hebat. Dia peguam, saya adalah orang yang ditahan. Jadi, saya ada banyak pengalaman yang mana saya melihat ada perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Jelutong tadi ada juga yang boleh kita fikir boleh tepat. Akan tetapi saya rasa kepada Yang Berhormat Menteri, kalaulah kita dapat melakukan ini dengan *upgrade* dengan izin, *upgrade our communication system* iaitu sistem 3G kita. Kalau kita tengok sistem yang sedia ada, saya fikir tak mampu dapat kita laksanakan. Walau bagaimanapun, kalaulah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MCMC sudah— Yang Berhormat Menteri dah bincang dengan *all the stakeholders* contohnya, saya yakin kalau mereka semua sudah bersetuju, boleh dilaksanakan.

Saya bagi contoh, pada masa zaman COVID-19 dulu ini. Saya nak beritahu, di antaranya panjat pokok cari internet nak jawab periksa. Ini berlaku di kawasan negeri Sabah yang mana yang telah menular lebih 150,000 *viewers* yang telah anak-anak murid ini. Ada pula di kawasan kampung di mana di kawasan Lubok Antu, di mana murid-murid berkampung dalam hutan untuk dapat capaian internet dan perhatian. Ada juga kes kalau kita tengok di Baling contohnya di kawasan saya, liputan internet masalah utama proses pembelajaran *online* di Baling. Jadi, kalau isu ini semua daripada— saya ingat lagi tahun yang lalu, 2019 di Langkawi. Yang Amat Berhormat waktu itu, Yang Berhormat Langkawi telah melancarkan 5G, tetapi sampai hari ini tidak ada infrastrukturnya pun dapat dilakukan. Jadi, saya kluatir sekiranya kalau kita nak buat perkara ini, sistem siaran langsung ataupun *live streaming* hendak dilaksanakan dalam mahkamah Malaysia, disebabkan oleh rangkaian internet yang lemah terutamanya di kawasan luar bandar, ia akan menjadi masalah.

Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, hari ini teknologi kita— Saya bagi sedikit contoh. Dalam mahkamah, saksi memberikan sesuatu yang lain. Saksi ditanya soalan, memberi maklumat yang lain. Keluar dalam media sosial, 100 peratusnya lain bunyinya. Jadi, apatah lagi kalau digodam. Kalau kita tengok dalam mana-mana kes, saksi mesti duduk dalam bilik saksi. Saksi tidak tahu apa yang sedang berlaku dalam mahkamah tersebut. Dia akan dipanggil satu persatu. Sekiranya kalau ada sistem *online, video conferencing*, semua orang boleh tengok apa yang sedang berlaku di dalam itu.

Jadi, bagaimanakah *check and balance* ini, keadaan ini dapat kita perbetulkan? Saya setuju. Memang sekarang ini kalau kita tengok di Amerika, di New Zealand, di negara Australia, malah Singapura, semua sudah melakukannya, tidak ada masalah. Kita mesti seiring ataupun

langkah lebih baik daripada mereka. Akan tetapi itulah, saya berpendapat— Saya setuju, saya sokong. Baling sokong sepenuhnya, tetapi itulah. Apakah MCMC kita dah bersedia? Kadang-kadang kita buat laporan ke MCMC, setahun pun tak dapat diselesaikan. Apatah lagi ini *live video conferencing* dalam kes-kes khususnya jenayah.

Orang-orang politik macam kita ini, banyak orang nasi tambah ada. Yalah, macam Yang Berhormat Jelutong tadilah. Bilamana saya bangkit, dia kata negara China, negara China. Saya bangkit negara India, dia nak jadikan saya rasis pula. Dia kata, “*Oh, tarik balik. Kenapa cakap India?*” Maknanya, tak sepatutnya. Saya bercakap dalam perbahasan berkaitan dengan negara India, dalam rang undang-undang Kementerian Pengangkutan. Jadi kalau macam ini yang orang ada, bahaya, yang mana esok akan diputarbelitkan isu-isu dan akhirnya yang jadi mangsa, orang yang bertanggung yang kes tersebut. Akhirnya dia yang jadi mangsa.

Jadi saya nak tanya kepada kementerian, adakah *security system* kita dah bersedia. Jadi, kita tidak mahu kes-kes seumpama ini jadi macam *media trial* ataupun *early judgement*, dengan izin. Belum apa-apa lagi dah *media trial*, dah jatuh hukum sampai dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Jelutong panggil pencuri. Setiap hari panggil saya pencuri. Itu adalah satu *judgement, early judgement*.

■1850

Padahal mahkamah, kes saya tak jalan pun. Pencuri, pencuri, pencuri, pencuri Tabung Haji hari-hari. Jadi inilah di antara perkara yang saya fikir amat bahaya kalau kita – tetapi itu pun saya minta pada Yang Berhormat Menteri tolong jawab adakah semua ini sudah di bincang dengan *stakeholders*, MCMC, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya faham dengan kehakiman sudah bincang dan sebagainya – saya sokong. Saya bukan macam dia tadi dia tidak sokong. Saya tidak menolak, saya sokong tetapi mestilah ambil kira semua perkara yang saya sebutkan tadi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap di sini berkaitan dengan undang-undang ini. Macam saya sebut tadi, MCMC sudah bersedia untuk pantau dan apatah lagi apakah infrastruktur kita dalam konteks 3G pun kita masih lagi ada kekangan yang besar, lompong yang besar. Jadi saya harap ini semua telah diambil kira dan memastikan dengan izin *must be very efficient*. Kalau ini boleh dapat dilakukan, saya percaya kita boleh melakukan dan Baling menyokong.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

6.51 ptg

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang ada di Dewan Rakyat sekarang ini, kita hendak meminda satu akta yang sangat penting, Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Kita perlu berhati-hati, jangan pinda sebarang, perlu

dihalusi. Oleh sebab ada satu seksyen yang baharu hendak dimasukkan ke dalam akta ini iaitu seksyen 15A. Saya baca di sini:

“Tujuan pindaan ini untuk memasukkan seksyen baharu 15A ke dalam Akta 91 untuk membolehkan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi menjalankan prosiding melalui rangkaian video atau televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.”

Tiga mahkamah disebut, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jelutong. Kalau setakat prosiding mediasi, prosiding pengurusan kes (*case management*), ini dibuat *video conferencing* tidak ada masalah. Kalau hendak pergi lebih lanjut, kalau setakat perbicaraan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan saya rasa boleh difikirkan sebab dalam prosiding di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan tidak melibatkan saksi. Ia hanya melibatkan rekod rayuan— yang tebal-tebal itu dan hujahan *lawyers* kedua-dua pihak.

Akan tetapi adalah bahaya jika dalam seksyen 15A ini Mahkamah Tinggi juga hendak dijalankan *video conferencing* teknologi *remote* ini. Oleh sebab apa, kalau disebut Mahkamah Persekutuan ertinya perbicaraan itu bermula daripada Mahkamah Tinggi. Di dalam Mahkamah Tinggi ertinya saksi-saksi akan dipanggil. Ini timbul masalahnya iaitu kita kena pinda, kena kaji Akta Keterangan. Umpamanya, saya beri satu contoh. Isu yang pertama ialah pengecaman (*identification*) saksi-saksi itu. Kalau gunakan video, gunakan televisyen ini akan timbul masalah nanti wajah-wajah dalam video itu tidak jelas umpamanya. Akan jadi persoalan. Pernah berlaku dahulu dalam satu kes yang melibatkan peguam yang jadi rujukan dalam RCI yang berkata suara dalam telefon itu macam dia tetapi bukan dia. Ini akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua boleh berlaku penyamaran. Kalau secara teknologi ini, akan berlaku teknologi *Mission Impossible*. Wajah orang lain bukan saksi yang sebenar. Itu nak angkat sumpah nanti macam mana? Kalau di mahkamah angkat sumpah depan hakim. Jadi ini bicara macam mana? Perbicaraan adalah mahkamah terbuka depan hakim, bicara dalam kamar pun depan hakim. Akan tetapi lokasinya berbeza-beza, *remote*, ini sudah jadi mahkamah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, sila-sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya gunakan kesimpulan tadi. Bayangkan kalau sekarang Yang Berhormat Pekan didakwa dan disebabkan oleh wabak COVID-19, pendakwa raya mengatakan bahawa seorang Jho Low telah ditangkap. Beliau berada di negara China tetapi beliau tidak datang ke negara kita. Melalui *video conferencing* perbicaraan diadakan. Seorang watak yang nampak fizikalnya macam Jho Low memberi keterangan melibatkan Yang Berhormat Pekan. Dia boleh didapati bersalah.

Oleh sebab itu saya minta semua Ahli Yang Berhormat di sebelah sini supaya kita menolak rang undang-undang ini. Ini supaya kita minta pindaan dibuat dan ia dihadkan hanya

kepada kes sivil, pengurusan sebutan kes sahaja. Perbicaraan kes jenayah tidak boleh dibenarkan. Pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Jelutong. Saya mengakhiri kerana faktor masa. Saya minta supaya jangan diluluskan dengan segera. Kaji semula, kalau perlu, kalau ada Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) mengkaji undang-undang ini masih wujud lagi dan masih ada lagi mungkin Dewan kita ini bantangkan – rujuk perkara ini dalam *Select Committee* mengenai undang-undang ini. Jadi saya mohon supaya jangan kita terburu-buru sebab undang-undang ini, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ini akta yang sangat penting dalam urusan di mahkamah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

6.56 ptg

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bahru yang telah mengemukakan rang undang-undang ini untuk dipinda dan tentunya ia ada yang positif dan ada yang negatif. Namun, apa yang negatif yang disebut oleh rakan-rakan tadi saya kira pihak kerajaan dapat meneliti dengan baik dan dapat menyelesaikan secara teknikal-teknikal yang berlaku.

Apa yang saya hendak sebut secara umumnya penggunaan *remote communication technology* ini adalah suatu perkara yang sangat rasional dan ianya telah digunakan oleh beberapa negara termasuk di India, Singapura, Britain dan banyak lagi negara-negara maju yang lain. Rasional ia kerana di sudut kes-kes yang tertangguh di mahkamah negara kita ini agak banyak. Kalaupun berlaku pandemik COVID-19 sebagai contoh, maka ia tertunda. Akan tetapi kalau kita menggunakan pendekatan *remote communication technology* ini ataupun melalui sidang video dan seumpamanya, ia boleh menyelesaikan banyak kes.

Cuma barangkali ada kes-kes yang perlu diteliti dengan rapi seperti kes yang membabitkan politik, kes yang membabitkan saksi-saksi yang berada jaraknya terlalu jauh yang tidak boleh dikawal. Barangkali kerajaan boleh mengambil beberapa pendekatan supaya tidak berlaku penipuan kepada saksi-saksi yang jauh seperti ugutan, sogokan kepada saksi yang jauh yang mungkin saksi ini akan dikawal, akan dipaksa, diancam dan seumpamanya.

Pendekatan-pendekatan ini perlu diambil kira oleh pihak kerajaan. Namun secara umumnya, kes yang seumpama ini perlu diteruskan perbicaraannya, perlu diteruskan dan kalau kita ada kaedah *remote communication technology* ini saya kira ini memberi satu gambaran negara kita ini tidak ketinggalan dalam aspek ini. Perlu kita belajar daripada negara-negara lain yang telah melaksanakan kaedah ini dan barangkali kita boleh – pembaikan daripada kes-kes yang berlaku di luar negara.

Kedua, di sudut keterbukaan kerajaan dan di sudut peluang kepada rakyat untuk meneliti kes-kes yang patut dia ikuti. Ada kes yang rakyat perlu mendapat maklumat-maklumat terperinci.

■1900

Ini kerana zaman sekarang ini adalah zaman IT dan dunia berada di hujung jari. Kadangkala keputusan yang dibuat oleh mahkamah, rakyat umum, dia tidak mengetahui secara terperinci, maka tentunya benda ini boleh dieksploitasi selepas daripada itu menyebabkan berlakunya salah tanggapan daripada masyarakat umum dan sebagainya.

Jadi, perkara-perkara yang seumpama ini, saya kira perlu dikawal selia oleh pihak kerajaan termasuk kes-kes yang membabitkan rahsia-rahsia kerajaan. Kalau didedahkan secara terbuka, barangkali ia akan dapat dikesan oleh musuh-musuh negara yang berada di luar dan seumpamanya dan termasuk isu yang membabitkan keaiban keluarga. Penjenayah seorang saja, keluarga ini semuanya baik-baik.

Jadi, kalau dibicarakan melalui telekomunikasi ini, barangkali ia boleh memberi kesan yang agak negatif kepada keluarga ini. Jadi, saya kira teknikal-teknikal yang seumpama ini, pihak kerajaan dapat meliliti dengan sebaik-baiknya. Saya kira umumnya, saya memberi sokongan yang baik untuk dilaksanakan sistem perbicaraan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Sepang.

7.01 mlm.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini secara umumnya berkisar tentang seksyen baharu ya iaitu 15A yang saya izinkan dan saya bacakan, *“Without limiting section 15, the Court may, in the interest of justice, conduct the proceedings of any cause or matter, civil or criminal, or hold any inquiry, through a remote communication technology.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berkongsi sentimen yang dibangkitkan oleh dua rakan saya iaitu Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya rasa oleh sebab kedua-dua mereka ini adalah seorang peguam yang mengendalikan kes, jadi saya rasa sudah tentu ada beza orang yang hadir di mahkamah sebagai peguam dengan orang yang hadir sebagai orang yang kena tuduh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam prinsip undang-undang ini, saya rasa mungkin pernah dengar ada satu hak yang dipanggil— Kalau dalam undang-undang di Amerika Syarikat, mereka abadikan hak itu dalam Perlembagaan, dalam *Sixth Amendment* iaitu dipanggil *Confrontation Clause* yang mana izinkan saya baca di dalam satu kes ia kata, *“The accused shall enjoy the right to be confronted with the witnesses against him face-to-face”*. Dalam satu kes yang lain ia kata, *“The Court noted that the Confrontation Clause is one of several constitutional safeguards to promote fairness in the criminal justice system.”*

Dalam kes-kes yang diputuskan atau di dalam kes di Malaysia, saya terpaksa beritahu sini saya punya *interest*, sebab saya pernah mengendalikan satu kes di mana seorang saksi yang

melibatkan kes seksual. Seorang saksi memberikan keterangan menerusi *video conferencing*. Di Mahkamah Sesyen, saya kalah dan di Mahkamah Tinggi hendak buat rayuan pun saya kalah. Akan tetapi apabila pergi Mahkamah Rayuan, antara isunya ialah— *one of the issues* ialah berkaitan dengan ini, *Confrontation Clause* ini. Di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Rayuan, tiga orang hakim termasuk bos saya ketika itu, hakimnya ialah bekas Ketua Hakim Negara iaitu Tun Zaki telah memutuskan bahawa membenarkan rayuan saya.

Jadi, saya mengatakan bahawa apa yang dibangkitkan oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Pasir Gudang ini suatu yang bermerit. Saya harap pihak kementerian mengambil berat tentang isu ini. Kita tidak mahu nanti, pendakwa mempunyai kes yang kuat tetapi ditewaskan kerana isu-isu teknikal seperti ini. Ini sebab kita di luar ini, kita dengar banyak kadang-kadang orang membuat satu *complaint* kepada kes-kes di mahkamah di mana mereka mengatakan adakala tertuduh ini memang melakukan jenayah tetapi terlepas kerana isu-isu teknikal.

Jadi, isu teknikal ini jangan kita pandang remeh. Dari segi undang-undang jenayah ini, peguam akan mencari jalan untuk *create doubt* ya. Tujuan seorang peguam bela ini, mereka tidak perlu buktikan apa-apa. Mereka punya *duty* ataupun tanggungjawab hanya sekadar mewujudkan keraguan. Jadi, tidak boleh salahkan mereka kerana itulah yang ada di dalam undang-undang.

Jadi, kalau kita buat undang-undang, dalam keadaan kita tidak perhatikan segala sudut, saya merasakan undang-undang ini kemungkinan dibuat secara terburu-buru. Oleh sebab itu, saya merasakan dengan ada ayat *the Interests of Justice* itu, itu akan membahayakan kes-kes pendakwa. Jadi, saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan untuk mungkin dipinda ataupun ditarik balik kah, itu terpulang ya.

Kedua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, ayat "*the Interests of Justice*" itu menunjukkan bahawa undang-undang ini mementingkan keadilan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, mengapakah dalam keadaan rakyat di luar sana, dua kes yang melibatkan pelanggaran kuarantin ini iaitu satu kes yang melibatkan seorang wanita, dibawa ke mahkamah dan dia mengaku bersalah selepas balik dari London dan tidak kuarantin. Dia dikenakan hukuman sebanyak RM8,000 denda dan penjara selama sehari. Itu dibawa ke mahkamah.

Kedua, seorang, dia balik dari India dan warganegara Malaysia, memang *test* negatif seperti mana Yang Berhormat daripada Kuala Nerus. Permulaannya, *test*-nya negatif. Dia dibawa ke hospital dan pihak mahkamah telah menjadikan hospital sebagai mahkamah. Itu biasa dan dia dikenakan hukuman sebanyak RM12,000 denda dan juga lima bulan penjara.

Dua orang rakyat biasa, dibawa ke mahkamah. Ada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang sentiasa memberi *briefing* tentang pelanggaran kuarantin ini mengatakan selepas ini tidak ada lagi kes untuk kita denda tetapi kita akan terus bawa ke mahkamah. Jadi, sebagai seorang rakyat dan sebagai seorang wakil rakyat juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapakah kalau kes yang melibatkan Yang Berhormat Kuala Nerus tidak pernah dibawa ke mahkamah?

I want— Saya demand an answer, a truthful answer. Kenapa tidak dibawa ke mahkamah? Kenapa didiamkan sehinggalah Yang Berhormat daripada...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa kaitan dengan *bill* ini Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini ada kaitanlah. Allah. Duduk diamlah kalau tidak tahu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tiada kaitannya Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You* bukan tahu pun pasal undang-undang ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak, jangan cakap begitu Yang Berhormat. Ini tidak berkaitan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *This law is very related...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *This thus—* kita kena...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita kena bahas *seriously* dalam *bill* ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling, bodoh. Eh Yang Berhormat Baling, jangan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau tidak setuju, setuju...

[Pembesar suara dimatikan].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, kejap lagi kita hendak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat kacau saya...

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tidak kacau. Saya tanya atas...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang, saya rasa— Saya percaya Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi, saya rasa...

[Pembesar suara dimatikan].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Please, please hide...

[Pembesar suara dimatikan]

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tolong duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Please hide your...*

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri *is aware*, saya percaya dan dia boleh jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa sudah habis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Baling ini patut dibaling...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apalah Yang Berhormat. Kita sudah hendak dekat Maghrib sudah ini Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Subhanallah. Subhanallah.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudahlah Yang Berhormat Baling. Jangan hendak cakap *Subhanallah* lah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudahlah. Saya kata, saya cakap baik-baik...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Can we debate...*

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat. Jangan Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Arau.

7.08 mlm.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap iaitu berhubung dengan akta untuk meminda akta mahkamah, Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Yang Berhormat ini ialah kajian yang dibuat di England. Sebanyak 21 peratus ialah negatif. Sebanyak 57 peratus ialah negatif campur dengan positif.

Akan tetapi, sebahagian besar tidak bersetuju kes ini atau perbicaraan terbuka ini yang dibuat melalui *video stream conferencing* yang dibuat hanya dikhususkan untuk COVID-19 tetapi bukan semasa biasa. Ini ialah— Di sana di antara sebab yang diberi kenapa kes begini tidak dibuat secara *video streaming*.

Pertamanya, hakim tidak boleh baca *body language*. Macam di dalam mahkamah, dia boleh tengok *body language* sebab hakim hendak kena tengok semua kes-kes yang berkenaan. Lain ialah kes internet. Kalau internet lemah, kita ada masalah. Kalau orang yang ada kes masalah pendengaran. Kalau dia ada kes pendengaran, hendak kena libatkan penggunaan alat pendengaran dan juga yang lain-lain lagi. Jadi, macam-macam alasan yang telah diberikan kenapa ia tidak wajar digunakan selepas COVID-19.

■1910

Jadinya, pada dasarnya, mereka tidak bersetuju. Di sini kita tengok pelbagai pendapat yang telah diberikan tadi supaya ia ditolak ataupun dipertimbangkan untuk masa PKP ini sahaja. Banyak sebab yang telah diberi dan saya ingin menambah contoh. Ini kerana, tiap-tiap kes kita lihat, banyak orang yang kena tuduh tutup muka. Tutup muka. Bila masuk mahkamah *sat* lagi, tak payah tutup sudah. Sebab apa? Mahkamah akan buat secara *live*. Jadi, dengan itu, tutup muka tadi tak boleh sudah. Rugi tutup muka. Dalam mahkamah tak boleh tutup muka. Sebagai contoh ya. Jadi, kes-kes jenayah terutamanya, ia akan menimbulkan masalah.

Demikian dengan kes sivil juga. Bukan semua kes sivil yang perlu dirujuk di sana. Parlimen lain. Parlimen ini kita berbincang, kita berbahas— cuba lihat di Parlimen sendiri pun, telah timbul masalah sebab kita sendiri menghukum kepada perkara-perkara yang belum diputuskan. Contoh, macam Yang Berhormat Jelutong tuduh Yang Berhormat Baling pencuri. Mahkamah belum tuduh apa lagi, kita sudah bagi hukuman. Ini tidak boleh. Sebab, kalau rakyat yang tengok hanya di peringkat perkataan dia tuduh tetapi lupa keputusan Speaker dan juga Parlimen *sat* lagi lain, jadi orang hanya baca semasa dia— mungkin dia tak tengok semua, dia tengok yang itu sahaja. Jadi, tersalah persepsi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baiklah, Yang Berhormat Arau. Kalau perlu saya— sebab Yang Berhormat Arau, saya perlu tarik balik, *no problem*. Saya tarik balik perkataan pencuri. *Because of you, no problem. No issue*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia bukan tak betul benda itu. Kalau macam kes memberi kontrak secara *direct nego* 101 kes yang melibatkan RM6.6 bilion, itu rakyat kalau baca sedikit pun tidak mengapa, sebab kes itu telah terjadi. Telah terjadi dan kita tunggu kerajaan untuk keluarkan senarai tersebut.

Akan tetapi, dalam kes yang kita tuduh bahawa orang ini pencuri, orang ini macam-macam dan sebagainya, saya ingat tidak adil. Daripada segi Islam pun kita tidak boleh membuat tuduhan sebelum keputusan dibuat. Kalaupun kita buat— kita ingat kalau kes itu berlaku yang melibatkan aib, dia ada dah hukum-hukum lain. Demikianlah keadilan yang harus ditegakkan.

Jadinya, saya meminta supaya perkara-perkara ini diambil kira. Sebagai seorang ahli kerajaan, sudah pasti saya akan sentiasa menyokong rang undang-undang ini. Akan tetapi, kena

ambil kira benda-benda ini. Mungkin, pada pandangan saya, kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini adalah untuk masa hadapan. Di masa hadapan, kalau berlaku kes yang melibatkan COVID-19 ataupun COVID-19 ini terpaksa dilanjutkan tempoh PKP dan sebagainya, jadi kita sudah ada rang undang-undang untuk membolehkan kita meneruskan kehidupan tanpa lagi menunggu Parlimen bersidang untuk mengenakan rang undang-undang. Itu pada tanggapan saya kenapa rang undang-undang ini diperkenalkan.

Akan tetapi, kalau melihat daripada keadaan sebenarnya, apakah wajar ataupun tidak? Ini perlu dikaji dengan teliti. Kita tidak mahu persepsi itu menjadi hukuman. Ini tidak adil kepada mana-mana pihak. Persepsi ialah persepsi, tetapi hukuman itu ialah yang sebenarnya.

Contoh di Parlimen sudah cukup menunjukkan bahawa kalau benda ini dibawa ke mahkamah, sudah pasti kalau orang tengok hanya sekerat atau separuh persidangan, selepas itu mereka membuat hukuman, seperti yang berlaku satu kes bunuh yang berlaku baru-baru ini yang mana kes bunuh itu, orang yang kena tuduh mengatakan bahawa dia mempertahankan diri, tetapi tiba-tiba mahkamah telah hukum, dia dihukum gantung sampai mati kerana dia ada berniat untuk membunuh.

Bayangkan kes ini kalau dibicarakan secara terbuka, orang akan mengatakan mahkamah telah membuat kesalahan menghukum orang yang mempertahankan diri tetapi kena hukum bunuh. Akan tetapi, sebenarnya dia sebenarnya ada berniat membunuh, ikut mahkamah, dan dia dihukum gantung. Ini telah disebar dalam media sosial bahawa kononnya hukuman yang diberi kepadanya tidak adil sebab dia mempertahankan diri. Akan tetapi, mahkamah telah buktikan bahawa dia sebenarnya berniat untuk membunuh. Sebagai contoh ya. Jadi, ini semua benda-benda yang perlu diberi perhatian.

Rang undang-undang diperkenalkan supaya ada undang-undang untuk membolehkan kita melaksanakan perbicaraan ataupun kehakiman kalau sekiranya berlaku COVID-19 ini diteruskan dan sebagainya. Akan tetapi, ia bukan untuk masa-masa biasa. Kalaupun untuk masa biasa, kena pilih untuk kes sivil ataupun kes jenayah supaya kita dapat memberi keadilan. Bukan kita membiarkan rakyat menghukum hanya berdasarkan persepsi.

Saya menyokong rang undang-undang ini untuk masa depan yang cemerlang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sebelum saya panggil seterusnya, saya hendak ingatkan semua Yang Berhormat ya. P.M. 36(1) dan P.M. 36(2). P.M. 36(2) berkenaan dengan kes mahkamah yang sedang berlangsung. P.M. 36(1), kita hanya membahaskan tentang rang undang-undang untuk meminda akta induk.

Silakan Yang Berhormat Ipoh Barat.

7.15 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berusaha untuk berbincang dengan Majlis Peguam dan lain-lain *stakeholders*. Akan tetapi, saya telah berbincang dengan Majlis Peguam

juga dan saya difahamkan mereka telah membantah beberapa klausa yang dikemukakan hari ini.

Antaranya, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kerana akta ini macam kekal, *it's a permanent legislation*. Niatnya adalah— kita memulakan, Yang Berhormat Menteri, kerajaan memulakan klausa dan sebagainya dalam pindaan ini kerana COVID-19. Kalau sedemikian, *there must be a sunset clause* atau sekurang-kurangnya pada masa-masa yang tertentu sahaja. Yang kita khuatir di sebelah sini dan peguam-peguam adalah— Majlis Peguam pun khuatir— adalah ia akan digunakan seluas-luasnya oleh hakim-hakim di negara ini.

Walaupun, Yang Berhormat, saya setuju bahawa ada *practice direction* di seksyen 3, seksyen 17B— saya akan ke hal itu sekejap lagi— tetapi kalau COVID-19, *special circumstances* kalau ada banjirlah, kalau ada daruratlah, sedemikian saya rasa boleh untuk mempercepatkan kes-kes sedemikian atau senangkan *disposal of cases*. Saya percaya itu boleh. Akan tetapi, jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, kita semua ingat dalam Dewan dan sebagainya dan beberapa tahun dahulu, kita ada hakim-hakim membawa KPI. Bila ada KPI, dia tidak kisah ada hujah atau tidak, ada *cross-examination* atau tidak, dia mahu habiskan sesuatu kes itu dalam jangka masa yang tertentu. Saya khuatir ini pun akan terikat dengan *video conferencing* ini.

Kalau kita tengok negara-negara lain, dia ada beberapa had-had dan batasannya. Ini perlu kita ingat. Jadi, saya harap— apakah sebab, Yang Berhormat, kita perlu ada satu klausa yang kekal di sini? *Why should it be in the permanent thing?* Adakah Yang Berhormat sudah tengok bomoh dan katakan ini COVID-19 akan selama-lama, maka perlukan pindaan tersebut untuk menjadi suatu yang kekal? Saya khuatir ia akan disalahgunakan.

Saya percaya, Yang Berhormat, saya setuju dengan peguam-peguam terutamanya Yang Berhormat Jelutong yang mana *the veracity of the witness, the demeanor of the witness, the art of cross-examination* yang mustahak dalam mahkamah-mahkamah yang mungkin tidak boleh ada— saya tahu, Yang Berhormat, di Sabah dan Sarawak masa ini, *the remote technological* ini sedang digunakan. Saya difahamkan kalau kes sedang dijalankan di Kota Kinabalu dan ada saksi-saksi di Sandakan, mereka boleh pergi ke Mahkamah Tinggi yang mana ada bilik yang tertentu dan dengan protokol-protokol yang tertentu, dengan pegawai-pegawai mahkamah yang tertentu, mereka dapat mengesyorkan bahawa tidak ada *coaching of witnesses* dan sebagainya. Adakah ia akan di-*inbuild* di *West Malaysia* ini? Adakah ruangan bilik dan sebagainya untuk menjalankan sedemikian? Atau *it will be a just across the board*, untuk semua, tak kisah? Apakah yang kita telah belajar dari Sabah dan Sarawak? Saya difahamkan ia sangat efisien di Sabah dan Sarawak. Kalau boleh di sana, sini pun boleh tetapi *there must be limited use*. Jangan kita gunakan seolah-olah untuk mempercepatkan perbicaraan. Saya percaya, Yang Berhormat, bahawa kita semua tahu *justice hurried is justice buried* dan saya pohon agar ini diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 17B. Saya kira itu sangat mustahak yang mana *practice direction*— apakah *practice direction* yang sedia yang telah digubal? Boleh Yang Berhormat beritahu bahawa ada apa-apa *inbuild protection* kepada saksi-saksi dan juga pihak-pihak yang berkenaan supaya ia akan dijalankan dengan batas-batas yang tertentu?

■1920

Saya difahamkan, perbincangan yang telah dibuat dengan Majlis Peguam, mereka telah memberi banyak bantahan mengatakan ada di antaranya yang tidak sesuai dan mereka juga mencadangkan supaya klausa-klausa yang di kemukakan pada hari ini patut di- *limit*- kan kepada masa-masa yang tertentu. Maka ini perlu diambil seperti *leave application* dan *simple application*. Macam di Mahkamah Perusahaan, saya percaya ia boleh diguna pakai kerana tidak ada situasi yang serius. Maka ini adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira. Saya harap kalau boleh ditarik balik, menghalusi dan *present again*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

7.20 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang cukup penting ini berkenaan dengan amalan ataupun *practice of court* dengan izin. Apa yang perlu di titik beratkan di sini dan saya tidak akan mengulangi apa yang telah pun dikatakan oleh rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Di mana saya secara prinsipnya bersetuju dengan pandangan-pandangan mereka berkenaan dengan rang undang-undang ini.

Akan tetapi apa yang saya ingin tambah di sini adalah berkenaan dari sudut perlembagaan. Adakah pindaan-pindaan yang dicadangkan di sini akan bersifat berperlembagaan ataupun *constitutional*? Perlu difikirkan dari segi ini bahawa apa yang paling penting dari segi undang-undang adalah *the right to a fair trial*. *Now* ini merupakan satu hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan seperti mana yang telah pun dikatakan di dalam beberapa kes yang telah pun diputuskan oleh mahkamah-mahkamah tertinggi kami. Contohnya di dalam kes Lee Kwan Woo yang mana Mahkamah Persekutuan telah pun menyatakan seperti berikut, saya *quote* dalam bahasa asal dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Article 5(1) of our Constitution does imply in favor of an accuse person the right to a fair hearing within a reasonable time by impartial court establish by law. It follows an accuse person can establish the breach of this right then the words of Sandalia CJ in – satu kes di India, he would be entitled to unconditional release and the charges level against him would fall to the ground.*

Dalam erti kata lain Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting di sini ialah sama ada sekiranya kita nafikan *the right to be heard* secara -bukan secara *tradition* nya seperti sistem yang kami ada sekarang yang mana kami dapat *cross examine*, di mana kami dapat melihat seorang saksi dan sebagainya. Adakah ini akan mengakibatkan satu *failure of justice* dalam masa terdekat? *Now* sekiranya ini berlaku *then* ini akan mengakibatkan banyak *challenges* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kepada litigasi-litigasi yang mengguna pakai peruntukan baharu ini. *There is sure to be* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *legal challenges from a constitutional stand point*

to hearings conducted using this new technology. So, we have to be dengan izin Tuan Yang di-Pertua *vigilant* sekiranya kita akan mengambil *drastic step* ini dalam mengimplikasikan RUU ini.

Saya berpandangan bahawa *proses litigation* tersebut tidak boleh dikacau ataupun diganggu oleh sebab-sebab yang ditimbulkan oleh rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat Jelutong. Saya tidak ingin mengulangi. Akan tetapi *I heard* dengan izin Menteri bukan untuk meluluskan undang-undang ini hari ini. Ambil balik kaji semula. Oleh sebab ini satu perkara yang amat penting dari segi litigasi dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sebut juga seorang pengamal undang-undang pada masa dahulu. *I'm sure you understand how important and how far reaching the consequences of this can be* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua juga merupakan seorang pengamal undang-undang dahulu. *This is something which is something I think that is why* Tuan Yang di-Pertua *is nodding a head because he understands completely where I'm coming from.* Ini adalah satu perkara yang penting. Saya menyeru kepada kesemua pihak bukan sahaja sini atau sana. *Let's look at it from an objective point of view.* Ini adalah satu perkara penting. Jangan kita mempercepatkan satu perkara yang boleh mengakibatkan *consequences* yang amat serius. *Let's not pass it today, take it back and study further.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *As they say 'res ipsa loquitor'.* Saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Sorry?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *No. I'm just responding by saying 'res ipsa loquitor'.*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Things speak for itself.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Bendera. Selepas itu Yang Berhormat Sungai Buloh dan kemudian Yang Berhormat Menteri. Lagi dua orang.

7.25 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin menyertai perbahasan Akta Mahkamah Kehakiman Pindaan 2020 ini dan seperti tadi rakan-rakan saya Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Sepang telah mengutarakan *reservation* terhadap *probation* ini tentang *remote technology* ini. Saya bersetuju dengan pandangan mereka.

Secara dasarnya, kebelakangan ini cabang kehakiman aktif dalam *embracing technology* telah *e-filing* sistem, e-jamin dan ada juga tahun ini juga melaksanakan e-lelong sistem. Saya terpanggil oleh persatuan lelong yang ingin merayu kepada pihak mahkamah supaya mempertimbangkan menggunakan sistem hibrid lelong dan bukan 100 peratus e-lelong. Saya membangkitkan isu ini pada 22 Julai semasa perbahasan saya untuk Titah Diraja dan saya masih belum mendapat jawapan bertulis ataupun jawapan lisan daripada pihak Menteri.

Pelelong-pelelong hilang mata pencarian kerana pelaksanaan e-lelong sepenuhnya di Mahkamah Tinggi Wilayah dan saya minta pihak Menteri ataupun pihak badan kehakiman mengadakan libat urus dengan persatuan-persatuan e-lelong. Dengan golongan digital ini seperti e-lelong ini ada cadangan supaya hibrid dilaksanakan iaitu supaya pelelong-pelelong juga dapat bersama terlibat dalam lelong sistem di Mahkamah Tinggi. Selain daripada isu-isu yang dibangkitkan.

Satu perkara ingin saya pemerhatian saya hari ini kita membincangkan *remote technology* untuk kehakiman. Kita ada tiga cabang. Eksekutif, kehakiman dan juga legislatif. Nampaknya badan kehakiman *moving* ataupun bergerak pantas dari segi *remote technology*. Bagaimana pula dengan Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Parlimen sebenarnya boleh menggunakan *remote technology* dengan lebih efektif dan saya rasa merekodkan rasa dukacita saya kerana *Select Committee* Parlimen dan juga *Public Account Committee* (PAC) tidak dapat berfungsi sejak 1 Mac sehingga hari ini.

Sebenarnya PAC di mana saya seorang anggotanya boleh menggunakan *remote technology* ataupun keterbukaan. Tadi Yang Berhormat Pasir Puteh menyebut keterbukaan. Apabila memanggil *inquiry* dalam kes-kes *Select Committee* Parlimen dengan *Public Account Committee* boleh menggunakan *remote technology* dan juga dengan berkongsi maklumat ini secara terbuka. Malangnya hari ini peraturan-peraturan *standing order* kita masih tidak membenarkan *Select Committee* dan juga PAC untuk melaksanakan *live streaming* dan ini lah hari ini kita mempertimbangkan permohonan daripada badan kehakiman untuk *remote technology* untuk *live streaming*. Akan tetapi sebagai Ahli Dewan Rakyat pula kita terlewat. Kita tidak ada usaha untuk mengubah *standing order* kita. Kita tidak ada usaha untuk *embrasing technology*. Malangnya kita sepuluh *Select Committee* dan juga PAC *paralyse* sehingga hari ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat, boleh saya menyampuk sedikit? Adakah ini bererti Yang Berhormat setuju dengan rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini dengan menggunakan *video conferencing* untuk tujuan *trial* di mahkamah.

■1930

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya tadi setuju dengan pandangan rakan-rakan saya kerana untuk kes-kes sivil untuk *mention you know* yang *case management* – sebagainya tetapi untuk *criminal cases*, saya setuju dengan rakan-rakan saya yang tadi menyebut *reservation* mereka.

Akan tetapi hari ini kita - macam kita berharap badan kehakiman *moving forward for the digital technology*. Parlimen lambat, *Select Committee* tidak gerak, PAC tidak terbuka, itu masalahnya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bangun]

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, setuju dengan saya bahawa peruntukan ini sepatutnya digunakan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti sekiranya berlakunya wabak COVID-19, mahkamah tidak dapat bersidang, maka pihak hakim, peguam, timbalan pendakwa raya ataupun dalam kes-kes sivil peguam plaintif dan defendan mengadakan *video conferencing* hanya untuk mengetahui *progress* kes tersebut atau menetapkan tarikh sebutan. Jadi gunakannya hanya untuk keadaan-keadaan di mana berlakunya kejadian wabak COVID-19, bukan untuk perbicaraan penuh. Pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana kita kena bijak menggunakan teknologi untuk memastikan *to the interest of justice*. Saya rasa perkara itu perlu diberi perhatian yang serius dan saya mengambil kesempatan perbahasan *bill* ini menyeru pihak pejabat Tuan Yang di-Pertua untuk melihat balik kepada *Standing Order* Parlimen supaya Parlimen dan juga *Select Committee-Select Committee* di bawahnya boleh juga mengadakan mesyuarat melalui *remote technology*. Saya harap Tuan Yang di-Pertua yang baru boleh mengorak langkah terhadap teknologi baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Sungai Buluh. Persilakan.

7.32 mlm.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya ruang untuk masuk dalam perbahasan untuk rang undang-undang DR.8 ini untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman. Saya ada beberapa poin untuk disampaikan.

Pertama adalah berkaitan dengan pindaan klausa baru 15A dan di sini saya setuju dan menyokong perbahasan daripada beberapa Yang Berhormat tadi bahawa ini merupakan satu macam *blank cheque* yang terlalu besar untuk membenarkan kuasa kepada mahkamah membuat *remote communication* menggunakan dengan izin, *remote communication technology* untuk semua jenis perbicaraan termasuk sivil dan *criminal*.

Bagi saya adalah prinsip asas yang kita sudah faham *the demeanor the witness*, dengan izin, ini sangat penting dalam aspek khususnya dalam perbicaraan. Jadi, saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri ini terpaksa dihadkan untuk– dikeluarkan kategori yang dibenarkan teknologi ini dikeluarkan untuk perbicaraan di mana penglibatan saksi dan keterangan lisan terliba, khususnya dalam kes-kes *criminal*.

This is really not negotiable. Kes sivil boleh dipertimbangkan tetapi itu pun saya kurang senang. Bila ada saksi yang beri keterangan lisan, teknologi ini tidak sesuai. Dalam kes *criminal* pun ada satu pengecualian sahaja untuk keterangan daripada kanak-kanak muda khususnya dalam kes *sexual violence, sexual assault cases* dan sebagainya. Itu sahaja, yang lain semua saksi mesti datang dan memberi keterangan di mahkamah terbuka secara *direct* dan langsung di mahkamah.

Poin yang kedua saya sambung daripada perbahasan yang dimulakan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang tadi oleh perpisahan kuasa di antara tiga cabang kerajaan pemerintahan. Tiga cabang kerajaan boleh juga disebut satu ialah pihak eksekutif, badan kehakiman dan ketiga ialah kita, badan *legislative*. Tiga badan ini mesti dilihat tidak campur tangan, atau ganggu atau cuba mempengaruhi tindakan dan keputusan di cabang-cabang lain seperti Yang Berhormat Tanjung Karang sebut, saya setuju badan eksekutif tidak boleh ganggu perjalanan dan keputusan di mahkamah dan kita pun sama. Kita pun di badan *legislative* ini mesti dilihat tidak cuba atau buat apa-apa tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai satu percubaan untuk mempengaruhi tindakan di peringkat mahkamah.

Saya di sini saya ingin pertikaikan dan menegur dan saya rasa inilah kewajipan kita sebagai Ahli Dewan Rakyat bahawa tindakan institusi Tuan Yang di-Pertua ini saya tidak mahu sebut *specific individual*. Institusi Tuan Yang di-Pertua di mana surat daripada Pejabat Tuan Yang di-Pertua dikeluarkan kepada mahkamah dalam satu kes pada 16 Julai tahun ini. So, saya—dalam kes itu permohonan untuk penangguhan kes dibuat pada 15 Julai telah ditolak oleh mahkamah dan pada 16 Julai surat daripada Pejabat Tuan Yang di-Pertua dihantar kepada mahkamah.

Saya faham mungkin niat Tuan Yang di-Pertua bukan untuk mempengaruhi mahkamah, itu saya terima. Akan tetapi bukan apa yang di dalam niat sendiri Tuan Yang di-Pertua tetapi macam mana pandangan rakyat secara umum yang boleh menafsirkan, faham tindakan Tuan Yang di-Pertua ini. Jadi saya harap daripada sekarang ini suatu tindakan yang *unprecedented*, tidak berlaku dahulu.

Saya harap itu tidak akan diulangi dan kita hormati pengasingan kuasa ini. *We have our subjudice clause* yang di mana kes tersebut kita tidak boleh bincang merit apa-apa kes tertentu yang di dalam cara yang boleh memprejudiskan dan memudaratkan kepentingan pihak-pihak dalam kes tersebut, *very clear*. Badan kehakiman pun menghormati keputusan kita. Badan kehakiman menganggap banyak keputusan di sini sebagai tidak *justifiable*, tidak boleh dibawa ke mahkamah dan inilah penghormatan masing-masing. Jadi inilah saya minta tidak diulangi daripada sekarang.

Poin yang ketiga ialah berkaitan dengan pindaan yang kita sudah lakukan melalui DR.6 semalam di mana kita buat pindaan kepada akta ibu hari ini, akta *Court of Judicature Act* dengan memasukkan satu klausa baru 16A. Ini saya sudah bangkit dalam perbahasan semalam dan Yang Berhormat Menteri sudah menjawab. Saya terangkan pindaan itu dahulu. Inilah dibuat melalui seksyen 50 di DR.8, seksyen baru 16A, satu kuasa umum, *general power of the Chief Justice to issue direction* dimasukkan. Masalah yang pertama ialah bolehkah akta di sini, akta yang sangat penting *Court of Judicature Act* dipinda begitu dan dengan klausa atau peruntukan yang berbunyi, "*Sebagai satu peruntukan kekal*". Ini bukan satu langkah sementara.

Saya setuju dengan klausa itu dan itu bukan isu tetapi, "*General power of the Chief Justice to issue direction*" itu adalah satu peruntukan kekal dan tidak boleh dianggap sebagai peruntukan sementara, seperti yang kita lulus semalam. Dalam pindaan pada hari ini seksyen

16A tidak muncul langsung dan inilah yang saya bangkit semalam tetapi bila Yang Berhormat Menteri jawab semalam saya dapat gambaran bahawa 16A ini akan dimasukkan juga dalam rang undang-undang hari ini iaitu DR.8, tetapi saya tidak nampak di dalam sini.

Jadi, kita ada beberapa masalah. Satu, sama ada pindaan yang kita buat semalam untuk langkah, untuk peruntukan yang bersifat kekal boleh dicabar sebagai sudah terkeluar daripada rangka rang undang-undang semalam. Keduanya ialah peruntukan yang penting itu untuk memberi kuasa umum kepada Ketua Hakim untuk memberi arahan dan sebagainya, sekarang tidak ada dalam pindaan sekarang. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri fikirkan macam mana kita boleh betulkan isu-isu ini yang mungkin akan jadi isu di dalam mahkamah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Buloh. Sebenarnya saya ada jawapan kepada Yang Berhormat bangkitkan tetapi saya tidak akan menjawab. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab sekarang.

7.39 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang telah...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh 15 minit, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa 15 minit?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Persilakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Yang telah memberikan sumbangan idea juga pandangan berhubung dengan rang undang-undang ini. Saya sekali lagi menyatakan bahawa undang-undang ini bukanlah satu undang-undang yang dibuat secara tergesa-gesa atau *rush* walaupun Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan, *justice rush is justice crush* tetapi saya mengatakan bahawa, *justice delay, justice deny*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya semasa membentangkan undang-undang ini saya menjelaskan bahawa dalam sesuatu prosiding yang dijalankan dengan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh ini, semua hak dan obligasi pihak-pihak adalah tidak berubah sebagaimana di dalam mahkamah biasa.

■1940

Hal yang berkaitan dengan pemakaian peruntukkan undang-undang substantif, beban pembuktian, hak pihak-pihak untuk didengar atau *right to be heard* dan memberikan respons satu kes terhadap mereka masih kekal dan tidak berubah sebagaimana pendengaran prosiding dijalankan di dalam bilik perbicaraan. Ini perkara penting yang perlu kita maklumi.

Namun demikian, saya cuba menjelaskan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terutamanya saya hendak menafikanlah bahawa perkara yang dibuat ini

merupakan satu perkara yang dibuat secara yang tergesa-gesa, awal dan apabila dilihat perbahasan daripada Yang Berhormat Batu Sapi yang merupakan mantan Menteri Undang-undang, beliau menyokong penuh.

Bermaknanya Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kalaulah beliau kekal sebagai Menteri Undang-undang, beliau juga saya percaya akan melaksanakan perkara yang baik ini yang beliau menyatakan telah dilaksanakan. Bukan baru, *it's not new*. Telah dilaksanakan di mahkamah, terutamanya di Sabah dan Sarawak, di Kota Kinabalu. *Even* di Sabah, Sarawak boleh dilaksanakan. Saya yakin perkara ini boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi di semenanjung kita ini.

Saya terus kepada perbahasan Ahli Yang Berhormat daripada Baling. Seramai 13 orang telah membahaskan. Yang Berhormat Baling bertanya sama ada kerajaan bersedia dengan pelaksanaan kes *online hearing* ini. Saya menjelaskan bahawa mahkamah akan melihat berdasarkan *case to case basis*. Bukannya semua diadakan *online hearing*. Jika ada pihak-pihak yang tidak bersedia untuk melaksanakan *online hearing* ini, maka perbincangan konvensional akan dilaksanakan. Dengan kata lain ini adalah satu *options* yang ada di dalam sistem mahkamah kita ini.

Yang Berhormat Baling juga bertanya adakah sistem keselamatan kerajaan tersedia untuk pelaksanaan ini? Saya hendak beritahu bahawa di dalam kerajaan ada agensi bernama MAMPU yang memantau dari semasa ke semasa sama ada unsur-unsur *hacking* terhadap talian kerajaan. Setakat ini tidak ada kes *hacking* berlaku. Manakala *software* yang diguna pakai oleh mahkamah sekarang ini iaitu *Skype* dan *Zoom* adalah perisian berbayar yang menawarkan *safety*.

Dalam masa yang sama, dalam kerajaan kita mempunyai *National Cyber Security Agency* (NACSA) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan sejak 2017 lagi yang membuat dasar-dasar mengenai *cyber security*. Dalam kerajaan juga di bawah KKMM kita ada CyberSecurity Malaysia (CSM) yang melaksanakan operasi daripada dasar yang telah dibuat oleh NACSA dan juga MAMPU ini.

Yang Berhormat Baling sekali lagi membangkitkan isu keselamatan, saya hendak nyatakan badan kehakiman telah melanggan perisian sidang video yang memiliki ciri keselamatan yang terkawal dan terjamin seperti sidang video yang mempunyai *waiting room* untuk setiap peserta sebelum dibenarkan masuk ke dalam sesi oleh moderator ataupun *host*. Selain daripada itu, sistem keselamatan juga dipantau dan sentiasa dipertingkatkan oleh pasukan ICT dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Yang Berhormat Dungun bertanya adakah *online hearing* dianggap akan menggantikan mahkamah konvensional seperti *Native Court* dan sebagainya? Saya hendak nyatakan pengendalian prosiding secara dalam talian merupakan kaedah alternatif sebagaimana yang saya sebut tadi. Pihak-pihak masih boleh mengendalikan kes mengikut kaedah pembicaraan fizikal dan ianya adalah hanya— pengendalian prosiding atas talian ini juga bukanlah sebagai mewujudkan jenis mahkamah yang baharu, tetapi hanya memperuntukkan berhubung dengan

kaedah alternatif dalam kendalian sesuatu prosiding mahkamah. Dalam hal ini, mahkamah mempunyai kuasa budi bicara atau *discretionary power*...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Untuk meminta pihak-pihak yang mengendalikan *online hearing* ini tertakluk kepada pertimbangan yang dibuat oleh pihak hakim.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Maknanya hakim akan memberikan peluang kepada pihak-pihak memastikan mereka bersedia, *ready to go on online hearing*. Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. *A quick one* Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya berkaitan dengan Yang Berhormat Menteri sebut tadi berkaitan dengan saksi-saksi akan dipantau bilamana kes itu berjalan *online*. Soalan saya adakah saksi-saksi ini akan dipantau? Contohnya, saksi itu berada di Parlimen Baling contohnya, kes itu berlaku di Kuala Lumpur. Di sana di Baling ada tidak kaedah satu cara yang mana mahkamah itu sendiri uruskan walaupun di mana mereka berada, mereka itu di pantau oleh pihak polis ataupun mahkamah itu sendiri pantau bilamana kes itu dibicarakan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Baling yang dikatakan tadi beliau mempunyai pengalaman dalam mahkamah, sedikit sebanyak. Ya, sebagaimana kita sedia maklum bahawa apabila satu-satu kes, katakanlah kes jenayah dilaksanakan, senarai saksi-saksi adalah berada di dalam kawalan ataupun pentadbiran pihak pendakwa raya. Pendakwa raya ini sebagaimana kita sedia maklum. Kalau kes ini di Kuala Lumpur, mahkamah di Putrajaya, saksinya berada di Baling sebagaimana disebutkan tadi.

Di Baling juga mempunyai ejen-ejen ataupun jabatan yang berkaitan dengan pendakwa raya iaitu pihak polis. Sudah tentulah pihak polis akan menerima arahan daripada pendakwa raya, menguruskan segala kedudukan saksi itu dan peralatan-peralatan yang diperlukan. Ini satu perkara yang biasa diadakan termasuk dalam mesyuarat-mesyuarat dan sebagainya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini jelas ini, tadi sebab kata Jho Low akan duduk di mana-mana, entah orang lain akan bercakap dan sebagainya. Saya percayalah yang ini akan dipantau oleh mahkamah, pendakwa raya dan akan dibantu oleh polis. Saya menyokong penuh.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya. Bukan sahaja di dalam negara Yang Berhormat Baling, sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa negara mana pun dia mempunyai kaitan ataupun hubungan dengan polis-polis bukan sahaja di negara lain, malahan di peringkat dunia. Interpol dan sebagainya yang mempunyai kaitan, kalau sekiranya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia guna pakai MLA kan di sana, betul tak?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, ya betul. Okey, seterusnya Yang Berhormat Jelutong membangkitkan mengenai pendengaran merangkumi kes perbicaraan dan apa-apa prosiding di mahkamah. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, perkara ini bukanlah satu mandatori. Perincian mengenai jenis kes yang akan didengar secara dalam talian akan dibuat melalui arahan amalan ataupun *practice direction* yang akan dibuat oleh pihak Ketua Hakim Negara ataupun Pejabat Ketua Hakim Negara.

Pada masa ini, pendengaran secara dalam talian adalah bagi kes-kes sivil sahaja dan perkara ini telah dipersetujui oleh Majlis Peguam. Untuk rekod bahawa mesyuarat telah diadakan antara badan kehakiman dan Majlis Peguam pada 18 Jun 2020, itu yang terakhir sebelum rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen. Yang Berhormat Rompin...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Sebagai seorang pengamal undang-undang yang selalunya mengendalikan kes-kes jenayah. Yang Berhormat Bukit Gelugor pun ada di sini, Yang Berhormat Kota Bharu pun pernah mengendalikan banyak kes jenayah. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pindaan yang dibuat ini adalah *all enabling provision* dengan izin. Saya cuma meminta kalau boleh ianya disingkatkan kepada kes sivil sahaja. Ini kerana arahan amalan yang akan dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara itu tidak mengikat pihak pendakwaan.

Undang-undang ini akan memberi kebebasan kepada pendakwaan untuk menggunakan prosedur ini ketika perbicaraan nanti, sebab itulah kerisauan saya. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menghayati, dengan izin Tuan Yang di-Pertua juga sebagai pengamal undang-undang, *the right of an accused to be defended in a criminal trial*. Itu adalah yang begitu penting dan beliau berhak untuk membenarkan peguam beliau untuk mempersoalkan saksi-saksi itu dalam keadaan di mahkamah.

Kalau kita membenarkan undang-undang ini, pihak pendakwaan akan mengatakan bahawa *forget about the* arahan amalan atau *practice direction*, kita gunakan undang-undang ini dan meneruskan dengan perbicaraan. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh hanya singkatkan penggunaan ini kepada kes sivil sahaja.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya benar. Soalan yang sama Yang Berhormat Jelutong saya tanya kepada pegawai-pegawai di kehakiman sebab saya tahu, saya juga mengendalikan kes *criminal* dulu tetapi dijawab kepada saya. Baik, dalam satu kes sebagai contohnya kes 39B, Yang Berhormat Bukit Gelugor banyak kes 39B. Berapa orang saksi yang memerlukan kepada penyaksian, *demeanor of the witness? Complainant* hanya datang untuk memberikan bila repot dibuat.

■1950

Arresting officer menyatakan bila dia menangkap tertuduh. Kemudian pegawai yang menghantar barang kes ke kimia, itu sahaja dan juga ahli kimia. Apa *demeanor* yang diperlukan? Tidak perlu kecuali saksi-saksi yang tertentu yang berkaitan. Ini saya hendak sebut Yang

Berhormat Bukit Gelugor, bahawa dalam sistem ini saya percaya ada peringkat-peringkat yang boleh dibuat secara *online* dan ada peringkat-peringkat yang perlu dibuat secara fizikal. Itu adalah pilihan kepada hakim tertentu, *very clear*.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Yang Berhormat. Kenyataan Yang Berhormat bahawa dalam beberapa kes tertentu, *demeanor* mungkin tidak sepenting kes-kes lain ataupun saksi-saksi lain. *I think* itu adalah satu pendekatan yang berbahaya. *It is a very dangerous statement to make because* dalam setiap kes, kita tidak akan tahu bagaimana seorang saksi itu akan memberi keterangan.

Kita tidak boleh andaikan bahawa *this will be a formal witness. We have raiding officers who comes to court and lie*. Itu adalah satu perkara yang berlaku. *We don't know when they are going to come and lie*. Itu tugas seorang hakim. *So, you cannot generalize*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *that this raiding officer is a formal witness, his demeanor will not be as important as another*. Jadi, kita tidak sepatutnya mengambil pendekatan seperti itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Thank you* Yang Berhormat Bukit Gelugor. *That is why* Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya menyatakan hakim akan menentukan. Jika sekiranya seseorang saksi itu memerlukan kepada pemerhatian beliau terhadap *demeanor of the witness*, beliau akan memanggil saksi itu secara fizikal. *If not, to save the court time dan the accused time*, akan dibuat secara dalam talian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Lebih-lebih lagi kalau sekiranya Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Jelutong, sekiranya saya percaya dalam kes Yang Berhormat pun banyak masalah yang dihadapi ialah ketidakhadiran saksi kerana mereka berada di tempat jauh, tidak dapat hadir dan sebagainya, boleh dibuat di tempat lain. Ini menguntungkan pihak tertuduh itu sendiri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma ingin berbalik kepada kesimpulan kes-kes dadah Tuan Yang di-Pertua. Kes-kes dadah adalah kes khusus di mana keterangan dengan izin, *agent provocateur* boleh diambil iaitu seorang anggota polis atau kastam.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Not all case* memerlukan *agent provocateur*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, no, let me just give you an example*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak ada. *Very seldom case, I know*. Tidak payahlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, kalau beliau menyamar sebagai seorang ejen untuk menjual...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: AP kes tidak banyaklah, tidak ramailah Yang Berhormat Jelutong. *You know very well*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi lazimnya, lazimnya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Don't assumelah*. Kita tidak perlulah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, seperti yang dikatakan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya tidak memberikan laluan untuk itu. Saya rasa saya sudah jawab. Terima kasih.

Seterusnya, Yang Berhormat Batu Sapi membangkitkan sama ada kerajaan akan mengambil inisiatif untuk membangunkan mahkamah yang dipanggil *state of art of the technology*. Saya menyatakan badan kehakiman mempunyai perancangan ke arah itu untuk membangunkan mahkamah teknologi khususnya di Kompleks Mahkamah Shah Alam yang akan dibina. Selain itu, badan kehakiman juga dalam proses untuk melaksanakan sistem *voice to text* di mahkamah.

Seterusnya, Yang Berhormat Pasir Puteh bertanya bagaimana kerajaan menangani isu saksi yang dikawal atau diancam sekiranya menggunakan *online hearing*. Buat masa ini, saya hendak jelaskan kes-kes yang menggunakan *online hearing* tidak melibatkan saksi. So itu pada masa ini. Oleh sebab itulah saya mengatakan bahawa ia akan dikendalikan secara *case-to-case basis* dan perincian mengenai jenis kes, cara kendalian adalah sebagaimana di dalam *practice direction*.

Yang Berhormat Sepang bertanya mengenai mengapa hukuman berbeza-beza. Saya rasa ini tidak ada kaitan sangat dengan rang undang-undang ini. Saya pun ada jawapan yang panjang, saya akan memberi jawapan secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Beliau pun tidak ada pada hari ini, mungkin dia segan dengan saya.

Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Sepang juga membangkitkan isu *online hearing* tidak boleh dilaksanakan bagi kes-kes jenayah. Saya dah jawab tadi bagi kes yang melibatkan saksi yang tidak bersifat kekal, hanya untuk COVID saja. Jadi saya menyatakan bahawa, saya hendak jelaskan bahawa langkah kerajaan yang membawa rang undang-undang pada hari ini Yang Berhormat Sungai Buloh juga, bahawa ianya bukan kerana COVID semata-mata. Ini adalah perancangan yang dibuat lebih awal lagi memandangkan walaupun tidak ada undang-undang ini, ia telah dilaksanakan oleh mahkamah, *online hearing* ini.

Jadi, langkah membawa rang undang-undang ini adalah untuk menjadikan apa yang dibuat oleh mahkamah setakat ini yang diberikan kredit oleh Yang Berhormat Batu Sapi dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, satu perkara yang *in accordance to the law* dan tidak boleh *dichallenge* kononnya kerana tidak ada keterangan dan sebagainya.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang Berhormat Menteri, mungkin Yang Berhormat sudah salah faham poin saya. Poin saya bukan bahawa pindaan yang kita buat hari ini kepada Akta Mahkamah Kehakiman itu berkaitan dengan COVID-19, bukan. Saya rujuk kepada rang undang-undang yang kita lulus semalam, langkah-langkah berkaitan dengan tindakan COVID itu. Di sana kita sudah meminda akta ini juga, akta ibu hari ini, *Courts of Judicature Act*.

Di sana, di seksyen 50 semalam ada seksyen baharu dimasukkan, 16A di dalam Akta Mahkamah Kehakiman. Persoalan pertama saya ialah macam mana rang undang-undang semalam boleh buat pindaan kepada akta ibu pada hari ini. Itu satu.

Kedua, poin saya ialah bila kita baca peruntukan baharu 16A, ia bersifat satu— ia peruntukan baik. Itu bukan isunya. Akan tetapi ia bersifat sebagai satu langkah kekal, satu peruntukan kekal, *general powers of the Chief Justice to issue direction*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, saya hendak jelaskan.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Jadi, ia tidak boleh dibuat hari ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya faham, saya faham Yang Berhormat Sungai Buloh. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Bukan ia masuk semalam.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Semalam Yang Berhormat juga membangkitkan perkara mengenai insolvensi di dalam enakmen COVID-19, *right?*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Bukan, bukan. Itu akta dia.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak, tidak. Sebagai contohnya yang mengatakan adakah pindaan atau modifikasi Akta Insolvensi dalam Akta COVID-19 itu bersifat sementara atau kekal. Saya kata dalam rang undang-undang COVID-19 sementara *until 31st December 2020*.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Betul.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Akan tetapi saya semalam juga telah membawa pindaan kepada Akta Insolvensi, sama dengan perkara ini. Dalam Rang Undang-undang COVID-19 semalam yang berkaitan dengan *Court of Judicature Act* ada Yang Berhormat bangkit. Ini adalah yang kekal, yang semalam adalah yang sementara.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang seksyen 16A...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Nama pun langkah-langkah sementara.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Seksyen 16A itu sementara? Langkah sementara? Bukan kekal?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak, maksud saya ini adalah yang kekal. Yang dalam Rang Undang-undang COVID-19 itu semuanya adalah sementara...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Sementara.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Langkah sementara (*temporary measures*). Yang ini, dalam rang undang-undang ini, pindaan ini adalah kekallah.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Memang, itu saya faham tetapi bila kita baca 16A yang dimasukkan semalam itu, bukan hari ini. Bunyinya macam peruntukan kekal, itu maksud saya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak, yang dalam ini kekallah. Yang di dalam rang undang-undang *temporary measures* itu adalah sementara sampai 31 Disember 2020.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Betul, saya faham itu tetapi peruntukan itu berbunyi...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak apa, saya rasa kita boleh berjumpa di luarlah untuk berbincang ya. Yang Berhormat Arau menyatakan ramai pihak yang tidak bersetuju dengan cadangan pelaksanaan pendengaran kes secara dalam talian dan ia wajar dilaksanakan dalam

tempoh PKP sahaja. Saya hendak nyatakan perkara ini bukanlah suatu yang mandatori sekali lagi Yang Berhormat Arau.

Mahkamah boleh laksanakan kes secara konvensional. Peruntukan ini memberi opsyen demi keadilan untuk melaksanakan kes secara dalam talian dan ini telah terbukti semasa COVID. Kita tidak tahu di masa akan datang mungkin ada bencana-bencana lain lagi yang akan berlaku, kita tidak tahu, kita minta dielakkan perkara ini.

Yang Berhormat Pasir Gudang membangkitkan perkara yang sama dengan Yang Berhormat Jelutong. Saya kira saya telah memberikan jawapan.

Kemudian Yang Berhormat Bukit Bendera, terima kasih membangkitkan hal *e-Lelong* lagi. Saya hendak nyatakan bahawa banyak pelaksanaan *e-Lelong*. Antaranya pengurangan penggunaan tenaga manusia dan bidaan dapat dilaksanakan menurut masa sebenar. Perkara ini akan dikemukakan secara bertulis sebagaimana yang saya janji kepada Yang Berhormat Bukit Bendera.

Yang Berhormat Sungai Buloh, ya sebagaimana saya sebutkan tadi, 16A dalam Rang Undang-undang COVID bersifat sementara manakala 17B rang undang-undang ini adalah bukan bersifat sementara, maknanya kekalah.

Kemudian, perkara-perkara lain yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini saya kira saya akan menjawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Saya kira itu sahaja perkara yang saya hendak rumuskan dalam jawapan lisan ini, yang lain secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1710

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 7 –

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

8. 00 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya cuma ingin ringkaskan kepada satu lagi perkara. Memandangkan kita membincangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang melibatkan mahkamah-mahkamah, bolehkah saya minta Yang Berhormat Kota Bharu memberi perhatian kepada bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang lama dan usang. So, saya minta bangunan itu merupakan satu Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Itu di bawah butir-butir mana Yang Berhormat?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Fasal 3 berkenaan dengan kaedah-kaedah keanggotaan dan sebagainya. Kalau boleh, saya minta perkara itu juga diberi perhatianlah. Selain daripada itu, saya sekali lagi ingin mencadangkan supaya kita menghalusi undang-undang ini dan saya cuma ingin meminta dan merayu sebagai seorang pengamal undang-undang dan juga ramai lagi yang di luar itu supaya undang-undang ini hanya dihadkan kepada kes-kes sivil sahaja. Itu adalah permintaan saya dari segi prosedur. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab isu yang kedua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, saya ingin menjawab dalam satu ayat sahaja. Saya hendak menyatakan bahawa walaupun tidak ada kena-mengena, dua hari yang lepas ini Yang Berhormat Jelutong, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (*Chief Registrar of the Federal Court*) bersama dengan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah pergi ke Pulau Pinang, khusus untuk melihat keadaan mahkamah di Pulau Pinang.

Malahan, diadakan perjumpaan ataupun kedua-dua pegawai tinggi ini telah menghadap Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang memberikan pengesahan kerajaan negeri akan memberikan sekeping tanah untuk membuat tapak mahkamah yang baharu jika diperlukan. Sehingga itu keprihatinan diberikan terhadap negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. saya ingin rakamkan ucapan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Cuma saya minta kalau tanah diagihkan bangunan yang lama itu kita perbaiki kerana ia merupakan satu *iconic heritage*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Itu sudah tentu. Itu bangunan *heritage* kita akan buat. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

Tuan Pengerusi: Sudah habis? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

8. 00 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mahkamah Sivil di negara ini terbahagi kepada dua kategori iaitu mahkamah atasan dan mahkamah bawahan. Mahkamah atasan merujuk kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dan ia dikawal selia oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Manakala mahkamah bawahan pula merujuk kepada Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Majistret yang dikawal selia oleh Akta Mahkamah Rendah 1948. Akta 92 ataupun Akta Mahkamah Rendah 1948 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1949 di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak pada 1 Jun 1981.

Antara perkara diperuntukkan dalam Akta 92 adalah berkenaan dengan bidang kuasa sivil dan jenayah Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Majistret. Selain itu akta ini juga memperuntukkan perkara dalam kategori pelbagai antaranya seperti memanterai proses mahkamah dan kuasa mahkamah berhubung dengan perbicaraan secara tertutup.

Memandangkan *proceeding* mahkamah melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana pindaan yang dibuat dalam Akta 91 iaitu Akta Mahkamah Kehakiman tadi, turut diperluaskan pada Mahkamah Bawahan. Maka, dicadangkan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 ini dibawa untuk diluluskan bersama-sama dengan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020 tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 24 Julai 2020. Rang undang-undang ini juga diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Ogos tahun 2020.

Cadangan untuk meminda Akta 92 melibatkan pindaan kepada satu peruntukan sedia ada dan pengenalan dua peruntukan baharu. Seterusnya, saya menjelaskan sedikit fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2, Akta 92 dengan memasukkan takrif baharu *remote communication technology* untuk beri kuasa kepada mahkamah menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Remote communication technology ditakrifkan sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta 91. Takrif ini akan membantu mengenal pasti penggunaan jenis platform dan medium dalam teknologi komunikasi jarak jauh yang akan digunakan.

Fasal 3 rang undang-undang adalah untuk memasukkan seksyen baharu 101B dalam Akta 92 untuk membolehkan Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Majistret menjalankan prosiding melalui rangkaian video dan televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain. Ianya adalah sebagaimana seksyen 15A di dalam Akta Mahkamah Kehakiman.

Fasal 4 rang undang-undang ini bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Hakim Negara juga untuk mengeluarkan arahan amalan. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan jelas dan berstruktur mengenai pelaksanaan pendengaran kes secara dalam talian ianya dapat mengatasi apa juga keadaan dan situasi termasuklah pandemik yang melanda dunia sekarang dan agar akses pada keadilan yang optimum kepada rakyat dapat dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat semua masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

8. 09 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi bangun untuk menyuarakan bantahan saya kepada cadangan pindaan ini. Ini kerana kalau kita lihat pada hari ini...

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di Mahkamah-mahkamah Rendah iaitu Mahkamah Majistret dan Mahkamah Seksyen, banyak perbicaraan yang diadakan tiap-tiap hari.

Kadangkala ada mahkamah-mahkamah yang tidak dilengkapi dengan izin teknologi moden untuk mengadakan perbicaraan mengikut cara ini.

■2010

Walau bagaimanapun saya sekali lagi ingin menyeru supaya Yang Berhormat Kota Bharu dan kerajaan melihat kepada undang-undang ini yang ada, *will have far reaching consequences*. Terutamanya kerana undang-undang ini kalau ia diluluskan juga merangkumi kes-kes jenayah. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Kota Bharu ketika merumuskan undang-undang yang telah pun diluluskan tadi iaitu pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman. Beliau menggunakan kesimpulan kes dadah.

Banyak juga kes-kes di mana kita lihat pengadu-pengadu yang terlibat datang ke mahkamah dan tidak memberi keterangan secara ikhlas. Ada juga kes-kes di mana saksi-saksi ini mungkin kecenderungan mereka untuk memberi keterangan yang tidak begitu benar. So, satu-

satunya peluang yang ada kepada tertuduh ia boleh berlaku kepada mana-mana orang yang ada di sini adalah apabila peguam bela beliau diberi peluang untuk hadir di mahkamah dan melakukan soal balas dengan izin, *cross examination of the witness*.

Kalaulah katakan kita dapat menunjukkan keterangan saksi itu bercanggah dan walaupun keterangan beliau mungkin tidak bercanggah, hakim diberi peluang untuk melihat dengan izin gerak geri saksi itu dalam kandang saksi dan dalam istilah bahasa Inggeris *demeanor*. Hal sebab itu saya menyatakan bahawa kita rupa-rupanya terburu-buru untuk meluluskan undang-undang ini.

Saya juga minta kalau boleh satu lagi perkara dimasukkan iaitu ia hanya digunakan dalam keadaan-keadaan tertentu. Kalau kita dalam masa sekarang di mana kita menghadapi wabak COVID-19 dan kita perlu menguruskan sesuatu kes jenayah. Di mana tertuduh berada di penjara umpamanya dan terdapat risiko di mana kalau beliau dibawa daripada penjara ke mahkamah, kemungkinan besar wabak itu akan merebak kepada orang-orang yang lain, menjangkiti orang-orang lain. Maka bolehlah prosedur ini digunakan bagi pengurusan kes. Hanya untuk menyebut sahaja atau hanya untuk menetapkan tarikh-tarikh perbicaraan.

Akan tetapi sekiranya undang-undang ini diluluskan dengan izin memberi *blanked cheque* kepada pihak pendakwaan untuk menjalankan prosiding perbicaraan, saya rasa Yang Berhormat Kota Bharu perlu waswas kerana penyalahgunaan proses prosedur ini boleh berlaku. Terutamanya bila kita lihat ada saksi-saksi yang mungkin sebab-sebab tertentu dikatakan tidak boleh hadir secara sendiri di mahkamah dan pihak pendakwaan mengatakan bahawa saksi itu diletakkan dalam satu bilik di Bukit Aman umpamanya.

Terdapat orang-orang tertentu berada di depan beliau atau secara membuat apa-apa ugutan kepada beliau ataupun memastikan beliau memberi keterangan secara terperinci ataupun keterangan-keterangan yang hanya akan melibatkan tertuduh di mana tertuduh boleh didapati bersalah. Maka peguam yang terlibat membela tertuduh itu tidak akan dapat menjalankan soal balas terhadap saksi tersebut. Ini adalah perkara yang saya risau.

Ia telah berlaku dalam undang-undang SOSMA di mana pindaan-pindaan itu membenarkan pihak pendakwaan membawa seorang saksi, meletakkan saksi itu di sebuah bilik. Di mana nama saksi itu tidak perlu didedahkan, latar belakang saksi itu tidak boleh disoal dan soalan-soalan yang dilontarkan oleh peguam dalam soal balas hanya dikhaskan atau disingkatkan kepada soalan-soalan tertentu sahaja.

Bayangkan kalau kita sendiri dituduh untuk kesalahan-kesalahan begitu. Bagaimanakah peguam bela kita diberi keupayaan untuk menyoal balas saksi tersebut? Oleh sebab itu saya minta sekali lagi walaupun saya mungkin seorang di sebelah sini ada juga Yang Berhormat Pasir Gudang, saya ingin merakamkan bantahan saya sekeras-kerasnya kerana rakyat di luar sana *anybody can be charged for any criminal offense* Yang Berhormat Kota Bharu. Kita perlu ingat ia akan menafikan hak mereka untuk melantik seorang peguam bela, hak mereka untuk membela pertuduhan terhadap mereka. *It's a very serious far reaching consequences*.

Saya sekali lagi merayu supaya undang-undang ini dipinda di mana ia hanya boleh diamalkan kepada kes-kes sivil itu pun hanya kepada sebutan kes, pengurusan kes atau proses-proses perbincangan seperti mediasi. Dengan izin saya mohon membantah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Gudang.

8.15 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja. Saya menolak pindaan Akta Mahkamah Rendah 1948 kerana satu alasan yang penting iaitu seksyen baharu 101B ini iaitu prosiding termasuk prosiding kes jenayah (*criminal*). Kalau dapat dikeluarkan kes-kes jenayah tidak termasuk dalam pindaan ini saya boleh menerima pindaan ini.

Hal ini sebabnya dalam prinsip kes-kes jenayah ini sekurang-kurang ada dua perkara yang pertama perbicaraan yang adil (*fair trial*) dan yang kedua ialah jangan berlaku *miscarriage of justice* dalam perbicaraan-perbicaraan kes jenayah. Hal ini kerana beban pembuktian (*burden of prove*) kes jenayah dengan kes sivil berbeza. Dalam kes jenayah *beyond reasonable doubt*.

Manakala dalam kes-kes sivil *balance of probabilities*. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan yang ini supaya kes-kes jenayah tidak dimasukkan dalam pindaan ini. Kes jenayah berjalan terus seperti perbicaraan yang ada sekarang ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.16 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua rakan saya Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang rakan yang terpelajar. *My learned friends*.

Pada dasarnya saya melihat hujah-hujah yang dikemukakan bersifat perkara yang sama atau *similiar in nature*. Oleh sebab itu saya ingin *adopt* dan *adapt* jawapan saya sebelum ini untuk memberikan jawapan sebahagiannya kepada mereka ini. Cuma saya hendak sebut kepada kedua-dua rakan terpelajar saya ini bahawa saya juga bekas pengamal undang-undang. Saya bukan daripada AG 's *Chambers* dan undang-undang ini di *initiate*, inisiatifnya diambil oleh badan kehakiman yang tidak memihak kepada pendakwa raya mahupun kepada pembelaan.

Itu kita perlu terima tanpa perlu ada prejudis kepada badan kehakiman. Oleh sebab itu saya kira, saya pun yakin mereka tidak mempunyai apa-apa niat yang tersembunyi untuk tidak menjamin keadilan kepada rakyat, kepada orang ramai dan orang awam. *Court acted as armfire* ataupun pengadil dalam kedua-dua pihak. Ini lah harapan kita, harapan Yang Berhormat dan harapan saya sendiri.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah sedikit dengan izin Tuan Pengerusi?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Boleh? Ertinya kita mengamalkan prinsip doktrin *separation of power*, yang menggubal undang-undang legislatif ialah Parlimen bukannya badan kehakiman. Jadi ini sudah ada *interference*. Jadi, bermakna walaupun ada niat yang baik daripada badan kehakiman untuk draf membantu ini tetapi akhirnya tugas untuk menggubal undang-undang ini daripada peringkat RUU sampai lulus ini terserah kepada kita. Kita yang menggubal undang-undang, terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekali lagi saya menjelaskan bahawa saya tidak ada apa-apa kepentingan sebagai Ahli Dewan Rakyat, saya membawa rang undang-undang ini sebagai rang undang-undang kerajaan.

Di mana kerajaan telah meneliti dan yakin ini adalah satu rang undang-undang yang akan dibuat undang-undang yang terbaik untuk kepentingan semua. Bukan bermakna kita memihak kepada badan-badan yang membawa undang-undang ini, tidak. Akan tetapi ini adalah satu *bill* kepunyaan kerajaan. Kerajaan yakin bahawa ia adalah suatu undang-undang yang telah menepati segala aspek *justice* atau keadilan itu.

Akan tetapi sekali lagi saya hendak sebut ia sama dengan *Court of Judicature Act* yang telah dipinda tadi, ia merupakan satu kaedah pilihan (*optional*). *It's not for applicable to all cases*. Mereka mahkamah lebih arif untuk menentukan bagaimana mereka dapat melaksanakan keadilan sebaiknya menggunakan kaedah-kaedah yang ditetapkan ini. Itu sahaja penggulangan saya, terima kasih.

■2020

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal 1 hingga 4 –

8.21 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, fasal 3. Saya cuma ingin respons sedikit kepada kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa cadangan undang-undang ini adalah dibuat atau digubal oleh badan kehakiman. Kita lihat bahawa dengan segala hormatnya kepada badan kehakiman, pada suatu masa yang dahulu terdapat kecenderungan

mereka untuk dengan izin menghabiskan kes-kes dengan cepat dengan izin untuk mengurangkan *backlog*.

So, kerisauan saya adalah cuma saya tidak mahu proses prosedur ini, merujuk kepada fasal 3 iaitu pemasangan komunikasi elektronik dan sebagainya digunakan terutamanya bila ia melibatkan kanak-kanak, saksi kanak-kanak, kes-kes melibatkan kanak-kanak, kes-kes melibatkan juvana yang berusia di bawah 16 tahun dan 13 tahun dituduh untuk kesalahan umpamanya membunuh, kesalahan pengedaran dadah.

Bayangkan kalau mereka dituduh untuk kesalahan-kesalahan begini serius— ataupun di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen. Kes rogol umpamanya seorang belia berusia 17 tahun dituduh atau 15 tahun dituduh. Kalau katakan pengadu dalam kes ini tidak dibawa ke mahkamah, diletakkan di suatu bilik dan disoal balas.

Saya cuma ingin menyatakan bahawa kemungkinan badan kehakiman ingin menyelesaikan kes itu dengan segera. Akan tetapi, apakah kita ingin dengan izin, gunakan istilah *you know* mempercepatkan kes itu demi semata-mata untuk mengurangkan statistik kes-kes jenayah di mahkamah. So, ini adalah kerisauan saya di mana hakim itu akan mengatakan *well we have all the facilities, lets carry on*.

Kalau undang-undang ini digubal, dibenarkan. Kalau saya membela seorang dan saya pergi ke mahkamah dan saya minta supaya pengadu dalam kes itu dibawa ke mahkamah. Saya ingin menyoal balas beliau dalam kehadiran beliau di mahkamah. Mungkin hakim akan mengatakan— Hakim Mahkamah Sesyen, memandangkan ia melibatkan Mahkamah Rendah akan mengatakan *since we have all the telecommunications technology facilities* dengan izin, Tuan Pengerusi, kita teruskan dengan kes.

Gadis itu mungkin berada di rumah, mungkin dalam keadaan yang begitu selesa dengan kehadiran ibu bapa beliau memberi keterangan-keterangan yang mungkin benar, mungkin tidak benar. So, ini boleh menyebabkan sesuatu kes jenayah diputuskan melalui keterangan seorang saksi yang tidak hadir.

Oleh sebab itu, saya ingin— walaupun saya minta maaf kepada Tuan Pengerusi, saya tidak berniat untuk mengulangnya, saya begitu risau apakah yang akan berlaku sekiranya undang-undang ini diluluskan terutamanya kalau ia diaplikasikan atau diamalkan dalam perbicaraan kes-kes jenayah di Mahkamah-mahkamah Rendah. Oleh sebab itu, saya sekali lagi ingin dengan rendah diri, dengan segala hormatnya mohon membantah kepada pindaan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong tidak perlu minta maaf sebab *res judicata* tidak terpakai di dalam Dewan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua boleh saya...

Tuan Pengerusi: Oh! Ada lagi. Okey.

8.24 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ringkas saja ya. Iaitu dalam— Tuan Pengerusi saya sebagai Ahli Parlimen Dewan Rakyat ini berasa risau dalam perkara ini daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menegaskan tugas badan kehakiman ialah untuk mentafsir undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Itu bidang kuasa Parlimen ini. Jadi, saya sangat risau apabila badan kehakiman seperti yang dijelaskan tadi mengambil inisiatif untuk merangka undang-undang atau meminda undang-undang yang kita bahaskan petang ini dan ini satu *precedent* yang sangat buruk. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekali lagi lah— Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan kita tidak boleh mencampuri urusan mahkamah dan Yang Berhormat Pasir Gudang menjelaskan bahawa kita ada *separation of power*. Jika kita tidak mahu orang lain mencampuri urusan Parlimen, saya kira kita tidak boleh mencampuri urusan mahkamah. Kita tidak boleh kata mahkamah begitu, begini dan sebagainya. Itu pandangan saya.

Jadi, saya sekali lagi hendak jelaskan secara jelas kepada Yang Berhormat Pasir Gudang, bukan maksud saya ia diambil inisiatif oleh badan kehakiman. Akan tetapi, perkara ini disuarakan oleh badan kehakiman, untuk memastikan mereka dapat menjalankan tindakan berdasarkan kepada undang-undang dan perkara ini dibawa kepada *attention* kerajaan. Kerajaan yang mengambil tindakan untuk meminda akta ini. Ini kerana, saya percaya Yang Berhormat Pasir Gudang pernah pergi ke mahkamah. Apabila kita *argue* di mahkamah, hakim kata *our hands are tied because* undang-undang yang dibuat oleh *you*.

Saya pernah bersama dengan Yang Berhormat Puchong, jumpa dalam satu mahkamah. Itu hakim beritahu. *You go back to Parliament and you amend the law because our hand are tied with the law, the existing law*. Jadi, inilah yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini supaya mahkamah menjalankan dan dapat melaksanakan keadilan itu berdasarkan undang-undang. Bukan, sekali lagi saya menjelaskan bukan undang-undang dibawa oleh badan kehakiman. Akan tetapi, inisiatifnya dibawa ke pengetahuan kerajaan, kerajaan yang bawa pindaan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kota Bharu, saya setuju bahawa pindaan ini boleh digunakan. Kalau kita ingin membantu badan kehakiman untuk melancarkan proses mahkamah terutamanya bila ianya berlaku semasa wabak COVID-19 hanya untuk kita dengan izin *monitor the case*, untuk kita hanya menyelia kes itu, *progress* kes itu boleh. Seperti sebutan, pengurusan dan sebagainya. Akan tetapi, pindaan ini...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, itu sudah dibuat. Itu sudah dibuat Yang Berhormat Jelutong, sudah dibuat. Akan tetapi, apabila diadakan— sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Batu Sapi tadi diadakan *hearing online at court of appealable* di peringkat Mahkamah Rayuan telah diadakan. Jadi, itu tidak ada di dalam peraturan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi, Yang Berhormat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Inilah yang kita hendak masuk dalam peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat. Akan tetapi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Sapi hanya melibatkan perbicaraan semasa kes. Yang Berhormat tahu...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perbicaraan rayuan adalah lain daripada perbicaraan jenayah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya beritahu ia berdasarkan *case to case basis*. *Not applicable to all cases*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi, pindaan ini Yang Berhormat melibatkan semua kes.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Boleh, boleh. Akan tetapi, bergantung kepada *practice direction*. *What type of case, what is the nature of the case*. Ia akan ditentukan oleh mahkamah *which one can go online, which one cannot*. Itu akan ditentukan oleh mahkamah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi, kalau katakan saya sebagai seorang Majistret atau Hakim Mahkamah Seksyen memutuskan— okey, biarlah kita teruskan memandangkan ada undang-undang, *enabling act*, memberi saya bidang kuasa, kalau saya hendak meneruskan perbicaraan penuh. *That is open to abuse. There is my worried*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya sekali lagilah, saya menyatakan kenyataan Yang Berhormat Jelutong itu agak berbahaya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Itu sebagai satu *attack* kepada mahkamah itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Baling Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Don't get me wrong...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *You assume court will act as such*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, no, don't get me wrong* Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Itu tidak boleh. Saya rasa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *I'm just...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kota Bharu, *I think*— Yang Berhormat Kota Bharu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya fikir— Siapa dulu? Yang Berhormat Kota Bharu saya fikir Yang Berhormat sudah beri penjelasan kepada kami semua tadi. Kalau kita *go on with this* perbahasan, saya khuatir kita akan kelirukan rakyat di luar sana...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Yang mana mereka merasakan bahawa *court* ini sememangnya— yang mereka tidak faham, mereka akan salah guna kuasa. Ia jelas membuktikan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya kira mahkamah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Bila mana Yang Berhormat Pekan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya kira mahkamah adalah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Dijatuhkan hukuman tidak ada *biasness*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Institusi yang menegakkan keadilan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau ada *provision*, mahkamah akan lakukan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *I think we proceed.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya setuju dengan Yang Berhormat Baling. Mahkamah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sebab saya sudah banyak kali pergi mahkamah. Saya tahu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Mahkamah adalah institusi yang menegakkan keadilan. Betul.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya faham bagaimana mahkamah tidak pernah bias. Mahkamah tidak pernah lakukan perkara tersebut.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Jadi, *this is my floor* Tuan Pengerusi, saya tidak benarkan pencelahan lagi. Saya rasa itu sahaja jawapan saya. *Thank you very much.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul. Tidak, saya cuma hendak jelaskan— *don't get...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *This is just wasting our time. I think we should* undilah kalau hendak, kita undilah kalau tidak puas hati.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan lagi. Sekarang masa bahas sudah habis sebenarnya. Yang Berhormat Menteri sedang menggulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *I'm not attacking the judiciary. Don't get me wrong.*

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kota Bharu *don't stood down to a level of Yang Berhormat Baling.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Seakan akan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *The way you bahas as if mahkamah semua ini bias.*

■2030

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *You're lawyer.* Saya orang yang dituduh. Saya lebih tahu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya duduk dalam itu, saya tahu. Mahkamah tidak pernah *bias*.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat semua. Ini kita kena *fair* kepada Yang Berhormat Menteri yang tengah menggulung. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya telah menghabiskan penggulungan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih semua.

[Fasal -fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.34 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 (Akta 55) adalah suatu akta bagi mengawal selia dan menetapkan amalan dan tatacara dalam prosiding di mahkamah rendah di Malaysia dan mula berkuat kuasa pada 15 Jun 1955 di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak pada 1 November 1971.

Antara perkara yang diperuntukkan dalam Akta 55 adalah berkenaan dengan penubuhan dan keanggotaan jawatankuasa kaedah-kaedah kewajipan jawatankuasa dan kuasa yang terletak hak kepada jawatankuasa.

Cadangan untuk meminda Akta 55 adalah bagi membolehkan jawatankuasa kaedah-kaedah membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh bagi mahkamah rendah. Pindaan ini merupakan pindaan berbangkit susulan pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948, sekejap tadi.

Rang Undang-undang Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 24 Julai 2020. Rang undang-undang ini juga diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 7 Ogos 2020. Cadangan untuk meminda akta ini melibatkan kepada tiga peruntukan sedia ada. Fasal-fasal pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen dua Akta 55 untuk memasukkan takrif baharu teknologi komunikasi jarak jauh.

Fasal 3 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 32 Akta 55 berhubung dengan keanggotaan jawatankuasa kaedah mahkamah rendah. Di mana di bawah pindaan yang dicadangkan Keanggotaan Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur digantikan dengan Keanggotaan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Penggantian ini adalah wajar dan suai manfaat kerana Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan adalah Ketua Jabatan di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan merupakan jawatan pegawai undang-undang tertinggi di Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Sebagai Ketua Jabatan, beliau bertanggungjawab memastikan proses kerja dan tatacara di mahkamah yang terpakai bagi pegawai kehakiman, pengamal undang-undang dan orang awam adalah teratur.

Fasal 4 rang undang-undang bertujuan meminda seksyen 4 Akta 55 bagi memberi kuasa kepada jawatankuasa kaedah untuk mengawal selia dan meletakkan tatacara dan amalan yang harus diikuti berkenaan dengan prosiding mahkamah yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta 55 adalah kesinambungan daripada pindaan kepada Akta 92 iaitu Akta Mahkamah Kehakiman yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kaedah untuk membuat kaedah berkenaan dengan prosiding mahkamah melalui teknologi komunikasi jarak jauh agar prosiding di mahkamah dapat dijalankan dengan lebih teratur, efisien dan berlandaskan peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Alor Setar dahulu.

8.36 mlm.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri dan juga Yang Berhormat Jelutong bagi laluan. Menteri, saya tidak akan ulang apa isu yang telah bangkit tetapi di sini saya pilih untuk bahas di bawah akta kaedah-kaedah ini kerana ada beberapa isu yang saya rasa sepatutnya kita perlu ditangani dulu.

Saya tidak ada hasrat untuk hendak pertikaikan apa cadangan daripada badan kehakiman. Akan tetapi sebagai *law maker*, kita perlu *diconvince* sekiranya ada cadangan-cadangan tersebut yang kita rasa sebenarnya ada perkara-perkara lain yang boleh dilaksanakan dulu supaya meyakinkan kita tentang perkara ini boleh dibuat.

Maka, di sini saya ingin menggariskan satu perbandingan, di mana bagaimana kita hendak ukur sama ada undang-undang yang berkenaan dengan kehakiman adalah lebih baik ataupun lebih buruk. Apa yang penting bagi saya, sejauh mana ia lebih mendekati kepada keadilan yang kita perlu *up hold* (menegakkan), dengan izin.

Saya faham, antara apa yang kita hendak cadangkan di sini mungkin ada kelemahan, ada juga kekuatan. Akan tetapi bagi saya, sekiranya ada perkara yang kurang kelemahan, barangkali boleh mendekati kepada keadilan tetapi harus dilaksanakan pun belum dilaksanakan. Maka, kurang kita yakin sekiranya ini dilakukan.

Saya bagi beberapa contoh. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan peguam tetapi saya pernah dituduh di mahkamah. Saya ada pengalaman bagaimana dijalankan. Ada kes sebenarnya, contohnya mengapa begitu banyak kes kita terpaksa lalui dan sehingga kita tidak mampu badan kehakiman ini untuk menampung begitu banyak kerja. Contohnya, kes-kes yang ulang tetapi masalahnya kes ulang ini mungkin kita akan rasa kerana dendanya tidak cukup kuat tetapi sedangkan sebenarnya ada perkara lain.

Saya bagi satu contoh, kalaulah satu kes masuk dalam mahkamah diberikan denda sama ada dia mengaku ataupun tidak, sebenarnya tidak ada satu sistem semakan OKT atau orang tertuduh tersebut sama ada dia ada rekod jenayah yang sama seperti dulu. Sepatutnya pihak polis ada rekod tetapi pihak polis hanya rekod jenayah dulu tetapi bukan rekod keputusan mahkamah sebelum.

Maka, selalunya kes-kes begini, contohnya di bawah akta dadah ataupun akta racun, selalunya dalam belaan bahawa ini kes pertama, ini kes pertama. Maka, jatuh hukuman yang mungkin ringan, sedangkan orang OKT tersebut sudah dua, tiga kali *regular customer*. Akan tetapi tiada semakan *database* yang sepatutnya kita guna teknologi atas perkara tersebut untuk kurangkan kes-kes yang ulang.

Saya difahamkan, Mahkamah Syariah ada *database* tersebut. Akan tetapi pengalaman saya dalam mahkamah, selalunya kita nampak kes-kes dadah ini, ketum kah semua, tidak ada prosedur semakan. Maka, semua kes dianggap sebagai kes pertama. Maka, diberi hukuman ringan dan akan masuk semula kes kali kedua dan kali ketiga. Inilah memperbanyakkan kerja-kerja.

Kedua, sekiranya kita hendak mempertingkatkan teknologi untuk kegunaan ini, saya seru mungkin badan kehakiman boleh perbanyakkan penggunaan ini dalam aspek— contohnya, jurubahasa (*translator*). Setakat ini, kita ada banyak tempat yang kurang jurubahasa, bahasa Siam, bahasa Rohingya yang banyak kes kita tersangkut. Kita boleh buktikan kejayaan di aspek itu sebelum kita laksanakan yang lebih mungkin membawa kontroversi dalam kes sebegini.

Ketiga, kalau untuk makluman Dewan ini, ada masalah dari segi rekod walaupun perkara yang kecil. Sedar atau tidak, sebenarnya selepas kes dituduh di mahkamah, kalaulah diletakkan hukuman penjara, maka OKT tersebut di bawa terus pergi penjara.

■2040

Akan tetapi teknologi *database* di antara mereka ini, tidak ada sambung. Maka, wujudlah ada kes, di mana orang dituduh sudah jatuh hukuman, dia masuk penjara, dia namakan nama lain. Pihak penjara tidak ada rekod. Dia masuk, masuk, dia kata, “*Saya Alor Setar*”. Pihak sana, dia kata, “*Oh! saya Jelutong*”. Dia letak nama “*Jelutong*”. Letak sana penjara dua tiga tahun, sedangkan orang yang lain. Dalam perkara ini pun kita tidak ada rekod yang sempurna, bagaimana kita boleh yakin sistem tersebut boleh jalan secara lancar?

Akhirnya, yang saya hendak bangkitkan di sini adalah kita harus, kita minta untuk percepatkan penyelesaian kes-kes tatacara di bawah, khususnya Mahkamah Rendah. Oleh kerana banyak kes di bawah Mahkamah Rendah, contohnya *Magistrate Court* menguruskan kes waran.

Akan tetapi dalam rekod kita, cuba kita bayangkan, dalam kes tahanan reman ini, biasanya hanya 14 hari, beberapa hari, bulan tetapi dalam rekod— saya beri satu rekod, jawapan saya dapat hari ini, minta maaf sedikit ya. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia, tempoh reman yang paling lama adalah lima tahun. Penahanan tersebut berasaskan waran menahan yang sah daripada mahkamah. Itulah Mahkamah Rendah.

Bayangkan kalau kes, bagaimana satu kes yang belum habis bicara pun sudah reman lima tahun dalam tempat tahanan reman, maka bagaimana kita boleh pastikan proses dalam Mahkamah Rendah ini boleh mempercepatkan? Dengan teknologi ini saya tidak yakin kerana sepatutnya ada statistik-statistik sekiranya boleh- saya cuma minta Menteri kalau boleh beri satu jawapan bertulis, di mana dalam mahkamah ini rekodnya, bagaimana kita rekod seseorang itu dia ditahan berapa lama?

Adakah kes ataupun isu tersebut disalah guna oleh pihak-pihak penguat kuasa sehingga dia ditahan lama pun dia tidak dibicarakan? Inilah sebenarnya salah satu punca yang menyebabkan kes kita semakin banyak. Sekiranya kes-kes kita boleh kurangkan, maka tidak perlu pun kita risau sangat daripada segi perlukan teknologi yang terlalu canggih sangat kerana kes akan kurang dan kita boleh selesaikan dengan cara yang sebaik mungkin.

Maka, dalam bab ini walaupun ia secara tidak langsung bersangkutan dengan ini, saya berharap ada sedikit sebanyak input daripada pihak Menteri. Sekian sahaja perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

8.42 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pindaan ini adalah berkenaan dengan Kaedah-kaedah Mahkamah, Yang Berhormat Kota Bharu, saya cuma ingin minta penjelasan. Pada dasarnya, saya masih berpendirian bahawa undang-undang ini perlu diluluskan dengan berhati-hati.

Memandangkan pindaan ini dibuat kepada Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, saya mungkin berpendapat ia hanya melibatkan kes-kes sivil sahaja. *So, please correct me if I am wrong*, Yang Berhormat Kota Bharu. Ini kerana ia tidak terpakai kepada kes-kes jenayah.

Namun demikian, bila kita melihat kepada kaedah-kaedah, kaedah-kaedahnya Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu jelas. Kita cuma lihat fasal 1, fasal 2, fasal 3, fasal 4. Persoalan saya adalah, kalau kita lihat kepada Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, selalunya ia lebih terperinci. Tempoh had masa dinyatakan. Kita juga harus melihat tentang definisi yang digunakan, dengan izin, "teknologi komunikasi jarak jauh". Apakah maksudnya?

Ertinya, "*satu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain*". Persoalannya adalah, adakah ia melibatkan komunikasi elektronik *live*, dengan izin, secara langsung ataupun yang dirakamkan sebelum ini? Saya cuma risau bahawa peruntukan-peruntukan ini sekali lagi tidak begitu terperinci dan jelas.

Ia seharusnya lebih terperinci dan lebih jelas kerana ia akan digunakan dengan lazimnya dalam kes-kes sivil. *So*, saya cuma risau bahawa umpamanya kalau kita ingin mendengar sesuatu kes yang melibatkan, dengan izin, *summary judgment*, permohonan untuk mendapatkan penghakiman. Bolehkah ia dibuat melalui *video conferencing*?

Katakan ia melibatkan pihak plaintif dan defendan, defendan adalah seorang yang membela diri beliau kerana beliau tidak berkemampuan untuk melantik seorang peguam. Pihak plaintif pula merupakan sebuah bank yang dapat melantik seorang peguam yang dapat mengendalikan kes. Defendan merupakan seorang individu yang- katakan orang kampung, bayangkan.

Sebagai seorang petani, nelayan, pesawah ataupun seorang peniaga pasar malam yang mendapat tuntutan daripada pihak- di bawah Akta Sewa Beli. Pihak yang memberi pembiayaan itu menyaman beliau di mahkamah kerana beliau tidak membayar. Bagaimana beliau ingin membela tindakan ini kalau katakan mahkamah menggunakan amalan seperti ini?

Kalau katakan pihak mahkamah ingin meneruskan dengan perbicaraan, walhal orang itu mungkin tinggal di kampung. Mungkin beliau tidak ada telefon mudah alih yang mempunyai teknologi baharu. *So*, bagaimana beliau ingin membela tindakan ini kalau katakan pihak mahkamah masih ingin meneruskan?

So, saya di sini sekali lagi ingin merayu supaya walaupun pindaan-pindaan ini melibatkan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, ia masih mempunyai kesan yang begitu serius kepada *litigant*, dengan izin, orang perseorangan yang akan menghadapi tuntutan-tuntutan. Lebih-lebih

lagi pada masa sekarang, bila mereka tidak dapat membayar ansuran bulanan untuk rumah, ansuran bulanan untuk motosikal, kereta dan sebagainya.

So, pihak mereka akan menghadapi tuntutan-tuntutan di mahkamah. Kalau katakan mereka pergi ke mahkamah dan mahkamah ingin meneruskan dengan perbicaraan ataupun ada sebab-sebab tertentu mengapa mereka tidak boleh hadir, mereka juga tidak mempunyai teknologi-teknologi moden untuk membuat *video conferencing*.

Perbicaraan ini masih akan diteruskan. Pihak mahkamah akan mengatakan kita mempunyai teknologi ini di mahkamah, pihak plaintif seorang peguam yang dilantik oleh pihak bank, mempunyai kemudahan-kemudahan ini, kita teruskan. So, apa berlaku kepada nasib petani, pesawah, orang-orang peniaga pasar malam yang tidak mempunyai kemampuan untuk membela tindakan ini? Bayangkan kalau mereka tidak mampu melantik seorang peguam pun. Mereka tidak akan mempunyai kemampuan untuk membela tindakan ini.

Oleh sebab itu, saya nyatakan sekali lagi kepada Yang Berhormat Kota Bharu– Yang Berhormat Kota Bharu kes, terima kasihlah di atas pelitup muka yang diberikan. Tunjukkan sifat itu dalam pembentangan undang-undang ini, Yang Berhormat. Terima kasih. So *please*, tolonglah, saya minta supaya kalau boleh pindaan dibuat, janganlah tergesa-gesa.

Saya minta supaya menarik balik undang-undang ini kerana ia akan diamalkan di Mahkamah-mahkamah Rendah, di mana kebanyakan orang-orang yang akan pergi ke Mahkamah Rendah dalam kes-kes sivil adalah orang-orang yang tidak berkemampuan untuk membela tindakan mereka.

Saya mohon membantah kepada undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dungun.

8.47 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin untuk membangkitkan perkara yang berkait dengan kenyataan-kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bertarikh 11 Mei 2020 di bawah pendengaran kes secara dalam talian.

Saya ingin untuk menyebutkan, mahkamah sebolehnya akan mengendalikan pendengaran kes secara dalam talian melalui medium komunikasi elektronik sehingga akhir yang disebut. Adakah ia merupakan arahan daripada Ketua Hakim Negara melalui siaran media ini dengan mengambil punca kuasa daripada mana?

Adakah dengan kita luluskan rang undang-undang yang berkait ini iaitu yang berkait dengan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020, Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 dan juga Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020 ini memberikan punca kuasa kepada hakim, kepada mahkamah, kepada Ketua Pendaftar untuk mengizinkan bahawa arahan-arahan boleh dikeluarkan?

Kedua, saya merujuk kepada kenyataan media 2 Jun 2020, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia juga, prosedur pengendalian mediasi. Dimaklumkan bahawa mediasi di mahkamah kini boleh dijalankan secara dalam talian tanpa kehadiran pihak-pihak ke mahkamah. Mediasi secara dalam talian adalah alternatif yang dicadangkan supaya akses kepada keadilan kepada semua dapat diberikan dengan adil.

Prosedur masih sama, cuma mod perhubungan berbeza dengan mengambil kira medium komunikasi yang dipersetujui bersama. Jadi, saya pohon supaya adakah dengan maksud kita memberi punca kuasa kalau diluluskan undang-undang ini kepada pihak mahkamah, hakim dan juga pihak yang terlibat iaitu Pejabat Ketua Pendaftar. Selama ini adakah arahan-arahan mereka hanya bersifat arahan? Pohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

■2050

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.50 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan-rakan saya Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Dungun.

Pertamanya, beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar itu agak tidak berkaitan sangat dengan rang undang-undang ini tetapi saya akan jawab secara bertulis.

Cuma satu perkara, Yang Berhormat Alor Setar, saya hendak sebut bahawa kenyataan bahawa mahkamah tidak mempunyai akses kepada rekod jenayah itu adalah tidak begitu tepat. Sebenarnya, dalam negara kita ini ada satu akta yang dipanggil Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 di mana dalam akta ini, segala rekod kes jenayah telah direkodkan di dalam rekod jenayah. Malahan satu jabatan yang mempunyai seorang pendaftar yang dipanggil Pendaftar Penjenayah bagi Persekutuan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengurus dan menyelia rekod jenayah.

Oleh sebab itulah, kalau Yang Berhormat Alor Setar mempunyai sedikit pengalaman di mahkamah, sebelum sesuatu kes itu diputuskan hukuman oleh hakim atau majistret, pendakwa raya akan mengemukakan sama ada tertuduh itu mempunyai rekod yang lepas atau tidak, *previous conviction* atau tidak.

Jika sekiranya ada rekod, tentulah ada. Kecuali kes-kes yang bersifat kes-kes saman seumpama kes trafik dan sebagainya, tidak ada. Kalau kes dadah, *definitely* ada. Saya pernah berjumpa rekod di dalam mahkamah dikemukakan oleh polis, dalam tahun 40-an, ada rekod jenayah yang disimpan. Jadi, itu mungkin satu penjelasan kepada Yang Berhormat Alor Setar. Yang lain berkaitan reman dan sebagainya itu, saya akan jawab secara bertulis.

Keduanya, sahabat saya Yang Berhormat Jelutong, *very care of you*. Rang undang-undang ini mengenai tiga perkara sahaja. Satu, definisi dan yang keduanya keahlian iaitu *Chief Registrar* dan yang ketiganya fungsi. Jadi, perkara lain yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong itu saya jawab secara bertulislah.

Ketiganya, sahabat saya daripada Dungun bertanya mengenai adakah pindaan ini merupakan satu punca kuasa? Ya, memang inilah punca kuasa. Namun demikian, bukan bermakna sebelum ini mahkamah tidak ada punca kuasa kerana mahkamah sebagaimana Yang Berhormat Jelutong tentu lebih tahu, *inherent power*. Kuasa yang sedia ada kepada mahkamah itu digunakan tetapi untuk tujuan yang lebih jelas, dia panggil *clarity* untuk *clarify* kan lagi perkara itu, maka ia akan dibuat oleh kaedah-kaedah ini.

Saya rasa itu sahaja yang saya hendak sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 4 –

8.54 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya tidak ingin membazirkan masa. Cuma ingin merakamkan bantahan saya kepada semua fasal-fasal itu.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Pengerusi, Pasir Gudang.

Tuan Pengerusi: Sila.

8.55 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Saya dalam peringkat Jawatankuasa ini saya ingin merujuk kepada fasal 3. Saya tidak bersetuju perkara ini iaitu meminda subseksyen 3(2) Akta 55 ini berkenaan keanggotaan jawatankuasa iaitu keanggotaan Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur akan digantikan dengan keanggotaan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Itu sahaja.

Alasannya ialah saya tidak mahu mahkamah akan menjadi sebuah jabatan perkhidmatan awam atau *civil service*. Mahkamah badan kehakiman. Hakim Kanan Mahkamah Sesyen mewakili badan kehakiman, manakala Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan mewakili ketua

jabatan. Jadi, kalau Hakim Kanan Mahkamah Sesyen boleh diganti dengan Ketua Pendaftar, ini sudah melanggar prinsip *separation of power*. Walaupun ini di peringkat mahkamah rendah, itu yang saya tidak bersetuju tentang perkara ini.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan.

8.56 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Satu sahaja. Ketiga-tiganya saya dapati ada implikasi kewangan rang undang-undang ini termasuk yang kita bahaskan dalam peringkat Jawatankuasa ini. Rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dan perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. Jadi, bolehkah dinyatakan apakah kepentingan untuk perbelanjaan kepada amaun wang tambahan yang akan mungkin persiapan kepada kepentingan-kepentingan komunikasi dan lain-lain? Pohon penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.56 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga Yang Berhormat Jelutong walaupun tidak sebut dan juga Yang Berhormat Dungun.

Perkara yang saya hendak sebutkan mengenai Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya yakin Yang Berhormat Pasir Gudang sebagai peguam pun tahu siapa Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan ini. Beliau adalah pegawai kehakiman bergred Turus 3 iaitu kedudukannya lebih tinggi, jauh lebih tinggi daripada Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Jadi, mungkin pada masa dahulu tidak ada lagi jawatan itu, boleh jadinya. Sekarang ini ketua kepada pentadbiran kehakiman— beliau adalah pegawai kehakiman, bukan pegawai tadbir. Pegawai kehakiman di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang merupakan ketua jabatan kepada semua pentadbiran mahkamah-mahkamah rendah di Malaysia ini termasuk Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Itu yang pertama.

Keduanya, untuk Yang Berhormat Dungun. Oleh sebab memang peruntukan yang diperlukan belum lagi ditentukan, oleh sebab itulah tidak dimasukkan di sini apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 27 Ogos 2020. *Assalamualaikum* dan selamat malam.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam]